

95-714

# TUNTUTAN PERJUANGAN BANGSA

---

KUMPULAN UCAPAN  
SANUSI JUNID

DI PERHIMPUNAN AGONG UMNO,  
PERHIMPUNAN PERPADUAN MELAYU  
DAN DI PARLIMEN

KATA KATA ALUAN OLEH  
TAN SRI DATUK PENDITA PROFESOR DR. ISMAIL HUSSEIN

# **TUNTUTAN PERJUANGAN BANGSA**

**ISBN 983 - 9124 - 00 - 5**

Cetakan Pertama Julai 1993

Cetakan Kedua Mei 1994

**Tuntutan Perjuangan Bangsa**  
adalah kumpulan ucapan Sanusi Junid di  
Perhimpunan Agong UMNO, di Parlimen dan  
Perhimpunan Umum.

h

324.22954

SAN

**APB 715821**

10 JAN 1995

NASKHAT PUSAT SAINS  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Di Cetak Oleh  
Standprint (M) Sdn. Bhd  
26 Jalan SS 19/7  
47500 Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

## **PENDAHULUAN**

**PENGALAMAN** penglibatan selama lebih tiga dekad di dalam UMNO telah menjadikan Dato' Seri Sanusi Junid lebih dikenali sebagai seorang tokoh yang sentiasa memperjuangkan perpaduan, maruah parti dan orang Melayu.

Perjuangan beliau dapat diamati dalam ucapan-ucapan yang disampaikan sama ada dalam Perhimpunan Agong UMNO, persidangan Parlimen atau di perhimpunan-perhimpunan umum. Buku yang diterbitkan ini mengandungi 15 ucapan beliau yang terpilih.

Dari jumlah ini 12 ucapan dibuat dalam Perhimpunan Agong UMNO dan tiga lagi ucapan beliau mengenai Perpaduan Melayu dibuat di Perhimpunan Umum di Hotel Hilton dalam tahun 1987 dan di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur dalam tahun 1993. Ucapan di Parlimen mengenai UMNO juga dimuatkan.

Ucapan-ucapan yang diterbitkan ini adalah dalam bentuk asalnya tanpa melibatkan sebarang pindaan, melainkan serba sedikit pembetulan dari segi bahasa.

Selamat berjuang dan selamat membaca.

Wassalam

**PENERBIT**

## KATA KATA ALUAN

**MESYUARAT** Agong UMNO sejak beberapa tahun ini bukan saja satu peristiwa, tetapi juga satu kebudayaan, kebudayaan berpidato.

Bagi golongan sarjana, terutama ahli-ahli yang ikut memerhati, mereka selalu terpikat dengan pesan-pesan penting yang disampaikan dengan cara cukup sederhana dan diserapkan dengan serta merta pula oleh ribuan pendengar yang terpaku di kerusi sepanjang tiga hari.

UMNO sesungguhnya sebuah parti politik Melayu yang mengeksplorasikan sepenuhnya bahasa Melayu untuk memancarkan tradisi bangsa yang halus ketika menghadapi dan mengupas masalah kemasyarakatan dan kenegaraan.

Bahasa yang kerap digunakan ialah bahasa basahan sehari-hari, diselit dengan loghat daerah -- ini untuk melahirkan rasa kekeluargaan yang erat.

Dan untuk menghilangkan kesan kritikan yang berat dan kasar terhadap pemimpin-pemimpin dan pihak-pihak yang tertentu, diselitkan juga pantun, pepatah-pepatih, kiasan dan sindiran yang amat kaya dalam bahasa Melayu.

Dan akhirnya apa yang timbul ialah jenaka riang di kalangan hadirin - jenaka sinis yang sering menikam sasaran lantaran membuatkan keberkesanan.

Jelaslah yang pidato semasa Mesyuarat Agong UMNO itu satu kesenian.

Tetapi ini tentu menakutkan juga - kerana kesenian yang halus seperti itu tentu akan dikuasai oleh hanya beberapa '*profesional*' - manakala ribuan yang lain takut ke depan untuk berucap. Mereka sekadar duduk di persisiran dan memerhati.

Juga kehalusan bahasa kiasan Melayu itu sangat berkurangan pada generasi muda. Dan bagi golongan teknokrat dan sarjana Melayu yang berbicara dalam '*bahasa baku*' dengan segala lojik dan statistiknya, dewan Mesyuarat Agong UMNO itu bukanlah tempatnya. Tetapi, lambat laun UMNO, sebagai pewaris dan pemegang kuasa negara terpaksa menyerap golongan intelektual baru ini.

Tapi bagaimana? Samada golongan intelektual baru ini masuk ke dalam kebudayaan berpidato UMNO yang sedia mantap, ataupun perwakilan UMNO menerima mereka dengan segala kekeringan bahasa dan data.

Dari segi inilah maka saya amat gembira ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi Junid ini dapat diterbitkan dalam bentuk asli - kerana bahasa dan cara Datuk Seri Sanusi adalah bahasa dan cara zaman peralihan.

Datuk Seri Sanusi pada asasnya seorang teknokrat dan intelektual. Sebelum bergiat sepenuh masa dalam politik, beliau berkecimpung dalam lapangan bank dan ekonomi. Dan dalam hidup seha-

riannya beliau merupakan seorang '*kaki buku*' - beliau satu-satunya tokoh di Malaysia yang pernah saya ketemu membina rumah kedua khas untuk menyimpan koleksi buku-bukunya.

Cintanya pada ilmu pengetahuan kadang-kadang menakjubkan - saya pernah melihat betapa beliau pada satu ketika memukau perhimpunan ahli-ahli *Persatuan Linguistik Malaysia* dengan pengetahuannya yang luar biasa tentang masalah-masalah kebahasaan.

Dan selaku aktivis politik, beliau terkenal dengan keterbukaan dan kelantangannya, sebagiannya jelas adalah warisan dari tradisi daerah jelapang padi di utara. Malah beliau cukup terkenal sebagai panglima dalam detik-detik krisis parti.

Peranannya yang seperti ini memerlukan bahasa yang '*merakyat*', iaitu bahasa yang dapat menimbulkan emosi dan menaikkan semangat. Tetapi beliau juga lebih-lebih lagi berperanan sebagai seorang pemimpin UMNO - parti yang menentukan nasib satu bangsa dan satu negara, dan dengan demikian beliau tidaklah boleh bermain di atas emosi dan impian semata. Paduan teknokrasi dengan emosi dan semangat perlu ditonjolkan.

Dalam buku ini terisi inti ucapan-ucapan sepanjang beberapa tahun lalu. Ucapan-ucapan yang dicetak kembali ini bukanlah '*pidato*' dalam erti yang formal, tetapi lebih banyak merupakan jawapan-jawapan ringkas kepada pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh perwakilan.

Jadi, ini bukanlah teks yang disediakan lebih dahulu, tetapi lebih banyak merupakan reaksi lisan yang spontan.

Bagaimanapun, dalam tradisi UMNO, pembacaan jarang sekali menggunakan teks rasmi, melainkan ucapan dasar Presiden. Dan yang pentingnya melalui teks ucapan Datuk Seri Sanusi ini, kita dapat gambaran yang cukup jelas akan peribadi serta gayanya. Juga beliau berusaha untuk mengisi data-data yang serius melalui bahasa komunikasi popular.

Teks ini tentulah bermanfaat bagi pelbagai golongan masyarakat kita. Bagi ahli UMNO, ini satu rekod pada peristiwa. Bagi masyarakat umum, ini secebis daripada pengalaman dan permasalahan politik negara; dan bagi ahli bahasa serta ahli komunikasi - ini satu contoh data yang penting untuk kajian bahasa dan gaya perhubungan.

Tetapi lebih daripada semua itu, ini tentulah satu bayangan yang cukup baik daripada peribadi Datuk Seri Sanusi Junid, sebagai seorang intelektual dan penggiat politik - tokoh yang sedikit sebanyak ikut membentuk corak penghidupan kenegaraan Malaysia.

*Tan Sri Datuk Pendita Profesor  
Dr. Ismail Hussein.*

## KANDUNGAN

*Muka surat*

1	<b>Biar Rugi Beribu Juta</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 2hb. Julai 1977</i>	1
2	<b>Laksana Tenunan Tak Kunjung Selesai</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 21hb. Ogos 1983</i>	21
3	<b>Pesanan Warso Kepada Tobeng</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 27hb. Mei 1984</i>	38
4	<b>Jangan Jadi Burung Subsidi</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 20hb. September 1985</i>	53
5	<b>Semoga Tempayan Tidak Pecah</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 28hb. September 1986</i>	69
6	<b>Malam Keputusan</b> <i>Perhimpunan UMNO di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 22hb. April 1987</i>	85
7	<b>Nyior Dan Kelapa</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 26hb. April 1987</i>	135
8	<b>Mungkinkah Hancur Kesultanan Melayu</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 30hb. Oktober 1988</i>	168

9	<b>Pindaan Undang-Undang</b> <i>Membentang Usul Meminda Akta Pertubuhan di dalam Parlimen pada 6hb. Disember 1988</i>	191
10	<b>Dunia Pertanian Sudah Berubah</b> <i>Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 19hb. November 1989</i>	231
11	<b>Buanglah Yang Keruh Ambillah Yang Jernih</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 2hb. Disember 1990</i>	254
12	<b>Makanan Itu Ialah Pertanian</b> <i>Perhimpunan Agong UNMO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 10hb. November 1991</i>	268
13	<b>Menabur Bunga Di Tahun Fitnah</b> <i>Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 8hb. November 1992</i>	281
14	<b>Perpaduan Melayu</b> <i>Di Dewan Pameran Tun Abdul Razak Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 14 hb. Ogos 1993</i>	295
15	<b>Matlamat Menghalalkan Cara</b> <i>Perhimpunan Agong UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 6hb. November 1993</i>	331

# **BIAR RUGI BERIBU JUTA**

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur.  
Pada 2hb. Julai, 1977.**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berhormat Dato' Pengurus  
Yang Amat Berhormat Pemangku Presiden  
Naib-Naib Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

---

**S**aya dari Bahagian Jerai, mewakili Kedah menyokong usul yang dikemukakan oleh Pahang.

Dalam ucapan menyokong usul yang dikemukakan oleh Pahang, ingin saya nentaskan lebih perhatian kepada aspek-aspek ekonomi kerana saya tidak begitu memahami aspek lain secara mendalam - aspek yang para perwakilan lebih memahami daripada saya.

## **KHAYALAN**

Saya pernah menghayal dan menggambarkan diri sebagai seorang ahli ekonomi dan menyatakan bahawa bangsa Melayu boleh dianggap sebagai satu bangsa yang berada di puncak sebuah gunung yang tandus, mengharapkan sumber penghidupan daripada air hujan. Air hujan itu mengalir daripada gunung tadi, melalui sungai dan talair, membasahi dan menyuburkan tanah. Air yang selebihnya mengalir ke laut dan kerana kepanasan bahang matahari, disedut semula ke angkasa. Dengan bantuan angin ia diarak melalui kepulan awan menuju ke gunung sehingga turun semula ke bumi sebagai hujan.

## **GUNUNG**

Daripada pandangan ini mengertilah kita bahawa puncak gunung yang dikatakan tandus tadi ialah kuasa politik. Ketandusan pula ialah kemiskinan.

## **SISTEM KEWANGAN**

Sungai-sungai yang mengalirkan air dari gunung boleh diumpamakan sebagai sistem kewangan yang membawa turun wang daripada puncak gunung untuk mengalir ke dataran.

Air ataupun wang ini melimpah ke laut dan melalui proses sedutan kerana kepanasan bahang matahari, air ini dihisap naik sebagai cukai pendapatan dan cukai perniagaan. Semuanya naik ke angkasa menjadi awan. Kepulan awan inilah, yang diibaratkan sebagai 'Treasury' atau Perbendaharaan,

yang ditiup angin menuju ke arah puncak gunung.

Awan memecah menyebabkan hujan yang seterusnya diibaratkan sebagai gaji dan pendapatan yang turun ataupun diberi kepada orang Melayu, baik yang bekerja sebagai pegawai Kerajaan, sebagai ahli politik ataupun yang bekerja dalam angkatan bersenjata.

Mereka menerima gaji, namun gaji yang diibaratkan pula sebagai air, tetapi tidak terkumpul menjadi modal, tetapi terus mengalir, membasahi dan menyuburkan dataran, iaitu kota-kota besar di negara ini.

## MELAYU BERNIAGA

Apabila saya mendengar ucapan Pemangku Presiden, saya dapat melihat beberapa aspek yang disentuh, seperti ekonomi, keselamatan dan lain-lain.

Kalau kita perhatikan keadaan pada mula-mula Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, kita pasti teringat satu kempen besar-besaran yang dijalankan untuk menggalakkan masyarakat Melayu maju di bidang perniagaan.

Pada waktu itu, radio, surat khabar, televisyen, Menteri, Menteri Besar, Pegawai Daerah, semua tokoh politik dan Pegawai Kerajaan menggalakkan orang Melayu bermula. Kempen itu sungguh berkesan sehingga ada orang Melayu yang **tidak sepatutnya bermula turut bermula**. Ada orang Melayu yang tidak layak bermula pun turut bermula. Ada orang Melayu yang bekerja makan gaji pun turut bermula.

## INFLASI

Kemudian redalah persoalan ekonomi dan perniagaan dan timbul pula masalah inflasi. Semuanya mula membisu dalam soal Melayu bermiaga. Semuanya mula berbincang masalah inflasi seolah-olah persoalan Melayu bermiaga sudah sele-sai.

Akhirnya hampir semua Perbadanan Kemajuan Negeri menubuhkan rangkaian kedai runcit untuk menyelesaikan masalah inflasi. Ada majlis yang ditubuhkan bertujuan menyelesaikan persoalan inflasi kerana inflasi sudah menjadi '*national issue*.'

Seluruh dunia seolah-olah akan kiamat kerana persoalan inflasi. Dalam keadaan begitu kita lupa masalah masyarakat Melayu bermiaga kerana masalah inflasi melanda.

## RASUAH

Setelah sekian lama, hilanglah reaksi terhadap masalah inflasi akibat timbul persoalan rasuah.

Persoalan rasuah menimbulkan rasa syak di kalangan seluruh rakyat yang apabila melihat ke kiri dan ke kanan, menyangka jiran mengamalkan rasuah sekiranya mereka hidup secara berlebihan. Semua orang kita sangsikan.

Setiap orang yang mendapat pendapatan baik, walaupun secara halal, terbayang pada kita seolah-olah orang itu melakukan rasuah.

Kita sudah beralih ke musim ketiga selepas musim inflasi dan berniaga. Di waktu kita berbincang mengenai rasuah, seluruh negara seolah-olah mengintip kita kerana rasuah. Kita melihat Menteri kita dihadapkan ke mahkamah justeru rasuah.

## KOMUNIS

Selesai minat kita terhadap rasuah datang pula masalah komunis.

Kita mula mendengar radio, menonton televisyen dan membaca pelbagai kenyataan akhbar yang menekankan kemungkinan mala petaka yang paling besar akan berlaku di dunia kerana komunis.

Dalam usaha menekankan lagi minat kita mementang komunis, pelbagai operasi dan tindakan terhadap masalah lain yang belum selesai diketepikan kerana yang penting pada waktu itu ialah masalah komunis.

Kita juga yakin ini gerakan yang baik. Kesannya, dua Timbalan Menteri dimasukkan ke penjara kerana dahulunya mereka bercita-cita memperjuangkan ideologi komunis.

Apabila tiba musim komunis sudah tidak menjadi fesyen lagi bagi kita membincangkan soal-soal rasuah. Dalam pada itu juga ada yang mendesak supaya yang bersalah melakukan rasuah diampun kerana musimnya sekarang ialah musim komunis dan bukan lagi musim rasuah.

## GAJI

Selesai minat kita terhadap persoalan komunis datang pula persoalan Laporan Gaji Ibrahim. Justeru itu seluruh negara membincangkan tentang Ibrahim Ali. Ibrahim Ali boleh memusnahkan seluruh negara.

*Ibrahim yang namanya daripada nama Nabi Ibrahim, Ali daripada nama Sayyidina Ali, mungkin tidak dapat tidur di waktu malam kerana di seluruh Malaysia, beratus-ribu orang memaki diri atau namanya.*

## FREEMASON

Apabila persoalan Laporan Gaji Ibrahim Ali reda, timbul pula isu 'Freemason.'

Ini isu semasa dan selama ia dibahaskan kita turut mendengar masalah dadah dan intip-mengintip walaupun kedua-duanya tidak mendapat perhatian istimewa.

## DADAH

Sekarang masalah dadah mula ketara.

## PILIHANRAYA

*Insya Allah, tidak lama lagi kita akan mendengar perbincangan mengenai Pilihanraya dan calon-calon.*

## POLIGAMI

Jika kita meninjau kumpulan Wanita pula, kita mendengar Wanita UMNO dahulunya membincangkan poligami.

## RANCANGAN KELUARGA

Tahun ini perbincangan mereka mengenai rancangan keluarga, mungkin juga pada tahun hadapan, mereka akan membincangkan *Faraid harta*.

### REZEKI

Mendengar semua yang saya sebutkan tadi, nampaklah seolah-olah kita mengalami banyak masalah yang besar. Sebenarnya semua masalah yang saya sebutkan adalah manifestasi daripada hanya satu masalah, iaitu masalah '*rezeki*'.

Apabila kita membincangkan *Dasar Ekonomi Baru* serta usaha memperbanyak Bumiputera di bidang perniagaan, yang kita bincangkan sebenarnya ialah '*rezeki*' Bumiputera.

Apabila kita membincangkan inflasi, sebenarnya kita membincangkan rezeki orang ramai daripada segi kesan ke atas penghidupan yang disebabkan kenaikan harga barang.

Apabila kita membincangkan perkara rasuah, kita sebenarnya membincangkan '*rezeki*' orang yang dipertanggung-jawabkan dengan kuasa, tetapi tidak dapat menahan nafsu untuk mengisi temboloknya yang sukar puas.

Apabila kita membincangkan *Freemason*, kita sebenarnya membincangkan persoalan rezeki, kerana ramai pembesar Melayu, disebabkan ingin mengisi temboloknya yang sukar puas, sanggup mengangkat sumpah yang membawa kepada *murtad*

semata-mata untuk kepentingan poket masing-masing.

Apabila kita membincangkan persoalan komunis, kita juga membincangkan persoalan rezeki. Ini kerana pihak yang ingin menukar sistem pembahagian rezeki kepada cara yang diamalkan oleh komunis.

Apabila kita membincangkan *masalah dadah*, kita juga meneliti persoalan rezeki kerana ada orang yang mahu kaya tanpa mempedulikan anak orang mati asalkan dirinya menjadi kaya dan rezekinya berlebihan berikutan pengedaran dadah yang laris.

Apabila wanita UMNO membincangkan soal *poligami*, ia juga sebenarnya soal rezeki kerana membabitkan pembahagian pendapatan antara mereka yang mempunyai lebih daripada seorang isteri.

Apabila kita membincangkan rancangan keluarga, kita juga membincangkan rezeki. Oleh sebab itulah saya berpendapat wanita pada tahun hadapan, akan membincangkan soal *Faraid harta* kerana ia juga soal rezeki.

### IMAM SUFFIAN

Apabila kita teringatkan soal rezeki, saya teringat satu kisah di zaman Imam Suffian di mana terdapat seorang hamba Allah.

Kerjanya setiap hari menggali semula kubur orang Islam. Setelah menggali 100 kubur, dia pergi

berjumpa Imam Suffian untuk memberitahu bahawa dia berbuat demikian kerana ingin melihat keadaan mayat yang telah disoal *Mungka Nangkir*. Dia ingin tahu samada mayat masih berhadap ke kiblat atau-pun sudah berpaling ke lain.

## REZEKI DI TANGAN TUHAN

Orang itu kemudian bertanya kepada Imam Suffian sebab-sebab 98 daripada 100 mayat sudah berhadap ke arah matahari naik. Jawab Imam Suffian, di akhir zaman hanya dua peratus daripada keseluruhan umat Islam mempercayai hakikat rezeki di tangan Tuhan.

Oleh kerana 98 peratus umat Islam di akhir zaman tidak percaya rezeki di tangan Tuhan, maka ada yang berputus asa sehingga memilih fahaman sendiri yang bertentangan dengan Islam untuk mencari rezeki, iaitu dengan menggunakan akal dan dorongan syaitan semata-mata.

Itulah sebabnya ramai pemimpin...bukan seorang, bukan dua, malahan berpuluhan pemimpin di atas, di bawah dan di lain tempat, melakukan rasuah apabila diamanahkan sesuatu tugas. Ini berlaku kerana yakin rezeki ditangan mereka dan bukan di tangan Tuhan.

## SETELAH 574 TAHUN

Oleh sebab itulah kita lihat keadaan bangsa Melayu yang beragama Islam begitu menderita. Setelah 574 tahun sejak Parameswara memerintah Melaka...negeri yang dahulunya pernah mempunyai

Sultan...yang dipertahankan dengan gagahnya oleh pahlawan seperti Hang Tuah, kini tiada lagi beraja.

Setelah 574 tahun bangsa Melayu hidup mencipta sejarah, baru sekarang ada saham dalam bidang swasta bagi setiap seratus ringgit, tujuh ringgit tiga kupang.

### SIAPA SALAH

Mahu tahu salah siapa?

Ah, Melayu kata salah Cina. Tanya pula Cina kenapa Melayu papa? Cina akan menjawab salah Inggeris, kerana Melayu sudah papa sejak Cina belum ramai.

Tanya pula Inggeris sebab Melayu papa. Inggeris pasti menyuruh kita bertanya kepada Belanda dan kemudian bertanya pula kepada Portugis. Ini kerana *Melayu sudah papa sejak sebelum kedatangan Inggeris*.

Tanyalah kepada Portugis mengapa Melayu papa, *Portugis pasti berkata Melayu sudah papa sebelum mereka datang*.

Jadi, di mana letaknya kesalahan? Mungkinkah kerana salah kita sendiri?

### SABOTAJ

Ada beberapa contoh yang menyebabkan bangsa kita jadi begini selain sabotaj golongan yang tidak mahu melihat Melayu maju.

Terdapat ramai orang Melayu yang hanya mempunyai rupa Melayu, tetapi mempunyai pemikiran Orang Putih dan berhati Cina.

## OTAK, PERUT DAN HATI

Ada orang Melayu yang berotak Orang Putih dan berperut Orang Putih kerana selalu makan 'beefsteak.' Ada orang Melayu yang mempunyai otak India, hati Cina dan kulit Melayu.

## BEBERAPA KES

Akibat inilah kita mendapati beberapa kes membabitkan orang Melayu yang boleh menjadi bahan untuk kita fikirkan bersama. Di Malaysia,

- untuk mendapatkan lesen bas pelancongan perlu menunggu sembilan bulan, itu pun cepat.
- untuk mendapatkan lesen kilang padi (bukan semestinya di Kedah) perlu menunggu dua tahun.
- untuk mendapatkan jawapan surat daripada jabatan kerajaan paling kurang perlu tunggu sebulan
- ada projek, ada peruntukan, kerja tiada.

## NACIT

Kemana perginya 'National Advisory Council On Industrial Training (NACIT)?'

Kita dulunya heboh mendengar perasmian Majlis Perundingan Negara mengenai Latihan Perusahaan (NACIT). Ramai tokoh swasta dijemput hadir di mesyuarat NACIT untuk membuat kajian; lantas surat kajian dihantar kepada seribu syarikat swasta meminta mereka memberi laporan mengenai bilangan pekerja Bumiputera di firma masing-masing.

Daripada 1,000 surat yang dihantar, hanya 15 jawapan diterima. Bila mengunjungi penerima surat, sebahagian mereka takut membuka surat daripada Kerajaan kerana takut mungkin ianya surat cukai.

Sebahagiannya membuka sampul surat tetapi tidak memahami isinya; ada yang membuka dan faham isinya tetapi tak mahu mengerti; ada yang buka, membaca, tetapi tidak faham.

Akhirnya majlis ini tidak bermesyuarat bertahun-tahun sedangkan matlamat majlis untuk menyelesaikan masalah pembabitan Bumiputera di dalam industri belum selesai.

## MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA

Kerajaan mengadakan Majlis Perundingan Belia Negara dan banyak masalah dibincangkan oleh Majlis ini di masa lalu. Bagaimanapun, sekarang ini sudah bertahun-tahun mesyuarat Majlis Perundingan Belia Negara tidak diadakan.

## LUAR BANDAR

Saya bersyukur kepada Allah kerana YAB Pemangku Presiden mengakui bahawa penduduk luar

bandar mengalami masalah kerana kita sendiri tahu golongan di desa ramai yang susah. Tetapi saya kenal pegawai EPU yang berpendapat menolong petani tidak menguntungkan dan kalangan petani sudahpun lumayan pendapatannya.

### TEKSI

Salah seorang Timbalan Menteri (tidak semestinya dari UMNO), diketahui memiliki empat teksi berpangkalan di lapangan terbang atas nama anaknya. Setiap kali kita menaiki teksi kita mendengar pemandu teksi memaki Timbalan Menteri itu -- Timbalan Menteri kita.

### BANK SIMPANAN NASIONAL

Di Bank Simpanan Nasional umpamanya, Menteri Kewangan bersetuju memberikan peruntukan untuk satu projek. Lembaga Pengarah pun bersetuju, tetapi ada pegawai yang sengaja melambat-lambatkan perlaksanaan.

### JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Apabila Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara memeriksa kira-kira 1973 pada 1977, didapati pegawai yang melakukan kesalahan telahpun dinaikkan pangkat. Pada 1977, pegawai baru di tempatnya menjawab pada Juruaudit. Agak anih!

## MONOPOLI KELUARGA

Ada pula pegawai tinggi dalam sebuah Kementerian bertanggung-jawab ke atas sebut-harga bernilai 10 juta ringgit yang menyuruh adiknya menubuhkan syarikat dan kemudian adiknya menjadi agen dan Ali Baba.

Saya tidak akan menyebut nama orang itu di sini kerana itu tidak baik sebab ia bertentangan dengan keperibadian Melayu.

Saya tahu nama orang ini dan saya boleh memberikan namanya kemudian nanti. Adiknya menjadi Ali Baba.

Sampai hari kiamat pun Bumiputra lain yang tulen, walaupun harga jualan barangnya murah, takkan dapat menentang monopoli keluarga ini.

## MENCARI MINYAK

Kenapakah projek-projek pembangunan untuk Rancangan Malaysia Kedua, yang belum siap tiba-tiba dalam Rancangan Malaysia Ketiga didapati tiada peruntukan?

Di Kedah, walaupun sudah tiga tahun ada 'agreement' antara organisasi petrolium dengan Kerajaan Negeri untuk mencarigali minyak, sehingga hari ini tiada aktiviti mencarigali dijalankan.

## NAZIRAN

Saya mencadangkan supaya masalah ini diselesaikan dengan penubuhan satu Badan, satu Jabatan untuk mengawasi pelaksanaan aktif. Sama dengan di Perancis yang dinamakan "*Inspectre de Finance*" yang ditubuhkan di zaman Napoleon Bonaparte.

Inspektorat atau Naziran ini bolehlah dianggotai 100 orang yang 20 daripada mereka digantikan setiap tahun. Tugas mereka bukan mengaudit untuk mencari kesalahan, tetapi mengaudit bagi membantu membetulkan apa-apa kesalahan.

Mereka juga tidak duduk diam membiarkan bangsa ditertawakan kerana gagal dalam perniagaan. Mereka sebaliknya akan pergi melihat perniagaan itu untuk memberi nasihat membaikinya sehingga berjaya.

Saya pernah mencadangkan supaya sistem itu dijalankan di negara ini, tetapi seorang pegawai tinggi, juga dalam Kerajaan kita, memberitahu saya, '*Oh, that is French system, we follow British system.*' Kita mengikuti cara British sedangkan yang saya cadangkan adalah sistem Napoleon Bonaparte, Sistem Perancis.

Saya pun mengucapkan *assalamualaikum* kepada beliau dan mendoakan Tuhan semoga umurnya... (Perwakilan tertawa).

## KUASA

Saya juga mencadangkan kita menyelesaikan masalah Penggunaan Kuasa di Malaysia. Umpamanya, ada pegawai perikanan yang berpendapat nelayan mengalami kesusahan kerana bot tak moden walhal nelayan sebenarnya susah bukan kerana bot.

Masalah nelayan sebenarnya ialah kerana harga ikan yang ditentukan oleh peraih dan peraih pula menghantar ikan yang ditangkap ke pasaran yang dikuasai tauke-tauke.

**Oleh itu, masalah utama nelayan ialah *marketing* -- pemasaran.**

'*The first thing is marketing.*' Selesaikan masalah pemasaran. Bukan masalah bot tak moden. Janganlah apabila kita sakit kepala kita ubatkan kaki dan apabila kita sakit kaki, kita ubatkan perut.

Jangan biarkan pegawai menggunakan kuasa untuk membuat keputusan dengan sewenang-wenangnya.

## PERBADANAN

**Masalah Melayu adalah juga masalah modal capital.**

Kita selalu membincangkan mengenai kapitalisme, sedangkan kita tidak punya kapital. Ini seolah-olah kita mahu main bola sedangkan kita tiada kaki.

Jadi, bagaimana cara kita menyelesaikan masalah kapital atau modal ini?

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana sudah mengadakan banyak Perbadanan yang menyebabkan dulunya orang mengatakan '*Malaysia is going socialist.*'

Badan-badan ini semuanya dimiliki Kerajaan, tetapi dengan adanya Koperasi Bersatu bermakna sudah ada Badan atau mekanisme yang boleh kita gunakan untuk mengambilalih saham Perbadanan ini.

Dengan adanya Koperasi Bersatu, dunia tidak boleh lagi mengatakan kita tiada mekanisme yang membolehkan Melayu mengambilalih Badan-Badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Tanpa mekanisme ini orang boleh mengatakan kekayaan Pernas, kekayaan Perbadanan dan semua kekayaan adalah kekayaan bagi pihak (*by proxy*) -- selama 999 tahun.

## BELI SAHAM KOPERASI BERSATU

Sekarang senanglah kita menjawap tuduhan orang kerana kita sudah ada Koperasi Bersatu. bagaimanapun, kita perlu membeli saham Koperasi Bersatu untuk membolehkan kita mengambilalih Perbadanan-Perbadanan.

Ingatlah! Penyelesaian kepada masalah ekonomi Melayu diperingkat memalukan ini terletak di tangan kita semua di sini.

## SWASTA

Saya ingin mencadangkan supaya semua Badan Berkanun Kerajaan mengadakan *joint-venture* atau usahasama dengan swasta Bumiputera.

## BANK

Masanya sudah tiba bagi saya mencadangkan supaya tiap-tiap Perbadanan Ekonomi Negeri diberi permit untuk menjalankan usaha Bank Perbadanan walaupun mula-mulanya secara kecilan.

Saya adalah bekas Pengurus Bank. Saya tahu bahawa menjadi Pengurus Bank lebih mudah dari-pada menjadi Pengurus kedai runcit.

Percayalah, ia sebenarnya lebih mudah! Jika kita mahukan orang Melayu jadi kerani Bank sebenarnya tidak perlu kelulusan *Senior Cambridge* -- darjah empat Sekolah Melayu sudah cukup.

Saya tidak yakin-Bank-Bank swasta yang ada, walaupun di atas desakan Kerajaan, akan bersungguh-sungguh melayan kehendak Bumiputera bagi mendapatkan modal secukupnya. Bank swasta tidak akan melayan. Kenapa?

Kerana yang penting ialah dasar Bank. Bukan hanya cara.

Yang pertama penting ialah hati kerana dasar datangnya dari hati.

## RUGI

Saya berharap MARA, PERNAS, SEDC tidak gentar jika mendapat kerugian sehingga satu atau dua ribu juta ringgit.

Kita perlu belajar walaupun kita mengalami kerugian satu ribu juta.

Untuk maklumat YB Datuk Pengerasi, *Mitsui* yang sekarang ini salah sebuah syarikat gergasi juga pernah diancam kebankrapan kerana terhutang beratus juta. Ia, bagaimanapun, terus dibantu oleh pihak berkuasa Jepun.

Lihat saja *Toshiba* yang pernah kerugian besar kerana kebakaran semasa Perang Dunia Kedua. Syarikat itu kerugian berpuluhan juta sehingga tiada harta atau asset lagi. Yang tinggal hanya sepasang baju dan seluar pada ketuanya di waktu beliau berhutang ratusan juta.

**Jangan gentar wahai pemimpin-pemimpin besar! Jangan gentar.**

**Biar rugi beribu juta untuk menebus nasib bangsa.**

## JEPUN & KOREA

Akhir sekali kalau kita lihat Pemimpin Perdagangan di Tokyo, jelaslah tidak ada ilmu sains dan teknologi pada mereka. Sains dan teknologi di Jepun muncul pada waktu mereka sudah mula maju.

Sebelum itu mereka tidak mempunyai pemimpin yang berpengetahuan sains dan teknologi. Pemimpin *Mitsui*, umpamanya, adalah pemimpin pengasas *Mitsui* pada 1873. Semasa itu beliau masih bersemangat *Samurai* dan oleh kerana semangat gigih, beliau berjaya.

Presiden Korea Selatan, Park Chung Hee, bukan seorang ahli ekonomi, tetapi kerana semangat yang kental atau 'will-power,' beliau menjadi kuat sebagai seorang panglima angkatan perang. Berpandukan semangat itu beliau berjaya sebagai Ketua Negara.

## TEGAS

Saya mencadangkan supaya kita membasmikan penyelewengan dengan tegas. Orang Melayu yang perlu dipenjarakan mesti cepat-cepat dimasukkan. Yang mana perlu dijulang naik, julangkanlah cepat-cepat; yang mana perlu ditembak, tembaklah cepat-cepat; asalkan bangsa kita naik maju secepat mungkin kita tidak perlu gentar bertindak.

## SAMURAI

Saya percaya YAB Datuk Hussein sebagai seorang bekas pemimpin tentera, berkemampuan menjadi *Samurai Malaysia*.

Terima kasih.

# LAKSANA TENUNAN TAK KUNJUNG SELESAI

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur.  
Pada 21hb. Ogos, 1983.**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berhormat Dato' Pengurus  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

**P**ada 1977 saya berucap sebagai wakil Perhungan UMNO Kedah di Dewan Nirwana atau dalam bahasa Malaysia, Dewan Syurga ini.

## GUNUNG TANDUS

Pada waktu itu saya mengatakan bahawa orang Melayu boleh diibaratkan seperti satu kumpu-

lan manusia yang tinggal di bahagian atas sebuah gunung yang tandus, mengharapkan kepada hujan dari langit untuk menyuburkan tanaman yang berguna untuk penghidupan.

Air hujan yang turun dari langit itu akan mengalir ke daratan melalui sungai-sungai dan talair yang menjalar merata lantaran membasahi tumbuh-tumbuhan.

Air ini, kemudiannya, dibawa ke laut untuk disedut semula ke langit dalam bentuk wap menjadi awan. Awan ini akan dibawa angin ke arah gunung sehingga bertemu dengannya dan berkecai menjadi titik-titik hujan.

**Gunung itu kuasa politik--melayu berada di puncak yang tandus daripada kekayaan.**

Sungai dan talair adalah sistem kewangan, seperti Bank dan Syarikat Kewangan. Wap naik kerana air dipanaskan oleh terik matahari, sebagai simbol reaksi hangat apabila Kerajaan mengutip cukai.

**Awan khazanah negara.**

**Tiupan angin ialah keputusan politik.**

**Hujan ialah perbelanjaan negara.**

Masalahnya, bagaimana kita hendak membawa air dari kota atau dataran ke luar bandar di mana terletaknya kuasa politik di pergunungan yang tandus.

Inilah yang dipersoalkan oleh Wakil Perak se-waktu membawa usul ucapan terima kasih kepada Presiden.

Tanya Wakil Perak -- Adakah kita mempunyai data-data yang cukup untuk memandu kita dalam menggubal dasar untuk dilaksanakan demi pembangunan negara.

Jawabnya ada.

### DATA YANG CUKUP

Kita bukan saja mengetahui adanya 4,027 kampung di Semenanjung Malaysia, di mana terletaknya cawangan-cawangan UMNO, tetapi kita juga membahagi-bahagikan kampung itu kepada kategori berlandaskan kemudahan asas yang ada pada kampung berkenaan. Pecahannya adalah seperti berikut:-

Kategori A	89	kampung	2.21%
Kategori B	1,149	kampung	28.53%
Kategori C	.....2,746	kampung	68.19%
Lain-lain	43	kampung	1.07%
	<hr/> <u>4,027</u>	<hr/> kampung	<hr/> <u>100.00%</u>

Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan laporan Penilaian Kesan Pembangunan terhadap Kesejahteraan Hidup Rakyat bagi tempoh 1979 ke 1980.

Seterusnya kita mempunyai Peta Kemiskinan yang menunjukkan Corak, Profail dan Isu sekitar kemiskinan (1982).

## KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH

Sebagai contoh laporan Penilaian Kesan Pembangunan Terhadap Kesejahteraan Hidup Rakyat, daerah yang paling teruk di Kedah ialah *Sik*, di Selangor, *Sabak Bernam*, di Kelantan, *Machang*, dan di Terengganu, *Marang*.

Itulah sebabnya di semua daerah ini diwujudkan Koperasi Pembangunan Daerah atau KPD sebagai satu lagi usaha menghidupkan semangat gotong-royong masyarakat setempat dalam pembabitan di bidang pembangunan.

Di Peringkat percubaan, dua daerah lain juga didirikan Koperasi Pembangunan Daerah, iaitu di Daerah Kubang Pasu dan di Mersing. Tujuan Kubang Pasu dipilih ialah untuk melihat sejauh mana respon tenaga pentadbir Kerajaan di satu Daerah di mana terletaknya kawasan pilihanraya Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Alhamdulillah, kemajuan memuaskan. Tujuan Mersing dipilih ialah untuk melihat sambutan yang sama dari tenaga pentadbiran di negara asal Timbalan Perdana Menteri. Tetapi belum ada hasil. Kerana KPD baru ditubuh tiga bulan lalu.

Prestasi bagi 3 KPD printis ialah:

## **SABAK BERNAM**

Dalam masa 1 tahun 4 bulan 1,052 ahli KPD Sabak Bernam dengan modal RM 10,520.00 mendapat keuntungan RM 44,488.00, iaitu keuntungan lebih 400 peratus.

## **KUBANG PASU**

KPD Kubang Pasu 1 tahun 3 bulan dengan ahli 438 orang dan modal RM 4,380.00 memperolehi keuntungan RM 12,000.00 atau 300 peratus.

## **SIK**

KPD Sik dengan ahli 402 orang dan modal RM 4,020.00 dalam lima bulan mendapat keuntungan RM 21,300.00 atau 500 peratus.

Semua keuntungan besar diperolehi kerana ahli-ahli koperasi bergotong-royong dengan upah minima.

Oleh itu, dalam masa ekonomi meleset berikutan kemelesetan ekonomi dunia, tubuhkanlah Koperasi Pembangunan Daerah. Tetapi, mestilah mengikut cara yang ditentukan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. **Jangan pandai sendiri.**

## **FORMULA MEMBASMI KEMISKINAN**

Kita perlu hidupkan kembali semangat gotong-

royong sebagai semangat pusaka bangsa.

Kementerian sudah menemui tiga formula untuk membasmi kemiskinan:-

<i>Formula Pertama</i>	--	<i>Bekerja Kuat</i>
<i>Formula Kedua</i>	--	<i>Kuat-Kuat Bekerja</i>
<i>Formula Ketiga</i>	--	<i>Kuat Bekerja Kuat</i>

Jika kita bekerja kuat tidak akan ada masa untuk menabur fitnah. Walaupun bangsa kita pada masa-masa tertentu, masih miskin wang ringgit, tetapi kita tidak pernah miskin masa, tidak miskin tenaga, tidak miskin budi, tidak miskin semangat dan tidak miskin bahasa. Masa, tenaga, budi, semangat dan bahasalah yang akan memberi kita kemewahan benda.

## PERSAUDARAAN ISLAM

Sementara saya menyentuh soal koperasi, saya merayu kepada sidang perwakilan supaya mengembalikan kepercayaan saudara kepada koperasi sebagai satu alat bagi menyelesaikan masalah *ummah* di bidang ekonomi.

Dengan kepimpinan yang baik oleh saudara-saudara, tenaga masyarakat luar bandar boleh digerakkan melalui koperasi berlandaskan cara hidup kita bergotong-royong selaras firman Allah:

*Innamal Mu'minu na ikhwa'tun  
Orang-orang mu'min itu bersaudara*

Persaudaraan di bidang politik melalui UMNO

membawa kita kepada Kemerdekaan dan kesinambungan pemerintahan, persaudaraan di bidang ekonomi luar bandar dapat dipupuk melalui koperasi.

Mengapa saya menyarankan demikian? Kerana pada hari ini, setelah dua kempen yang berakhir pada 30 Jun 1982 dan 30 Jun 1983 untuk menyelesaikan urusan Mesyuarat Agong dan akaun koperasi untuk di audit, daripada 1,515 koperasi di bawah pengawasan KPNLB, 1,483 sudah *up-to-date* Mesyuarat Agong dan sudah siap kira-kira untuk di audit. Pencapaiannya 98 peratus.

Hari ini lebih dua juta rakyat terbabit dalam 1,483 koperasi yang sekarang ini sudah pulih. Jumlah ini akan bertambah jika dihitung ahli-ahli Koperasi Peladang dan Koperasi Nelayan di bawah Kementerian Pertanian.

Wakil Perak, Wakil Johor dan Wakil Kelantan menyentuh mengenai rancangan di luar bandar.

### **AIR, JALAN, ELEKTRIK**

Ada yang bertanya samada air, jalan dan elektrik akan sampai ke semua kampung.

**Jawabnya: ia pasti sampai.**

**Bila?**

Air, jalan dan elektrik boleh sampai bila ada wang. Air, jalan dan elektrik belum sampai bukan kerana tiada perancangan. Air, jalan dan elektrik be-

lum sampai bukan kerana tiada kemampuan tenaga manusia untuk mengadakannya.

Air, jalan dan elektrik belum ada bukan kerana kita tidak bersimpati dengan masyarakat kampung dari mana saya juga berasal. Kasih Kerajaan BN pimpinan UMNO kepada masyarakat luar bandar tidak boleh dipersoalkan. Kasih saya pada masyarakat luar bandar dapat digambarkan dengan pantun:

*Bang dulu maka kamat;  
Takbir baru orang sembahyang  
Bercerai Allah dengan Muhammad;  
Baru bercerai kasih sayang.*

Malangnya semasa Kerajaan pimpinan Datuk Seri Presiden mengambil alih kuasa, walaupun kaya dengan ide, tetapi khazanah negara sudah kekeringan dan ekonomi dunia mengalami kemelesetan. Tetapi kita tidak putus asa. **Bangsa beriman tidak pernah putus asa.**

Satu hari nanti kita pasti adakan jalan, air dan elektrik di tempat yang tidak ada. Kita akan baiki terus jalan yang rosak. Kita akan perbesarkan jalan yang sempit. Kita akan tingkatkan taraf jalan ke tahap yang lebih tinggi. Pendek kata, usaha membangun di luar bandar laksana tenunan yang tak kunjung selesai.

Adakah koperasi, air, jalan dan elektrik sahaja yang penting dan yang berkaitan dengan masyarakat luar bandar.

*Tidak!*

## **NIKMAT MASYARAKAT LUAR BANDAR**

Masyarakat luar bandar juga mengikut Rancangan oleh Kementerian Pertanian dan banyak pula yang merasa nikmat daripada FELDA, FELCRA dan RISDA di bawah Kementerian Wilayah dan Kementerian-Kementerian lain.

Ini bererti bukan saya saja.

Wakil Wilayah Persekutuan menyeru supaya pembangunan di Luar Bandar diseimbangkan dengan pembangunan di bandar, sementara Wakil Perak pula bertanya apa gunanya jalan yang besar-besar sedangkan ianya digunakan oleh peniaga-peniaga bukan Melayu untuk menjual barang mereka dan mengajar orang kita berhutang.

Saya berpendapat tidak ada salahnya orang membeli barang pengguna daripada peniaga bukan Melayu. Barang ini adalah nikmat bagi mereka.

Oleh kerana masyarakat luar bandar miskin, tidak adil sekiranya kita menghalang mereka daripada membeli barang-barang semata-mata kerana peniaga Melayu belum bersedia menjual barang yang diperlukan.

## **TANDA BAIK**

Jika peniaga bukan Melayu berani menjual hutang kepada Melayu ini petanda yang baik.

Biasanya, apabila seseorang memberi hutang kepada yang lain, asalkan yang berhutang tidak mencagarkan harta pusaka, yang berhutang boleh tidur nyenyak di waktu malam sedangkan yang memberi hutang berada dalam kegelisahan.

Semasa saya menjadi Pengurus Bank dulu, apabila orang yang saya beri pinjam wang tanpa cagaran jatuh sakit, saya lebih susah hati daripada isteri Sipeminjam. Kegagalan peniaga Melayu menjual barang bukanlah masalah pembelian di luar bandar, tetapi masalah peniaga Melayu itu sendiri.

## MARA

Dalam hal ini MARA memainkan peranan yang penting untuk:

1. **Memberi Pinjaman Perniagaan**
2. **Memberi Kursus Usahawan**

Dukacita dimaklumkan pada 30 November 1982, daripada 64,893 pinjaman MARA hanya 9,462 sahaja yang terbayar dengan betul mengikut perjanjian. Hanya sekitar 14 peratus membayar betul. Baki 55,431 pinjaman dalam keadaan kucar-kacir.

Adakah MARA mahu dikatakan berjaya kerana mengeluarkan 64,893 pinjaman? Apakah 55,431 pinjaman yang tidak berbayar dengan betul disebabkan kegagalan peniaga-peniaga Melayu?

Yang jelas sebahagian besar daripada pinjaman-pinjaman ini ditanggung oleh peminjam lama se-

dangkan sekarang ramai peniaga Melayu yang berjaya dalam perniagaan memerlukan modal tambahan, tetapi tidak dapat dibantu untuk membesar kerana tabung MARA kekeringan.

Walaupun kemerosotan prestasi bayaran balik juga disebabkan kecuaian MARA, ramai yang tidak membayar walaupun mampu membayar.

Betullah kenyataan Wakil Kedah kelmarin mengenai pinjaman MARA.

Pada 1977 saya katakan '*biar rugi beribu juta*' sekiranya ini diperlukan untuk menjayakan peniaga dan pengusaha Melayu.

Saya tetap berpendirian sama. Tetapi bukan rugi kerana penyelewengan, bukan rugi yang disengajakan dan jangan untung dikatakan rugi. Ini kerana *Karzan Hasanah*, bukan hutang baik yang tak perlu dibayar.

## ROKOK

*Alhamdulillah*, dengan menggunakan rokok sebagai punca polemik, daripada prestasi bayaran RM 1 juta sebulan, bayaran sekarang sudah meningkat hingga lebih kurang RM 5 juta sebulan Tanpa rokok tidak ada polemik

Sekarang saya sudah mengarahkan supaya pinjaman khas RM 2,000 untuk yang tidak merokok dihapus dan digantikan dengan pinjaman RM 5,000 tanpa cagaran kepada yang bertanggung-jawab.

Dengan kadar bayaran balik sekarang MARA, pada teorinya, dapat mengeluarkan 1,000 pinjaman RM 5,000 sebulan.

Di waktu polemik rokok berlalu tidak ada yang menyokong kami kecuali yang diberikan oleh Persatuan Punjabi Seluruh Dunia.

### **USAHA KERAJAAN**

Sekali lagi, jika kita lihat fakta yang nyata ini usaha Kerajaan membantu masyarakat luar bandar tidak dapat dipertikaikan lagi.

### **UBAH SIKAP**

Dalam Seminar Kemiskinan yang dianjurkan bersama oleh Institut Pertanian Malaysia dengan Kerajaan Negeri Kedah, pendapat umum menyetujui salah satu cara menyelesaikan masalah kemiskinan ialah dengan mengubah sikap; *sikap pula, katanya, boleh diubah melalui pelajaran*

**Saya tidak setuju.**

**Kita memerlukan pendekatan latihan yang lain.**

Sehingga 30 Jun, 1983, 18,222 pelajar mendapat biasiswa dan pinjaman MARA untuk belajar. Seramai 7,202 masih belajar. Daripada jumlah 11,020 yang sudah lulus, 3,997 belum membayar balik dan ada yang tak mahu membayar hutang.

Ada antaranya terdiri daripada pensyarah. Ini

bermakna pelajaran belum tentu dapat mengubah sikap semua orang. Kita perlu cara latihan lain.

Daripada apa yang difahamkan kepada saya, tidak ada di kalangan perwakilan pada hari ini yang tidak ingin membayar hutang MARA.

Untuk menyelesaikan masalah kemiskinan luar bandar, selain Kementerian Pelajaran, MARA juga turut menyekolahkan pelajar-pelajar di MRSM. Hari ini sejumlah 5,588 orang sedang menuntut di MRSM.

## KEMAS

Kelmarin Dato' Pengerusi mengumumkan sehingga 19 Ogos 1993, jumlah ahli UMNO ialah 958,303 orang. Daripada jumlah ini, 9,957 orang adalah pemaju masyarakat KEMAS.

Saya telah mengarahkan kesemua Pemaju Masyarakat KEMAS yang berkhidmat pada 1982 diteruskan perkhidmatan pada 1983. Tahun ini 855 orang Pemaju Masyarakat lagi dilantik menjadikan jumlah 10,812.

Daripada jumlah 958,303 orang ahli UMNO, 732 orang menjadi Penyelia KEMAS -- 0.0774 peratus. Hari ini hanya 52 (0.005 peratus) orang bekas Penyelia sahaja daripada jumlah 958,303 ahli UMNO yang tidak dapat dipertimbangkan untuk perlantikan semula.

Sebelum bekas penyelia-penyelia ini dilantik semula, mereka mesti sanggup bekerja kuat di mana

juga dan perlu mendapat sokongan daripada Wakil Rakyat dan UMNO Bahagian.

Tidak seorang pun daripada 52 orang ini mendapat sokongan Wakil Rakyat dan UMNO Bahagian, kecuali satu. Rayuan bekas penyelia di bahagian yang satu itu tidak dapat dipertimbangkan kerana pihak yang menyokong menghendaki supaya penyelia yang sudah ada diberhentikan tanpa sebarang kesalahan.

### Kita tidak boleh bertindak zalim.

Dalam usaha saya menjadikan KEMAS organisasi yang dinamik bekerja, disiplin adalah wajib. Pengaruh seseorang tidak boleh menjadi alasan untuk malas dan tidak berdisiplin.

Jawatan KEMAS tidak boleh *diferaidkan* kepada keturunan dan tidak ada Penyelia VIP dalam KEMAS.

Tidak guna saya menjadi Menteri dalam Kerajaan yang membawa slogan **Bersih, Cekap** dan **Amanah** jika saya gagal mendisiplin dan memperkemaskan KEMAS. Kerana itulah saya bertindak supaya **cakap serupa bikin**.

Saya perlu bertindak ke atas Penyelia dan bukan ke atas PM-PM kerana ikan itu busuk dari kepala.

Sekarang KEMAS berada di zaman baru. Walaupun masih ada yang perlu diperkemaskan lagi

seperti yang nyata dalam komen Wakil Johor, tidak ada yang tua dalam KEMAS sekarang. Ini kerana semuanya bersemangat muda.

Kakitangan KEMAS hendaklah menyokong Wakil-Wakil Rakyat dan kepimpinan UMNO Bahagian. Mereka tidak boleh menggunakan jawatan KEMAS untuk membabitkan diri dalam usaha guling - mengguling.

### TIDAK LAYAK JADI HAKIM

Oleh itu dakwaan Wakil Perlis bahawa perkhidmatan Penyelia KEMAS tidak bersambung kerana dia menjadi Leftenan kepada Kapten yang berbeza adalah tidak benar.

Saya tidak percaya Wakil Perlis mewakili pendapat UMNO Bahagian Arau kerana tidak seorang pun Penyelia Arau yang tidak disambung perkhidmatan. Beliau juga tidak mewakili pendapat Bahagian Kangar kerana sewaktu Penyelia dari Kangar tidak disambung perkhidmatannya, Timbalan Ketua UMNO Bahagian ialah Setiausaha Parlimen KPNLB.

Bagaimanapun, saya ingin tekankan bahawa dalam menjalankan tugas, saya tidak peduli sama ada seseorang Leftenan itu berkaptenkan SiTamrin atau SiMalek. Leftenan-leftenan yang malas perlu diringankan daripada beban kerja.

Tentu ada yang mengkritik, lebih-lebih lagi yang terkena bahana tindakan.

Semasa saya di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri saya pernah curi-curi melawat *Rumah Akhir di Penjara Pudu* ketika Tan Sri Ghazali di Luar Negeri. Saya bertanya dua orang yang menunggu giliran untuk dihukum. Walaupun proses kehakiman dan keadilan sudah selesai dan mereka didapati bersalah tanpa boleh diampun, mereka tetap menyatakan tidak salah.

Saya juga pernah berjumpa seorang lain yang dihukum penjara seumur hidup di penjara Bristol, di Britain apabila Tan Sri Ghazali menghantar saya ke sana untuk menjalani kursus hal ehwal penjara.

Orang itu didapati bersalah memperkosa seorang gadis di bawah umur...*bukan Tan Sri Ghazali yang bersalah...* maksud saya banduan itu. Banduan itu memberitahu saya, '*I was not wrong. How can I be punished alone? We both enjoyed it.*' Pendek kata, yang bersalah tidak boleh menjadi hakim.

Oleh itu yang bersalah, dan mengetahui sendiri kesalahannya, hendaklah mengundurkan diri sebagai cara penyelesaian. Jangan mengertak.

Dalam usaha saya memburu penyelewengan, saya menerima galakan Dato' Aziz Tapa yang pernah berpantun:

**Nyoir gading puncak mahligai,  
Sayang ketupat berisi inti,  
Hancur daging tulang berkecaci,  
Belum dapat, yang menyeleweng, belum  
berhenti.**

## **INDUSTRI KAMPUNG DAN KARYANEKA**

### **Apakah sebab KEMAS perlu disiplin?**

Kerana KEMAS mempunyai tugas tambahan menjayakan Industri Kampung dan Karyaneka. Saya mengetahui bahawa YAB Dato' Seri Presiden dan Perwakilan tidak akan mengampunkan saya jika dua projek ini gagal. Saya akan jatuh bersama 15 Batalion Barisan KEMAS jika projek-projek ini gagal.

Oleh itu saya memohon sokongan Perwakilan yang budiman, untuk dapat terus kuat bekerja.

Terima kasih.

# **PESANAN WARSO KEPADA TOBENG**

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur.  
Pada 27hb. Mei, 1984.**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berhormat Dato' Pengurus  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

---

## **AIR, ELEKTRIK, JALAN**

**D**i waktu Wakil Pahang berucap membahaskan ucapan Presiden, beliau menyebut betapa perlunya usaha membekal elektrik, air dan jalan Luar Bandar.

Kerajaan sedar usaha-usaha ini perlu, mustahak dan wajib, tetapi ia memakan masa dan wang yang banyak.

## ELEKTRIK

Sebagai contoh, kita ambil bekalan elektrik. Untuk membekalkan elektrik kepada sesebuah rumah di Luar Bandar, kita perlu membelanjakan RM3,000.

Setiap tahun, Kementerian membekalkan elektrik kepada 50,000 rumah di Luar Bandar. Jika setiap rumah memerlukan RM3,000, maka 50,000 rumah memerlukan RM150 juta setahun.

Untuk membekalkan kesemua 1.3 juta rumah dengan harga bahan mengikut kadar inflasi sekarang, kita terpaksa menunggu 26 tahun dan memerlukan sejumlah RM3,900 juta. Itu pun hanya keperluan bagi bekalan elektrik dan belum termasuk keperluan jalan dan air di Luar Bandar.

## KOPERASI

Untuk menyelesaikan masalah ini, YAB Perdana Menteri mengumumkan semasa membentangkan Laporan Kajian Rancangan Pembangunan Malaysia di Parlimen baru-baru ini bahawa kita perlu menyatukan kampung-kampung ke dalam koperasi supaya rumah yang jauh dapat didekatkan dalam kampung moden. Ini dapat menjimatkan wang dan masa pembangunan.

Tetapi ini bukanlah alasan untuk JKR tidak membaiki jalan yang runtuh di Lebuhraya atau tidak membaiki titi yang patah sebagaimana disebutkan oleh Wakil dari Perak.

## PAK RADEN

Dalam membahaskan usul yang sama, Wakil Perak menyebut mengenai Pak Raden, jaguh anti-dadah di Ibu Pejabat UMNO.

Sebagai seorang seniman, Pak Raden diputuskan oleh Jawatankuasa Penerangan UMNO Malaysia yang saya pengurusikan menjadi Pegawai Anti-Dadah pertama dan terakhir di Ibu Pejabat UMNO.

Keputusan itu dibuat memandangkan umur Pak Raden yang menyebabkan beliau tidak dapat diserapkan ke dalam Perkhidmatan Kerajaan di Kementerian Dalam Negeri yang bertanggung-jawab ke atas hal ehwal dadah.

Kerana cintanya UMNO kepada Pak Raden sebagai seorang seniman, PEMADAM tidak berhasrat memisahkan Pak Raden dan UMNO dengan menempatkan beliau di Sekretariat PEMADAM yang lebih lengkap daripada Bahagian Anti-Dadah di Ibu Pejabat UMNO.

Dengan itu kekalnya Pak Raden di tempat sekarang di Ibu Pejabat UMNO adalah satu pengiktirafan kepada beliau sebagai seorang tokoh dan seniman.

Pak Raden -- Kau laksana tumbuhan yang terus menghijau.

## PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Wakil Kelantan menyeru supaya diseimbangkan Pembangunan Dalam dan Luar Bandar. Wakil Perak (semasa membahas ucapan Presiden), Wakil Johor (semasa membahas Usul Ekonomi) dan Wakil Pemuda (semasa membahas Usul Ekonomi) turut menimbulkan perkara ini.

Untuk maklumat Perwakilan, Pembangunan di Bandar tidak dapat dipisahkan daripada Pembangunan di Luar Bandar. Walaupun Pembangunan di Bandar, dengan adanya *prasarana* dan bangunan tinggi, kelihatan terpisah daripada Pembangunan di Luar Bandar, tetapi segala bahan pengeluaran Luar Bandar memerlukan pasaran, Pembangunan Bandarlah yang menyiapkan pasaran atau saluran pasaran bagi pembangunan Luar Bandar

Tidak ada contoh negara di mana Pembangunan Luar Bandar mendahului Pembangunan Bandar.

Oleh kerana Pembangunan Luar Bandar merangkumi seluruh Negara dan Pembangunan Bandar pula meliputi kawasan-kawasan kecil, maka Pembangunan di Luar Bandar tidak berapa ketara dan menonjol.

Memang benar Pembangunan Luar Bandar perlu diseimbangkan dengan Pembangunan di Bandar, tetapi pembangunan di Bandarlah yang mencerminkan Pembangunan di Luar Bandar, asalkan ada rancangan Pembangunan Luar Bandar yang pesat dilaksanakan.

## INDUSTRI KAMPUNG DAN KARYANEKA

Pembangunan Karyaneka dan Industri Kampung adalah dua projek di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) yang difikirkan oleh PM untuk dilaksanakan.

Perkembangan terakhir rancangan Karyaneka dan Industri Kampung ialah:

### JERMAN BARAT

- a) *Persetujuan antara KPNLB melalui Bank Rakyat dengan Bank Koperasi DG untuk memasarkan kraftangan Malaysia melalui 20,000 cawangan bank itu di Jerman. Kita hanya perlu adakan van, pemandu dan juru jual untuk membawa kraftangan Malaysia dari satu cawangan ke satu cawangan Bank itu. Jika satu hari satu cawangan, kita memerlukan 56 tahun untuk mengelilingi semua cawangan itu untuk menjual kraf-tangan Malaysia.*

### TAIWAN

- b) *Persetujuan Syarikat Nanlien dari Taiwan untuk membantu dalam pembangunan industri kampung, memasarkan kraftangan dan hasil industri kampung ke luar Malaysia.*

Untuk maklumat Perwakilan, Taiwan juga mengusahakan eksport kraftangan Filipina bernilai AS\$300 juta tiap tahun.

Peluang ini terbuka untuk kita kerana politik Malaysia lebih stabil.

Bagi menjayakan projek ini dan juga projek-projek lain, kursus, seminar dan konvensyen mungkin perlu diadakan. Memang benar seminar-seminar tidak dapat menyelesaikan masalah (sebagaimana dakwaan Wakil Kelantan), tetapi tanpa seminar atau apa jua usaha yang boleh mengubah pemikiran pemimpin di semua pringkat maka usaha ke arah menjayakan apa jua projek belumlah dimulakan.

### MARA

Semasa membahaskan Usul Ekonomi, Wakil Wanita juga menyentuh MARA dengan harapan ia menjadi betul-betul Majlis Amanah Rakyat dan bukan Majlis yang mengajak orang Melayu berangan-angan.

Jurucakap Wanita, Dr. Siti Zaharah maklum bahawa angan-angan itu ialah bayangan hasrat yang menjadi titik permulaan menuju cita-cita manusia ke arah memperbaiki Nasib Bangsa dan Negara. Dr. Siti Zaharah sendiri, yang pernah bertaut dengan MARA, akhirnya mendirikan rumahtangga dengan Sam setelah bermula dengan angan-angan.

## BANK RAKYAT

Bank Rakyat juga disebut sebagai contoh kegagalan Melayu dalam mentadbir Institusi Kewangan secara amanah.

**Ini adalah kisah lama.**

Sepanjang tiga tahun yang lalu prestasi Bank Rakyat berubah daripada rugi menjadi untung...dari untung RM 8 juta pada 1981 meningkat berlipat ganda sehingga mencapai tahap lebih RM 40 juta pada 1983.

Bagaimanapun, tunggakkan kerugian lama yang lebih RM 150 juta maseh belum terhapus. Tunggulah dua tahun lagi, *Insya Allah*.

Dalam perlumbaan antara Institusi Perniagaan Melayu untuk mencapai kerugian paling banyak, ***Bank Rakyat tewas kepada BMF.***

Sebagaimana pernah saya katakan, biarlah peristiwa Bank Rakyat dan BMF tinggal dalam Perbendaharaan Sejarah Ekonomi Bangsa Melayu sebagai dua batu nisan yang menjadi ***tanda kegagalan Melayu yang tidak boleh dilupakan.***

Semoga jangan berulang lagi.

## WARSO

Wakil Johor semasa menyokong ucapan Presiden dan Wakil Selangor, sewaktu menyokong

Usul Agama, menimbulkan perkara SiWarso.

Hari ini saya ingin menjelaskan watak SiWarso, yang sebenarnya di dalam babak penutup, supaya tidak disalah ertikan lagi.

SiWarso bukan Wak So atau Pak So.

SiWarso tidak semesti berketurunan Jawa. Umpamanya, nama *Lorraine Osman* -- Lorraine bukan nama Melayu, tetapi Lorraine Osman bukan Inggeris.

Ada seorang Orang Asli di Kuala Kangsar yang bernama *Elvis Pisang*. Dia bukannya penyanyi pop!

Ada Orang Asli yang bernama *Encik Helikopter*. Dia bukan kapalterbang. Dia juga bukan enjin.

Jika SiWarso yang saya maksudkan berketurunan Jawa sekalipun, dia bukanlah seorang yang bodoh. Dalam cerita pertama saya mengenai SiWarso semasa saya merasmikan Silat Seni Cahaya di Kampung Kandis, Shah Alam, saya mengatakan:

*"Pada suatu hari seorang hamba Allah bernama Warso menghadapi masalah kerana kerbau-kerbaunya kelaparan disebabkan tidak ada rumput basah. Semua rumput yang ada kekeringan. Oleh kerana Kerbau enggan makan rumput kering, SiWarso pun berfikir mencari jalan. Akhirnya SiWarso pergi ke pekan membeli cermin-cermin*

*mata hijau untuk dipakaikan kepada kerbau-kerbaunya. Apabila kerbau pakai cermin mata berwarna hijau maka kerbau melihat rumput yang tadinya kering menjadi hijau. Kerbau pun makan dengan penuh keseronokan walaupun perut sakit sedikit.*

- *Apa jadi pada kerbau selepas memakan rumput kering tidak perlu diketahui. Jika mati sekalipun ia tidak lebih daripada mati kerana tak makan langsung.*

## WARSO TIDAK BODOH

Jelaslah yang bodoh bukan SiWarso. Kita yang pandai pun tidak terfikir untuk membeli cermin mata hijau dalam keadaan yang sama.

Jika yang dikatakan bodoh ialah kerbau SiWarso, siapa pun tidak perlu tersinggung kerana saya belum terjumpa kerbau cerdik. Tidak kira kerbau Melayu ataupun kerbau Jawa. Kalau dah kerbau tetap kerbau.

Tetapi jika kita mahu katakan SiWarso bodoh, apakah orang yang sama bernama Warso perlu berasa tersinggung? Apakah jika seseorang itu bernama Mohammad sudah pasti menjadi Nabi kerana nama Mohammad ialah nama Nabi.

Bukan semua yang bernama Mahathir seperti Dato' Seri Dr. Mahathir akan menjadi Perdana Menteri.

Dato' Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri sekali gus Menteri Dalam Negeri dan Musa Ahmad pula bekas Pengurus Parti Komunis Malaya (PKM) -- nama sama, tetapi pengalaman lain-lain.

### MENGHINA

Oleh itu jika saya perkenalkan watak SiWarso, orang berketurunan Jawa tidak perlu rasa tersinggung. Saya memainkan pita ucapan-ucapan saya yang menyebut perkataan Warso kepada saudaramara saya di Pulau Jawa -- mereka begitu gembira dan pita itu telah diedarkan setelah beberapa salinan dibuat.

Orang berketurunan Jawa di Shah Alam, di Universiti kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dan di Segamat yang mendengar ucapan saya tidak berasa tersinggung. Yang tersinggung mereka yang tidak mendengar atau mereka yang memang tersinggung dengan saya walaupun saya tidak memperkenalkan perkataan Warso.

### WALI SONGO

Saya tidak mengejek wali-wali di Jawa -- *Siji, Loro, Telu, Papat, Pitu, Wolu, Songo* -- ya, Wali Songo.

Saya tidak mengatakan sebagaimana Wakil Johor menceritakan kisah seorang Jawa yang Buntut Besar, Telinga Besar dan Gigi Besar. Beliau mungkin menghina dan bukan saya.

Saya tahu membezakan antara *mangan sego* dan *mangan ngedi*. Saya tahu Wong Jowo Orak Goblok.

Wong Jowo Sangkeng Sabang Mareng Meurauke Orak Goblok; Wong Jowo Sangkeng Padang Besar Mareng Johor Bahru ORAK BUDOH KOYO NGONO. Kalau ada yang tak faham -- sebabnya ialah kerana bahasa Jawa saya agak lebih tinggi.

Untuk maklumat wong-wong Jowo di Perwakilan ini, saya bernikah di *Panti Perwira*, Jakarta, Pulau Jawa. Mertua yang dulunya tinggal di Jalan Kesuma Atmaja di Menteng kini tinggal di Cilandak, sebuah kampung berdekatan rumah Duta Besar Malaysia di Jakarta. Bapa saudara kami Menteri dalam Jemaah Menteri Presiden Suharto -- isterinya juga Wong Jowo. Ipar saya juga Wong Jowo.

Saya kasih bukan saja pada Wong Jowo, malah saya kasih pada Pulau Jawa dan semua pulau di gugusan kepulauan Melayu dan penduduk Melayu seluruh Nusantara.

**Tempat bermain lagi dikenang, inikan pula tempat bernikah.**

Bagaimanapun, jika ada yang salah faham mengenai cerita-cerita saya, saya memohon maaf. Persoalannya, apa sudah jadi pada Warso sekarang?

Begini kisahnya.

## WARSO DAN TOBENG

Pada satu hari seekor burung balik ke sarangnya. Apabila ternampak ada ular yang sedang makan telurnya di sarang, burung itu pun melarikan diri ke sana ke mari mencari akal.

Tiba-tiba burung itu ternampak seorang puteri sedang mandi di kolam dan di tepi kolam terletak seutas rantai loket di atas tuala dan longgokkan pakaian puteri.

Tidak beberapa jauh dari kolam bersembunyi dua pengawal istana yang sedang menjaga tuan puteri.

Melihat keadaan ini siburung pun turun menyambar loket sambil memekik supaya dilihat tuan puteri dan didengar pengawal istana. Burung yang membawa loket di mulutnya terbang rendah dan perlahan di atas kepala pengawal. Kedua-dua pengawal, SiWarso dan SiTobeng, berlari mengejar burung mengharapkan loket jatuh daripada mulut burung.

Burung terbang ke arah sebatang pokok di mana terletak lubang sarangnya. Pada waktu itu ular di dalam sarang burung sedang sibuk memakan telur burung. Burung pun melepaskan loket ke dalam sarangnya.

Melihat keadaan itu, SiWarso pun naik ke atas pokok dan kerana tidak nampak ular di dalam sarang, Warso memasukkan tangannya untuk mengambil loket. Ular mematuk tangan SiWarso.

Setelah seketika, SiWarso pun jatuh ke bawah pokok. Tobeng tengok ular di dalam sarang. Dia pun panjat dengan membawa tombak dan membunuh ular di dalam. Ular mati dan Tobeng pun turun membawa loket.

Burung gembira kerana nasib telurnya terbela.

Apabila Tobeng melihat Warso sedang membiru kerana bisa menular ke seluruh tubuhnya, Tobeng pun menikam tombaknya ke dada SiWarso. SiWarso terkejut dan menggengam pangkal tombak sambil menahan kesakitan. Apabila tombak sudah dicabut, SiWarso sambar dan memegang tangan Si Tobeng sambil berkata:

### PESANAN WARSO KEPADA TOBENG

"Tobeng kawanku,

*Dengan tikaman tombakmu ini, bertambah mengertilah aku doa seorang sahabat Nabi apabila beliau berkata:*

*Ya Allah, aku bersyukur padamu kerana memberi kekuatan padaku untuk mempertahankan diri daripada musuh-musuhku; tetapi aku serahkan padamu untuk melindungi aku daripada kawan-kawanku.*

*Tobeng,*

*Jika aku meninggalkan alam ini menuju alam baka, aku ingin berpesan padamu:*

*Seandainya di lain kali engkau, Tobeng, bersaing lagi dalam apa jua jenis pertandingan antara sahabat, hendaknya,*

*Janganlah engkau menang dan mendapat sesuatu jawatan, tetapi kalah dalam usaha mengekalkan persahabatan dengan kawan-kawan dan,*

*Janganlah engkau kalah dalam sesuatu pertandingan tetapi menang dalam usaha mengumpul musuh.*

*Dalam bahasa Inggeris, pesananku ini berbunyi "Do not win positions but lose friends or lose positions but win enemies."*

## PUTERI

Melihat puteri menjerit kesejukan kerana terlalu lama mandi di kolam, Tobeng pun meninggalkan kawannya, Warso, di bawah pokok dan bergegas ke kolam untuk menyerahkan pakaian kepada puteri.

Tobeng memberitahu pada tuan puteri,

*"Tuan puteri, patik mengikuti burung yang mencuri loket tuan puteri hingga ke sarang. Patik membunuh ular yang berada di dalam sarang. Sewaktu patik turun daripada pokok di mana sarang burung terletak, patik diserang oleh SiWarso yang terpaksa patik bunuh kerana SiWarso ingin melarikan loket tuan puteri."*

Mendengar itu, puteri pun melompat keluar dari kolam tanpa menghiraukan tiada pakaian di badannya, lalu memeluk SiTobeng kerana terima kasihnya kerana budi. SiTobeng, semasa dalam pelukan puteri, berkata: "Puteri kekasihku"

Dalam fikiran SiTobeng masih tertanya-tanya, "Apakah betul SiWarso sudah mati?"

Begitulah berakhirnya kisah SiWarso. Kita berharap SiWarso tidak akan kembali lagi.

Terima kasih.

# JANGAN JADI BURUNG SUBSIDI

Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 20hb. September, 1985.

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Pengurus  
Yang Berbahagia Dato' Timbalan Pengurus  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

## TERIMA KASIH

**B**agi pihak ibu pejabat saya mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan sekelian.

Kami di ibu pejabat menganggap bahawa perwakilan pada kali ini ialah antara yang paling baik

yang pernah hadir dalam Perhimpunan Agung UMNO semenjak UMNO ditubuhkan.

Kami menganggap begini kerana, tidak ada seorang pun dari kalangan pembahas usul yang telah mengkritik Ibu Pejabat secara terbuka.

## • PARA JEMPUTAN

Walau macam mana pun, saya yakin apabila Perwakilan balik ke tempat masing-masing nanti, akan terdengar sungutan daripada beberapa jemputan yang menghadapi masalah mencari tempat duduk dalam dewan ini.

Oleh itu ada baiknya saya memberikan Perwakilan sekelian dengan sebab-sebab masalah berlaku supaya Perwakilan yang dihormati dapat memberi penjelasan kepada mereka ini yang kita jemput, sebahagian besar darinya, dari kalangan kawan-kawan kita.

Ada jemputan yang memberi jawapan untuk datang tetapi kerana keuzuran, tidak gagal berbuat demikian. Bilangannya tidak ramai.

Ada yang jawab tidak akan datang tetapi mereka datang.

Ada yang jawab akan datang seorang diri tetapi datang sehingga tiga orang.

Ada yang jawab hendak datang dengan isteri tetapi datang dengan seorang lelaki.

Ada yang tidak dijemput tetapi turut datang.

Bagaimanapun, syukur kerana apabila selesai Presiden berucap, gema ucapannya meredakan suasana. Apa yang menjadi masalah ialah ada jemputan yang datang untuk menghormati dan meraikan majlis kita, tetapi turut menghadapi masalah mendapatkan tempat duduk. Kemarahan mereka mungkin tidak akan reda disebabkan mereka tidak memahami Bahasa Malaysia dan juga tidak memahami isi ucapan YAB Presiden.

## CARA

Dalam rapat umum Pergerakan Pemuda UMNO di Bangunan RISDA baru-baru ini, saya menyatakan bahawa setelah semusim saya berada di Ibu Pejabat UMNO Malaysia, banyak pengalaman yang saya pelajari.

Saya menemui satu cara seseorang boleh mencuri tanpa dimurkai Allah dan tidak dimarahi manusia.

Dengan cara ini juga kita boleh merompak -- Tuhan tidak murka, manusia tidak marah. Malahan dengan cara ini kita *boleh menipu, membunuh atau berzina* -- Tuhan tidak peduli dan manusia tidak ambil kisah.

**Bagaimanakah caranya? dengan cara ber-mimpi...**

### **PAS BERMIMPI**

Dalam mimpi kita boleh menipu, mencuri merompak dan membunuh, tetapi kita tidak akan diadili kerana kita tidak berdosa.

Itulah sebabnya seseorang itu menjadi baligh setelah cukup umur atau setelah bermimpi. Kita tidak berdosa kerana mimpi, kerana kita melakukan sesuatu tanpa disedari, tanpa berfikir dan tanpa tanggung-jawab.

Sekiranya keaktifan peranan kita dalam mimpi begitu kencang, dan paling teruk, kemungkinan kita hanya akan jatuh daripada katil.

Oleh kerana jika satu-satu kejahatan dilakukan dalam mimpi tidak memberi dosa, kebaikan yang dilakukan hanya di dalam mimpi juga tidak memberi pahala kepada yang bermimpi.

PAS hanya sekadar bermimpi sahaja untuk berbuat baik.

### **MIMPI DAN IMPIAN**

Ada beza antara mimpi dan impian kerana impian satu-satu bangsa itu hanya akan berhasil setelah ada ketentuan niat dan susunan cara perlaksanaan. Sah ibadat kerana niat.

## NIAT DAN CARA

Jika seseorang berniat untuk berbuat sesuatu ibadat tetapi jika cara beribadat tidak betul maka pahala niat dapat tetapi kerja ibadat tidak jadi.

*Niat baik  
Cara tak reti  
Pahala dapat kerja tak jadi*

Ada orang yang mempunyai niat jahat tetapi cara mentadbir kejahatannya itu tersusun elok maka dia akan mendapat dosa kerana niat jahatnya. tetapi perbuatannya tetap akan berjaya kerana pelaksanaan rancangannya teratur.

Itulah sebabnya ada orang berniat buruk terhadap negara, pecah amanah yang diberikan kepadanya, tetapi menjadi kaya raya kerana pandai dengan cara jenayahnya.

*Niat Jahat  
Cara Pandai  
Dosa dapat  
Bangsa tergadai*

Ada orang berniat jahat untuk mengerjakan kejahatan tetapi caranya tidak berkesan. Beliau akan berdosa dan kerja pun tidak akan menjadi. Pendek kata,

*Niat jahat  
Cara tak reti  
Dosa dapat  
Kerja tak jadi*

*Yang kita mahu ialah satu-satu rancangan itu disampingi dengan niat yang baik dan dikerjakan dengan cara pelaksanaan yang baik juga supaya yang mengerjakan mendapat pahala dan berhasil. Pendek kata*

*Niat tepat  
Cara pandai  
Pahala dapat  
Kerja selesai*

## **HANYA LELAKI TURUN DARI ANGKASA**

Dalam konteks inilah dua orang anak lelaki yang diturunkan dari 'angkasa' perlu difahami.

Ia sebuah tablo yang menggambarkan impian masakini untuk masa depan. Daripada segi niat, ianya baik sekali.

Yang dipersoalkan ialah kenapa kedua-duanya lelaki.

## **DAIM TIDAK DIAM**

Saudara Daim yang sudah mula tidak Diam lagi, memberikan sebahagian daripada penjelasan. Saya berikan sebahagian lagi.

Sebenarnya, pengatur acara juga memikirkan bukan sahaja daripada segi lelaki atau perempuan dan samada lelaki ataupun perempuan yang patut duduk di atas ayun, tetapi juga daripada segi berani tidaknya mereka duduk di atas.

Jika anak-anak terlalu kecil, biasanya persahabatan mereka adalah antara lelaki atau sesama perempuan. Jika dua anak lelaki duduk bersama, akan hilanglah ketakutan mereka kerana mereka bersaing melihat siapa lebih tidak takut.

Hanya apabila anak-anak itu lebih besar maka pasangan itu akan menjadi lebih mesra jika seorang terdiri daripada lelaki dan seorang lagi perempuan.

Apa yang membimbangkan ialah anak-anak itu berlebihan umur. Dalam keadaan begini, mungkin apabila mereka berada di atas, mereka tidak ingin turun lagi.

Jawatankuasa berkenaan telah cuba mendapatkan seorang anak perempuan tetapi didapati yang dicalonkan tidak sanggup kerana kurang berani, walaupun ramai perempuan dewasa ini lebih berani daripada lelaki.

Oleh itu, dalam kesuntukan masa, kita tidak sempat mencari anak perempuan sebaya dengan anak lelaki yang ada sementara kedua-dua anak lelaki pula menyatakan kesanggupan bersyarat supaya mereka dinaikkan bersama.

Kita terpaksa menggunakan tali pinggang keselamatan.

## PEMODENAN KAMPUNG

Wakil Wanita mencadangkan supaya insentif diberi bagi menjayakan rancangan pemodenan kampung.

Memanglah benar jika subsidi atau pelbagai insentif diberi, projek ini akan maju walaupun belum boleh dikatakan berjaya.

## GAGAK DI DENMARK

Saya teringat kisah burung gagak yang diriwayatkan oleh *Soren Kierkegaard*, seorang ahli fikir Denmark.

Pada satu petang di satu ketika dulu, beberapa ahli falsafah Denmark ternampak beribu-ribu ekor burung terbang di langit menuju ke lautan Mediterranean. Terfikir oleh mereka untuk menolong burung-burung gagak supaya berhenti dan berlindung di Denmark tanpa perlu terbang ke selatan untuk lari dari-pada musim sejuk.

Setelah ahli fikir bersetuju membantu burung-burung gagak itu, mereka mengadakan tabung untuk mengumpul wang dan mendirikan khemah tempat burung berhenti, makan dan berlindung sementara salji melanda di musim sejuk. Pada tahun berikutnya mereka berusaha menarik perhatian burung yang terbang supaya turun ke dataran.

Beribu-ribu ekor burung turun pada tahun pertama. Berpuluhan ribu pada tahun kedua dan beratus ribu pada tahun ketiga.

Setelah lebih lima tahun, ahli-ahli fikir ini pun berubah fikiran. Mereka membuat keputusan untuk tidak lagi membantu, apatah lagi dengan perbelanjaan besar.

Pada tahun berikutnya, makanan yang diperlukan oleh burung-burung itu tidak lagi dibekalkan. Khemah juga dirobohkan.

Apabila ratusan ribu burung singgah untuk makan dan berlindung, mereka mendapati makanan dan khemah sudah tiada lagi. Burung-burung itu pun terbang meninggalkan tempat perkampungan di Denmark menuju selatan.

Ada juga burung yang terlalu tua dan sudah lupa arah lalu balik ke utara.

Setelah beberapa jam burung-burung ini meninggalkan tempat itu, mereka berpatah balik ke lapangan di Denmark di mana dulunya ada makanan dan tempat berteduh. Burung-burung ini kemudian menggelupur lalu mati.

Doktor haiwan mendapati burung-burung itu mati disebabkan sendi yang menghubungkan sayap dengan badan luka, berdarah dan parah.

## BURUNG SUBSIDI

Sebabnya ialah kerana burung-burung ini sudah terlalu lama tidak terbang jauh. Terlalu lama makan 'free.' Mereka sudah menjadi burung subsidi.

Dalam usaha membantu orang Melayu, saya teringat pantun seorang pujangga di kampung yang membawa nama samaran BASMI:

*Melayu bukan kaum subsidi  
Hidup selalu tolong menolong  
Biar kita mati berdiri  
Daripada hidup orang dok dukung*

Dalam melaksanakan program pemodenan kampung, bukan wang yang menjadi masalah, tetapi sikap. Itulah sebabnya Kementerian saya mengalukan projek kampung angkat Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Dalam membantu Masyarakat Melayu di desa dan di kota, kita perlu berhati-hati supaya sayap yang tadinya kuat terbang tidak menjadi lemah kerana kita mengadakan rancangan subsidi yang salah cara perlaksanaan.

## PRASARANA

Bagaimanapun, ini bukan bererti kita mengabaikan rancangan mengadakan keperluan asas seperti air, jalan dan elektrik.

Saya mengucapkan terima kasih kepada lapan pembahas Usul Ucapan Dasar dan Usul Ekonomi yang menekankan betapa pentingnya keperluan asas atau *prasarana*. Ada yang mencadangkan supaya peruntukan Kementerian ditambah.

*Alhamdullillah*, Menteri Kewangan telah pun mengumumkan kelmarin mengenai penambahan peruntukan bagi tujuan ini.

Daripada segi perlaksanaan, tiada apa-apa masalah kerana semua peruntukan Kementerian

yang boleh diguna, habis digunakan sebelum akhir setiap tahun.

## MENANG KALAH

Saya tertarik hati dengan komen Wakil Perlis supaya pucuk pimpinan dan ibu pejabat tidak mendengar pandangan golongan minoriti yang kalah dalam satu-satu pertandingan.

Saya pernah berpendapat serupa sebelum menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Sebagai Setiausaha Agung UMNO, saya perlu mendengar semua pihak. Kita semua sebagai pemimpin perlu mendengar semua pihak kerana setelah kita menang dalam pertandingan kita perlu pula menang dalam pilihanraya.

Yang tidak bersetuju dengan kita juga ialah pengundi dan ahli parti.

Satu daripada beban memegang jawatan saya ini ialah terpaksa mendengar semua pihak walaupun pihak yang bersalah, sedangkan di masa dulu saya tidak pernah menjadi orang tengah dalam satu-satu pertarungan. Saya sering menjadi '*Centre Forward*,' '*Wing Kiri*,' atau '*Wing Kanan*' -- saya tidak pernah menjadi '*referee*' atau '*linesman*.'

Sekarang saya terpaksa mendengar semua pihak supaya ibu pejabat mendapat maklum balas yang tepat. Oleh kerana sumber maklum balas begitu banyak, kita dapat bezakan antara;

*Isi dan hampas  
Kabu dan kapas  
Biji dan ulas  
Kepak dan pulas  
Sapu dan kebas.*

Banyak masalah di peringkat Cawangan, dan Bahagian selesai dengan cara mendengar semua pihak.

### **SEKRETARIAT KHAS**

Mengenai rayuan Wakil Pelajar Luar Negeri supaya diadakan Sekretariat Khas untuk urusan mereka di Ibu Pejabat, saya berpendapat dengan adanya Setiausaha Penyelidikan di Ibu Pejabat yang turut ditugaskan untuk meladeni semua urusan kelab UMNO di seberang laut, Sekretariat Khas ini belum perlu.

### **KOOP BERSATU**

Sebagai Setiausaha Agung dan Menteri yang bertanggung-jawap mengenai koperasi saya tertarik dengan nada suara seorang pembahas yang bertanya mengenai Koop Usaha Bersatu kerana tidak lama lagi Koop Bersatu akan mengadakan Mesyuarat Agungnya.

Soalannya ialah, apakah hubungan dari segi undang-undang, antara Koop Bersatu dan UMNO.

Sementara UMNO tidak berkuasa langsung ke atas Koop Bersatu, ahli-ahli Koop terdiri daripada ahli-ahli UMNO.

Perhimpunan Agung UMNO atau Majlis Tertinggi tidak ada kuasa membuat peraturan untuk menghubungkan kedua-dua organisasi ini. Hanya ahli Koop Bersatu yang terdiri daripada ahli UMNO, dapat mengambil apa jua tindakan yang perlu.

Saya menimbulkan perkara ini memandangkan sejarah perpecahan dalam UMNO.

### PAS PECAH LAGI

Dulu PAS tidak ada.

Pemimpin Biro Agama UMNO di waktu itu, kerana merasa terlalu kuat, telah keluar dari UMNO untuk menubuhkan PAS.

Perkara ini tidak mungkin berlaku dengan adanya pemimpin Biro Agama UMNO yang baik budi seperti yang ada sekarang ini.

PAS sendiri semenjak itu berpecah kerana pertelingkahan antara Pemimpin Parti dan Dewan Ulama. Setiap kali bertelingkah wujudlah parti baru. Saya percaya suatu hari nanti PAS akan berpecah lagi atas sebab yang sama -- pertelingkahan antara pemimpin parti dan Dewan Ulama, kerana wujudnya organisasi dalam organisasi di dalam PAS.

Kita kurang bernasib baik kerana Koop Bersatu tidak dapat dikuasai oleh Perhimpunan Agung UMNO.

Kita bernasib baik kerana Koop Bersatu tidak begitu kuat untuk menguasai UMNO. *Inilah masanya untuk berfikir.*

## PECAH DAN BELAH DALAM PARTI

**Usaha memecah-belahkan parti tetap wujud setiap masa samada dari dalam atau luar negara. Kita tidak boleh terlalu alpa walaupun kita tidak perlu takut.**

### CUAI

Untuk maklumat Perwakilan, di bawah Dewan ini ada gerai dikendalikan oleh UMNO Bahagian. Salah satu daripadanya kerana kecuaian kita, menjual pita rakaman Haji Hadi.

Dewan yang kita sayang inipun sudah dicucuk api rokok di lebih sepuluh tempat. Walaupun kita sayang pada UMNO, kita perlu cemburu menjaganya.

### TOBENG

Untuk maklumat Perwakilan di tiga Bahagian UMNO yang bermasalah, tetapi bukan Tumpat dan bukan Titiwangsa, Ibu Pejabat mengesan peranan seorang *dalang*...

- *yang pernah menentang UMNO sejak 1950*
- *yang pernah menentang Kemerdekaan Malaya*
- *yang pernah menentang Penubuhan Malaysia pada 1963*

- yang pernah turut merancang untuk membunuh YTM Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak pada 1964
- yang pernah ditahan di bawah ISA
- yang turut terbabit dalam merancangkan demonstrasi padi di Kedah
- yang namanya disebut di dalam Kertas Putih yang dikeluarkan oleh KHEDN pada 1984.

Mahu tahu namanya? Dia boleh dipanggil dengan gelaran SiTobeng daripada legenda Warso. Perwakilan tidak perlu bimbang kerana masalah ini dapat di atasi. Tetapi berhati-hatilah!!!

## AKHIR SEKALI

UMNO mempunyai lebih 8,000 cawangan di 132 Bahagian dengan keahlian melebihi 1.2 juta orang.

Jika setiap AJK Cawangan dan Bahagian mengadakan mesyuarat setiap bulan dan Badan Perhubungan Negeri pula mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali seperti sekarang, kita akan lebih maju,

**Jika dalam semua mesyuarat Badan Perhubungan Negeri, laporan semasa mesyuarat Bahagian dibentangkan;**

Jika dalam setiap mesyuarat Bahagian laporan semuka mengenai mesyuarat Cawangan dibentangkan, semua Bahagian Cawangan akan bermesyuarat selalu.

Jika setiap cawangan bermesyuarat dua jam sekali sebulan, pemimpin-pemimpin UMNO akan menggunakan lebih 160,000 jam atau '*man hours*' untuk berfikir mengenai UMNO, masalah dan kemajuannya.

### UMNO JADI GERGASI

Dengan cara ini, UMNO bukan sahaja sudah besar tetapi akan menjadi gergasi yang dapat menentang dan menelan semua musuhnya.

Terima kasih.

# **SEMOGA TEMPAYAN TIDAK PECAH**

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 28hb. September, 1986.**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berbahagia Dato' Pengurus  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat  
Dato' Timbalan Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

## **MENTERI BUKAN GOLONGAN ISTIMEWA**

**W**akil Negeri Sembilan memuji acara sambutan Hari Kebangsaan tahun ini. Bagi pihak Jawatankuasa sambutan, saya mengucapkan terima kasih.

Wakil Negeri Sembilan juga mengkritik pakaian Menteri dan Timbalan Menteri yang dipakai pada hari sambutan 31 Ogos itu.

Sebenarnya pakaian itu pakaian pekerja. Tujuan semua Menteri dan Timbalan Menteri berpakaian demikian ialah untuk memberikan gambaran bahawa Menteri dan Timbalan Menteri bukanlah golongan istimewa, tetapi sehati dan sejiwa dengan golongan pekerja. Inilah tujuan memakai pakaian pekerja.

Lainlah kalau tujuan memakai Baju Melayu untuk MeMelayukan Datuk Samy Vellu. Kita tentu dapat membezakan antara Datuk Samy Vellu dan Datuk Kadir Sheikh Fadzir.

Saya tidak bersetuju Datuk Samy Vellu disamakan dengan Datuk Kadir. Datuk Kadir manis orangnya.

### **JEPUN SEPERTI SAYA**

Saya mengucapkan terima kasih kerana saya dikatakan mempunyai rupa seperti orang Jepun. Sebenarnya orang Jepun yang mirip seperti saya.

Malahan Wakil Negeri Sembilan itu pun, kalau dilihat dengan teliti dan dipakaikan pakaian yang sama, akan kelihatan seperti General Tojo. Sebenarnya General Tojolah yang rupanya seperti Tok Penghulu Ujang Ajak -- Wakil Negeri Sembilan itu.

### **GHAFAR - OMAR**

Saya ternampak ramai yang ketawa apabila Wakil Negeri Sembilan membandingkan YAB Encik Ghafar Baba dengan Omar Rojek. Apakah bandingan itu penghinaan kepada Encik Ghafar atau satu san-

jungan kepada Omar Rojek? Perkara ini sebenarnya tidak timbul. Tok Penghulu Ujang hanya berseloroh.

Saya merasakan ada satu persamaan antara YAB Encik Ghafar dengan Omar Rojek (bukan Rojak). Omar Rojek berasal dari Kedah. Kegemarannya makan rojak. Beliau pernah minta kerja sebagai Pembantu Hospital, tetapi gagal.

Kerana kecewa, beliau pergi ke Singapura untuk menjadi pelakon tambahan sebuah syarikat fileman di Singapura. Omar begitu maju sehingga di kemuncak kariernya, beliau menjadi seorang pengarah dan Penerbit Filem.

YAB Encik Ghafar pula guru Sekolah Melayu. Berjuang sehingga pernah menjadi Ketua Menteri, Menteri dan sekarang Timbalan Perdana Menteri.

### MAT JENIN

Kalau sewaktu Omar Rojek meminta untuk menjadi Pembantu Hospital, beliau berkata ingin menjadi penerbit dan pengeluar filem di satu hari nanti, sudah tentu kita kata Omar Rojek berangan-angan seperti Mat Jenin.

Begitu juga dengan Encik Ghafar, jika pada 1946, atau sebelum Mei 1986, beliau menyatakan akan menjadi Timbalan Perdana Menteri, di satu hari nanti, sudah tentu beliau dikatakan berangan-angan seperti Mat Jenin.

YAB Encik Ghafar pernah dicemuh kerana tidak ke universiti dan dikatakan mempunyai dua degree BABA, tanpa kepujian. Sekarang Encik Ghafar sudah jadi Dr. Ghafar. Penganugerahan Ph.D adalah satu pengiktirafan kepada kebolehan beliau sebagai pemimpin.

## TUHAN MENENTUKAN

Sekali lagi kita lihat kuasa Allah menaik dan menurunkan seseorang insan.

Tuhan menjadikan Nabi Adam tanpa ibu dan bapa. Tuhan menjadikan Siti Hawa ada bapa tanpa ibu. Tuhan jadikan Nabi Isa ada ibu tanpa bapa.

Tuhan boleh menghidup dan mematikan manusia tanpa sebab. Tuhan juga boleh menaik dan menurunkan seseorang tanpa alasan. Tetapi untuk membuka bidang usaha dan berfikir, kita sendiri yang menyumbangkan sebab dan alasan -- tetapi Tuhan tetap yang menentukan.

Jika ini disedari, tokoh-tokoh UMNO di semua peringkat akan menghadapi pemilihan pada 1987 dengan penuh keinsafan dan keimanan. Sama-sama kita doakan semoga 1987 dilalui dengan tenang.

## KERJASAMA PEGAWAI DENGAN PAK TANI

Jurubicara Wanita semasa membawa Usul Ekonomi, menyeru supaya Kementerian Pertanian terus membantu petani dengan subsidi.

Katanya, di zaman negara mewah kita berikan subsidi, tetapi apabila ekonomi meleset dan petani memerlukan subsidi, kita tidak beri. Sebenarnya, kalau Kerajaan nak beri sekalipun, duit terbatas.

Itulah sebabnya kerjasama antara pegawai dengan pak tani perlu ditingkatkan. Peningkatan kerjasama beginilah yang akan meningkatkan pengeluaran.

*Insyaallah, saya akan membaiki atau menggantikan Sistem 2L dan lain-lain program jika difikirkan perlu.*

## NASIB MENTERI PERTANIAN

Bila YAB Datuk Seri Presiden memanggil saya untuk memberitahu saya akan dipindahkan ke Kementerian Pertanian, saya terdiam. Saya mengucapkan terima kasih.

Hari pertama saya memasuki bilik mesyuarat Kementerian, saya lihat lapan gambar bekas Menteri Pertanian:

*YB Datuk Aziz Ishak - Terpecat dari UMNO*

*YB Encik Mohd Khir Johari- Hanya 9 bulan di Kementerian*

*YB Tan Sri Ghazali Jawi - Kementerian Terakhir*

*YB Encik Ghafar Baba* - Kementerian Terakhir

*YB Datuk Ali Haji Ahmad* - Meninggal dalam  
nahas kapal terbang

*YB Datuk Shariff Ahmad* - Penyakit Kuku dan  
Mulut Kementerian  
Terakhir

*YB Datuk Abdul Manan Othman* - Kementerian Terakhir

*YB Encik Anwar Ibrahim* - Tidak sampai dua tahun

Apakah nasib saya jika berada di Kementerian ini lebih daripada dua tahun?

### MASALAH BABI

Sekarang ini pun saya sedang berfikir mengenai masalah babi. Sejak saya dilahirkan tidak pernah saya terfikir satu hari kelak saya akan terpaksa memikirkan nasib babi. Baru-baru ini penyakit kuku dan mulut sudah kembali ke Pahang, negeri asal Datuk Shariff Ahmad.

Oleh itu saya difahamkan, Singapura mungkin tak mahu membeli babi dari Malaysia. Kalau babi terus beranak dan Singapura tidak mahu terima, apa saya nak buat dengan babi-babi ini?

## **SUSU DAN TELUR**

Kementerian juga menghadapi masalah adanya bekalan susu dan telur yang berlebihan. Saya bertanggung-jawab walaupun saya tiada hubungan istimewa yang langsung dengan lembu dan ibu ayam.

Memang menjadi satu kebiasaan bagi saya menanggung beban dosa orang lain.

## **PERTANDINGAN MEMANJAT POKOK KELAPA**

Wakil Kedah, Wakil Terengganu dan Wakil Wanita menyentuh mengenai pertandingan memanjat pokok kelapa untuk merebut Piala Mat Jenin.

Memanglah seimbas lalu kelihatan seolah-olah kerja memanjat pokok kelapa ini satu kerja yang hina dan legenda Mat Jenin ini sendiri menjadi omongan kerana Mat Jenin mati apabila sampai ke peringkat menikah dengan tuan puteri dalam khayalannya sewaktu dia sedang memanjat pokok kelapa.

## **KAWASAN TANAMAN KELAPA**

Untuk maklumat Perwakilan sekelian, daripada 235,300 hektar kawasan yang sekarang ini ditanam dengan kelapa, 205,300 hektar adalah milik pekebun - pekebun kecil dan 30,000 hektar sahaja dikenyalikan secara estet. Ini melibatkan 94,000 keluarga. Dari 205,300 hektar, hanya 124,000 hektar sahaja yang sesuai untuk ditanam koko. 31,600 hektar dari kawasan ini sudah pun ditanam dengan koko, tinggal

92,400 hektar yang boleh ditanam dengan koko, tetapi belum ditanam.

Ini bererti luas kawasan yang tidak sesuai ditanam dengan koko ialah 81,300 hektar. Jika dicampur dengan tanah yang sesuai untuk koko, tetapi belum diusahakan, luas kawasan kelapa pekebun kecil hingga hari ini, ialah 173,700 hektar. Ini melibatkan 79,000 keluarga.

### HARGA KELAPA

Harga kelapa tua di Pasar Tani di peringkat 20 sen sebiji, sedangkan harga kelapa muda ialah RM 1 sebiji. Soalnya, kenapa kita menjual kelapa tua sedangkan sebelum tua, kelapa ini muda dahulu dan boleh dijual dengan harga lumayan.

Mengikut pepatah Inggeris (saya mohon izin Datuk Pengerasi untuk menyebut dalam bahasa Inggeris). '*If you cannot change the direction of the wind, you should adjust the sail.*' Jika kita tidak boleh mengubah arah angin kita hendaklah mengubasuai layarnya. Semoga kelapa tua berkurangan dan harganya naik.

### BEKALAN KELAPA

Di Kuala Lumpur ada hanya dua tempat untuk mendapatkan kelapa muda, iaitu di Stadium Merdeka dan di Jalan Raja Laut. Sukar sekali bagi pelancong baik dari dalam maupun luar negeri mendapat hidangan air kelapa muda di hotel-hotel di Kuala Lumpur.

Di Pulau Langkawi salah satu minuman yang paling popular di kalangan pelancong ialah air kelapa muda. Hotel-hotel di Kuala Lumpur pula menyatakan, kelapa muda tidak dihidangkan kerana tiada bekalan ataupun bekalan tidak terjamin.

Oleh kerana ada permintaan bagi kelapa muda dan kelapa pula tidak tua sebelum muda, soalannya ialah kenapa kita tidak memetik kelapa semasa ia muda, supaya kelapa tua menjadi kurang dan harga kelapa tua meningkat.

Jawapannya terdapat di luar bandar, di kawasan kebun kelapa. Kelapa tua katanya kalau jatuh tidak pecah, sedangkan kelapa muda tidak akan jatuh, tetapi jika dikait, jatuh pecah. Oleh sebab itu kelapa muda tidak dikait.

## SUBSIDI BERUK

Kementerian pada satu masa dulu pernah memberi subsidi. Sekarang beruk tidak lagi disiplin. Oleh itu rakyat perlu digalakkan memanjat pokok kelapa. Jika tidak sebagai satu kerjaya, ia boleh dilakukan sebagai hobi atau sebagai sukan yang menguntungkan secara langsung kepada petani. *Insyaallah*, pendapatan petani akan meningkat dan harga kelapa tua akan menjadi lebih tinggi.

## MAT JENIN

Mat Jenin pula ialah pemanjat kelapa. Menurut legenda, dia berkhayal menjual buah kelapa dan membeli ayam yang akan dipelihara untuk dijual bila

besar dan kemudian membeli itik. Itik dijual untuk membeli kambing. Apabila kambing dijual, Mat Jenin berkhayal membeli lembu, kemudiannya kerbau. Apabila kerbau habis dijual, dia akan menggunakan wang yang banyak untuk membeli kuda kemudian gajah. Mat Jenin yang menjadi begitu kaya, akhirnya berkhayal menjual gajah untuk belanja menikah dengan seorang Tuan Puteri. Di waktu itu beliau terkejut dan terlepas dari pokok kelapa yang sedang dipanjangnya, lantaran jatuh ke bumi dan terus mati.

Saya berpendapat cerita ini tidak logik. Jika Mat Jenin sudah menikah dengan Tuan Puteri, dia sudah tentu akan memeluk pokok kelapa kuat-kuat dan dia tidak akan jatuh langsung mati.

Tidak mungkin dia akan menolak ataupun melepaskan Tuan Puteri yang baru dikahwininya. Dia pasti memeluk.

Jika Mat Jenin mati, bagaimana dia boleh menceritakan khayalannya?

### MAT JENIN TIDAK MATI

Saya berpendapat Mat Jenin tidak mati. Oleh kerana Mat Jenin tidak matilah, maka rata-rata kita melihat ada pengusaha Bumiputera, walaupun ada masalah, terus berusaha mencapai matlamat menjadi manusia kaya dan maju.

Saya berpendapat matinya Mat Jenin dalam legenda itu hanya rekaan penjajah yang tidak ingin cita-cita Melayu meningkat tinggi. Oleh itu saya

menyumbangkan Piala Mat Jenin dalam pertandingan memanjat pokok kelapa.

## PENTADBIRAN IBU PEJABAT

Wakil Selangor semasa membahaskan Usul Terima Kasih kepada Presiden, menimbulkan mengenai kelemahan pentadbiran Ibu Pejabat yang katanya menyebabkan kekecohan di Hulu Langat.

Saya bersetuju adanya kelemahan dalam beberapa bidang pentadbiran Ibu Pejabat. Sebagai manusia yang tidak *maksum*, yang tidak sunyi dari pada dosa, saya dan kakitangan Ibu Pejabat sentiasa berusaha mengesan kelemahan, menerima teguran dan laporan dan berusaha membaikinya.

Tetapi Ibu Pejabat UMNO tidak bersalah dalam isu Hulu Langat kerana pada pengetahuan saya, bukan Ibu Pejabat UMNO yang mengeluarkan Surat Kuasa untuk bertanding atas tiket BN.

Saya juga tidak mengarahkan pegawai Ibu Pejabat berbuat demikian.

## HORMAT BAHAGIAN

Sebagaimana kita maklum, Perlembagaan UMNO memberi kuasa luas kepada UMNO -- UMNO Bahagian. Ini penghormatan yang tinggi kepada Bahagian dan Ketuanya.

Walau siapa juga bersalah dalam isu di Hulu Langat, bekas Ketua Bahagian itu tidak patut

mengambil kesempatan. Kita tidak boleh menghalalkan satu kesalahan besar dengan bukti adanya kesalahan yang lain.

Walaupun kita sayang sahabat-sahabat kita, persahabatan tidak boleh menjadi penghalang kepada pelaksanaan disiplin dalam parti.

## UMNO DULU DAN SEKARANG

Ada wakil dalam Perhimpunan Agung ini mempersoalkan perjuangan UMNO masakini secara perbandingan dengan perjuangan UMNO sewaktu ia ditubuhkan pada 1946.

Sebenarnya, semangat perjuangan Melayu bukan bermula pada 1946. Kisah perjuangan Melayu sudah tentu banyak lagi diketahui jika penjajah tidak membakar kapal yang membawa buku, dokumen dan khazanah Melayu dalam perjalanan kapal itu dari negara kita ke Britain.

Semangat perjuangan Melayu sudah wujud di zaman Kesultanan Melaka. Pahlawan Hang Tuah masih dalam kenangan.

Malangnya Kerajaan Negeri-Negeri Melayu sejak zaman itu, satu demi satu berpecah dan seterusnya dijajah.

## PAHLAWAN MELAYU PERAK

111 tahun lalu, pada 1 November 1875, kira-kira pukul 11.00 malam, Pahlawan Melayu Datuk Ma-

haraja Lela di Perak, membunuh penjajah Inggeris James W.W. Birch.

Tindakan Datuk Maharaja Lela itu adalah cetusan dorongan semangat perjuangan Melayu yang tidak tahan dijajah dan inginkan Kemerdekaan. Datuk Maharaja Lela dan sahabatnya, Datuk Sagor syahid di tali gantung penjajah di Matang pada 21 Januari 1877.

## SABAH

Kira-kira 24 tahun kemudian, setelah James Birch dibunuh, kira-kira 86 tahun yang lalu, pada 31 Januari 1900, pahlawan Melayu Mat Salleh di Sabah syahid dalam pertempuran menentang, secara bersenjata, pentadbiran penjajah yang dipimpin oleh Harrington.

## SARAWAK

Walaupun pada 1946 di Semenanjung, orang Melayu berjaya menentang Malayan Union, di Sarawak, oleh kerana orang Melayu masih tertekan, maka 37 tahun yang lalu pada 3hb November 1949, satu serangan ke atas Gabenor Duncan Steward dilakukan oleh Pahlawan Melayu Rosli Dobi dan pengikutnya di Bandar Sibu.

Dalam kejadian itu Duncan Steward ditikam sehingga mati 37 hari kemudiannya di sebuah hospital di Singapura pada 10hb Disember 1949.

Sebelum Rosli Dobi meninggalkan rumahnya untuk membunuh Duncan Steward, beliau

menyatakan pada isterinya, 'Aku terpaksa memilih antara kamu dan negara, maka aku pilih negara untuk kamu."

Pahlawan Melayu Rosli Dobi, pahlawan Melayu Awang Rembi dan pahlawan Melayu Mushidi Sidik telah syahid di tali gantung dalam bulan Mac 1950.

## PERPADUAN MELAYU

Adalah jelas bahawa orang Melayu, sebelum tertubuhnya UMNO di Semenanjung pada 1946, memilih cara-cara sendiri berjuang mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa.

Tetapi bangsa Melayu tidak pernah berjaya dalam perjuangan secara persendirian, secara berasingan dan secara berpecah-belah.

Tetapi, atas takungan darah pahlawan-pahlawan Melayu yang telah mengalir inilah, atas keinsafan yang timbul daripada tekanan penjajahlah maka perpaduan Melayu telah tercapai dan UMNO ditubuhkan.

Malaya Merdeka; Malaysia ditubuhkan; Sabah dan Sarawak Merdeka dalam Malaysia. Impian Rosli Dobi di Sarawak dan Mat Salleh di Sabah tercapai.

## TATACARA BERJUANG

Memperjuangkan Kemerdekaan adalah satu perjuangan yang mirip kepada peperangan. Jika kebi-

jaksanaan berpolitik menguasai keadaan, maka peperangan itu tidak berdarah.

Perjuangan atau peperangan memerlukan tatacara yang sesuai dengan masa.

Kita tidak boleh menggunakan senjata yang digunakan dalam Perang Dunia Pertama untuk menghadapi Perang Dunia Kedua. Kita juga tidak boleh menggunakan senjata Perang Dunia Kedua untuk menghadapi Perang Dunia Ketiga.

Kita perlu menghadapi cabaran masa hadapan dengan menggunakan otak sebagaimana disarankan oleh Wakil Melaka.

## **SEMANGAT DULU**

Dalam menghadapi ancaman, cabaran dan masalah masakini, kita perlu mencontohi semangat UMNO 1946, semangat Pahlawan Melayu Datuk Maharaja Lela 1875, semangat Pahlawan Melayu Mat Salleh 1900, semangat Pahlawan Melayu Rosli Dobi 1949. Jasa dan budi mereka sentiasa dikenang.

## **CARA SEKARANG**

Kita perlu mencontohi perpaduan 1946, tetapi kita juga perlu mempunyai cara baru menghadapi cabaran masakini.

Adalah lebih baik kita contohi semangat perpaduan masa dulu dengan tatacara baru, daripada kita mengekalkan tatacara lama tetapi mengenepikan semangat perpaduan pusaka bangsa.

*Kita perlu bersatu  
Kita perlu berpadu*

Perpaduan bangsa atau bangsa yang tidak pecah adalah laksana tempayan besar yang tidak pecah. Apabila tempayan tidak pecah, kita dapat mengisikan apa saja dalam tempayan bangsa dan kita dapat mewarnakan tempayan itu dengan apa jua warna bangsa yang kita kehendaki.

Tetapi sebelum tempayan dapat diisi, sebelum tempayan dapat diwarnakan, tempayan itu hendaklah tidak pecah.

Soalnya ialah, '*Apakah kita, pada setiap masa, betul-betul sanggup mengorbankan kepentingan politik peribadi untuk kepentingan bangsa atau adakah kita sanggup mengorbankan perpaduan UMNO dan bangsa untuk kepentingan peribadi? Antara dua kesanggupan inilah letaknya nasib tempayan*'.

Terima kasih.

# MALAM KEPUTUSAN

Perhimpunan UMNO  
Di Dewan Nirwana Hotel Hilton Kuala Lumpur.  
Pada 22hb. April, 1987.

*Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah hirabilalamin  
wassola tu wasala mu ala ashrafi ambiya iwarmursalin  
wa ala alih iwasahbihi ajmain.*

*Y.Bhg. Saudara Pengerusi Majlis*

*Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad,  
Presiden UMNO Malaysia*

*Y.A Bhg. Datin Seri Dato' Paduka Dr. Siti Hasmah*

*Y.A.B. Encik Ghaffar Baba*

*selaku Timbalan Presiden Umno Malaysia*

*Y.A.B. Menteri-menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian*

*Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh*

---

## MALAM KEPUTUSAN

Tidak banyak yang baru yang ingin saya perkatakan pada malam ini, tetapi oleh kerana pada ke esok dan lusa hari kita akan berdepan dengan satu keadaan, di ma-

na kita perlu buat satu keputusan, maka saya pada malam ini, jika ada yang saya ulang-ulangkan yang pernah saya bicarakan waktu menjelajah ke negeri-negeri, saya berharap, saudara-saudara akan bersabar bersama-sama untuk merenungkan perkara yang disebut ini.

Saudara sekalian,

### IMAM SUFIAN

Di zaman Imam Sufian, ada seorang hamba Allah yang kerjanya menggali kubur orang mati. Bukan beliau gali kubur untuk tanam orang mati, tetapi apabila seseorang itu sudah mati dan setelah ianya dimandikan, dikapkan, disembahyangkan dan dibawa ke perkuburan untuk rakan dikebumikan, ditalkinkan dan setelah keluarga serta rakan yang menghantar beliau kembali dari perkuburan, Mungkar Nangkir pun datang untuk bertanya, untuk berinterview.

Biasanya untuk dapat tanah kita interview dulu baru dapat tanah, hanya tanah kubur saja, yang dapat dulu baru interview.

Hamba Allah tadi telah menggali satu kubur, dua kubur, tiga kubur, sepuluh kubur, dua puluh kubur, lima puluh kubur, seratus kubur, untuk melihat bagaimana wajah dan kedudukan mayat-mayat tadi setelah disoal oleh Mungkar Nangkir.

Setelah selesai beliau menggali seratus kubur, beliau pergi kepada Imam Sufian dan berkata, "Ya, Imam, kenapakah dari seratus kubur umat Islam yang aku gali, aku lihat hanya dua sahaja yang masih mengadap ke kiblat, dan 98 lagi sudah beralih mengadap ke matahari naik?"

Kenapakah dari seratus mayat umat Islam di dalam kubur hanya dua sahaja yang masih tenang, dan 98 lagi sudah terkangkang dan terbeliak sesudah disoal oleh Mungkar Nangkir?"

## **REZEKI DI TANGAN ALLAH**

**Jawab Imam Sufian, "Manusia di akhir zaman, hanya 2% saja yang masih percaya rezeki itu di tangan Tuhan".**

Oleh kerana sedikit sahaja yang percaya rezeki di tangan Tuhan, maka tidak hairanlah kita, di waktu pilihan-rayu mereka yang mengatakan diri mereka sebagai parti Islam, memperalatkan agama semata-mata untuk memastikan rezeki mereka itu dapat dengan helah mereka sendiri.

Sekarang ini kita lihat, berbagai-bagai macam fitnah sudah wujud di dalam UMNO sendiri, semata-mata kerana manusia berpendapat kebijaksanaan merekalah yang akan menentukan samada mereka menjadi Presiden ataupun Timbalan Presiden.

Saudara sekalian,

## **PERANAN ALLAH**

Peranan Tuhan di dalam pemilihan pemimpin UMNO adalah nyata jika kita sanggup meneliti sejenak.

Yang sepatutnya menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama dahulu ialah Dato' Onn.

Tetapi kerana Tuhan tidak mengizinkan Dato' Onn

menjadi Perdana Menteri, di tengah jalan beliau keliru.

Generasi muda yang ada di dalam UMNO pada waktu itu, tidak dapat keputusan untuk memilih sesama sendiri, makanya mereka menjemput Tunku Abdul Rahman untuk memimpin UMNO hingga menjadi Perdana Menteri.

Apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, Tun Razak menjadi Timbalan.

Buat beberapa waktu Tun Ismail bertanding melawan dengan Tun Razak, sebagai tanda beliau juga berhasrat untuk menjadi Perdana Menteri.

Tun Ismail kalah dan Tun Razak menang, dan akhirnya Tun Razak menjadi Perdana Menteri dan Tun Ismail menjadi Timbalan. Tuhan telah membawa Tun Ismail kembali ke rahmatullah.

Kalau takdirnya Tun Razak dulu yang meninggal dunia, Tun Ismail sudah pasti menjadi Perdana Menteri, dan tidak mungkin Tun Hussein menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Tidak mungkin kedua-dua tokoh Johor jadi Perdana Menteri dan Timbalan.

Oleh itu mengikut kehendak Allah, Tun Ismail dulu meninggal dunia, maka berpeluanglah Tun Hussein menjadi Timbalan, Tun Hussein pula lebih tua daripada Tun Razak.

Mengikut logik, Tun Hussein patut pergi dulu. Tun Hussein menikah dengan kakak dan Tun Razak dengan

adik, tetapi kerana Tuhan mahukan Tun Hussein naik menjadi Perdana Menteri, maka Tun Razak meninggal dulu.

Apabila Tun Hussein naik, yang paling popular pada waktu itu ialah Tengku Razaleigh, yang sama popular ialah Encik Ghaffar Baba.

Encik Ghaffar Baba sudahpun menjadi Naib Presiden yang paling senior di dalam UMNO pada waktu itu.

Tetapi kerana Encik Ghaffar bekas anggota parti Nasionalis Melayu, tidak sesuai dengan Dato' Onn, telah menyebabkan Tun Hussein tidak terfikir untuk melantik Encik Ghaffar Baba sebagai Timbalan.

Saya tak percaya Tun Hussein begitu sayang kepada Dr. Mahathir, kerana watak Dr. Mahathir memang susah didekati.

Dr. Mahathir ada di sini. Apabila Tun Hussein menggunakan akal untuk berfikir siapa yang patut dijadikan Timbalan, oleh kerana Encik Ghaffar Baba sendiri ada peristiwa dengan bapanya dulu, maka Dr. Mahathir menjadi pilihan.

Dr. Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kemudian Tuhan uzurkan Tun Hussein.

Jika Tun Hussein masih sihat seperti sekarang, saya percaya dia tidak akan berhenti dari jawatan Perdana Menteri, tetapi takdir Tuhan dia sakit, sampai kita kasihan melihat keadaan beliau yang begitu uzur, dan beliau pun berhenti dan Dato' Seri Dr. Mahathir pun naik sebagai Perdana Menteri.

## **PENENTUAN PARTI**

Pada waktu itu, Naib-Naib Presiden ialah, Encik Ghaffar, Tengku Razaleigh dan Dato' Musa.

Dato' Seri Dr. Mahathir tidak dapat memilih antara Tengku Razaleigh dan Dato' Musa. Beliau tidak pun terfikir nak pilih Encik Ghaffar Baba.

Jadi beliau benarkan parti yang memilih antara Tengku Razaleigh dan Dato' Musa.

Saudara sekalian,

## **SATU ANTARA DUA**

Maka pada tahun 81, bertandinglah Tengku Razaleigh dan Dato' Musa.

Encik Ghaffar tidak terfikir hendak turut bertanding sama, kerana dia sendiri fikir bukan masanya dia nak jadi Timbalan Perdana Menteri.

Begitu sikap Encik Ghaffar pada tahun 81. Maka lawanlah Dato' Musa dengan Tengku Razaleigh.

Oleh kerana orang macam saya ini berfikir, kerana Dato' Seri Dr. Mahathir pun menyokong Dato' Musa.

Saya pun turut menyokong kuat Dato' Musa, apatah lagi kerana Presiden sendiri, Dato' Seri Dr. Mahathir, merasakan lebih mudah bekerja dengan Dato' Musa, maka bermatianlah kita kempen untuk menangkan Dato' Musa, sedangkan Tengku Razaleigh lebih popular pada waktu itu.

## AIDS

Dato' Musa menang. Semua orang terfikir dia akan jadi Perdana Menteri. Kemudian dia buat perangai. Dia merasakan Dato' Seri Dr. Mahathir ini dihasut oleh AIDS, Anwar, Daim, Sanusi.

Dia tidak tahu yang Dato' Seri Dr. Mahathir ini, kadang-kadang kita beri macam-macam ide, lepas itu kita tunggu nak tengok banyak mana ide kita dia pakai. Apabila dia laksanakan sesuatu projek, satu persen pun tak ada.

Anwar pun bagi ide juga, Anwar punya ada satu persen. Daim pun bagi ide ada dua persen, bila kita bertiga duduk sekali, kita tanya ide mana dia ambil ini, jadi kami semua berpendapat barangkali ide Dato' Musa.

Rupanya Dato' Musa pun berfikir macam itu juga, dia ingat barangkali itu ide kami. Dia lupa bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir sudah jadi orang politik sejak tahun 46 lagi.

Sudah 41 tahun, waktu Ronald Reagan masih pacu kuda dengan Janet Leigh, Rajiv Ghandi di dalam buaian, Margaret Thatcher sedang berasmara, di waktu itu, Dato' Seri Dr. Mahathir sudah menjadi seorang politisyen.

Apakah dia perlu orang macam saya, macam Daim, macam Anwar untuk menguasai fikirannya sehingga kami sanggup dipanggil petualang?

Sedangkan kami yang bermati-matian menaikkan dia pada tahun 81.

Saudara sekalian,

Pada tahun 84 setelah Dato' Musa menang pada tahun 81, dia panggil saya pergi ke pejabatnya, saya jarang pergi berjumpa pemimpin, kecuali saya dipanggil ataupun saya ada masalah.

Saya dipanggil, dia kata pada saya, "Sanusi awak ni pandai betul, kerana awak nak menang Majlis Tertinggi, awak kempen untuk saya jadi Timbalan Presiden."

Begitulah caranya Dato' Musa menyatakan terima kasih.

Saudara-saudara sekalian,

#### **BERTAMBAH 4**

Begitu jugalah caranya dia akan kata terima kasih kepada semua penyokong-penyokongnya, kerana dia merasakan diri dia itu cukup popular.

Pada tahun 84, dia ditentang lagi, waktu itu saya pun bertanding jawatan naib Presiden.

Kempen tidaklah seberapa hebat, kerana bila kita lawan untuk Naib Presiden, kita pun kira-kira nak menang juga. Saya tewas, Dato' Musa menang bertambah 4 undi. 4 undi bertambah setelah tiga tahun jadi Timbalan Perdana Menteri, tiga tahun jadi Menteri Dalam Negeri, bertambah hanya 4 undi. Satu satu pertiga undi bertambah dalam satu tahun. Si Azman Attar itupun boleh dapat lebih daripada itu. Satu satu pertiga undi setahun pasal apa?

Kalau saudara tanya kepada saya kenapa Dato'

Musa dapat undi begitu sedikit jawabnya dia salah pilih Kementerian.

### SALAH PILIH

Tidak ada Timbalan Perdana Menteri yang memilih Kementerian Dalam Negeri kecuali Tun Dr. Ismail. Tun Razak, dia pilih Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dia boleh beri kepada peserta rancangan ini, rancangan itu, tolong orang ini dan orang itu.

Datuk Hussein Onn pun tahu memilih Kementerian Perdagangan dan Kementerian Kewangan, kerana ada benda yang baik yang boleh kita beri kepada orang.

Dato' Seri Dr. Mahathir di Kementerian Perdagangan juga boleh membantu orang, membantu kawan.

Dato' Musa memilih Kementerian Dalam Negeri.

Apa projek Kementerian Dalam Negeri? Buat jail, ini projeknya.

Jadi kalau kita salah pilih Kementerian, kita jangan salahkan orang kalau undi bertambah satu satuh pertiga setahun.

Saudara sekalian,

### LANTIK SEMULA

Tahun 84 dia lawan, dia menang.

Dato' Seri Dr. Mahathir masih melantik Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan, dan Bendahari UMNO pada pertarungan kali pertama.

Pertarungan pada kali kedua, oleh kerana Dato' Musa tidak banyak advance popularitinya, sedangkan Tengku Razaleigh masih banyak pengikut, maka Dato' Seri Dr. Mahathir melantik Tengku Razaleigh jadi Menteri saja.

Untuk menyenangkan hati Dato' Musa yang tidak mahu langsung Tengku Razaleigh jadi Menteri, maka Tengku Razaleigh tidak dilantik menjadi Menteri Kewangan, Bendahari UMNO, Ahli Majlis Tertinggi dan ahli Biro Politik.

## SERBA SALAH

Orang yang Dato' Musa mahu supaya dijadikan Menteri Kewangan tidak dilantik oleh Dato' Seri Dr. Mahathir.

Dato' Seri Dr. Mahathir cari orang neutral, kawan Dato' Musa, kawan Tengku Razaleigh, orang yang tidak ingin menggunakan Kementerian Kewangan untuk kepentingan politiknya. Menjadi Menteri Kewangan di zaman ekonomi meleset bukan kerja mudah.

Menjadi Menteri Kewangan di zaman ekonomi hebat, bolehlah setiap kali budget beri subsidi.

Bila datang waktu ekonomi meleset, mahu beri subsidi macam mana duit tak ada. Isteri pun, kalau kita kurangkan duit belanja dapur, anak, kalau kita kurangkan duit poket, terasa di hati tetapi taklah sampai putus kasih.

Itulah dia nasib Daim Zainuddin, yang menjadi Menteri Kewangan di zaman ekonomi meleset, sepatutnya dia boleh popular bagi dekat orang macam-macam, dia tak berupaya nak popular, nak bagi pun duit tak ada.

Bila Dato' Seri Dr. Mahathir melantik Tengku Razaleigh jadi Menteri, Musa tersinggung. Bila Dato' Seri Dr. Mahathir tidak melantik Tengku Razaleigh duduk dalam Majlis Tertinggi dan Biro Politik, Tengku Razaleigh tersinggung.

**Niat hamba Allah ini yang elok untuk menyatu padukan UMNO menjadi sia-sia kerana cemburu, hasad dengki antara dua tokoh yang sekarang ini mahu merebutkan jawatan.**

Saudara sekalian,

## **PATAH BERGANTI**

Dato' Musa buat perangai, dia berhenti. Bila dia berhenti siapa lagi mahu dijadikan Timbalan Perdana Menteri.

Di depan terserlah kacak seorang veteran, seorang yang berpengalaman, seorang yang diguna oleh Tun Razak, diguna oleh Tun Hussein dan dipakai lagi oleh Dato' Seri Dr. Mahathir apabila hendak menyelesaikan beberapa masalah yang melibatkan parti-parti komponen.

Beliau juga Setiausaha Agung Barisan Nasional. Waktu perahu UMNO sedang berada di lautan gelora, ditenggal kawan terumbang-ambing, masalah MCA belum selesai, masalah ekonomi sedang melarat dan masalah menghadapi pilihanraya.

Waktu itu Dato' Seri Dr. Mahathir melambai-lambai, menggamit-gamit sehingga Encik Ghaffar sudi masuk ke dalam perahunya. Sekarang perahu itu sudah belayar balik, kita sudah menang dalam pilihanraya.

**Berjuta rakyat memilih kita, rakyat meyakini program perlaksanaan cita-cita hasrat pimpinan yang ada kini.**

**Apakah perwakilan UMNO mahu mengecewakan berjuta-juta orang yang sudah memberi penghargaan kepada kita?**

Saudara sekalian,

### KUDA SARKIS

**Kenapa jadi masalah di dalam UMNO?**

Masalah ekonomi.

Betul.

Saya juga orang kata sebagai manusia kasar, sebagai manusia yang tidak punya diplomasi, ya, saya mengaku betul, tapi orang lupa bahawa saya juga lulus ekonomi.

Saya belajar ekonomi di London, malah saya juga belajar ekonomi di Jerman Barat.

Walaupun saya tidak menjadi pakar di dalam bidang ekonomi, pun saya boleh kenal yang mana kuda circus dan yang mana kuda race.

Untuk makluman saudara, orang yang berbicara boleh menyelesaikan masalah ekonomi dalam masa enam bulan, semuanya kuda-kuda sahaja.

Kita jangan takabur, kita jangan sompong, kerana selama ada di dalam Kabinet di dalam Majlis Tertinggi, kita tidak pernah dengar satu ide yang begitu hebat, yang boleh menyelesaikan masalah ekonomi secara ajaib.

Tidak ada.

## **TURUN NAIK HARGA**

Masalah harga barang naik turun. Getah di Malaysia naik turun kononnya kerana ada Dato' Seri Dr. Mahathir. Harga getah di Sri Langka turun mana ada Dr. Mahathir di sana? Getah di Brazil turun mana ada Dr. Mahathir? Getah di Indonesia turun mana ada Dr. Mahathir?

Kelapa sawit di Indonesia turun mana ada Dr. Mahathir? Di sana pun harga kelapa sawit turun. Harga minyak di sini turun.

Di Arab turun, di Venezuela turun, di Britain turun, di Amerika Syarikat turun, mana ada Dr. Mahathir di Amerika Syarikat, di Arab, di Venezuela, mana ada?

Bijih timah. Harga bijih timah di Malaysia turun, harga bijih timah di Bolivia turun, harga bijih timah di Thailand turun.

Tidak ada Dr. Mahathir di Thailand dan di Bolivia dan yang anehnya Prem tidak disalahkan apabila harga bijih turun, Prem tidak disalahkan apabila harga getah turun, Suharto tidak disalahkan apabila harga getah dan

harga kelapa sawit turun, Margaret Thatcher tidak disalahkan apabila harga minyak turun, Raja-raja Arab tidak disalahkan apabila harga minyak turun.

Hebat sekali Dato' Seri Dr. Mahathir boleh menurunkan harga getah di seluruh dunia. Hebat sekali Dato' Seri Dr. Mahathir kerana boleh menurunkan harga bijih timah di seluruh dunia.

**Kalau Dato' Seri Dr. Mahathir sendirian boleh menurunkan harga barang seluruh dunia, itu menjadi sebab kenapa beliau wajib jadi presiden UMNO pada hari ini.**

Saudara sekalian,

## HUTANG NEGARA

Malaysia banyak hutang. Kebanyakan hutang di zaman Tengku Razaleigh. Ya, sekarang pun kita berhutang. Saya ini, dulu Manager bank. Kalau orang masih sanggup beri hutang kepada kita adakah orang fikir kita akan muflis?

Yang menjadi masalah bila orang tak mahu beri hutang. Bila orang tak mahu beri hutang itu jadi masalah, kerana antara yang bagi pinjam duit dengan yang meminjam, yang lebih susah hati ialah orang yang bagi pinjam.

Waktu saya jadi Manager Bank dulu saya beri pinjam berjuta ringgit pada orang. Bila orang itu sakit, saya lebih susah hati daripada isterinya, kerana takut dia tidak bayar.

Apa tuan-tuan fikir bila Jepun, Jerman, Perancis atau mana-mana negara beri pinjaman duit kepada kita,

mereka bagi begitu saja kalau mereka tahu kita nak bankrap?

Kalau mereka tahu kita nak bankrap, taubat mereka akan bagi duit kepada kita. Kerana mereka yakin kepada kitalah, maka mereka bagi kita pinjam. Jadi, tak usah temberang orang kampung mengenai ekonomi dan mengenai kewangan.

Saudara sekelian,

Bukan isu harga barang.

Apa isunya?

Dr. Mahathir.

Ramai orang iri hati.

Saudara sekelian,

Dato' Seri Dr. Mahathir bila pergi ke luar negeri bawa seorang Menteri atau seorang Timbalan Menteri, tukang bawa beg.

Waktu beliau pergi Amerika Syarikat, ke Kanada, ke Perancis dan ke Switzerland, Sanusi Junid jadi tukang bawa beg. Kami duduk depan Ronald Reagan. Ronald Reagan di sebelah sana, Dato' Seri Dr. Mahathir di sebelah sini.

Ronald Reagan lipat kaki kanan atas lutut kaki kiri, Dr. Mahathir lipat kaki kiri atas lutut kaki kanan. Saya duduk di tepi, saya pun lipat sama. Oleh kerana Timbalan Perdana Menteri tidak ikut sama, saya dengan Bush Naib Presiden.

Kecuali kami lebih pendek daripada mereka, dari segi rupa bukan sahaja Dato' Seri Dr. Mahathir, saya pun tak kalah.

Apabila kita berbicara dengan Ronald Reagan, Dato' Seri Dr. Mahathir tanya soalan dekat Ronald Reagan, Ronald Reagan pun jem, dia tak tahu nak jawab.

Dia pun beralih kepada pegawai, dia minta pegawai jawab. Lepas itu Dato' Seri Dr. Mahathir tanya lagi satu soalan. Saya lihat Ronald Reagan beralih ke kiri ke kanan suruh pegawai jawab.

Lepas itu bila Ronald Reagan tanya soalan, Dato' Seri Dr. Mahathir jawab terus, tak tanya pegawai pun. Ronald Reagan tanya lagi soalan, pegawainya tanya, Bush pun tanya soalan, Dato' Seri Dr. Mahathir jawab tak payah tengok pegawai.

Sekali Ronald Reagan tanya Dato' Seri Dr. Mahathir dia tak tahu jawab, dia tengok dekat saya, saya pun tak tahu, tengok kat pegawai, pegawai pun tak tahu.

Saudara sekalian,

### **ISLAM BERBALAH**

Saya dengar Ronald Reagan bertanya, pasal apa orang-orang Islam suka bergaduh. Dato' Seri Dr. Mahathir jawab, orang bergaduh bukan kerana Islam, Islam di dunia banyak yang tak bergaduh.

Di Malaysia tak bergaduh, di Indonesia negara yang paling banyak umat Islam tak bergaduh, di Pakistan tak bergaduh, di Bangladesh tak bergaduh, di India tak berga-

duh. Kalau dulu Kristian di Sepanyol bunuh orang Islam dengan Yahudi, kata Dato' Seri Dr. Mahathir, "Apakah Kristianity itu tidak elok?"

Apa orang Sepanyol yang salah?

Kalau orang Arab yang tak salah." Ronald Reagan tanya, lagi "Kenapa orang Arab suka bergaduh?"

Dato' Seri Dr. Mahathir jawab, "Bukan Arab sebagai satu bangsa yang salah, Jerman dulu di bawah pemimpin Hitler, jadi kacau bilau di Eropah".

Jadi kita jangan salahkan orang Arab, kerana Jerman bila tak ada Hitler, tak ada Geobbels, tak ada Himmler, tak ada Heidrich, Jerman jadi bangsa yang baik.

Jadi Arab bergaduh juga bukan kerana Arab, kerana pemimpin Arab. Lepas itu Ronald Reagan tanya lagi, "Kenapa pemimpin Arab ni suka bergaduh"? Dato' Seri Dr. Mahathir menjawab, "Kerana setengah pemimpin Arab baik dengan Rusia dan setengah dengan Amerika.

Jadi yang setengah berperang bagi pihak Amerika, dan setengah berperang bagi pihak Russia." Ronald Reagan terkejut. "Jadi, kami inilah yang salah."

Dr. Mahathir kata, "I didn't say that," (saya tak kata macam itu).

Rupanya dikeliling saya ramai penasihat Reagan berketurunan Jerman, macam Stockman, Weinberger, mereka berbisik-bisik sama-sama mereka dalam bahasa Jerman "cukup bijak".

## **PEMIMPIN ULUNG**

Pada malam itu kami pergi makan di rumah Vice President, Bush, saya dengar lagi, saya dengar lagi mereka kata. **Dalam bahasa Jerman maknanya "dialah pemimpin ulung di ASEAN.**

**Dan mereka kata lagi, dalam bahasa Jerman, "beliaulah pemimpin ulung di dunia Islam."**

Ini bukan saya kata, yang kata ini penasihat-penasihat Ronald Reagan.

Saudara-saudara sekalian,

## **TIDAK SABAR**

Kalau begitu bukan soal ekonomilah, bukan soal turun naik harga barang, bukan soal pandangan pemimpin-pemimpin asing.

Bukan.

### **Apa masalah UMNO?**

Masalah UMNO, ialah Dato' Musa tidak sabar untuk jadi Perdana Menteri.

Beliau ingin melihat semua halangan kepada beliau untuk menjadi Perdana Menteri diketepikan. Jadinya, beliau tidak mahu Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri. Beliau juga memandang orang-orang jenis saya ini sebagai orang yang kononnya anti beliau.

Saya sebagai Setiausaha Agung, sudah tentu kalau

orang mahu sepak Presiden, diri saya menjadi benteng.

Kerana ada bezanya antara Setiausaha Agung dengan *Secretary General*. *Secretary General* ialah jeneral yang menyimpan rahsia.

Saya Setiausaha Agung. *Secretary General* setia tetapi tidak Agung. Jadi tidak sama antara *Secretary General* dengan Setiausaha Agung.

Bahasa Melayu lebih tinggi dan lebih hebat.

Saudara-saudara sekelian,

### MENGENANG BUDI

Bila kita tahan dia daripada tentang Presiden, dia kata kita petualang

Baru-baru ini saya kata, maaf saya, kalau kita pelihara lembu, kita beri rumput satu guni sehari, dia akan tarik kereta lembu sampai berdarah tengkoknya.

**Lembu kenang budi kita.**

Oh, mereka kata, Sanusi tak boleh cakap kasar. Lembu, sekurang-kurangnya tak kasar, ada rupa lembu. Ini kalau petualang, rupa pun tak ada. Oh, bila mengata kita tak apa, bila kita kata kat mereka, tersinggung.

Lepas itu saya kata lagi, kalau kita pelihara anjing, kita beri sekeping roti satu hari. Anjing akan kenang budi kita. Waktu malam kita tidur, anjing jaga, waktu siang, kita jaga, anjing tidur.

Baru-baru ini pemberita tanya saya kenapa saya begitu kasar? Oh! Tak boleh kasar. Bagi saya, asalkan saya puas cukuplah.

Dan jangan tuan-tuan fikir saya ada *agreement* dengan Dr. Mahathir supaya beliau lantik saya menjadi Setiausaha Agung semula.

Tak ada cerita ini.

Ini cerita puas saja.

Saudara-saudara sekalian,

Baru-baru ini pemberita tanya, kenapa saya begitu kasar?.

Saya jawab, kalau begitu tak usah ambil contoh lembu dengan anjing, ambil contoh burung dengan kucing.

Sekarang kita tukar menjadi burung dan kucing.

Kalau burung pun kita beri makan padi hari-hari, dia akan menyanyi sepanjang waktu menghibur tuannya. Kalau kucing kita beri minum susu sepiring sehari. Dia akan jaga rumah kita daripada tikus.

Itu budi burung dan budi kucing.

Lembut sikit kan?

Saudara-saudara sekalian

### RAHSIA

Biar saya cerita pada malam ini satu rahsia. Sebab saya janji dulu nak cerita rahsia.

Rahsia ini, Ahli Majlis Tertinggi boleh menge-sahkan.

Peristiwa pada malam itu.

Malam itu ada Mesyuarat Majlis Tertinggi untuk bincang surat perletakan jawatan Dato' Musa. Petang itu Dato' Syed Nahar balik dari Pulau Pinang.

Adib Adam tunggu dekat *airport*.

Berjumpa Rahmah Othman. Waktu itu Rahmah Othman betul *team* kita.

Waktu itu.

Adib beri tahu kepada Rahmah supaya mendesak Dato' Syed Nahar bawa usul supaya diadakan Mesyuarat Agong Khas untuk mendesak Majlis Tertinggi jangan menerima perletakan jawatan Dato' Musa dan seterusnya mendesak Perdana Menteri supaya jangan menerima perletakan jawatan Dato' Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Rahmah beritahu kepada saya. Rupa-rupanya letak jawatan ini pun ada *plan*.

Bukanlah letak jawatan untuk pergi umrah dan terus beristirehat dan tidak mahu melibatkan diri dalam politik.

Dan baru-baru ini kita lihat Dato' Musa dalam majalah *Era*, saya lihat gambar dia pegang sebuah buku, walaupun tajuk buku itu ditutup, saya lihat pengarangnya Robert Schuler, bertajuk "*Tough Time Never Last, Tough People Do*". Dia merasakan diri dia *tough people*.

Saudara sekalian,

Apa sebenarnya rancangan beliau?

beliau Rancangan beliau ialah setelah letak jawatan, menghendaki UMNO mengadakan Mesyuarat Agung Khas.

Beliau berharap keputusan Mesyuarat Agung Khas itu akan meletakkan beliau balik sebagai Timbalan Presiden dan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Maka dengan itu, dia tidak lagi boleh didakwa oleh Dato' Seri Dr. Mahathir, sebagai Timbalan Perdana Menteri yang menang sebagai Timbalan Presiden dengan bantuan Presiden.

Itu saja.

Saya pun belajar psikologi juga dulu.

Ego dia

Dia tidak senang bila orang katakan dia menang kerana Dato' Seri Dr. Mahathir sokong dia.

Dia merasakan dia dengan Dato' Seri Dr. Mahathir *equal, sama*.

Itu sebab 2M dia *popularkan* melalui kaki-kaki dia di dalam akhbar.

Malam itu, Dato' Seri Syed Nahar, yang memang baik dengan Dato' Seri Dr. Mahathir, tetapi dengan saya waktu itu, dia geram.

Oleh kerana dia geram pada saya, geram itulah merecik sikit pada Dato' Seri Dr. Mahathir. Dia pun bawa usul. Dia beritahu, kita kena ada Mesyuarat Agung Khas kerana Dato' Musa diberi mandat oleh perwakilan UMNO. Perwakilan UMNO lah yang patut membersihkan keadaan.

Nasib baik kerana kebijaksanaan Majlis Tertinggi, lebih-lebih lagi Majlis Tertinggi dari Team A ini, usul itu ditolak.

Kemudian, untuk perpaduan beberapa pemimpin, UMNO merayu supaya perletakan jawatan Dato' Musa sebagai Timbalan Presiden jangan diterima.

Apabila semua ahli puas dah bercakap, Dato' Seri Dr. Mahathir buka beg besar dia, dia tunjuk dua pucuk surat.

### LETAK JAWATAN

Dato' Musa memberi amaran kepada Dato' Seri Dr. Mahathir supaya jangan melantik Tengku Razaleigh sebagai Menteri Perdagangan.

Kalau dilantik, "*I will reconsider my position as the Deputy Prime Minister*".

Dato' Seri Dr. Mahathir melantik juga. Dia tulis lagi satu surat dengan tangan dia sendiri, bertarikh 31 Julai '84, beri notis satu tahun untuk berhenti menjadi Timbalan Perdana Menteri mulai 1 Ogos '85.

Inilah surat perletakan jawatan yang paling lama tempohnya dalam sejarah dunia, daripada sebelum Nabi Isa sampai hari ini. Tidak ada yang lebih lama. Mana ada orang letak jawatan bagi tempoh setahun macam itu dalam politik.

Tak ada. Kadang-kadang orang itu lari dulu baru tulis surat letak jawatan. Ini tidak. Satu tahun.

Pada waktu itu Dato' Seri Dr. Mahathir tahu di dalam kumpulannya sendiri sudah wujud pembangkang.

Itu sebab barangkali dia lantik Encik Daim jadi Bendahari UMNO, saya jadi Setiausaha Agung UMNO.

Jadi pasal apa?

Pasal dia tahu dalam UMNO sudah ada seorang pembelot. Tahun '84 Dato' Seri Dr. Mahathir minta Tengku Razaleigh jadi Naib Presiden. Tengku Razaleigh tak mahu.

Apabila Dato' Musa berhenti dari jadi Timbalan Perdana Menteri, waktu itu, jika Tengku Razaleigh Naib Presiden dia dah jadi Timbalan Perdana Menteri.

Tuhan tak izin.

Tuhan tutup hati Tengku Razaleigh. Dan Encik Ghafar Baba lah yang bertanding dan akhirnya dilantik.

Apabila dua pucuk surat ini dibaca di dalam Majlis Tertinggi, Marina orang yang pertama mengatakan: "Kita kena terima malam itu juga perletakan jawatan Dato' Musa."

Rahmah sahut: "Saya setuju." Rafidah pun sokong, saya hairan tengok tiga perempuan begitu aktif dan keras tindakan pada malam itu. Memang betul.

Saya ingat ini.

Saya boleh ingat lima enam bahasa. Setakat cerita ini *simple* sahaja.

Selepas semua Majlis Tertinggi dah setuju, Ajib kata: "Tuan-tuan sekalian, rombongan Johor termasuk Dato' Syed Zain ada di *Pan Pacific*."

Walhal Dato' Syed Zain cadang kepada saya suruh pecat Dato' Musa kalau buat perangai macam itu. Itulah nasihat wali-wali yang kita jarang nak dengar.

Kata Dato' Ajib: "Di *Pan Pacific* Dato' ada banyak wakil-wakil daripada Johor yang sudah hangat."

"Jadi untuk cari jalan keluar, kita kenalah buat keputusan pada malam ini hantar rombongan, kerana Johor sudah bersedia nak hantar dengan MAS rombongan ke London untuk pujuk Dato' Musa balik."

"Saya jamin Dato' Musa tak akan balik."

Itu dia, ahli-ahli Majlis tertinggi ingat tak? "Saya jamin Dato' Musa tak balik." Shahril sampuk: "*I know Dato' Musa, he will never come back*". Dia pun tahu Dato' Musa tak balik kerana dia kata Dato' Musa itu ada *principle*.

Jadinya kalau balik tak ada *principle*lah

Lepas itu si Ajib pula kata: "Saya sendiri sudah bincang dengan Dato' Musa. Saya yakin beliau tak akan balik." Adib dengan sastera semua cukuplah. Lepas itu si Isa tanya: "Kalau dah tak balik hantar rombongan buat apa?"

Waktu itu Tengku Din menyampuk. Dia Menteri Luar Negeri. Dia kata: "Kalau dia tak balik pun kita hantar juga rombongan, ini namanya *cosmetic*."

Pada waktu itu seluruh Majlis Tertinggi menyampuk, "*cosmetic, cosmetic, cosmetic*."

Jadi sebenarnya, rombongan yang pergi cari nak pujuk Dato' Musa balik tu sebenarnya *cosmetic*, dengan penuh jaminan bahawa dia tak akan balik.

Malangnya UMNO, dia balik. Dia jadi balik.

Saudara sekalian,

### UJIAN PEMIMPIN

Itulah dia pemimpin yang pandai acah.

Pemimpin ini kita kena ukur dia apabila dia berada di dalam krisis. Siapa pun boleh jadi pemimpin, siapa pun boleh bawa kapal terbang kalau dok ada di tengah udara.

Tapi "*the test of a good pilot is dependent on how he takes off and how he lands*". Kalau orang nak take off begitu, kapal terbang di udara pun begitu, kapal terbang turun pun begitu, saya ingat habis, penumpang muntah.

Saudara-saudara sekalian,

Apa krisis yang dihadapi oleh Dato' Musa? Salah satunya krisis yang dia buat sendiri, Memali. Ibrahim Libya ini *member* saya. Saya tak berapa berani khabar kepada orang kata dia tu *member*.

Dia salah seorang orang yang duduk dalam komiti saya.

Lepas itu, bila UMNO berjaya, seminggu sebelum terjadi peristiwa Memali, saya yang menjadi Pengurus Jawatankuasa Penerangan UMNO Kedah, buat mesyuarat.

### MEMALI

Dalam mesyuarat itu, kes Ibrahim timbul. Ibrahim keras kepala, Ibrahim tak hendak tunduk arahan Polis dan saya diberi mandat untuk berunding dengan Ibrahim.

Saya balik daripada *meeting* jumpa Osman Bakar, ahli UMNO kawasan Dato' Seri Ramli Ngah Talib. Calon Naib Presiden. Bila saya jumpa Osman Bakar saya tanya, "Man, Man, Ibrahim buat perangai."

Ibrahim tu pagar rumah dia pun dia ambil model pagar rumah Tok Mertua saya di Aceh. Malahan bendera dia tu pun ada rencong Aceh. Ibrahim bukanlah belajar kat saya. Dia pi cari sendiri. Tapi saya kenal Ibrahim.

Saya pun minta Man Bakar ada kat sini ke malam ini? Ha ada. Alhamdulillah. Man Bakar tu jadi saksi. Saya kata kat man,"Man contact Ibrahim aku nak bercakap dengannya."

Man Bakar pun *contact* Ibrahim dan janji nak berjumpa minggu depan. Ibrahim janji nak jumpa saya dengan Man Bakar lagi satu minggu.

Jadi saudara sekalian,

Tiba-tiba rumah Ibrahim diserang oleh kereta kebal. Saudara, saya pun pernah jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri. Macam si Megat. Megat tu walaupun dia Timbalan tapi *power* macam Menterilah, sebab Perdana Menteri dah ada kerja lain.

Jadi saya dulu pun, oleh kerana Menteri saya Tan Sri Ghazali selalu keluar negeri, sayalah *in charge*.

Cuma dia beri petua saja. Dia bagi petua, kereta dia tu kalau pagi ke pejabat, tengah hari mesti berhenti di *Lake Club*, petang mesti ada di *Royal Selangor Golf Club*.

Kena berjalan waktu kereta orang balik pejabat. Kereta dia guna cermin gelap, tak nampak siapa di dalam. Jadi sayalah dok *run the show* ni.

Itu sebab, bila surat khabar India tulis yang bukan-bukan, saya *ban* Tamil Malar. Lepas tu dia balik, dia sokong saya.

## TANGGUNGJAWAB

Bila jadi peristiwa di Batu Pahat, Menteri dengan Timbalan kena sama-sama tahu, dan *control* tindakan polis. Jadi Tan Sri Ghazali dengan saya duduk sama-

sama. Bila dia pergi makan saya ganti. Bila saya pergi makan dia ganti. Begitulah lebih kurang."

Saya tak tahu macam mana Megat buat dengan Dato' Seri Dr. Mahathir waktu jadi peristiwa Pudu. Tapi waktu saya dulu macam itu *style*.

Dan polis ni, dia tanya: "Nak tembak tak tuan?" "*Shall we shoot?*", relay balik, "Nak tembak tak? Nak tembak tak?"

Tan Sri Ghazali kata: "Jangan, jangan, jangan," jadi, lama-lama putus tangan kerani perempuan tu seorang.

Lepas itu dia khabar dia nak pergi ke bilik mandi. Bila dia masuk ke bilik mandi saya *take over*. Saya kata, "*shoot*", tu yang jatuh habis.

Selesailah masalah dia. Dalam menyelesai masalah kadang-kadang dua tiga orang mati apa salahnya, daripada semua orang susah.

Saudara sekalian,

Kalau kes Batu Pahat yang kecil macam tu pun Menteri dengan Timbalan Menteri dok mengawasi saat demi saat, kes Memali ni boleh selesai dengan cara yang sama.

Waktu saya duduk di Kementerian Dalam Negeri, saya tahu pegawai pandai buat kerja. Tapi bila kerja jadi, Menterilah dapat nama bukan?

Kerajaan boleh bawa balik Musa Ahmad dari Negeri China. Terpaksa bawa dari satu lapangan terbang ke satu lapangan terbang. Yang mana patut di bayar rasuah kena bayar, yang mana patut kita suap, kita suap.

Dari Negeri China pun kita boleh bawa balik Musa Ahmad. Kita juga pernah menyelesaikan masalah *Japanese Red Army*.

Perkara berat-berat semua. Sampai Dato' Ramli Omar terpaksa pergi ke Sweden dengan kapal terbang *Japanese Red Army*. Semua ni kerja susah. Kes banduan dalam penjara, baru-baru ni pun bukan main susah. Megat boleh selesaikan.

Tiba-tiba kes Memali, bukan ada bom *hydrogen*, macam kata Encik Ghafar tadi, bukan ada apa, kalau kita pergi dengan paip air kereta bomba pun kita sembur, hancur, habis.

Saudara-saudara sekalian,

Dulu Osman Muhamadi. Dia rasa dunia ni nak kiamat. Dia pergi buat khemah di Pasir Mas. Kita nak tahu apa jadi dalam khemah itu.

Kita hantar seorang anak dara lawa suruh pakai purdah. Anak dara tu pun masuk. Lepas 6 bulan ada peserta cuba berkelakuan tak senonoh. Dia pun lari keluar baliklah. Tapi kita tahu apa jadi dalam khemah tu. Masa di Memali pun kita boleh buat macam tu. Jadi yang ni saya tak hendak cerita banyaklah. Jangan Menteri atau Timbalan Menteri nak lepas tangan.

Kalau lepas tangan puri, tanggungjawab ialah tanggungjawab Menteri, dan jangan salahkan Perdana Menteri. Jangan persalahkan Kabinet. Jangan persalah orang lain.

Kita kena ikut Jepun sikitlah. Bila kapal terbang jatuh Menteri letak jawatan. Kita di sini, kalau kapal terbang jatuh, Menteri akan memaki *pilot*. Bukan dia letak jawatan.

Ada bezalah antara kita dengan Jepun. ..

Jepun kalau kapal terbang jatuh mati semua. Menteri kita kapal terbang jatuh tak mati. Syaratnya Menteri Pahanglah. Dua-dua dari Pahang, Tan Sri Ghazali Shafie, Dato' Najib, semua kapal terbang jatuh tak mati.

Jadi saudara sekalian,

Kes Memali jangan lepas tangan. Awak bertanggungjawab. Kita puji polis kerana polis ikut perintah. Polis sebelum buat apa-apa dia periksa dulu. Apabila ada kelulusan baru mereka buat.

Tetapi *political decision* mesti ada di tangan Menteri yang bertanggungjawab.

Saudara-saudara sekalian,

#### TUAN MELAYU

Saya masuk UMNO pada 13 Oktober 1963 pukul 2.45 petang di Jalan Lemon, Seremban.

Saya memegang jawatan Setiausaha Pemuda UMNO Cawangan, Setiausaha UMNO Cawangan, Setiausaha Pemuda Bahagian, Setiausaha UMNO Bahagian, dan hadir bermacam-macam kursus.

Saya dengar Dato' Senu beri syarahan. Saya dengar Syed Jaafar Albar beri syarahan. Saya dengar Dato' Seri Dr. Mahathir beri syarahan. Saya melengung dengar Encik Ghafar Baba bagi syarahan.

Saya dengar macam-macam pemimpin beri syarahan. Tun Razak beri syarahan, Tun Dr. Ismail beri syarahan.

Apakah perlu demokrasi jika Melayu tidak mem-

rintah? Kalau kita kalah dalam pilihanraya kerana kita berkelahi sama sendiri buat apa demokrasi? Itu soalan saya.

Jadi bagi saya, kalau apa sistem pun asal akhirnya Melayu memerintah ok lah.

Program tambah rakyat hingga lebih 70 juta janganlah sampai Melayu tidak memerintah.

Saudara-saudara sekalian,

Kita kena kerja kuat. Maksud saya kerja kuat dalam parti. Dan kita semua kenalah memastikan kita memerintah.

Dan sistem yang paling sesuai, demokrasi.

Tapi demokrasi ini mestilah memberi jaminan kepada bangsa kita kerana tak ada negara lain di dunia yang muka jenis-jenis kita ni boleh jadi Perdana Menteri, boleh jadi Menteri, boleh jadi Raja, boleh jadi Ketua Setiausaha, boleh jadi Ketua Menteri.

Tak ada.

Kalau bangsa lain ada jenis mereka yang kita boleh tengok memerintah di negara lain.

Kita tidak mahu 1000 tahun dari sekarang orang kata: "*There was once a race called the Malays and they are here no more.*"

*"They are like the Incas...gone because they fought so hard for the Presidency and the Deputy Presidency of UMNO."* Kita tak mahu baca sejarah macam tu.

## KEJATUHAN SABAH

Keputusan pilihanraya di Sabah jadi bukti .

Kira-kira pukul 4 ke pukul 5 subuh Tun Mustapha dan Harris Salleh yang lama berkelahi sudah berpeluk-pe-luk pergi angkat sumpah jadi Ketua Menteri dan Timbalan.

Pukul 9 pagi besok, Biro Politik bersidang. Yang hadir Dato' Musa, Abdullah Badawi, Rafidah Aziz dan Sanusi Junid. Perdana Menteri dan Menteri-Menteri lain ada di luar negara, ada tugas.

Dalam Biro Politik tu, dilaporkan Tun Mustapha dah angkat sumpah.

Jadi saya tanya: "Bolehkah kalau angkat sumpah macam ni dari segi undang-undang." Kata mereka: "Dari segi undang-undang, boleh"

Dato' Rais jadi pemerhati hari itu, dia Menteri Penyeronangan, kata dia: "Kalau dah boleh apa salahnya." Jaga-jaga keamanan. Kerana sesuailah dengan selera saya.

Jawab Dato' Musa: "*Cannot, I spoke with Dato' Seri Dr. Mahathir four times*" (Malam tadi dia bercakap dengan Dato' Seri Dr Mahathir empat kali).

Dato' Seri Dr. Mahathir marah Harris Salleh pasal kata nak menang, tiba-tiba kalah. Dia pun marahkan Tun Mustapha. Bila saya dengar macam tu saya termenung.

Saya kata: "*Then Dato' Seri Dr. Mahathir has changed.*"

Saya baca buku *Malay Dilemma* daripada waktu dok haram, sampai ke hari ini. Ucapan-ucapan beliau, semua tape beliau, saya dok dengar dan baca.

Saya rasa akal dia bukan macam tu.

Kalau dah Tun Mustapha memerintah, dan dapat kekalkan kemanan, tidak jadi huru hara, cukuplah. Jadi saya kata kat Dato' Musa: "Betulkah Dr. Mahathir cakap macam tu?" Dia kata: "You don't believe me?"

Tak kan saya nak kata saya tak percaya... Ya dak Rafidah?

Jadi saya dan Rafidah pun kata: "Dah Dr. Mahathir kata macam tu, ok lah." Kemudian timbul pula satu isu.

"*It is fantastic. I can't imagine,*" kata Dato' Musa. "Sebuah parti pembangkang bila menang sahaja dalam pilihanraya sanggup masuk Barisan Nasional.

Kita patut mengeluarkan *statement* mengalu-alukan kemasukan mereka di dalam Barisan Nasional."

Saya tanya Dato' Musa: "Dr. Mahathir suruh ke ni?"

"Tak adalah ini ide saya saja," jawabnya. Saya sambung: "Tak usah."

Saya fikir UMNO ni janganlah dijadikan macam perempuan sundal. Siapa menang saja boleh tidur sebantal dengan UMNO. PBS menang, PBS masuk Barisan Nasional sampai tak peduli langsung perasaan kawan.

Saya tak marah PBS masuk Barisan, tetapi kenalah dulu fikirkan rasa hati BERJAYA macam mana? USNO macam mana? Apakah perlu masuk sekarang? Semua ini perlu dipertimbangkan.

Ni tiba-tiba parti yang bercakap mengenai nak merdekkakan Sabah daripada Malaysia, kita terus mengalu-alukan dia masuk Barisan tanpa perhitungan panjang,

tanpa memikirkan rakan-rakan kita sesama Islam yang sudah diketepikan.

Saya sambung lagi, "Kalau buat keputusan macam tu, saya akan *oppose* sendiri. Saya akan tentang sendiri."

"*Oh no, no, no*, kita tak akan buat keputusan. Kalau kita setuju aje, dah tak setuju ok *drop*."

Setelah Dato' Seri Dr. Mahathir balik daripada luar negara, pada satu kesempatan saya tanya beliau: "You kah suruh kutuk Tun Mustapha ni?" Dia kata: "Tak."

Dia kata Dato' Musa bercakap sekali saja dengan dia.

Dia hanya memikirkan keamanan di Sabah.

Malah beliau ada membuat satu *press statement* di Copenhagen (atau di Paris), saya dah lupa. Paris...ke Copenhagen...? Copenhagen, ya di Copenhagen.

Beliau menyatakan bagaimana pentingnya keamanan kerana dah jadi di Fiji, di Britain. Harold Wilson dah pernah mengalami macam tu.

Yang penting bagi Dato' Seri Dr. Mahathir ialah keamanan.

Untuk maklumat saudara, 8 orang wakil rakyat PBS dah nak tukar parti pada waktu itu. Tetapi oleh kerana *Political Bureau* UMNO mengutuk Tun Mustapha, maka pukul 11.00 pagi PBS telah menubuh Kerajaan.

Kita tak marah.

PBS nak jadi Kerajaan, dia punya hak. Tetapi yang

kita marah, perangai orang kita dalam membuat keputusan.

### PBS

Lepas peristiwa tu, seorang keturunan Cina, Francis, dari Sabah datang ke pejabat saya untuk tubuh Parti Cina Sabah. Saya nasihatkan kalau nak tubuh parti baru beliau kena ikut prosedur. "Awak kena tunggu satu minggu."

Dia jawab: "Tak Boleh." Dia hendak tubuh Parti Cina Sabah hari itu juga.

Saya kata kena tunggu satu minggu kerana nak buat kajian dulu. Dia kata: "Tak boleh, besok Dato' Musa balik. "Saya tanya apa salahnya Dato' Musa balik?"

"Oh tak boleh, dia kawan baik dengan Pairin Kitingan."

"Macam mana awak tahu?"

"Macam mana saya tak tahu? Saya yang pergi dengan Pairin jumpa Dato' Musa untuk mendaftarkan parti PBS."

Dato' Musa tanya satu soalan saja: "Bolehkah kamu mengalahkan Dato' Harris Salleh?"

Jawab Pairin: "Boleh."

"Kalau boleh kita *register* you punya parti sekarang."

Pasal apa?

Tengku Razaleigh menentang Dato' Musa.

Saudara-saudara sekalian,

Jika sekiranya kita nak menyatupadukan UMNO kita mesti cerita yang benar, terus terang, walaupun kadang-kadang diri kita menjadi mangsa.

Saudara-saudara sekalian,

Jelas ada bukti bahawa Pairin mahu memerdekaan Sabah daripada Malaysia. Sebab itulah saya mengambil sikap macam sikap saya ini.

Jika saya kelihatan kecewa dengan peristiwa ini, kecewa saya berisas, kerana lebih awal saya dah anggapkan bahawa mereka mahu memerdekaan Sabah. Pairin ada rancangan untuk memerdekaan Sabah. Barangkali dengan sokongan Dewan Gereja Dunia ataupun negara-negara asing yang lain yang tidak suka pada Malaysia.

Tapi *Alhamdulillah*, perkara itu tak jadi. Marcos pun dah jatuh. Dan Sekarang ini nampaknya Pairin dah mula *fall in line*, *Alhamdulillah*. Semoga keadaan ini berterusan.

Saudara-saudara sekalian,

## PENGAJARAN PERANG BADAR

Saya fikir kita sama-sama Melayu walaupun kita bermusuh tapi apabila kita berdepan dengan musuh bangsa, musuh negara, musuh agama, kita perlu lupakan permusuhan antara kita.

Bunuh dulu musuh bersama.

Bila musuh bersama dah tak ada, baru kita ber-

kelahi balik sesama kita. Kerana kita tak boleh membuktikan perasaan cemburu dan sebagainya menguasai diri kita.

Saya teringat, jika kita baca dalam sejarah Perang Badar kita lihat bagaimana tentera Rasulullah SAW telah menang walaupun jumlahnya minoriti dalam menentang golongan majoriti kafir Quraisy.

Pada waktu itu, Islam telah menang mengalahkan kafir Quraisy tetapi Nabi Besar Muhammad SAW kelihatan duduk termenung. Sahabatnya bertanya: "Ya Nabi, kenapa duduk termenung?"

Jawab Nabi: "Aku duduk termenung kerana mengenang nasib umatku di masa akan datang."

Tanya sahabat: "Kenapa gerangan nasib umatmu di masa akan datang sehingga duduk termenung? Adakah mereka akan kalah?"

Jawab Nabi: "Umat Islam di akhir zaman akan kalah".

Tanya sahabat lagi: "Adakah umat Islam di akhir zaman akan kalah kerana mereka minoriti sebagaimana di Perang Badar?"

Jawab Nabi: "Tidak, umat Islam di akhir zaman, walaupun majoriti, akan kalah."

"Kenapa?" tanya sahabat lagi.

Jawab Nabi: "Kerana umat Islam di akhir zaman terkena penyakit *wahnu*, penyakit *hibbuddunia*, penyakit cinta hidup dan takut pada mati."

Saudara-saudara sekalian,

Pendek kata, apabila umat Islam dah takut kepada

mati, dia akan kalah. Dan bila dia kalah dia akan mati.

Mantiknya, atau logiknya, kalau umat Islam takut kepada mati, mereka akan kalah dan kerana kalah, mereka akan mati. Kalau umat Islam tak mahu mati, mereka seharusnya jangan takut kepada mati. Bila mereka tak takut kepada mati, mereka akan menang dan bila menang mereka tak mati.

Oleh itu, jika kita dayus, kita korbankan kepentingan agama, kepentingan negara dan orang-orang miskin di kampung, maka benih kita ini, bukan benih yang boleh diharap, yang sanggup mati untuk bangsa dan negara, tetapi sanggup mematikan bangsa untuk kepentingan diri sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

**Modal Melayu hanya satu, iaitu perpaduan.**

Untuk perpaduan, perlu dua syarat.

**Perlu ada budi dan bahasa.**

Budi dan bahasa inilah simen yang menyatu padukan bangsa Melayu.

Tanpa budi, dan tanpa bahasa, kita tiada masa depan.

Suami berbudi pada isteri. Isteri berbudi kepada suami, maka wujud perpaduan di dalam keluarga dan keluarga menjadi bahagia.

Ibu dan bapa berbudi pada anak. Anak berbudi kepada ibu bapa. Wujud kebahagiaan di dalam keluarga.

UMNO melalui Kerajaan Barisan Nasional, berbudi

kepada rakyat dengan projek-projek, rakyat mengenang budi dengan memilih Barisan Nasional untuk memerintah.

Perdana Menteri berbudi pada Menteri, melantik mereka menjadi Menteri. Menteri sepatutnya berbudi balik kepada Perdana Menteri.

## MENTERI

Tuan-tuan ingat susah sangatkah nak menjadi Menteri?

Saya ingat beribu ahli UMNO di sini layak jadi Menteri, syaratnya kena lahir pada hari yang betul, dan kena ada di tempat-tempat tertentu pada masa yang tepat.

Banyak *coincidence-coincidence*, bukan kena geliga cerdik setakat mana. Setakat nak himpun tayar buruk, siapa pun boleh buat. Setakat nak jual air nyior, siapa pun boleh buat.

Jadinya bukanlah susah sangat nak jadi Menteri. Saya sendiri pun tahu kalau Perdana Menteri tak lantik saya jadi Menteri, posmen pun dah tak tahu alamat saya.

**Jadi kita tak usah sompong.**

Kita tak usah rasakan diri kita ni hebat sangat. Kalau sekadar nak ajak orang buta *jogathon* siapa pun boleh buat.

Kalau sekadar nak ajak orang pekak main musik siapa pun reti. Jangan rasa kita ni cerdik sangat.

Kerana nasib kita barangkali, kerana beranak pada tarikh yang betul, berada pada satu tempat dan waktu yang sesuai, dan terpandang pula oleh Perdana Menteri, beliau lantik kita jadi Menteri, maka jadilah kita Menteri.

Bila dia tak mahu lantik kita tak jadi.

Mudah aje.

**Bila dia pi kita pun orang buang juga.**

Jadi saudara-saudara sekalian,

### **BUDI DIBALAS TUBA**

Dalam konteks ini, orang yang sekarang ini memegang jawatan Menteri, dengan berbagai keistimewaan jangan pula sampai hati memaki Perdana Menteri di rata-rata tempat.

Kalau Perdana Menteri yang melantik seseorang jadi Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tetapi yang dilantik tak kenang budi Perdana Menteri, apakah mereka akan kenang budi tuan-tuan dan puan-puan kerana satu undi pada 24 April?

Orang yang tolong sampai dia jadi Menteri, belum keluar kereta orang dah buka pintu, polis jumpa, polis tabik, itu pun dia tak kenang budi.

Jadi, kita jangan lupa kepada budi, jangan lupa budi orang, jangan fikir kita keturunan istimewa, jangan fikir kita jenis baik sangat.

**Kerana kita semua serupa.**

Tak usah sombonglah.

Yang saya tak tahan perangai Melayu ni, kadang-kadang sombong lebih. Itu yang saya tak tahan. Banyak masalah kita ni berpunca dari sombong.

Ini yang saya tak tahan.

Kita kritik Perdana Menteri. Kritik macam-macam. Tadi Anwar dah jawab sedikit. Encik Ghafar pun dah jawab.

Tengku Abdul Rahman dulu pun orang kritik.

### PROJEK BAIK ALASAN TAK BETUL

Banyak orang yang buat sesuatu untuk kebaikan tetapi memberi alasan yang salah. Tengku Abdul Rahman "*did a lot of good things for the wrong reason.*" Kerja yang beliau buat betul, alasan yang beliau beri tak betul.

Contohnya, waktu saya jadi pelajar dulu, dia buat lapangan terbang antarabangsa.

Waktu itu semua orang, termasuk Tan Chee Koon, kata: "*This is going to be a white elephant.*" Dalam satu kursus UMNO ada orang tanya apa pasal Tengku buat lapangan terbang?

Tengku jawab: "Saya pergi ke seluruh dunia. Saya tengok lapangan terbang negeri orang elok-elok belaka. Bila balik sini, bila turun di Sungai Besi saya dok tengok rumah-rumah setinggan. Saya pun terfikirlah untuk buat satu lapangan terbang yang baru."

Tengku tidak selesaikan masalah setinggan, dia lari dari setinggan ke tengah hutan getah buat lapangan terbang. *The reason was wrong*, alasannya itu salah, tapi projek Tengku betul.

Lapangan terbang kita sekarang ni dah terlalu kecil dan sekejap-sekejap diperbesar.

Profesor universiti pun maki dia dulu. Projek itu dianggap pembaziran.

Lepas itu Tengku buat Stadium Merdeka.

Profesor-profesor hentam dia lagi, parti pembangkang hentam dia.

Ada parti-parti pembangkang yang persoalkan kenapa buat Stadium Merdeka. Apakah nak main bola dalam Stadium Merdeka pula, sedangkan sekarang ini dok main tak pakai boot, nak pakai boot pun tak reti kerana dok main dalam selut.

Sekarang pun orang dok main bola dalam selut, ramai orang tak reti pakai boot, tapi Stadium Merdeka tidak dapat dinafikan dah jadi terlalu kecil.

Kemudian Tengku buat Masjid Negara, orang nak kata yang itu membazir tak berani kerana takut Tuhan marah. Pembangkang kata payah nak sembahyang kerana bising dekat stesyen keretapi.

Apa alasan Tengku? Dia kata dia buat Masjid Negara dekat dengan stesyen keretapi supaya senang orang UMNO boleh datang ke Kuala Lumpur, dengan kereta api, boleh bermalam di Masjid Negara.

Projek Tengku betul. Siapa boleh nafikan hari ini Masjid Negara dengan tambahan komplek Islam menjadi salah sebuah komplek Islam yang terindah dan cukup lengkap di dunia.

### PROTON SAGA

Sekarang ini Proton Saga menjadi isu.

Saya cadangkan supaya kita tak usah buat dia program Proton Saga ini, kita tukar, kita buat kilang kereta lembu.

Apa itu cara nak ajar orang Melayu supaya fikir

kecil-kecil. Fikir kecil-kecil tak akan membawa Malaysia menjadi negara maju.

### Jambatan Pulau Pinang.

Tengok *The Great Wall of China*, waktu *The Great Wall of China* tengah orang dok buat dulu, orang Cina pun marah.

Pada tahun 240 sebelum Nabi Isa, Maharaja Chin buat *The Great Wall of China* atau Tembok Besar Cina. Hari ini, kalau orang pergi ke China, orang pergi ke mana?

Pergi naik tembok itulah. Tun Razak naik, Dato' Seri Dr. Mahathir pun naik, semua pi naik tembok itu. Tembok yang geng Cina dulu marah waktu Maharaja Chin dok buat.

Kita kena tengok Jambatan Pulau Pinang dari perspektif baru; salah satu jambatan yang terindah di dunia. Nombor dua, kalau tak salah, yang terbesar di Asia. Jatuh nombor tiga kah atau nombor empat di dunia.

Dan apabila kita nak buat jambatan, banyak orang boleh buat kerja, mengikut *Keynesian Economic Theory*, kalau kita nak wujudkan pekerjaan, kita kena ada projek besar-besar.

Kita sedang membina *East-West Highway*, itu pun habis berjuta-juta ringgit, tapi sebab menintasi tengah hutan orang tak nampak, orang tak mengata.

Tapi Jambatan Pulau Pinang ini, pasal dok tengah laut, semua orang lalu nampak, jadi bila orang nampak, orang mula nak marahlah.

Bila kita belanja beratus juta beli kereta kebal, ber-

juta ringgit beli kapal terbang jet, tak ada siapa komplek, tetapi kita buat kilang Proton Saga pembangkang heboh.

Bila Herzog turun di Singapura, Melayu sini dah marah, kalau marah buatlah kilang kereta kebal.

Nak buat kilang kereta kebal macam mana, buat kilang Proton Saga pun Melayu dah marah.

### BERNIAGA TAK UNTUNG

Kilang kereta Proton Saga memang belum untung, kita pun marah kalau Melayu bermiaga terus untung.

Mana pemah dalam sejarah, Melayu hari ini bermiaga, hari ini untung. Jepun pun tak untung terus. Korea pun terpaksa tunggu lima enam tahun.

Melayu pula *terror* hendak untung tahun ini juga. Terkejutlah habis satu dunia kalau kita untung terus.

Sabarlah!

Menikah pun kena tunggu dekat sepuluh bulan baru dapat anak. Tanam pokok getah kena tunggu empat tahun, kelapa sawit empat tahun. Ini Proton Saga, benda kita tak pernah terfikir nak buat, nak untung segera, *immediately, ho, ho, sorry* lah kawan.

Tapi bila Proton Saga dibuat dalam negara, harga semua kereta lain turun. Untunglah rakyat jelata.

Dulu kilang simen pun mereka kritik, pasal bila ada kilang simen, harga simen murah. Mereka tak fikir sebab ada kilang simenlah harga simen turun.

Sebab ada kilang Proton Saga harga kereta

Jepun, harga kereta Amerika turun. Jangan kita tutup kilang simen nanti harga simen naik balik.

Kalau kita ikut akal pembangkang, kilang simen kita tutup, maka hari ini pasti jadi kelam kabut. Jepun pun sekarang ini dah cukup simen.

Begitu juga PERWAJA bila kita keluar besi waja, harga besi waja dunia turun.

Marah!

Kenapa tak beli hak murah di luar negara, kenapa buat kilang sendiri, sebenarnya kerana kita ada kilanglah maka harga barang diturunkan.

Tutup kilang harga naik.

Dulu waktu kita nak buat projek besi waja dengan belanja lima ratus juta ringgit ramai orang kritik. Tiba-tiba Jepun tak mahu ikut peraturan yang Melayu buat, Jepun terpaksa bayar balik lima ratus juta ringgit.

Kenapa tak ucap terima kasih kepada kerajaan. Kilang dapat *free*, duit dapat balik.

Melayu cerdik berniaga.

Orang tak nampak.

## KISAH LUCU

Saya dengar ada orang pergi Umrah . Waktu di Mekah apabila dibuka pintu Kaabah untuk orang ramai masuk, semua orang masuk.

Dia tak boleh masuk. Apa pasal? Ada orang cerita pula, dia rupanya sakit perut. Awat pi sakit perut waktu

tu? Waktu lain tak boleh sakit?

Walhal kalau sakit perut pun, dengan pil *Chi Kit Teck Aun* saja boleh selesai. Tak payah jumpa doktorlah; kita pun reti berubat penyakit tu.

Ada pula orang bersyarah sampai biawak pun masuk untuk dengar sama.

Apa hal ni?

Ada yang bersyarah sampai tercabut gigi-gigi palsu ni.

Apa cerita ni?

Saudara-saudara sekalian,

### ISU NAFSU

Saya fikir sudah sampai masanya bagi kita memahami bahawa isunya bukan ekonomi, isunya bukan projek mahal.

**Isunya ialah nafsu untuk berkuasa.**

Itu sahaja.

Ada yang teringin nak jadi Perdana Menteri cepat, bila tak jadi, hentam kerajaan, hentam Perdana Menteri. Ada yang dok jadi Timbalan Menteri dah terlalu lama, ada yang teringin nak jadi Menteri.

Dia tahu, selagi Perdana Menteri ini juga dok kekal, Menteri yang ada masih itu juga, maka dia fikir, kena buang Perdana Menteri, supaya Menteri yang ada, terbuang sama, dia boleh tumpang semangkuk jadi Menteri.

Kalau dari satu negeri ada tiga Timbalan Menteri.

Seorang Timbalan Menteri itu duduk di bawah Timbalan Perdana Menteri, dia nampak kalau nak ada Menteri daripada negeri itu, yang naik ialah yang terdekat dengan Perdana Menteri, atau yang dekat dengan Timbalan Perdana Menteri.

Dia yang dah jauh dari PM atau TPM rasa tak ada peluang.

Dia pun hentam Perdana Menteri.

Ada yang jadi Menteri di Kementerian yang dirasakan kerja di situ tak boleh menambah undi baginya, walaupun dia boleh terbang ke merata tempat untuk berkenan.

Dia pun hentam Perdana Menteri.

Ada yang melihat seorang wanita sahaja boleh jadi Menteri dalam semusim. Rafidah, walaupun seorang, macam 10 orang wanita. Jadi tak mungkin nak tambah seorang Menteri lagi.

Ada yang ketagih tak boleh sabar lagi.

Mereka nak buang Perdana Menteri, supaya Rafidah pun pi sama, biar mereka boleh tumpang toi jadi Menteri.

Ada yang memikirkan daripada bawah boleh terus naik ke atas. Ada pula yang berhasrat nak dapat projek itu, nak dapat projek ini.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sudah katakan tadi, bahawa di zaman Imam

Sufian, hanya 2 % yang meyakini rezeki itu di tangan Allah.

Dan kita berharap semua yang ada dalam Dewan ini terdiri daripada golongan 2 % tadi.

### LUPA

Dan kita juga mendoakan semoga tidak ada di kalangan kita, di masa yang akan datang, manusia-manusia yang kerana sudah begitu lama dibuang di atas dahan apabila merasa nikmat tiupan angin, lantaran itu dia terlupa.

Dia terlupa kerana sudah lama dibuang-buang di atas dahan oleh tiupan angin sepoi, lalu dia ambil parang dan dia tetak dahan itu. Kemudiannya dia hairan kenapa dahan dah mula goyang.

Jangan ada terlalu ramai di kalangan kita yang sudah lama beristirehat di bawah pohon yang rendang yang memakan buah di bawah pohon itu, buah yang manis gugur dari atas.

Kerana lama berada di bawah pohon rendang. Makan buah manis yang gugur, sampai terlupa, lalu mereka ambil parang, tetak perdu, kemudian mereka hairan pohon tidak berbuah lagi.

Jangan sampai ada di antara kita, yang begitu lama minum susu lembu sehingga badan menjadi sihat, gemuk gedempol sehingga nafsu meningkat.

Ketagih nak makan daging.

Ambil parang sembelih lembu, kemudian mereka hairan kenapa susu tiada lagi.

Saudara-saudara sekalian,

## **PERPADUAN MENJAMIN KEAMANAN**

Bangsa kita ini, bangsa Melayu ini mengharapkan kepada perpaduan di dalam UMNO.

Kerana perpaduan di dalam UMNO itulah yang akan menjamin masa depan bangsa dan agama.

Saudara-saudara sekalian,

Bangsa Melayu ini, bangsa kita ini, semenjak dari tahun 1946,

**Tidak merupakan bangsa terbijak di dunia.**

**Tidak merupakan bangsa terkaya di dunia.**

**Tidak merupakan bangsa yang teramai di dunia.**

Tetapi dengan pakatan, dengan perpaduan, dengan cinta, dengan budi, dengan bahasa, kita telah berjaya membebaskan diri dari menjadi sebahagian dari Empayar British, empayar yang terbesar di dunia.

Saudara-saudara sekalian,

Cetusan semangat individu, walaupun membangangkan, tidak akan menjamin masa depan Melayu.

Datuk Maharajalela di Pasir Salak sudah terkorban, Rosli Dobi di Sarawak, Ahmad Salleh di Sabah.

**Tumbangnya mereka, syahidnya mereka, di tali gantung atau di dalam peperangan, menelurkan hasrat dan cita-cita Melayu untuk menegakkan kemerdekaan dengan perpaduan.**

Oleh itu jangan tidur malam ini, berjalanlah ke semua hotel-hotel dan lapangan-lapangan, berjumpalah dengan rakan-rakan seperjuangan dan bercakaplah.

Hembuslah.

Ke dalam sudut-sudut yang terluang di hati anak bangsa dari kumpulan UMNO dengan perasaan cinta kepada agama, bangsa dan tanahair.

• Hembuslah.

Hembuslah dan isi lah ke dalam sudut terluang di hati anak bangsa perasaan cinta kepada agama, bangsa dan tanahair.

Apabila sudut-sudut yang terluang di hati setiap anak bangsa sudah tersi dengan perasaan cinta kepada agama, bangsa dan tanahair, maka manusia UMNO yang tadinya laiksana puntung-puntung yang sudah basi basah akan membawa semula dan puntung-puntung yang membara, kerana telah diisi sudut terluang tadi, dengan perasaan cinta kepada agama, bangsa dan tanahair jika dikumpulkan dan dihembus, maka apinya akan bemyala nyala.

Disitulah letaknya harapan bangsa.

Terima kasih.

# NYIOR DAN KELAPA

Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 26hb. April, 1987.

*Bismillahirrahmanirrahim*  
*Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus Tetap*  
*Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden*  
*Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden*  
*Yang Berhormat Dato' Musa Hitam*  
*Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO*  
*Perwakilan dan Pemerhati Sekelian*  
*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

I ngin saya merujuk kepada pantun yang disuarakan oleh Wakil dari Kedah yang berbunyi:

*Datuk Seri Sanusi diminta meneka*  
*Soalan dibuat mudah sahaja*  
*Sebijii nyior dibelah dua*  
*Belah mana nyior, belah mana kelapa.*

Sebagai jawapan saya juga berpantun:

*Yusof dan Ismail Wakil rakyat belaka,  
Bermesyuarat Agong di Dewan Merdeka,  
Sebiji nyior dibelah dua,  
Sebelah utara dipanggil nyior,  
Sebelah selatan dipanggil kelapa.*

### **KELAB UMNO YANG CERGAS**

Saya merujuk kepada teguran yang dibuat oleh Wakil Kelab UMNO London. Beliau berkata hanya enam kelab dijemput sementara yang lainnya tidak langsung dipelawa hadir pada perhimpunan tahun ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Perwakilan Kelab yang hadir kerana tahun ini Majlis Tertinggi memutuskan hanya kelab UMNO yang cergas sahaja dijemput hadir ke Mesyuarat Agung.

Ini bermakna semua yang hadir kali ini cergas belaka. Kita tidak mempelawa yang hanya indah khabar daripada rupa. Ukuran samada sesuatu kelab UMNO cergas ataupun tidak bergantung kepada tiga perkara:

- 1) *Kelab UMNO mesti menjawab semua surat dari Ibu Pejabat yang dikirimkan kepada mereka.*
- 2) *Kelab UMNO dimestikan menghantar senarai nama ahli masing-masing, dan*

- 3) *Dalam setahun, setiap Kelab UMNO hendaklah menambah bilangan ahli sekurang-kurangnya seorang.*

Ada Kelab UMNO yang mempunyai hanya 24 ahli -ahli, tetapi berpecah kepada dua kumpulan: *Team A* dan *Team B*. Setelah satu kumpulan menewaskan yang lain, kumpulan yang kalah menyimpan semua kunci sehingga kumpulan yang menang tidak dapat mengambil kunci pejabat.

Oleh itu saya berharap semua Wakil Kelab UMNO luar negeri mengawasi kegiatan masing-masing kerana Ibu Pejabat *lebih mengetahui*.

## **BEKAS PRESIDEN**

Wakil dari Pahang sewaktu membahaskan ucapan dasar, membangkitkan persoalan jemputan kepada bekas Presiden UMNO.

Perkara ini timbul mungkin berikutan laporan akhbar yang mengatakan bahawa ada di antara mereka yang tidak dijemput. Ia mungkin juga disebabkan peristiwa selepas penutupan Mesyuarat Agong tahun lalu apabila saya dikecam hebat oleh akhbar kerana tidak mempelawa, khususnya, YTM Tunku Abdul Rahman.

Sebenarnya tahun lalu saya membuat jemputan dan menerima jawapan daripada Setiausaha Tunku bahawa beliau tidak dapat hadir.

Saya kurang maklum bagaimana beliau membuat kenyataan yang menafikan bahawa beliau dijemput. Setelah menghubungi beliau, saya menerima maaf secara bertulis berserta penjelasan bahawa beliau sendiri tidak sedar kenyataan Setiausaha yang mengatakan beliau tidak akan hadir.

Jadinya, persoalan jemputan pada 1986 bukanlah berpunca daripada apa yang didakwa sebagai kesalahan Ibu Pejabat. Bagaimana pula pada 1987?

Pada 1987, Majlis Tertinggi memutuskan had jumlah perwakilan. Selain Ahli Majlis Tertinggi, Pengurus Tetap, Timbalan Pengurus Tetap, dan Anggota Perwakilan, hanya 10 tetamu atau pemerhati dari Bahagian yang dijemput.

Selain petugas dan pemberita akhbar, setiap Ahli Majlis Tertinggi dibenarkan menjemput tiga tetamu sahaja termasuk isteri atau suami masing-masing.

Apabila keputusan ini dibuat, saya menghubungi YTM Tunku Abdul Rahman melalui Setiausaha Sulitnya, untuk menjemput beliau sebagai tetamu Presiden. Setiausaha Sulitnya, Encik Sia, memberitahu saya bahawa

ketika itu Tunku sedang tidur. Saya menjawap bahawa saya akan tunggu sehingga Tunku bangun.

Kira-kira pukul 5.00 petang, Tunku bangun dan memberitahu Setiausaha bahawa beliau tidak akan hadir. Makanya beliau tidak hadir.

Seterusnya wakil Tun Hussein Onn menghubungi Liza untuk bertanya samada beliau dapat hadir. Saya memberitahu Liza beliau akan dijemput sebagai tetamu Presiden, dan Liza, Setiausaha Sulit saya, agak cekap, dia memberitahu Setiausaha Sulit Tun Hussein bahawa beliau akan dijemput sebagai tetamu Presiden.

Tun Hussein memang dijemput sebagai tetamu Presiden, malangnya saya dimaklumkan beliau tidak dapat hadir. Jadi, sekali lagi, bukanlah Ibu pejabat yang bersalah dalam hal ini.

Izinkan saya menjawap, walaupun sekejap, perkara yang ditimbulkan berhubung Kementerian Pertanian.

## KELAPA

Wakil Johor menimbulkan mengenai kelapa. Adalah tidak benar kelapa melemahkan tenaga. Perkara ini disahkan oleh pakar makanan di Universiti Kebangsaan dan pakar-pakar di tempat lain.

• Ia juga disahkan oleh doktor termasuk Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dato' Paduka Dr. Siti Hasmah. Beliau berdua, setelah meminum air kelapa, tentu memahami khasiatnya.

• Khasiat air kelapa juga disahkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. UNESCO, agensi pertubuhan itu, kini berusaha membasmi penyakit taun yang menyebabkan sekurang-kurangnya tiga juta kanak-kanak mati setiap tahun.

• Sebuah syarikat swasta, Scarop, akan membuka sebuah kilang memproses air kelapa di tempat sesuai bagi dijadikan ubat taun.

• Presiden Persatuan Perubatan Tradisional Malaysia, Pak Raden Salleh dari Batu Pahat, juga pernah menyatakan kesahihan air kelapa sebagai penawar. Air kelapa mempunyai 'relaxing effects' atau kesan melegakan.

• Bagi yang berpenyakit tekanan darah tinggi, *insyaallah*, dengan meminum air kelapa bersama air limau, tekanan boleh turun.

• Kesan lega inilah yang didakwa melemahkan tenaga yang meminumnya. Oleh itu, tidak ada sebab kita tidak terus meminum air kelapa.

• Saya juga yakin air kelapa lebih enak rasanya berbanding air lain yang diproses oleh

manusia. Ini kerana air kelapa adalah ciptaan Allah SWT tanpa adunan manusia.

## TELUR DAN SUSU

Mengenai cadangan menggantikan susu yang cepat masam dengan telur, barangkali itu anggapan masa silam. Susu dan telur kini disahkan cukup segar.

Sekarang ini, *Alhamdullilah*, pengeluaran telur semua cukup, kerana Malaysia mempunyai lebihan pengeluaran ayam. Satu cara kita menyelesaikan masalah terlalu banyak ayam di dalam negara, ialah dengan pembelian saham syarikat Singapura yang memiliki rangkaian *Kentucky Fried Chicken* melalui sebuah syarikat tempatan.

Sekarang ini ayam yang dijual oleh rangkaian *Kentucky Fried Chicken* di Singapura dibekalkan oleh Malaysia.

## IMPORT

Wakil Pemuda membangkitkan pengimportan jagung, sayur dan buah-buahan. Memang benar kita mengimport:

*Jagung sekadar RM 500 juta setahun*

*Sayur RM 250 juta setahun*

*Buah-buahan RM 250 juta setahun*

*Bahan susu RM 300 juta setahun*

*Ikan RM 337 juta setiap tahun.*

## **PERBEZAAN PENDEKATAN**

Untuk menyelesaikan masalah ini, saya membentangkan strategi tanaman yang diatur oleh Kementerian berpandukan lima cara dan tujuan menanam. Saya berharap para perwakilan dapat menyampaikan ini kepada ahli-ahli UMNO di seluruh negara.

### **TANAM MAIN-MAIN**

Cara pertama dinamakan tanam main-main. Tanam main-main ini dilakukan oleh YAB Presiden setelah mengunjungi Pekan Rabu di Alor Setar dan membeli buah mangga.

Setelah memakannya, didapati manis, lantaran beliau balik dan terus sibuk menanam biji mangga di belakang rumah. Itu namanya tanam main-main.

### **TANAM UNTUK MAKAN SENDIRI**

Yang kedua, tanam untuk makan sendiri. Urusan ini juga Kementerian tidak campur tangan; tanamlah apapun, asalkan untuk makan sendiri. Kementerian hanya sekadar dapat menawarkan khidmat nasihat.

## TANAM UNTUK MAKAN SESAMA SENDIRI

Ketiga, tanam untuk makan sesama sendiri di bawah konsep kebun masyarakat.

Kementerian sedang menggalakkan lima atau enam buah kampung bermuafakat supaya semua kampung tidak menanam hanya satu jenis sayur sahaja.

Saya diberitahu bahawa bekas Menteri dan bekas Menteri Besar sibuk menanam cili, jika seluruh daerah menanam cili, maka daerah itu akan menjadi pedas.

Oleh itu kita perlu uruskan pakatan antara kampung, supaya setiap kampung menanam berlainan jenis sayur dan buah-buahan supaya mereka dapat membahagi-bahagikan hasil, seperti mana masyarakat kampung membahagi-bahagikan kuih waktu bulan puasa.

Jika sebuah rumah memasak sejenis kuih dan lima buah rumah lagi memasak kuih yang lain, dan mereka saling hantar-menghantar juadah, setiap rumah akan mempunyai lima jenis kuih.

Mungkin berbeza sekiranya semua rumah menyediakan kuih jemput. Dalam keadaan ini, yang wujud lima jenis kuih jemput, dalam pelbagai saiz dan bentuk.

## **TANAM UNTUK JUAL SENDIRI**

Yang keempat, tanam untuk jual sendiri, jual dalam negeri, di pasar tani, di kedai-kedai ataupun di Pekan Sehari. Ini termasuk menanam untuk eksport sendiri.

## **TANAM UNTUK GANTI IMPORT**

Yang kelima yang paling mustahak, iaitu tanam untuk menggantikan import. Urusan menanam untuk menggantikan import perlu diawasi, supaya hasil yang ditanam adalah jenis hasil yang diimport (seperti sayur kobis yang mencatatkan tidak kurang RM 40 juta berikutan import dari *Tappanuli, Sumatra Utara*).

Baru-baru ini kita berjaya mengeluarkan cukup kobis. Dalam hal ini, kita tidak perlu lagi mengimport, tetapi ia masih terus dilakukan kerana ada perjanjian jangka panjang antara ahli UMNO yang mengimport kobis dengan pengeksport di Indonesia.

Kesannya kita mempunyai lebihan bekalan kobis di pasaran, harga kobis menu-run. Sekiranya ada kerjasama di antara pengimport untuk membeli daripada sumber tempatan, lengkap dengan pemberitahuan awal mengenai tambahan pengeluaran, masalah kadar sayur import yang terlalu tinggi, mungkin dapat diatasi. *Insyaallah* ini akan kita jayakan.

## DAGING

Kita juga mengimport daging dari India kalau tak silap saya bernilai RM 100 juta pada setiap tahun. Disinilah tadinya saya dikritik.

Sebenarnya, India juga mengimport sekitar RM 1,000 juta minyak kelapa sawit dari Malaysia. Disebabkan tidak banyak pilihan barang yang boleh kita beli dari India, antara pilihan yang ada ialah daging lembu, kerana di sana penyembelihan lembu dilarang, tetapi eksport daging lembu dibenarkan. Jika kita dapat mengeluarkan daging lembu yang cukup banyak, kita terpaksa mengurangkan import.

Sekarang kita sudah mengubah strategi. Kita perbanyak lembu-lembu tempatan, dan daging lembu yang kita import kita eksport semula. Dengan cara ini, *Alhamdullilah*, kita dapat mengembangkan industri penternakan tanpa menjejaskan hubungan baik kita dengan India.

Wakil Pemuda dan Wakil dari Perlis menyentuh mengenai import, dan mengatakan tanaman tempatan perlu dipelihara daripada saingan eksport. Saya bersetuju di mana mungkin.

## JAGUNG

Mari kita ambil kes jagung. Kalau jagung yang kita import digunakan dalam negara, kita

mungkin boleh menahan import jagung bagi menjaga pengeluaran jagung sendiri, walaupun dengan harga yang tinggi.

Kita boleh jual jagung tempatan dengan harga yang lebih tinggi di pasaran tempatan. Masalahnya, jagung yang kita import dijadikan makanan ayam dan ternakan lain. Ayam itu pula dieksport.

Jika ternakan ayam kita beri makan jagung tempatan yang lebih mahal harganya, harga ayam tempatan juga akan naik di pasaran antarabangsa. Jadinya ternakan yang kita jual di luar negeri tidak akan laku kerana harga terlalu mahal.

Kementerian pernah terfikir formula makanan yang boleh diberikan kepada binatang ternakan untuk dieksport: *jagung import*. Saya kira perkara ini perlu dirundingkan antara penternak, penanam jagung dan FAMA.

## PASARAN BUKAN TRADISIONAL

FAMA sedang menjalankan program pesat untuk melengkapkan kakitangannya supaya boleh membantu menembusi pasaran bukan tradisional. Malah sekarang ini pun, berpuluhan pegawai FAMA mengikuti kursus bahasa asing.

Kursus bahasa Arab untuk perniagaan dan bukannya bahasa Arab untuk mempelajari ugama.

Pegawai FAMA sedang mempelajari bahasa Perancis, Jepun dan Sepanyol sebagai persiapan menembusi pasaran luar.

### KEDAI RAKYAT

Saya sedar mengenai pemasaran, itulah sebabnya setiap pusat pertubuhan peladang dan persatuan nelayan saya cadang diadakan kedai rakyat. Ini membolehkan petani dan nelayan memperolehi bekalan 13 atau 14 jenis barang tanpa diperalatkan.

Petani dan nelayan juga dapat menyalurkan pengeluaran yang diproses sendiri ke Kuala Lumpur untuk dibawa ke tempat lain jika kualitinya tinggi.

Kementerian juga mengarahkan supaya 396 pusat kegiatan nelayan dan peladang diwujudkan kedai rakyat dan bengkel Karyaneka.

Di tempat ini anak petani dan nelayan boleh membuat kerja tangan supaya dapat dijual di pasaran Kuala Lumpur dengan harga murah tetapi bermutu tinggi.

### NELAYAN

Wakil Perlis menegur mengenai nelayan. Untuk maklumat, setiap tahun nelayan Malaysia menghasilkan tangkapan ikan bernilai kira-kira RM 1,000 juta.

Daripada jumlah ini, RM 700 juta adalah hasil tangkapan oleh nelayan di batasan 12 batu dari pantai sementara RM 300 juta dihasilkan daripada aktiviti di laut dalam.

Ini bermakna nelayan pantai yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu, menerokai laut persisiran pantai sementara yang berkemampuan, menggunakan bot *pukat tunda* dan menumpukan perhatian di laut dalam.

Negara mengimport ikan bernilai RM 337 juta setahun — semuanya hasil tangkapan laut dalam di perairan Malaysia. Memandangkan ini, kita perlu mengadakan dua pendekatan:

### LAUT DALAM

Pertama, menggalakkan mereka yang berduit menerokai laut dalam sehingga 12 batu ke atas. Disebabkan ramai orang berduit takut mencebur perikanan, saya menggalakkan pihak swasta menubuhkan *Deep Sea Fishing Company Berhad* yang bukan milik Kerajaan. Kerajaan hanya memegang peranan sebagai 'bidan' untuk melahirkan syarikat itu.

### TUKUN TIRUAN

Kedua, bagi kawasan pantai yang ikannya semakin berkurangan, pakar perikanan menyarankan pembinaan tukun tiruan bagi menggalakkan pembilahan ikan. Tukun tiruan boleh dibina dalam tiga cara:

## KONKRIT

Pertama, dengan menggunakan konkrit seperti yang diamalkan di Jepun. Bagaimanapun, harga simen terlalu tinggi untuk tukun tiruan berbanding dengan kos penggunaan bahan pembinaan lain.

## KENDERAAN BURUK

Cara kedua diamalkan di Amerika Syarikat. Lori, bas dan van buruk digunakan sebagai asas tukun tiruan.

## TAYAR TERPAKAI

Malaysia mempunyai tidak kurang dari pada 1.5 juta buah kenderaan dan dalam masa yang sama mempunyai lapan juta tayar berputar di jalan raya di seluruh negara.

Kementerian menggunakan cara ketiga untuk mewujudkan 53 tukun tiruan. Jika setiap tukun memerlukan 28 ribu tayar, ini bermakna 53 tukun memerlukan lebih kurang 1.4 juta tayar.

1.4 juta tayar sama banyak dengan jumlah ahli UMNO pada masa ini. Jadi, kalau setiap ahli UMNO membantu mencari satu tayar, dalam masa yang singkat kita akan dapat menyelesaikan masalah tukun tiruan.

Bagaimanapun, kegiatan mengutip tayar dulunya dianggap ganjil.. lebih lagi apabila ia

dilancarkan selepas kita adakan pertandingan memanjat pokok kelapa -- lantaran itu saya akan dicop sebagai *Menteri Kutip Tayar!*

Bagaimana tayar digunakan untuk tujuan ini?...rupa-rupanya 28,000 tayar ini, kalau diikat baik-baik dan diletakkan di tengah laut, ia akan menjadi seperti sebuah bukit kecil. Apabila ombak menghempas bukit kecil ini, lumut dan karang akan tumbuh dan seterusnya menarik minat ikan ke persekitarannya.

Dengan cara ini, dalam masa tiga tahun, kita boleh meraih sekurang-kurangnya RM 100 juta daripada hasil tangkapan di 53 buah tukun tiruan. Inilah projek yang sedang diuruskan.

## TANAH TERBIAR

Wakil Wanita dan Wakil dari Melaka menyebut mengenai tanah terbiar. Sekarang ini semua tanah yang terbiar, pernah kira-kira 10 atau 20 tahun dulu, dimiliki Kerajaan. Tanah itu kemudian diminta oleh orang ramai yang tidak memiliki tanah untuk diusahakan.

Kerajaan meluluskan permintaan itu, Bagaimanapun, kerana ekonomi kita berkembang begitu pesat hingga barang-barang dalam negara menjadi mahal, kita terpaksa mengambil jalan mudah.

Kita tidak memikirkan langsung tentang pertanian untuk makanan, sebaliknya kita

memikirkan mengenai pertanian bagi tujuan eksport sahaja.

Ekoran daripada itu timbul masalah tanah terbiar. Sekarang, dengan kemelesetan ekonomi timbul satu kesedaran baru sehinggakan kita mula kembali berlumba-lumba untuk mengusahakan tanah terbiar -- dan tanah terbiarpun menjadi *isu*.

Kini wujud kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kurang tanah bagi mereka yang ingin memilikinya.

### ZAMAN SAIYIDINA OMAR

Menurut amalan semasa zaman Saiyidina Omar (ini saya sendiri mengesahkan dengan Dato' Wan Mokhtar yang mengakui kebenarannya), seseorang yang memiliki tanah, jika tanah itu tidak diusahakan dalam masa tiga tahun berturut-turut, pemilik akan hilang hak ke atas tanahnya.

Dan sekiranya seseorang memiliki tanah dan tidak mengusahakannya sendiri selama tiga tahun berturut-turut, maka *haram* si pemilik mengambil sewa daripada pihak yang mengusahakan tanah itu walaupun haknya ke atas tanah itu terus kekal.

## PERPADUAN

Izinkan saya bercakap sedikit sebagai Setiausaha Agong. Wakil Pahang membangkitkan soal perpaduan. Beliau membangkitkan usul pelajaran.

Kita perlu ingat bahawa demokrasi bukanlah pusaka bangsa kita walaupun belum ada pilihan lain selain demokrasi.

Masyarakat dulu tidak kenal demokrasi...mereka menghormati *ilmu* dan *amal*. Mereka menghormati *umur* dan *iman*.

Masyarakat Melayu dulu menghormati orang tua, orang berilmu, orang beramal, beriman. Golongan ini diberi pangkat di dalam kampung.

## SUSYI

Jika kita ingin mengamalkan demokrasi, kita perlu memiliki sifat demokratik. Dalam bahasa Jepun, sekiranya kita '*look east*', sifat demokratik ini dikatakan '*susyi*'.

Susyi ialah satu keyakinan di mana keputusan majoriti dianggap betul. Oleh itu, apabila kita memenangi apa jua jawatan dalam pertandingan UMNO di peringkat cawangan, walaupun dengan hanya satu undi, itu namanya menang, dan setelah kita menang kita hendaklah menganggap seolah-olah semuanya

menyokong kita. Bertolak daripada titik ini maka semua perlu menyokong pihak yang memperolehi kemenangan.

Di dalam demokrasi tidak boleh ada pihak, yang menghadiri mesyuarat, menghendaki idenya sahaja yang mesti diikut. Dalam demokrasi tidak boleh ada jika 19 orang bersetuju dan seorang tidak bersetuju, yang seorang itu keluar untuk terus menyatakan '*saya tidak bersetuju*'.

Kalau begitu jadinya tak payahlah kita mengamalkan demokrasi. Bawa saja pistol ke dalam mesyuarat dan siapa saja yang tidak bersetuju akan ditembak. Itu bukan demokrasi namanya. Dalam demokrasi *kita tunduk kepada keputusan majoriti*.

### SUNAO

Dalam amalan demokrasi, seseorang itu perlu mempunyai sifat yang dapat melihat kebaikan, walaupun pada orang yang dibenci.

Macam saya ni...sikit punya banyak orang yang benci. Tetapi kalau ada benda baik yang saya buat, bagilah tahu saya. '*Sanusi, aku benci kau, tapi kau punya kerja best.*'

Ada jalan untuk menghilangkan kebencian. Ini namanya '*sunao*'.

## PROXY

Dalam UMNO ada pula apa yang saya namakan berkelahi *berproxy*.

Kalau saya berkelahi dengan Encik Daim, semua yang menyokong saya akan marah pada Encik Daim, walaupun Encik Daim tidak bersalah terhadap mereka. Dalam pada itu, semua penyokong Encik Daim pula, akan marah kepada saya walaupun saya tidak berdosa kepada mereka.

Kalau begini, tidak bermakna persahabatan budi selama ini. Tidak bermakna persahabatan saya dengan seseorang selama 15 tahun, kerana apabila saya berkelahi dengan Encik Daim, disebabkan dia itu kawan Encik Daim, dengan serta merta dia akan membencikan saya. Jadi, apakah ertinya persahabatan selama 15 tahun itu?

Kita mesti mengubah tabiat jika inginkan amalan demokrasi.

Kalau Encik Daim berbaik dengan Si Ahmad, saya berbaik dengan Si Ali. Apabila Encik Daim berkelahi dengan saya, sepatutnya Si Ahmad dan Si Ali yang menjadi pendamai.

Sepatutnya kedua-dua mereka menyokong saya walaupun saya berkelahi dengan Daim, dan dua-dua orang itu, jika baik dengan Daim, sokonglah Daim walaupun Daim berkelahi dengan saya. Ini tidak...

SiAhmad dengan SiAli pun turut berkelahi tanpa sebab. Demokrasi apa namanya ini?

Hendaknya kita jangan mengeji seolah-olah tidak ada yang baik pada seseorang. Jangan salah sangka. Saya dengan Daim tidak berkelahi...kita sama-sama dalam 'Aids'...kami tak berkelahi. Tetapi jikalau dia berkelahi dengan saya sekalipun, dia kena kata, '*aku meluat kat hang, tapi hang punya ide dalam hal ini best!!!*'

### **BERKELAHI SUAMI ISTERI**

Itulah sebabnya apabila suami isteri berkelahi, orang tua menasihatkan supaya Sisuami jangan tidur di rumah ibunya, jangan balik ke rumah mertua, jangan tidur di hotel, mesti tidur di serambi rumah sendiri.

Isteri tidur di dalam bilik. Syaratnya pintu di antara bilik tidur isteri dengan bahagian tengah rumah tidak dirapatkan. Sisuami yang tidur di serambi pula, pintu di antara serambi tengah rumah tidak dirapatkan.

Apabila ada masalah mendesak di waktu tengah malam, Sang suami akan menjenguk melalui pintu yang renggang dan dia akan melihat dua biji mata isteri sedang mengintipnya di pintu bilik yang renggang.

Pada waktu sebegini, semua masalah

akan selesai kerana ada masalah lain yang perlu diselesaikan segera.

*Kita juga jangan memuji orang seolah-olah mereka tak ada salah langsung.*

## BUDI DAN FITNAH

Untuk bersatu kita perlu berbudi. Ibu berbudi kepada bapa, bapà berbudi kepada ibu, suami berbudi kepada isteri dan begitulah sebaliknya.

Kalau ibu sering makan sendirian dan bapa pula joli di restoran-restoran, maka akan wujudlah punca perpecahan.

Ibu bapa berbudi pada anak, anak berbudi pada ibu bapa...lantaran keluarga bersatu.

Guru berbudi kepada murid, murid berbudi pada guru...mereka bersatu.

Kerajaan berbudi kepada rakyat, rakyat berbudi memangkah Kerajaan. UMNO berbudi melalui Kerajaan kepada rakyat, rakyat pilih balik UMNO dalam pilihanraya.

Apabila hilang penilaian budi, hancurlah perpaduan, runtuuhlah bangsa dan hancurlah agama. Bagaimanapun, budi dan jasa pula boleh hilang kesannya dengan fitnah.

Kerana fitnahlah maka banyak budi yang

ditaburkan oleh Kerajaan menjadi sia-sia. Pihak yang menikmati budi, masih mengecam Kerajaan.

Sebahagian peneroka yang mendapat tanah mengecam Kerajaan. Ramai penduduk kota mengecam Kerajaan walaupun mereka banyak menerima nikmat. Disebabkan nafsu belum puas, mereka terus mengecam Kerajaan.

### **Fitnah itu merbahaya.**

**Keruntuhan Kerajaan Melayu di zaman silam pun kerana fitnah.**

Kita banyak berbudi kepada rakyat, tetapi kita masih terpaksa bekerja setengah mati dalam pilihanraya. Sepatutnya setelah banyak berbudi, kita mudah menang dalam pilihanraya.

### **FIDEL CASTRO**

Fidel castro di Cuba juga berbudi kepada rakyat. Bagaimanapun, budinya tidak sehebat pemimpin kita.

Di Havana, di sebuah hotel terkemuka, pernah berlaku sewaktu Fidel Castro dan tetamu duduk beristirehat, melintas tikus di bawah meja...itu 'standard' pembangunan dan jasa Castro.

Walaupun keadaan dalam negara kita begitu hebat, tetapi bila tiba pilihanraya, kita setengah mati berdepan dengan parti lawan, terutama PAS.

Menurut hasil kajian SERU, walaupun banyak program pembangunan di satu-satu tempat, kita tetap menghadapi masalah dalam pilihanraya kerana fitnah yang dilemparkan PAS.

### TIGA P

Di sini saya ulangi teori 3P yang saya perkenalkan beberapa tahun dahulu.

3P ialah *Padi, Pondok dan PAS*. Di mana ada padi, ada pondok...dimana ada pondok, ada PAS.

**Perlis** ada padi, ada pondok, ada PAS.

**Kedah** ada padi, ada pondok, ada PAS.

**Seberang Perai** ada padi, ada pondok, ada PAS.

**Perak** ada padi, ada pondok, ada PAS.

**Bagan Datuk** ada padi, ada pondok, ada PAS

**Tanjung Rambutan**, no padi, no pondok, no PAS!...tapi ada tempat orang gila.

**Di Selangor**, di sebelah pantai ada padi, ada pondok, ada PAS.

**Kuala Kubu** no padi, no pondok, no PAS.

**Negeri Sembilan** tak ada sawah padi yang besar, tak ada pondok, tak ada PAS.

**Melaka kecil daripada Negeri Sembilan, ada padi, ada pondok, ada PAS.**

**Sungai Udang – Haji Wahid; Johor, no padi, no pondok, no PAS.**

**Kawasan Terengganu tak ada padi, tetapi ada Hadi, ada pondok, ada PAS.**

**Kenapa?** Kerana petani yang menanam padi membayar zakat kepada tok Guru di pondok.

Samada ada pembangunan atau tidak, tidak menjadi soal, yang penting jangan ada fitnah di tempat itu.

### **SUKA, BIMBANG DAN TAKUT**

Parti pembangkang akan terus menabur fitnah untuk melahirkan kecurigaan di hati anggota sesuatu kaum dan bangsa terhadap pemimpin mereka.

Apabila fitnah terhadap pemimpin Cina termakan oleh masyarakat Cina, mereka akan berasa takut kerana pemimpin mereka tidak dapat mempertahankan kedudukan ekonomi mereka. Mereka juga akan berasa bimbang dengan ketahanan politik masyarakat sendiri.

Apabila fitnah terhadap pemimpin keturunan India ditaburkan sehingga menguasai hati masyarakat India, orang India akan berasa takut berikutan kecurigaan terhadap kemampuan pemimpin mereka mempertahankan kepentingan kaum.

Apabila fitnah terhadap pemimpin Melayu ditabur begitu meluas sehingga berkesan di hati bangsa Melayu, masyarakat Melayu akan mencurigai keupayaan pemimpin mereka.

Bangsa Melayu akan menjadi takut kalau mereka berpendapat semua pemimpin mereka tidak baik belaka. Ini kerana dalam kempen parti lawan tidak ada yang menceritakan kisah baik orang lain.

Umpamanya, kalau UMNO menentang PAS, atau kalau saya menentang Halim Arshad, saya akan menaiki pentas dan mengatakan bahawa Halim tak boleh pakai.

Halim Arshad pula memanjat pentas dan mengatakan Sanusi Junid tak boleh pakai. Dalam keadaan seperti ini orang dapat memilih yang mana betul.

Sebaliknya, kalau saya naik ke pentas dan saya mengatakan yang saya tak boleh pakai, dan Halim lebih baik daripada saya, pangkahlah dia. Halim pula naik ke pentas dan dia berkata Sanusi lebih baik daripadanya dan beliau menyuruh memangkah saya.

Calon PAS berkata jangan pangkah PAS, pangkahlah UMNO, calon UMNO pula berkata jangan pangkah UMNO, pangkah saja PAS...dalam keadaan begini pengundi akan menjadi gila.

Jadinya untuk memperolehi kemenangan, pelbagai cerita diwujudkan semasa berkempen. Semuanya cerita buruk belaka. Adalah lebih mudah mempercayai yang buruk daripada yang baik.

### TAKUT

Apabila anak kecil takut di waktu malam, apa akan dilakukannya? Dia kejutkan emaknya...emaknya pun bangun. Itu kalau si anak menjadi takut.

Bagaimana pula kalau mak yang menjadi takut di tengah malam? Apa yang akan dilakukannya? Dia kejutkan pak....pak pun bangun. Itulah sebabnya orang yang baru kahwin cukup susah jika dapat isteri penakut....Kalau dapat isteri berani lagi susah.

Apabila anak menjadi takut, dia kejutkan mak. Apabila mak menjadi takut, dia kejutkan pak.

Bagaimana pula kalau bangsa menjadi takut? Apa perlu dilakukan?

Dia cari pujangga...dia cari seniman...dia cari sasterawan...dia cari pahlawan....dia cari ahli falsafah...dia cari pemimpin dan dia cari panglima. Apabila bangsa menjadi takut, ia akan mencari di mana pahlawannya.

Dalam sejarah Melayu berapa ramaikah pahlawan kita? Hang Tuah yang dulunya jadi

pahlawan, ada pengarang buku mengatakan Hang Jebat lebih terror. Sekarang kubur Hang Tuah pun orang tak peduli lagi, sementara kubur Hang Jebat yang derhaka lagi teruk terbiar.

Mat Kilau sepatutnya dikenang sebagai pahlawan, tetapi setelah meninggal, pusaranya dibiarkan begitu saja.

Ramai pemimpin yang boleh menjadi pahlawan, tetapi malangnya arah untuk mewujudkan pemimpin yang boleh dikenang sebagai pahlawan dirosakkan berikutan fitnah di merata-rata.

Jangan kita mengharapkan yang orang lain akan menyanjungi pemimpin kita kalau setiap hari kita menghina mereka.

### JIWA BESAR

Apabila bangsa sudah menjadi penakut, ia tidak mungkin dapat menjadi bangsa yang berjiwa besar.

Enam juta Yahudi berjalan perlahan-lahan memasuki '*concentration camp*' semasa zaman pemerintahan Adolf Hitler. Mereka mati secara perlahan-lahan....mereka berjalan menuju kematian tanpa pemberontakan.

Waktu itu Yahudi takut. *Tetapi apabila bangsa Yahudi menjadi berani, walaupun*

*bangsa Arab 20 kali ganda lebih kaya dari pada mereka, bangsa Yahudi memperolehi kemenangan.* Semua ini kerana bangsa Yahudi membulatkan hati...rata-rata memutuskan untuk menjadi berani. Sehingga ke hari ini bangsa Yahudi masih mempertahankan jajahan mereka.

## BADAR

Mari kita kenang sejenak peristiwa Perang Badar. Semasa perang itu tentera Islam yang minoriti berjaya mengalahkan kafir Quraisy yang majoriti.

Apabila tentera Islam menang, semua bergembira, tetapi Nabi Besar Muhammad SAW duduk termenung bimbang.

Apabila sahabat bertanya mengapa Baginda duduk termenung, baginda menjawab, 'Aku mengenang nasib umatku di masa akan datang.' Tanya sahabat, 'Kenapa, ya Nabi...adakah Nabi bimbang kerana mereka kalah?' Sahabat seterusnya bertanya adakah Islam akan kalah di waktu mereka dalam minoriti sedangkan mereka kini menang walaupun berada dalam minoriti seperti Perang Badar.

Jawab Nabi, 'Tidak, mereka akan kalah di waktu umat Islam dalam majoriti.' Sahabat bertanya lagi, 'Kenapa, ya Nabi?' Baginda menjawab, 'Umat Islam, di akhir zaman, kena dua penyakit, penyakit wahnu dan penyakit

*hubuddunya...cinta pada hidup dan takut pada mati!*

Apabila manusia takut pada mati, dia akan tewas dan apabila dia tewas, dia mati. Jadi, kalau manusia tidak takut pada mati, dia memperolehi kemenangan...lantaran dia tidak mati.

Yang tidak takut pada mati akan hidup. Disitulah letaknya logik bahawa kita perlu mewujudkan bangsa Melayu yang berani...yang tidak takut pada mati.

Kita perlu mewujudkan bangsa Melayu yang berani kerana bangsa kita ini miskin dari-pada segi sumber kepahlawanan. Logiknya bangsa Melayu yang beragama Islam memperolehi inspirasi daripada Islam.

## ISLAM SUMBER INSPIRASI

Samada orang Melayu itu warak ataupun tidak, samada orang Melayu itu bersem-bahyang atau baru nak mula, tidak timbul.

Kerana ketandusan sumber inspirasi dari dalam negara kita sendiri, kita perlu mencari inspirasi daripada sumber agama kita.

Kita perlu menekankan penerapan nilai Islam supaya kita menjadi antara negara yang maju di dunia...negara yang menyandarkan semangat nasionalisme pada agama.

Negara-negara demokrasi yang tidak berpandukan bahasa Inggeris seperti Jepun dengan nasionalismenya bersandarkan Shinto. Korea dengan nasionalisme yang berlandaskan Zen Buddhism, Taiwan dengan nasionalisme berinspirasikan Protestantisme. Perancis dengan nasionalisme yang bersandarkan kepada Katholisme. Dan apa salahnya Malaysia, dengan penerapan nilai Islam, menghayati nasionalisme berlandaskan Islam?

## SINGAPURA

Akhirnya Herzog mendarat di Singapura. Apakah cukup bagi kita melaung-laungkan di dewan ini rasa kesal di atas pendaratan Herzog di Singapura? Tidak cukup!

Jika kita betul ingin menyiapkan diri untuk berdepan dengan Herzog, kita perlu memikirkan cara mewujudkan industri kapal terbang jet supersonic dan juga industri kereta perisai untuk mempertahankan diri.

Macam mana nak memikirkan industri supersonic dan industri kereta perisai sedangkan Proton Saga pun dihina dan kita sendiri dikritik di seluruh dunia?

Negara maju bercakap dalam bidang bio-engineering mengenai pokok tomato yang mampu menghasilkan lima warna buah tomato. Sekarang di Jepun, di sebatang jalan menghala ke Gunung Fuji, terdapat sebuah kilang

Kebutuhan syarikat Fujitsu yang selama enam tahun beroperasi tanpa berhenti, pekerja tak pernah makan, tak bergaji, kilang tiada penghawa dingin dan juga tiada alat pemanas ketika musim sejuk. Ini semua kerana bekasanya robot belaka.

Dunia sekarang menghasilkan pula optik fibre. Optik fibre membolehkan penyambungan SD itu taliam data base komputer melalui satu wayar telefon setebal sehelai rambut. Kalau dulunya kita memerlukan lima pemeluk kabel telefon untuk memungkin sambungan taliam begitu banyak, sekarang tidak perlu lagi.

Kini banyak kemajuan dicapai di bidang perubahan. Dulu penyakit Sipilis tiada ubat, sekarang orang ramai berasa lega kerana sudah ada ubat untuk penyakit itu.

Kemudian menyusul penyakit barah (cancer). Penyakit itu pun sekarang sudah ada ubatnya.

Kini, penyakit-penyakit baru pula menyerang. antaranya AIDS.

Semua ini menunjukkan bahawa dalam persang perubahan, komunikasi, robotik, bioteknologi dan bidang kemajuan dunia di masa depan, MAMO perlu melengkapkan diri. Ani bermakna ia hanya perlu bersedia untuk menghadapi tahun 21.

Sekiranya UMNO membawa fahaman yang tidak progresif, saya rasa setinggi sahaja ini pun UMNO akan masih lagi merintis bangunan untuk mengadakan projek kereta lembu. Saya berpendapat sekiranya ini diamalkan, kita tidak akan menjadi bangsa bermaruah... bangsa yang disegani dunia di masa akan datang.

Saya berharap UMNO menjadi lebih kukuh dan semoga Ibu Pejabat UMNO mendapat sokongan daripada semua pihak... tidak kira Team Y atau Team Z.

Terima kasih.

# MUNGKINKAH HANCUR KESULTANAN MELAYU

Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 30hb. Oktober, 1988.

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Naib-Naib Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan Dan Pemerhati Sekelian  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

## WONG JOWO ORAK GOBLOK

**P**ada 27hb Mei, 1984, saya bercerita mengenai *SiWarso* dan *SiTobeng*. Dato' Musa kata orang Jawa marahkan saya. Iantaran saya menjelaskan dalam persidangan itu *SiWarso* bukan orang Jawa, tetapi, jika *SiWarso* yang saya maksudkan,

*berketurunan Jawa sekalipun, dia bukanlah orang yang bodoh, kerana*

*Wong Jowo orak goblok  
Wong Jowo sangkeng Padang Besar  
Mareng Johor Bharu orak bodoh koyo  
ngono*

*SiWarso dalam kisah ini memakaikan cermin mata hijau pada kerbaunya supaya rumput kering yang diberi pada kerbaunya itu kelihatan hijau dan dimakannya. SiWarso jelas pintar orangnya.'*

## **WARSO DAN TOBENG**

Saya juga mengisahkan hubungan SiWarso dan SiTobeng :

*'Pada suatu hari, seekor burung pulang ke sarangnya. Apabila ia ternampak seekor ular yang sedang memakan telurnya di dalam sarang, maka burung itu pun terbang ke sana ke sini mencari akal.*

*Tiba-tiba burung itu ternampak seorang Tuan Puteri sedang mandi di dalam kolam dan di tepi kolam terletak seutas rantai loket di atas tuala longgokkan pakaian Tuan Puteri.*

*Tidak beberapa jauh daripada kolam bersembunyi dua pengawal istana yang menjaga Tuan Puteri. Melihat keadaan ini, si burung pun turun menyambar loket*

*sambil memekik supaya dilihat oleh Tuan Puteri dan didengar oleh pengawal istana. Burung yang membawa loket dimulutnya terbang rendah dan perlahan-lahan di atas kepala kedua-dua pengawal.*

*Kedua-dua pengawal, SiWarso dan Si Tobeng, berlari mengejar burung sambil mengharapkan loket jatuh dari mulutnya.*

*Burung terus terbang ke arah sebatang pokok di mana terletak sarangnya. Pada waktu itu, ular di dalam sarang burung sedang sibuk memakan telur-telur burung. Burung pun melepaskan loket ke dalam sarangnya.*

*Melihat keadaan ini, SiWarso pun memanjat pokok tersebut dan tanpa mengetahui ular di dalam sarang, SiWarso memasukkan tangannya untuk mengambil loket.*

*Ular mematuk tangan SiWarso. SiWarso pun jatuh.*

*SiTobeng tengok ular di dalam sarang. Dia pun memanjat dengan tombak dan membunuh ular itu. Ular mati dan SiTobeng pun turun membawa loket.*

*Burung gembira kerana nasib telurnya terbela.*

*Apabila SiTobeng melihat SiWarso kesakitan dan membisu kerana bisa ular, SiTobeng pun menikam tombaknya ke dada SiWarso."*

Seterusnya,

*'Apabila SiTobeng melihat Tuan Puteri kesejukan kerana terlalu lama mandi di kolam, maka SiTobeng meninggalkan kawannya SiWarso di bawah pokok dan bergegas ke kolam untuk menyerahkan pakaian kepada Tuan Puteri.'*

SiTobeng memberitahu Tuan Puteri:

*'Tuan Puteri, patik mengikuti burung yang mencuri loket Tuan Puteri hingga ke sarang.'*

*Patik membunuh ular yang ada di dalam sarang. Diwaktu patik turun daripada pokok di mana sarang burung terletak, patik diserang oleh SiWarso yang terpaksa patik bunuh kerana SiWarso ingin melarikan loket Tuan Puteri.'*

Tuan Puteri pun melompat keluar daripada dalam kolam tanpa menghiraukan pakaian di badannya, lalu memeluk SiTobeng kerana berterima kasih di atas budinya. SiTobeng, ketika Puteri di dalam pelukan berkata:

*'Puteri kekasih ku'*

Dalam fikirannya, SiTobeng masih bertanya,

'Apakah betul SiWarso sudah mati?'

SiWarso tidak mati.

### SITABAH DAN SITENANG

Peristiwa selanjutnya. Latar belakang berubah. Cuma sikap dan watak yang sama.

SiWarso yang ditikam oleh SiTobeng, sudah berbaik semula. Mereka berpaktat untuk mencampakkan SiTabah dan SiTenang daripada bahtera yang diterajui. Dasar bahtera di samudera ditebuk oleh SiWarso dan SiTobeng. Mereka lupa bukan hanya Tabah dan Tenang sahaja yang akan tenggelam, tetapi seluruh bahtera.

SiWarso dan SiTobeng tercampak keluar daripada bahtera.

### GORBACHEV DAN REAGAN

SiTabah, SiTenang, SiWarso dan SiTobeng bermesyuarat lapan mata. SiWarso dan SiTobeng akhirnya bersetuju. SiTobeng telefon Presiden Gorbachev untuk menambahkan satu lagi kerusi.

SiTabah kemudian menelefon Presiden Reagan untuk meminta satu kerusi juga kerana Gorbachev tidak dapat menambah lagi kerusi. Reagan bersetuju.

Maka berangkatlah SiWarso ke Amerika Syarikat dan SiTobeng ke Rusia untuk dilatih menjadi angkasawan.

Pada Oktober 1988, Rusia dan Amerika Syarikat melancarkan roket ke angkasalepas. Si Warso dan SiTobeng berada di dalamnya.

Malam tadi, Berita Perdana TASS dan syarikat penyiaran Amerika, *Cable News Network (CNN)*, masing-masing melaporkan roket kepunyaan negara berkenaan terputus hubungan dengan bumi.

Pada waktu itu bangsa Melayu di seluruh dunia menangis gembira, tersedu-sedan kerana mereka tahu, Melayu akan bersatu semula.

## UMNO DIHARAMKAN

Walau apa juu diperkatakan mengenai UMNO akhir-akhir ini, apa yang nyata ialah hakikat bahawa UMNO diharamkan oleh mahkamah--di waktu saya menjadi Setiausaha Agong.

Akan rugi besarlah UMNO dan akan sia-sia tenaga, pemikiran, masa dan wang yang digunakan jika pengalaman sepanjang pergolakan ini berlaku tidak meninggalkan pengajaran bagi kita semua.

Saya mohon izin Tan Sri Pengerusi yang baik budi dan hati menyatakan dengan ringkas dan jelas, kesan dan pengajaran berikut peristiwa ini dari pada pandangan bekas Setiausaha Agong.

## RAWATAN JANTUNG

Setelah mahkamah menghukum UMNO sebagai sebuah pertubuhan haram, dan setelah menjawab surat 'show cause' daripada Pendaftar Pertubuhan, saya berangkat ke Amerika Syarikat untuk menjalani rawatan jantung secara *angioplasty*, iaitu dengan cara menjolok, dan bukan dengan cara membedah seperti yang dijalani oleh Encik Ghafar.

## HIBURAN MUSUH

Saya ke Amerika Syarikat secara diam-diam kerana saya faham kesakitan seseorang ahli politik menjadi hiburan kepada musuh politiknya. Apatah lagi setelah mereka berjaya membawa UMNO ke mahkamah untuk diijtiharkan sebagai pertubuhan haram.

Setelah satu jam di meja bedah, antara 75 peratus sedar, saya terdengar doktor pakar berkata, '*Er gestorben kann*' (dalam Bahasa Jerman yang bermakna - dia boleh mati). '*Wir müssen Stertzer anrufen*' (kita perlu telefon Stertzer, seorang lagi doktor pakar.)

Oleh kerana doktor pakar yang dimaksudkan sedang membedah di bilik sebelah, saya terpaksa menunggu sejam lagi. Pengalaman satu jam menantikan peluang antara hidup atau mati satu keistimewaan yang jarang sekali dialami semua orang.

Dalam masa satu jam itu saya teringatkan

syurga dan neraka...saya tidak berasa gentar. *Saya berserah kepada Allah SWT.*

Saya teringatkan isteri dan anak. Ibu yang uzur. Saya teringatkan UMNO...mengapa sampai begini?

## KUASA, PANGKAT DAN HARTA

Sewaktu di meja bedah, tiada kepentingan peribadi bagi saya kerana peribadi mungkin akan tiada lagi. Dan juga, pada waktu itu, kuasa, pangkat dan harta tidak membawa erti lagi bagi saya. Saya dapat berfikir bebas...tanpa sebarang halangan dan kepentingan.

## KOMUNIKASI DAN SYAITAN

Saya bertanya pada diri sendiri. Mengapakah seseorang yang berniat baik dikecam? Ini berlaku baik pada Perdana Menteri atau sesiapa saj...termasuk diri saya sendiri.

Mengapa jawatankuasa yang terdiri daripada lima ahli Majlis Tertinggi, gagal memujuk *Kumpulan 11*, yang tidak berakal, berhati-perut dan berperasaan, menarik balik kes mereka di mahkamah?

Mungkinkah kerana mereka tidak mengetahui implikasinya? Tidak. Mereka sedar berikutnya penerangan yang kami berikan. Adalah tanggung-jawap kita memberikan penerangan dengan jelas kepada orang yang tidak faham.

Bagaimanapun, jika seseorang itu setelah mendengar penerangan dengan jelas daripada hati ikhlas, daripada fikiran yang tenang, sengaja enggan memahami, maka sebabnya tidak lain, ialah hasutan syaitan. Apabila mereka dihasut syaitan, mereka merasuk orang lain pula secara bertubi-tubi, dan kesan hasutan itu akan menular kepada orang lain.

### YANG DIHASUT MENJADI PENGHASUT

Pada waktu itu, yang dihasut menjadi penghasut, sementara penghasut perlu didedah niat buruknya...*dia dan syaitan tidak lagi mempunyai perbezaan.*

Keputusan saya, jika ditakdirkan sembah, ialah untuk menggunakan sepenuhnya masa memberi penerangan kepada yang keliru.

### KUASA ALLAH

Itulah sebabnya saya menyatakan di hampir di semua ceramah yang disampaikan sewaktu mengikuti YAB Encik Ghafar melawat ke seluruh negara, bahawa tokoh UMNO di semua peringkat, ketika merebut apa jua jawatan, hendaklah tidak terlupa bahawa **Allah SWT yang menentukan kesemuanya**. Saya mengulangi kisah ini untuk rakaman Perhimpunan Agong.

### DATO' ONN

Orang yang mula sekali merancang untuk menjadi Perdana Menteri ialah Dato' Onn Jaafar.

Beliau menubuhkan UMNO setelah berjaya menentang Malayan Union pada tahun 1946.

Bagaimanapun, rancangan Dato' Onn untuk memerdeka dan memimpin Malaya Merdeka tidak berhasil kerana Tuhan tidak merancangkan beliau untuk menjadi Perdana Menteri.

Apabila Dato' Onn meletakkan jawatan dari pada UMNO, Tunku Abdul Rahman mengambil alih tempatnya.

Tunku tidak merancang untuk menjadi Perdana Menteri, tetapi beliau menjadi Perdana Menteri kerana rancangan Tuhan.

Waktu Tunku menjadi Perdana Menteri beliau melantik Tun Abdul Razak menjadi Timbalannya.

Tuhan mengetahui bahawa Tunku Abdul Rahman umurnya panjang, malahan Tun Abdul Razak meninggal dunia lebih dahulu daripada Tunku sendiri.

Jika Tunku menjadi Perdana Menteri sehingga ke akhir hayat, sudah tentu Tun Abdul Razak tidak akan menjadi Perdana Menteri.

Tetapi kerana Tun Abdul Razak dirancang oleh Allah untuk menjadi Perdana Menteri, maka *Peristiwa 13 Mei berlaku pada tahun 1969 dan Tunku berhenti selepasnya*.

Apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana

Menteri, beliau melantik Tun Dr. Ismail menjadi Timbalannya.

Tun Dr. Ismail adalah seorang doktor perubatan dan beliau dalam keadaan sihat sedangkan Tun Abdul Razak dalam keadaan uzur dan beliau bukan doktor perubatan.

Mengikut akal, yang uzurlah yang sepatutnya pergi dahulu. Jika Tun Abdul Razak kembali ke Rahmatullah dahulu, maka Tun Dr. Ismail yang akan menjadi Perdana Menteri. Bagaimanapun, beliau kembali ke Rahmatullah dahulu daripada Tun Abdul Razak.

Ini memberi peluang kepada Tun Abdul Razak untuk melantik Tun Hussein Onn menjadi Timbalannya.

Apabila Tun Hussein Onn dilantik, beliau sebenarnya lebih tua daripada Tun Razak. Tun Hussein mendirikan rumah tangga dengan Tun Suhaila sementara Tun Razak mendirikan rumah tangga dengan Tun Rahah. Tun Hussein menikah dengan kakak sementara Tun Razak dengan adiknya.

Biasanya yang tualah yang kembali ke Rahmatullah lebih awal, tetapi oleh kerana rancangan Allah, Tun Hussein menjadi Perdana Menteri maka Tun Razak kembali ke Rahmatullah terlebih dahulu.

Apabila Tun Hussein Onn menjadi Perdana

Menteri beliau terpaksa memilih antara Encik Ghafar, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir untuk menjadi timbalannya.

Beliau tidak terfikir untuk melantik Encik Ghafar kerana Encik Ghafar telah bergaduh dengan bapanya satu ketika dahulu.

Tengku Razaleigh pula, sebagai anak teruna, tidak memikat hati Tun Hussein.

Dr. Mahathir menjadi pilihan.

Setelah lama Tun Hussein menjadi Perdana Menteri, beliau berhenti setelah diserang penyakit jantung. Walaupun diserang penyakit jantung, tetapi setelah berubat, beliau sepatutnya boleh terus jadi Perdana Menteri, tetapi kerana giliran Dr. Mahathir sudah tiba maka Tun Hussein berhenti dan Dr. Mahathir menggantikannya.

Bila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau tidak terfikir untuk melantik Encik Ghafar untuk menjadi Timbalannya. *Encik Ghafar juga tidak mengharapkan Dr. Mahathir memilihnya.*

Dr. Mahathir sebaliknya susah untuk memilih antara Tengku Razaleigh dan Datuk Musa...mereka dipertandingkan.

Dr. Mahathir menyokong Datuk Musa dan Datuk Musa telah menang.

Tiba-tiba      Datuk      Musa      meletakkan

jawatan...tak usah tanya kenapa Datuk Musa meletakkan jawatan, kerana jawapannya mudah, iaitu *sudah sampai giliran Encik Ghafar kerana itulah rezeki beliau.*

Oleh itu kita hendaklah yakin segala-galanya ditentukan oleh Allah SWT. Kita tidak perlu merancang, berkomplot, berpuak-puak dan berfitnah dalam melaksanakan rancangan, kerana akhirnya, yang menanggung siksa justeru perbuatan kita ialah UMNO sendiri.

### HERO WORSHIP

Apabila petualang yang *munafik politik* dan *munafik ekonomi* tercicir daripada Kerajaan, ada kalangan rakyat yang merasa kehilangan.

Rakyat merasa kehilangan kerana ingin mengaitkan sesuatu projek atau program sebagai kepunyaan mutlak *hero peribadi* mereka dan bukannya program Kerajaan pimpinan UMNO.

Apabila projek atau program Kerajaan dipisahkan daripada Kerajaan, dikaitkan dengan individu tertentu, tokoh berkenaan pula membuat huru-hara dalam parti dan Kerajaan, lantaran *terserpih keluar daripada parti*, maka rakyatpun merasakan kehilangan mereka.

## **YANG RUGI**

*Yang rugi mereka sendiri.*

Dalam konteks ini, Tunku Abdul Rahman perlu diingatkan beliau menjadi *Bapa Kemerdekaan* kerana Allah SWT melalui UMNO dan bukan kerana kepintarannya. Dato' Onn yang pintar pun tidak menjadi Perdana Menteri.

Selagi UMNO dan Kerajaan pimpinannya masih wujud, *penyerpihan* pemimpin tidak merugikan bangsa, agama dan tanahair.

Pada tahun 1981 dan 1984, Dato' Musa berada dalam perhimpunan begini sebagai pahlawan. Kita memuji dan menyanjungi beliau sehingga beliau terasa sebagai WIRA. Beliau merasa popular dan lupa pada UMNO. Akhirnya beliau melatah, meletak jawatan dan merosakkan UMNO sendiri.

Tengku Razaleigh kita *dewakan sebagai jaguh ekonomi sehingga beliau sendiri mempercayai kepaluan itu.*

Pencen besar, perbelanjaan boros membawa kepada kepincangan ekonomi negara, tetapi semua itu ditafsirkan sebagai tanda *kebijaksanaan*.

Akhirnya beliau merasa popular dan dalam proses merebut jawatan, memutar-belitkan fakta ekonomi...Bangsa Melayu diperbodohkan.

Kita sering menghadapi pertarungan di antara *karisme* dan *organisasi*.

### NEGRO YANG BAIK

Kebaikan manusia tidak bergantung kepada pangkat.

Di sebuah gedung di Amerika Syarikat, ada seorang Negro yang bekerja sebagai penjaga pintu. Setiap hari dia berdiri di kiri pintu sementara di sebelah kanan terletak sebuah gerai penjual rokok.

Setiap pagi anak tuan pemilik bangunan melalui pintu itu dan setiap pagi juga Negro tadi mengucapkan '*Good Morning, Sir.*' Anak pemilik bangunan tidak menjawab. Penjual gerai memerhatikan gelagat mereka.

Sepanjang 30 tahun SiNegro memberikan salam hormat dan sepanjang itu pula salamnya tidak dijawab.

Penjual digerai terus memerhatikan. Anak tuan bangunan sudahpun menjadi pemilik.

Apabila SiNegro penjaga pintu akan bersara, dia pergi ke bangunan atas untuk berjumpa *bossnya*, tetapi gagal. Dia sekadar meninggalkan mesej mengucapkan terima kasih.

Sewaktu SiNegro hendak bersalam dengan penjual rokok di gerai, SiPenjual bertanya, '*Berjayakah kamu berjumpa tuan?*' Jawabnya, '*Tidak.*'

*'Wahai Foster (nama Negro itu), aku memerhatikan kamu sepanjang 30 tahun kamu mengucapkan selamat pagi dan selamat petang kepada tuan kita, tetapi tidak pernah menjawab. Kenapa kamu tidak hentikan saja amalan itu?'*

Jawab Foster, *'Bennet, mendiang ibu aku pernah berkata ucapan selamat pagi dan selamat petang amalan yang baik. Tidak memberi salam dan tidak menjawab salam amalan yang tidak baik.'*

Sambung Foster lagi, *'Aku memutuskan untuk menjadi seorang baik. Walaupun tuan kita orang kaya, tetapi keperibadiannya tidak baik. Dalam hal amalan, aku lebih suka berguru dengan ibuku.'*

Kata Foster lagi, *'Jika aku berhenti daripada memberi salam kerana ia tidak pernah menjawab, itu bererti aku sudah berubah...berubah menjadikan tuan yang tidak sopan itu sebagai guruku.'*

*Kebaikan manusia tidak terletak pada pangkat. Tidak berpangkat pun seseorang itu boleh jadi orang yang baik.*

Walaupun kalah dalam pertandingan, jika seseorang itu baik, dia tetap baik dan tidak akan menjahannamkan bangsa.

## MENJADI MENTERI

Jawatan Menteri adalah amanah daripada Allah SWT. Kita hendaklah bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Perdana Menteri. Kita

tidak perlu memaki hamun Perdana Menteri kerana kita menjadi Menteri kerana Allah.

Al-Quran diperturunkan daripada Allah...dibawa ke dunia melalui Malaikat dan Nabi Muhammad SAW. Kita menerima Al-Quran daripada Allah dan kita tidak menghina Nabi. Kita juga tidak menghina Malaikat.

Cara seseorang menjadi Menteri dan menerima Amanah daripada Allah boleh dibandingkan dengan penumpang sebuah bas mini yang dipandukan oleh Perdana Menteri.

*Untuk menjadi Menteri kita tidak perlu pandai sangat.*

Saya bukannya pakar kerbau dan lembu. Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Datuk Dr. Mustaffa Babjee lebih arif daripada saya. Saya juga bukannya pakar perikanan atau iwak dalam Bahasa Jawa. Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Shahrom lebih mengetahui daripada saya.

Dato' Bakar, Ketua Pengarah Pertanian lebih mengetahui daripada saya dalam soal pertanian.

Untuk menjadi Menteri, kita perlu berada di perhentian bas sewaktu bas yang dipandukan oleh Perdana menteri tiba di sana. Jika bas terus berlalu walaupun ada tempat kosong, kerana Tuhan tidak mengerakkan hati pemandu untuk berhenti, kita tidak boleh naik. Jika bas berhenti, tetapi tiada tempat kosong, juga kita tidak boleh naik.

Sekiranya ada tempat kosong, bas pula berhenti, kerana Tuhan tidak menggerakkan hati pemandu untuk menjemput kita naik, maka kita tidak akan menjadi Menteri.

Jika Perdana Menteri memandu bas, dan kita pula menunggu di stesyen keretapi pun kita tidak boleh naik. Tetapi kalau kita menunggu di stesyen bas dan bas pula berhenti, ada kerusi kosong, pemandu digerakkan hati oleh Allah menjemput kita naik, maka kita akan naik dan menjadi Menteri.

Tetapi, apabila kita menjadi Menteri, menaiki bas yang dipandukan oleh Perdana Menteri, sewaktu bas dalam perjalanan menuju cita-cita, kita hendaknya jangan geletek pemandu, nahas!

### KESAN UCAPAN

Pada 13 Oktober, 1988, genap suku abad saya menjadi ahli UMNO. Saya menjadi '*student of UMNO*' sepanjang 25 tahun. Kini 14 tahun saya di Parlimen dan 10 tahun dalam Kerajaan.

Sejak Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Presiden UMNO *dibantu* oleh Dato' Musa Hitam, saya mendapati setiap kali selepas Dato' Seri Presiden membuat ucapan di Perhimpunan Agung, mencurah-curah kata sambutan ke atas ucapan beliau.

Ini diikuti proses *menghina* Presiden sepanjang tahun hingga tahun berikutnya, apabila Presiden membuat ucapan sekali lagi.

Kita perlu sedar serangan terhadap Perdana Menteri sebenarnya serangan ke atas kita semua.

Apa yang sepatutnya dilakukan selepas setiap Perhimpunan Agung ialah, setiap ahli hendaklah menyalurkan serangan kepada pihak lawan dan jangan hanya mempertahankan diri. Ini kerana kita tidak bersalah.

Kita di pihak yang benar.

## SEJARAH

Marilah kita belajar daripada sejarah...sejarah Islam...sejarah bangsa dan sistem peredaran alam. *Hayatilah Sunatullah.*

Sebenarnya banyak yang dapat kita pelajari daripada sejarah yang boleh kita gunakan untuk mencari ide baru.

Sebagai contoh, semasa tentera Nazi pimpinan *Adolf Hitler* menyerang bandaraya Leningrad di Rusia, Pemimpin Komunis, *Josef Stalin* menggunakan ilmu yang dia pelajari daripada *Czar* Rusia waktu *Napoleon* menyerang negara itu di zaman *Czar* memerintah.

*Czar* telah membakar ladang-ladang gandum dan gudang-gudang makanan di seluruh ibu kota yang sekarang bernama *Leningrad*, sehingga tentera *Napoleon* semuanya mati kebuluran.

Sebenarnya *Czar* juga tidak pandai, tetapi membaca sejarah, *Czar* mendapati 200 tahun sebe-

lum Nabi Isa, *Hannibal dari Gaul*, telah merancang untuk menyerang Rom.

Pada waktu itu, *Fabius* menjadi Maharaja Rom. Waktu *Hannibal* membuat persiapan untuk perang, *Fabius* tidak mempedulikan , tetapi apabila tentera *Hannibal* sampai ke Switzerland, *Fabius* telah menghantar tentera ke sana untuk membakar ladang gandum dan gudang makanan.

*Hannibal* berundur dan tidak jadi menyerang Rom. Jika ini kita lihat, nampaknya *Fabius* cukup pintar orangnya tetapi *Fabius* di Rom, digelar "*Fabius The Fool*" kerana terkenal dengan bodohnya. Mungkin juga daripada kanak-kanak yang selalu didampingi olehnya.

Tanpa pelajaran dari sejarah Rom pasti ditawan oleh *Hannibal* dan jika *Czar* tidak belajar dari sejarah, *Napoleon* sudah tentu menggalahkan Russia atau *Hitler* sudah berjaya menawannya.

## 1897

Bagi Bangsa Melayu tahun-tahun dalam sejarah yang perlu diteliti ialah tahun 1897 sebagai tarikh di mana *4 negeri-negeri Melayu telah diserahkan oleh British untuk dijadikan sebahagian dari Thailand*.

Jika bukan kerana itu jumlah Melayu di Malaysia sekarang ini mungkin lebih lagi. Corak politik pasti berubah.

## 1915

1915 adalah tahun pertama setelah Kerajaan Johor menerima penasihat British pada tahun 1914.

Johor adalah negeri terakhir yang menerima penasihat British.

Semenjak tahun 1915 bermulalah semangat kenegerian di seluruh Semenanjung Malaysia untuk memecahkan Melayu kepada negeri masing-masing.

## 1933

Beza tahun antara 1915 dan 1897 ialah 18 tahun. 18 tahun kemudian, iaitu pada tahun  $1915 + 18$ , ialah 1933. *Pada tahun 1933 semangat perkau-man dipupuk di Malaysia.*

Orang China dan India yang balik ke negara masing-masing kerana kemelesetan ekonomi pada tahun 1929, telah balik semula dengan ramainya apabila ekonomi negara pulih pada tahun 1933, dan mereka dipecahkan oleh British mengikut kaum.

Untuk bekerja di ladang-ladang, orang India, berniaga, bagi orang China dan orang Melayu tidak terbabit dalam kerja ladang dan perniagaan, hanya sebagai jaga kampung halaman.

Pada tahun 1946, setelah semangat kenegerian dipupuk sejak 1915, semangat perkau-man pula dipupuk bermula daripada tahun 1933, maka setelah selesai Perang Dunia Kedua, Inggeris bertindak untuk menjadikan Malaya sebuah Malayan

Union dan kekal dalam pemerintahannya untuk selama-lamanya.

*Inggeris gagal, UMNO ditubuhkan.*

1951

18 tahun selepas 1933 ialah tahun 1951. Inilah tahun pemimpin UMNO yang kalah dalam pertarungan keluar dan menubuhkan parti PAS.

1969

18 tahun kemudian berlaku lagi perubahan besar. Pada tahun 1969 *Peristiwa 13 Mei* berlaku.

1987

Setelah selesai peristiwa ini Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan. Dasar ini menekankan ekonomi sebagai asas penting bagi mengukuhkan politik.

Ini menyebabkan ahli-ahli UMNO menjadi ahli yang lebih mementingkan kebendaan. Maka 18 tahun kemudian, pada tahun 1987, politik wang bermula dalam UMNO sehingga menyebabkan UMNO berpecah dan diharamkan.

## LEMAH

Apabila UMNO dianggap lemah,

*Raja disaman  
Tarat Bumiputera dipersoalkan*

*DEB dikecam  
Bahasa dicabar  
Masjid dibakar*

**Mungkinkah pada tahun 2005: Raja menentang Raja dan Hakim lawan Hakim? Mungkinkah hancur Kesultanan Melayu? Bilakah Kesultanan Melayu akan hilang?**

### SERULING JIHAD

Melihat ke hadapan, marilah kita gunakan sisa-sisa hidup ini untuk menjadi *gladiators* dalam menyahut *seruling Jihad* bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Bagi mereka yang *menghalang kita dalam tugas ini, kita pulukan gendang derhaka. Kita tiupkan nafiri sumbang.*

***Kita senandungkan serunai jenazah.***

Terima kasih.

# PINDAAN AKTA PERTUBUHAN

**Ucapan YB Datuk Seri Sanusi Junid  
Menteri Pertanian sewaktu membentang Usul  
meminda Akta Pertubuhan 1966  
pada 6hb Disember 1988 di Parlimen**

---

## USUL GUA MUSANG

**M**enteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul yang telah dikemukakan oleh wakil dari Gua Musang kelmarin. Alangkah baiknya jika Yang Berhormat dari Gua Musang membawa Usul untuk mengesahkan bahawa UMNO Baru dan UMNO 46 itu sama.

Saya telah mendengar dengan penuh minat dan teliti sama ada di dalam atau di luar Dewan, semua hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat dari Gua Musang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain khususnya dari kalangan Pembangkang.

## TIDAK IKHLAS

Saya telah tidak mengganggu mana-mana kenyataan dan teguran yang telah dibuat. Saya telah mendengar dengan penuh kesabaran segala tuduhan-tuduhan yang saya rasa tidak tepat dari segi fakta dan tidak ikhlas dari segi niat.

Di sifalah punca kekecohan berlaku sekarang ini di dalam masyarakat Melayu.

## AHLI UMNO

Pertamanya, ingin saya menjawab tuduhan yang menyatakan saya tidak sayang kepada UMNO. Saya telah menjadi ahli UMNO pada pukul 2.45 tengahari, hari Sabtu, 13 Oktober 1963 di waktu umur sekitar 20 tahun.

Saya menjadi ahli UMNO di waktu Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden. Saya menjadi Ahli Parlimen di waktu Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO; menjadi Timbalan Menteri di zaman Tun Hussein Onn memimpin UMNO dan menjadi Menteri di zaman Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. **Sudah 25 tahun menjadi ahli UMNO, lebih panjang umur saya di dalam UMNO dari di luar UMNO. Tidaklah benar jika saya dikatakan tidak sayangkan UMNO.**

## PERPADUAN BANGSA

Oleh itu ingin saya selaku Setiausaha Agung UMNO di waktu ianya diisyiharkan oleh Mahkamah sebagai pertubuhan yang tidak sah, membuat penjelasan tanpa gangguan dari ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya fikir penjelasan ini boleh membantu membawa kepada

sedikit sebanyak ke arah perpaduan bangsa dan negara.

### 3000 TAHUN

Wakil dari Gua Musang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membawa kita kepada peristiwa-peristiwa sejak tahun 1946 iaitu 42 tahun yang lalu. Ada juga yang telah mendedahkan kita kepada kata-kata hikmat sejak sebelum Nabi Isa Alaihissalam. Kita juga telah mendengar falsafah-falsafah dari Benua India, dari zaman Yunani dan dari seluruh dunia; pandangan ahli fikir Islam juga telah diketengahkan dan peristiwa-peristiwa sejarah, baik Majapahit, atau zaman Melaka telah disebut sehingga perbincangan kita telah melalui jangka masa 3000 tahun.

### SEJARAH

Izinkan saya diperingkat akhir nanti membawa Dewan yang mulia ini ke tahun 1897 iaitu 91 tahun yang lalu semoga kita dapat melihat perkembangan sejarah bangsa kita yang mungkin dapat memberi panduan kepada kita dalam mengendalikan masa kini untuk masa depan yang lebih cemerlang.

**Sama ada Usul Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang itu diluluskan atau tidak, masalah perpaduan Melayu tidak mungkin akan selesai.**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin membawa Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peristiwa yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini sejak kelmarin.

### 6 PERKARA PENTING

Pada pendapat saya, enam perkara atau persoalan

penting yang perlu dijelaskan.

## PERTAMA-IDEA UMNO KE MAHKAMAH

Pertama, bilakah idea membawa UMNO ke Mahkamah bermula?

Selepas pemilihan UMNO dalam Perhimpunan Agung yang diadakan dari 25 – 27 Mei 1984, saya telah dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO pada 14 Julai berikutnya. Pada waktu itu saya telah menerima tiga dakwaan di dalam Mahkamah:

### DAKWAAN

- 1) Dari Bahagian Alor Setar
- 2) Dari Bahagian Titiwangsa dan
- 3) Dari Bahagian Ulu Langat

Kesemua aduan ini berkaitan dengan wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar. **Pada waktu inilah Ibu pejabat telah bertembung dengan implikasi Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966.**

### SENGKETA AHLI/TOKOH

Pertemuan-pertemuan telah dibuat dengan mereka yang telah membawa UMNO ke Mahkamah untuk memberitahu bahawa UMNO boleh menjadi pertubuhan yang tidak sah jika kes ini diputuskan di dalam Mahkamah.

Ibu Pejabat mendapati semua kes ini telah diketengahkan kerana wujudnya persengketaan di antara ahli-

ahli atau tokoh-tokoh UMNO cawangan dengan kepimpinan UMNO bahagian masing-masing.

Saya telah bertemu dengan semua yang terlibat dan telah memberitahu kepada mereka bahawa jika kes mereka diteruskan, besar kemungkinan UMNO itu sendiri boleh diisyiharkan sebagai badan yang tidak sah.

Atas sebab inilah maka ahli-ahli UMNO dari Bahagian Alor Setar telah menarik keluar kes mereka dari Mahkamah kerana mereka berpuas hati masalah mereka telah diketahui oleh Ibu Pejabat dan mereka tidak sampai hati bertindak sehingga boleh mengharamkan UMNO.

### TITIWANGSA

Wakil-wakil dari cawangan dalam bahagian Titiwangsa juga telah ditemui. Mereka juga telah mengambil tindakan ke atas Bahagian dan UMNO Malaysia. Mereka yang mengambil tindakan ini juga telah disaman oleh ahli yang lain dalam cawangan yang sama. Kes ini telah selesai dengan tergantungnya UMNO Bahagian Titiwangsa.

### ULU LANGAT

Ahli UMNO dari Bahagian Ulu Langat telah enggan menarik keluar kes mereka dari Mahkamah dan telah tidak menghiraukan peringatan dari Ibu Pejabat. Tetapi UMNO berasib baik kerana Mahkamah telah memutuskan, dengan izin, Tuan yang di Pertua:

### (DENGAN IZIN)

*"High Court struck out the originating summons on the grounds that the affidavit filed by the plaintiff was irregu-*

*lar as it did not meet the requirements or one of the orders in the Rules of the High Court which stated that the sources of information must be cited in the affidavit."*

"Mahkamah Tinggi membatalkan saman pemula atas alasan bahawa affidavit yang difaiklan oleh plaintif tidak mengikut aturan kerana ia tidak memenuhi kehendak atau salah satu aturan di dalam Rules of the High Court yang menetapkan punca maklumat hendaklah disebut di dalam affidavit."

Bahagian Ulu Langat juga akhirnya tergantung.

## **8000 CAWANGAN**

Setelah melalui pengalaman ini saya telah mengarahkan Ibu Pejabat UMNO supaya menyemak tiap-tiap satu dari lebih 8,000 Cawangan untuk menentukan semua Cawangan berdaftar.

## **5000 TIDAK BERDAFTAR**

Kakitangan Ibu Pejabat telah meneliti satu demi satu Cawangan sehingga sampai 5,000 Cawangan di dapati tidak berdaftar.

Pada waktu itulah saya telah mengarahkan supaya semua Cawangan didaftarkan semula.

Saya juga telah mengarahkan supaya tahun berikutnya iaitu pada tahun 1985, setelah Cawangan berdaftar, ahli Jawatankuasa UMNO di peringkat Cawangan dan di peringkat Cawangan dan Bahagian yang dipilih pada tahun 1984 tidak dibenarkan memilih sebagai Jawatankuasa dalam mesyuarat agung penubuhan pada tahun 1985.

## **ARAHAN**

Sebaliknya mereka diminta mentadbirkan Cawangan atau Bahagian sahaja. Arahan ini dibuat kerana pilihan mereka pada tahun 1984 dijangka tidak sah.

## **ALLAH MAHA MENGETAHUI**

**Walau bagaimanapun, Majlis Tertinggi yang telah dipilih pada tahun 1984 telah tidak dipilih semula pada tahun 1985**, walaupun pada tahun 1984 lebih 5,000 Cawangan telah menghadiri mesyuarat agung Bahagian dan memilih wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung.

Tetapi, UMNO Malaysia pada tahun 1985 telah tidak dibawa ke Mahkamah. **Apakah mungkin kerana jawatan Presiden telah tidak dipertandingkan pada 1984, Allah Maha Mengetahui.**

Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984 bersetuju sebulat suara tidak diadakan semula pemilihan pada tahun 1985 kerana pada tahun 1987 kita akan ada pemilihan sekali lagi.

Jika UMNO boleh diisyiharkan tidak sah kerana kewujudan cawangan yang tidak berdaftar yang melibatkan diri dalam Mesyuarat Agung berertilah atas prinsip yang sama, Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984 juga boleh jadi tidak sah.

## **UMNO NASIB BAIK**

Malahan UMNO boleh jadi tidak sah sejak tahun 1966.

**UMNO bernasib baik kerana tidak ada yang membawa UMNO ke Mahkamah.**

**Bermaknalah bukan wujud atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menyebabkan UMNO tidak sah, tetapi kerana adanya orang membawa UMNO ke Mahkamah yang menyebabkan UMNO menjadi tidak sah.**

#### **MKT 1984**

**Usul yang dibawa ini ialah untuk dikebelakangkan tarikh pindaan kepada 1 Januari 1987 sedangkan UMNO boleh terus dibawa oleh ahlinya yang sudah diajar untuk membawa UMNO ke mahkamah untuk terus didakwa.**

**Apakah pihak Pembangkang boleh menjamin jika Usul ini diluluskan, tidak ada di kalangannya yang akan membawa UMNO ke Mahkamah kerana wujudnya cawangan yang tidak sah sejak tahun 1966 sehingga tahun 1984?**

**Bagaimana pula dengan kedudukan Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984?**

#### **KEDUA - KES DI MAHKAMAH**

**Wakil dari Gua Musang telah mendakwa di dalam ucapannya bahawa pihak peguam defendan bertanggung-jawab meminta supaya UMNO diisyiharkan sebagai badan yang tidak sah.**

**Ini adalah satu kesilapan yang paling besar yang pernah saya dengar mengenai kes ini.**

**Inilah tuduhan kedua yang perlu dijelaskan pada malam ini.**

Besar kemungkinan pandangan begini datangnya daripada membaca akhbar-akhbar asing yang telah menyebut demikian dan menggunakan perkataan "kamikaze".

**Mark Twain, dengan izin, telah menyatakan: "Lies would have travelled half way round the world before truth puts its boots on".**

"Pembohongan mungkin sudah menjelajah ke setengah dunia sebelum kebenaran itu mula bertapak."

### **NOTA HARUN HASHIM**

Dari nota perbicaraan yang ditulis oleh Hakim Dato' Harun Hashim bertarikh 4 Februari 1988 terpampang di muka 67, kata-kata berikut dengan izin Tuan Yang diPertua:

(Dengan izin) "Defendants not asking for any declaration - merely to dismiss the case. The Court does not have to decide on the illegality at all. Issue on representation alone is enough to decide the case".

"Defendant tidak memohon sebarang pengisyiharan - hanya untuk membuang kes. Mahkamah tidak perlu memutuskan berkenaan ke haraman sama sekali. Isu berkenaan representasi sahaja adalah mencukupi untuk memutuskan kes ini."

**Ini bererti nota Hakim jelas menyatakan bahawa pihak yang didakwa melalui peguamnya tidak meminta supaya satu pengisyiharan dibuat mengenai sah atau**

tidak sahnya UMNO.

Kami menghendaki supaya kes ini dibuang dari mahkamah. Perkara ini boleh dibuat oleh Mahkamah dan pendirian peguam yang didakwa telah disokong dalam keputusan Mahkamah Agung, kemudiannya, yang menyatakan pada muka 9 seperti berikut:

(Dengan izin) "The Learned Judge could have struck out their suit in limine."

"Hakim Yang Arif sudah boleh membuang tindakan guaman mereka "in limine".

### KEPUTUSAN DIPERLUKAN

Ini bererti jika soal kesahihan UMNO ditimbulkan dari awal lagi, pihak Hakim Mahkamah Tinggi boleh membuang kes ini apabila keputusan diperlukan juga di dalam Mahkamah atas sah atau tidaknya cawangan-cawangan UMNO, maka Hakim tidak ada pilihan lain kecuali mengisyiharkan UMNO sebagai badan yang tidak sah.

### HAKIM TIADA PILIHAN

Siapakah yang menuntut soal sah atau tidak sahnya UMNO ditimbulkan? Tidak lain dan tidak bukan, pihak peguam bagi pihak Kumpulan 11. Dengan izin, di dalam Amended Statement of Claim, para 22 (b) berbunyi:

(Dengan izin) "By virtue of Section 12 of the Societies Act 1966, UMNO Malaysia cannot establish a branch without the prior approval of the Registrar of Societies and such unauthorised branches are deemed

**unlawful and therefore do not legally exist".**

"Sehubungan dengan Seksyen 12, Akta Pertubuhan 1966, UMNO Malaysia tidak boleh menubuhkan cawangan tanpa terlebih dahulu memperolehi keizinan daripada Pendaftaran Pertubuhan dan cawangan yang sedemikian adalah disifatkan tidak sah dan oleh itu mengikut undang-undang ia tidak wujud."

**Adalah jelas jika ini yang dituntut oleh peguam yang mendakwa, maka UMNO menjadi tidak sah.**

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menjelaskan dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Our lawyers demanded that as the plaintiff's claim will result in UMNO as a whole being declared illegal, that Court's decision should not be based on the question of illegality. Our lawyers further maintained that if legality be made the subject of the case, then the action should be dismissed in limine. Unfortunately, the plaintiffs succeeded in persuading the Court to decide on legality. UMNO was therefore declared illegal.

"Memandangkan bahawa tuntutan Plaintiff akan mengakibatkan UMNO keseluruhannya diisyiharkan tidak sah, Peguam kami tidak menuntut supaya keputusan mahkamah hendaklah tidak didasarkan atas persoalan ketidaksahan, tetapi peguam kami menegaskan sekiranya ketidaksahan dijadikan pokok persoalan kes, maka tindakan tersebut hendaklah dibuang "in limine". Malangnya, Plaintiff berjaya menyakinkan mahkamah untuk memutuskan persoalan kesahan". Dengan itu UMNO telah diisyiharkan tidak sah.

Saya ulangi di sini, peguam Kumpulan 11-lah yang menuntut soal sah atau tidaknya UMNO dibangkitkan.

Oleh kerana peguam yang mendakwa telah membangkitkan Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966 dalam Para 22(b), Amended Statement of Claim, maka Hakim Dato Harun telah menyatakan pada muka 24-25 keputusan bertulisnya bertarikh 14hb. April, 1988, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

(Dengan izin) "The provisions of Sections 12(3) and 41 (c) are clear and unambiguous and it will do violence to the language of the statute if only the unapproved branches are declared by the Act to be unlawful societies but the parent body is not".

"Peruntukan Seksyen 12(3) dan 41(c) adalah jelas dan tidak taksa dan ia akan melanggar perbahasaan statut sekiranya cawangan-cawangan yang tidak diluluskan sahaja diakui oleh Akta sebagai pertubuhan tidak sah tetapi badan induknya tidak begitu."

Mahkamah Agung telah mempertahankan keputusan ini.

### SEDIH SUARA HALUS

Setelah Mahkamah Tinggi mengumumkan pada 14 Februari 1988 bahawa UMNO ialah badan yang tidak sah, pihak defendant terdengar peguam yang mendakwa menyebut mengenal rayuan. Waktu itu pihak kami mendengar dengan sedih suara halus yang nyaring menikam dari kalangan pendokong Kumpulan 11 menyatakan, dengan izin, "We have got what we want. Please do not appeal".

"Kita sudah dapat apa yang kita mahu. Tolonglah jangan merayu lagi."

### KETIGA—PENDAFTARAN UMNO BARU

Soalan ketiga ialah sekitar pendaftaran UMNO Baru. Pihak kami terus menunggu rayuan kerana yang mendakwa telah kalah dan menghancurkan UMNO dalam kekalahan mereka. Kami tidak ingin percaya jeritan halus di Mahkamah. UMNO tidak dapat bergerak kerana telah disyiharkan tidak sah oleh Mahkamah.

### HARIJADI TUNKU

Tiba-tiba di Hari jadi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman di Pulau Pinang tercetus berita mengenai rancangan penubuhan "UMNO Malaysia."

### DR MAHATHIR, GHAFAR

UMNO Malaysia dipimpin oleh tokoh yang tidak pernah terlibat dalam penubuhan UMNO pada tahun 1946. Yang aneh ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang terlibat dalam penubuhan UMNO 1946 dan juga Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba yang turut memimpin UMNO di waktu ianya diisytiharkan tidak sah tidak dilibatkan atau dirundingkan langsung mengenai penubuhan parti politik baru yang dinamakan UMNO Malaysia.

Adalah tidak benar jika dikatakan mereka telah dijemput. Surat jemputannya datang setelah UMNO Malaysia ditubuhkan.

**Saya mengetahui secara peribadi perasaan Tunku Abdul Rahman terhadap Dato Seri Dr. Mahathir**

**sama seperti sikap Tunku terhadap bapa Dato Seri Dr. Mahathir yang menjadi gurunya.**

### **JASA WIRA**

Pada waktu itu terlintas di hati kami bahawa pihak Kumpulan 11 yang sudah pun diisyiharkan sebagai wira kerana jasa mereka mengharamkan UMNO tidak akan membuat rayuan.

Apabila kami mengetahui permohonan untuk menuhkan UMNO Malaysia telah dimasukkan ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, kami pun tergesa-gesa mengadakan perjumpaan dan memasukkan permohonan di sebelah petang hari yang sama atas nama UMNO 88. Oleh kerana kesuntukan masa, Undang-undang Kecil UMNO '88 sempat dibuat hanya dua muka dan tidak sama dengan yang ada pada UMNO Baru.

Perlembagaan UMNO Baru adalah hampir sama malahan lebih sama dengan perlembagaan UMNO tahun 1946 jika dibandingkan dengan kehampiran persamaan perlembagaan UMNO yang diharamkan.

### **UMNO 88**

Oleh kerana kesuntukan masa Undang-undang Kecil UMNO '88 dibuat hanya dua muka sahaja berbanding dengan Undang-undang Kecil UMNO Malaysia yang sungguh rapi. Pendaftar Pertubuhan telah menolak permohonan pendaftaran UMNO Malaysia dan UMNO '88 kerana Pendaftaran UMNO masih wujud. Diwaktu ini, walaupun UMNO masih wujud tetapi ianya tidak sah, lantaran itu tidak boleh berfungsi.

## **SHOW CAUSE LETTER/SURAT TUNJUK SEBAB**

Pada petang 8 Februari 1988, saya telah menerima "show cause letter"-surat tunjuk sebab dari Pendaftaran Pertubuhan.

Pendaftaran ingin pengesahan atas kewujudan 30 cawangan yang tidak berdaftar dan sama ada kewujudannya itu **disengajakan**.

### **SETIAUSAHA AGUNG**

Sebagai Setiausaha Agung UMNO yang tidak sah tetapi masih wujud, saya telah menjawab surat Pendaftaran Pertubuhan. **Saya mengesahkan apa yang telah disahkan di dalam mahkamah, tetapi saya menafikan ianya dilakukan dengan sengaja.** Ada yang bertanya jika ianya tidak sengaja kenapakah pendaftaran dibatalkan? "**Tidak sengaja**" yang dimaksudkan ialah tidak sengaja di peringkat Ibu Pejabat tetapi yang dibawa di dalam Mahkamah bukanlah Setiausaha Agung sahaja. Apabila pendaftaran UMNO dibatalkan, barulah UMNO Baru didaftarkan.

Inilah untungnya berada di dalam kerajaan kerana kita mengetahui bila pendaftaran UMNO dibatalkan, supaya pembaharuan sijil dapat dibuat dalam bentuk UMNO Baru.

Perkataan "Baru" telah dimasukkan atas kehendak Pendaftar pertubuhan untuk membolehkan pendaftarannya dibuat.

Saya telah menjawab dengan cepat kerana saya, di sepanjang masa kes ini dimahkamah sedang menjalani

rawatan jantung di Subang Medical Centre. Sebaik sahaja selesai urusan pentadbiran ini, saya telah bertolak keluar negeri pada 14 Februari, 1988 untuk pembedahan atau rawatan jantung.

### **DELEGATION OF AUTHORITY**

Tuan yang di-Pertua, ada juga ahli-ahli yang Berhormat yang mengecam pentadbiran Ibu Pejabat sebagai tidak cekap.

Adalah penting diingatkan bagi sesebuah pertubuhan yang mempunyai ahli lebih 1 juta orang dan bagi sebuah pertubuhan yang mempunyai cawangan lebih 8 ribu cawangan, sistem pentadbiran perlu diketahui sebelum dikecam. Dalam menjalankan pentadbiran organisasi yang besar seperti UMNO perlulah ada **delegation of authority (penurunan kuasa)**.

Saya ingin membaca di dalam Dewan ini keputusan Majlis Tertinggi yang memberi "power of delegation" (kuasa penurunan kuasa) kerana saya perlu mempertahankan pentadbiran Ibu Pejabat yang saya anggap antara yang terapi dalam sejarah UMNO.

1994

Pada 7 Februari, 1984 di dalam peringatan mesyuarat M.T. UMNO di bawah kepala: "*Perkembangan Politik Semasa*".

**"Mesyuarat telah membincangkan dengan panjang lebarnya mengenai masalah dan kekecohan yang berlaku semasa mesyuarat agung cawangan-cawangan UMNO, Pemuda dan Wanita dan yang mungkin**

**akan berlaku di dalam perwakilan-perwakilan Bahagian UMNO, Pemuda dan Wanita.**

### **KEPUTUSAN M.T.**

Majlis Tertinggi telah mengambil keputusan memberi arahan dan kuasa penuh kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri dan Wilayah.

### **KUASA PERHUBUNGAN UMNO**

- 1. Bertindak menyelesaikan sebarang kekecohан jika berlaku di peringkat Cawangan dan Bahagian di Negeri, Wilayah masing-masing termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita.**
- 2. Jika berlaku sebarang pertikaian atas hak kehadiran sesebuah cawangan di dalam mesyuarat-mesyuarat perwakilan Bahagian, Perhubungan hendaklah menentukan cawangan-cawangan yang berhak hadir di mesyuarat-mesyuarat perwakilan Bahagian-bahagian yang berkenaan.**
- 3. Keputusan Perhubungan adalah muktamad dan pihak perhubungan hendaklah bertindak mengarahkan mana-mana bahagian yang telah menyalahgunakan kuasa dan bertindak dengan sewenang-wenangnya melucutkan seseorang ahli jawatankuasa Bahagian supaya ditarik balik.**
- 4. Hendaklah menghantar pemerhati di dalam mesyuarat-mesyuarat perwakilan Bahagian termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita dan bertindak menyelesaikan sebarang kekecohан jika berlaku.**

Ini keputusan Majlis Tertinggi dalam mesyuarat pada 7 April 1984. Apakah ianya masih berlaku pada tahun 1985?

1985

Apakah keputusan ini masih berlaku untuk tahun 1985.

Pada 6 Julai 1985, Mesyuarat Majlis Tertinggi di antara lain telah menurunkan seperti di bawah:

"Perkara Berbangkit:

**Setiausaha Agung telah menarik perhatian Majlis Tertinggi kepada perkara di muka 15, Agenda 2 mengenai undang-undang dan tafsiran Perlembagaan bagi menyelesaikan masalah yang timbul di peringkat Bahagian dan kes-kes UMNO yang dibawa ke mahkamah.**

**Setiausaha Agung telah melapurkan bahawa setelah Mesyuarat Majlis Tertinggi pada 30 Mac 1985 satu majlis dialog telah diadakan dengan Pengurus-pengerusi Tetap, Pengurus-pengerusi Jawatankuasa penyelaras Penubuhan Bahagian-bahagian dan didapati adanya perbezaan pendapat dari segi tafsiran undang-undang dan perlembagaan atau kuasa membubarkan UMNO bahagian di pertengahan penggal. Oleh itu pada 2 April 1985 satu perjumpaan telah diadakan, di antara pengurus-pengerusi atau wakil badan-badan perhubungan negeri untuk menentukan garis panduan dan tindakan.**

## **KEPUTUSANNYA:**

**Untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam 22 Bahagian, Setiausaha Agung mencadangkan supaya diberikan kuasa kepada Badan Perhubungan Negeri untuk menyelesaikan semua masalah yang berbangkit di dalam sesebuah negeri dengan rujukan dibuat kepada Ibu Pejabat hanya untuk mendapatkan pandangan Peguam UMNO mengenai aspek undang-undang bagi satu-satu aduan.**

**Majlis Tertinggi bersetuju dengan cadangan Setiausaha Agung dan mengulangi persetujuan menuarkan kuasa kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri sebagai yang telah diberi oleh Majlis Tertinggi pada 7 April 1984.**

## **INI KEPUTUSAN TAHUN 1985**

**Bagaimana pula keadaan pada tahun 1987?**

**Pada 7 Februari 1987, Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang meminta penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Seri Setiausaha Agung sama ada ketetapan yang dibuat oleh Majlis tertinggi dahulu masih terus diiktiraf, dan dengannya segala perselisihan mengenai mesyuarat agung Cawangan dan Bahagian hendaklah diselesaikan oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri.**

**Datuk Seri Setiausaha Agung menerangkan keputusan Majlis Tertinggi yang terdahulu bersabit dengan perkara tersebut belum dimansuhkan, tetapi Badan Perhubungan UMNO Negeri tidak dibenar memecat atau menggantung sesiapa sebelum diputuskan**

**oleh Jawatankuasa Disiplin.**

**Setiausaha Agung juga menegaskan hanya cawangan yang sah, yang sudah berdaftar pada atau sebelum 31 Disember, 1986 boleh menghantar wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan Bahagian".**

### **AHLI MAJLIS TERTINGGI AKUR**

**Ahli-Ahli Yang Berhormat.**

Adalah jelas tidak ada langsung penyelewengan ataupun sebarang kecuaian pengarahan, pengurusan dan pentadbiran di peringkat Ibu Pejabat. Tidak ada political mismanagement. **Semua yang ada di dalam Dewan ini kecuali yang tidak menjadi Ahli Majlis Tertinggi pada waktu itu turut bertanggungjawab dengan keputusan MT kerana mereka tahu dan bersetuju dengan keputusan-keputusan yang telah dibuat itu.**

### **KUMPULAN 11**

**Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Untuk menyelesaikan masalah ini Majlis Tertinggi melantik sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Dato Napsiah Omar, Dato Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Dato Hussein dan saya sendiri untuk berjumpa dengan Kumpulan 11 setelah kita tahu implikasi daripada semua ini.

### **PERJUMPAAN 12HB OKTOBER, 1987**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ada yang dari Kelantan yang telah dikidnapkan, tidak benar

langsung hadir dalam perjumpaan. Ada yang datang dari-pada kalangan Kumpulan 11 dibawa makan tengah hari di Ampang Park Restaurant; makan malam di Lake Club; di-beri kursus bagaimana hendak bercakap dengan Setiau-saha Agung; bagaimana hendak mendekati Setiausaha Agung supaya tidak dipengaruhi oleh Setiausaha Agung.

### ILMU-ILMU

Kemudian kumpulan 11 ini pun datang ke Ibu Pejabat UMNO. Bila sampai ke Bangunan Ibu Pejabat UMNO mereka pun naik ke atas; **apabila kita pelawa minuman; mereka tidak mahu minum kerana ada pesanan atas kemungkinan Setiausaha Agung menggunakan ilmu yang boleh mempengaruhi orang-orang yang minum.**

### HELAH

Pelawaan makan juga ditolak kerana pesanan; kononnya tidak boleh makan sehingga selesai perbin-cangan. Dalam perjumpaan di pejabat peguam-peguam tertentu, yang ada di dalam Dewan ini sama ada sebagai pemerhati ataupun sebagai Ahli Yang Berhormat, mereka telah dibekalkan surat tidak mahu menarik balik kes ini dari mahkamah dan surat-surat itu semuanya ditaipkan ber-asingan menggunakan lain-lain typewriter setelah ditukar-kan perkataan. Tukarlah perkataan bagaimanapun tetapi sebagai pelajar tujuh bahasa, saya kenal bahasa yang digunakan dalam surat-surat itu berinspirasikan satu sum-ber. Surat-suratnya sahaja berlain-lain. Kemudian datang dalam mesyuarat.

Kami minta kepada Kumpulan 11 yang hadir, kami merayu kepada mereka. "**Tariklah kes ini dari mah-**

kamah kerana UMNO boleh hancur". Kami memujuk mereka. Pada waktu itu mereka telah mengesahkan segala persengketaan yang mereka hadapi di peringkat Bahagian masing-masing.

### **UMNO BOLEH HANCUR**

Kemudian mereka bertanya "Apakah Dato' Seri Dr. Mahathir boleh mengampun kami jika sekiranya kami tarik balik". Saya katakan, "Saya pernah melakukan kekasaran terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir pada tahun 1973 dulu tetapi saya diampun sampai jadi Menteri".

Saya merayu terus kepada mereka supaya tarik balik. Kemudian salah seorang dari mereka mengatakan, "Kalau kami tarik balik, kami akan malu. Kami malu hendak tarik balik".

### **SETIAUSAHA AGUNG TIDAK SALAH**

Mereka mengakui bahawa saya sebagai Setiausaha Agung tidak bersalah. Kemudian saya mencadangkan "Oleh kerana awak sudah mengakui bahawa saya sebagai Setiausaha Agung tidak bersalah, bagaimana jika saya mengaku salah supaya awak tidak malu?"

**Tariklah keluar kes ini dari mahkamah.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menyelesaikan masalah malu, saya telah tawarkan diri saya untuk meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung dan mengaku salah walaupun mereka sudah katakan saya tidak salah.

Kemudian salah seorang dari mereka bertanya, "**Apakah yang kami dapat kalau kami tarik kes ini?**" Saya tanya "Apa awak mahu?" Lama kelamaan saya mencadang, "Kalau mahu untuk peribadi, datanglah ke pejabat untuk beritahu, kalau mahu secara umum, mintalah di sini!" Tiba-tiba salah seorang mencelah, "Ada jawatan Menteri, berilah!" Saya tanya, "awak yang 11 inikah yang mahu jadi Menteri?" Bukanlah kami tetapi dari geng kami". Saya mencadang, "Okay, Dato' Seri Dr Mahathir saya tahu memangku jawatan Menteri Undang-undang dan dia bukan lawyer. Saya bolehlah membawa balik ke Majlis Tertinggi untuk menyokong supaya salah seorang dari tokoh yang awak sokong jadi Menteri Kehakiman". Satu orang lagi mencelah "Takkan satu sahaja!". Saya tanya kepada dia, "Awak hendak berapa?"

### **MAHU DR. MAHATHIR LETAK JAWATAN**

Seorang yang lain menjawab, "Paling kurang dua." Saya kata, "Susahlah kalau dua, fasal yang kosong satu dan Menteri-menteri yang ada ini tidak ada minat hendak letak jawatan. Kemudian saya bertanya, "Kalau ada dua jawatan mahukah awak tarik balik kes ini?" Dia jawab balik, "Ya, kalau ada dua kita boleh tarik." "Okay, malam ini saya letak jawatan sebagai Menteri Pertanian supaya ada dua kekosongan. Waktu itu semuanya diam sejurus, kemudian seorang berkata, "**Yang kita mahu Dato' Seri Dr. Mahathir letak jawatan.**"

### **MESYUARAT AGUNG SEKALI LAGI**

Ahli-ahli Yang Berhormat

Selepas mereka beritahu demikian saya berjanji, akan memberitahu kepada Dato' Seri Dr. Mahathir syarat

yang dikenakan supaya mereka tarik balik kes ini dari mahkamah. Saya kemudiannya bertanya apakah mereka setuju supaya Encik Ghaffar Baba menjadi Perdana Menteri. "Encik Ghaffar pun kami tidak mahu, kami hendak Mesyuarat Agung diadakan sekali lagi." Kumpulan 11 hendaklah mendedahkan siapa di belakang mereka supaya mereka tidak kesepian apabila digolongkan sebagai tokoh yang mengkhianat seperti Sikitol, Raja Muda Liar dan Sang Rajunatapa.

## SEKSYEN 70

Jelas ini bukan soal legal atau undang-undang

**Ada orang yang bertanya sebabnya kita tidak gunakan seksyen 70 dan sebagainya untuk memberi pengecualian supaya UMNO tidak terlibat dengan semua kesalahan di bawah akta. Tentu kita tidak gunakan seksyen 70 sebab kita tahu kita tidak salah.**

**Dengan izin, the fact that we didn't use section 70 is enough proof of our innocence".**

"...bahawa kita tidak menggunakan seksyen 70 adalah bukti yang cukup bahawa pihak kita tidak bersalah."

**Kalau kita tahu kita salah, kita betulkan. Kita sudah pun membetulkan kesalahan yang wujud pada tahun 1984.**

## MEREKA CEKAP

Tuan Yang di-Pertua,

Kalau pihak kami hendak pakai seksyen 70 sekali-

pun tidak mungkin kerana Penasihat Undang-undang kepada kumpulan 11 sudah pun mengambil tindakan yang perlu supaya semua dokumen di Ibu Pejabat di simpan "in custody", supaya kami tidak boleh tambah document secara back-dated untuk membetulkan keadaan (Remedial action). Jadi mereka lebih cekap, tetapi kita pun tidak berniat untuk menggunakan Seksyen 70 untuk membenarkan kesalahan. Adalah lebih baik kita membetulkan sesuatu yang tidak betul. Sebaliknya desakan mereka yang cekap untuk menyuruh kita menggunakan Seksyen 70 setelah dokumen berada dalam "safe custody" membuktikan niat buruk mereka. Kecekapan mereka itu salah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian

**Pokok pangkal di dalam semua masalah di depan kita ini ialah ambition atau cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri.**

Inilah pokok pangkal kepada masalah ini. Oleh itu sebagai bekas Setiausaha Agung UMNO saya ingin memberi satu formula untuk menjadi Perdana Menteri.

**Serahkanlah kepada Allah S.W.T.**

## **SEJARAH PERDANA MENTERI**

Tokoh Melayu yang pertama bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri ialah Dato Onn bin Jaafar; beliaulah manusia yang pertama yang bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri Melayu.

Kalau dia tidak sanggup hendak menjadi Perdana Menteri, dia tidak akan tubuh UMNO untuk memperjuang-

kan Kemerdekaan.

Tetapi rancangan Dato' Onn tidak sama dengan rancangan Allah S.W.T.

Itulah sebabnya Dato' Onn letak jawatan, kerana mengikut planning Allah S.W.T., Tunku Abdul Rahmanlah yang menjadi Perdana Menteri yang pertama.

Itulah sebabnya Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr Ismail dan rakan-rakan lain berpaktat untuk mengajak Tunku untuk memimpin UMNO selepas Dato' Onn berhenti. Maka Tunkulah jadi Perdana Menteri.

Allah S.W.T. Maha Mengetahui,

Apabila Tunku menjadi Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri. Allah S.W.T Maha Mengetahui bahawa Tunku Abdul Rahman umurnya panjang.

### 13 MEI

Jika masa beliau berhenti menjadi Perdana Menteri ialah apabila beliau sudah tiada lagi, maka sampai sekarang pun beliau masih menjadi Perdana Menteri. Maka berlakulah peristiwa 13 Mei, sebagai alasan sehingga Tunku terpaksa berhenti.

### TUN ABDUL RAZAK

Allahyarham Tun Abdul Razak terpaksa memilih seorang Timbalan. Beliau meneliti siapa yang patut menjadi Timbalan. Beliau dapati yang patut jadi Timbalan Perdana Menteri ialah orang yang setia kepadanya iaitu Tun

Dr Ismail walaupun pernah melawan dengannya dahulu.

### **TUN DR ISMAIL**

Tun Dr Ismail pun jadi Timbalan Perdana Menteri kepada Tun Abdul Razak.

Tetapi Tun Abdul Razak juga cekap.

Sesuai dengan selera Allahyarham Tun Dr Ismail, Tun Razak memberi kepada Tun Ismail jawatan Menteri Dalam Negeri, satu jawatan yang tidak mungkin boleh menambah undi dalam sebarang pertandingan UMNO.

### **KESILAPAN DATO' MUSA**

Jika ada satu kesilapan tindakan yang dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri dahulu, iaitu Ahli dari Kota Tinggi sekarang, ialah kerana memilih untuk sekaligus menjadi Menteri Dalam Negeri. Beliau berjaya menambah hanya 4 undi setelah 3 tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri daripada tahun 1981–1984. Jika dalam masa 3 tahun jadi Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri undi yang bertambah hanya 4 undi, bermakna beliau hanya berjaya menambah kawannya satu satutiga orang kawan setahun.

### **RANCANGAN ALLAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tun Dr Ismail telah jadi Menteri Dalam Negeri. Beliau seorang doktor dan beliau tidak sakit sementara Tun Abdul Razak bukan doktor dan dia sakit. Sepatutnya yang bukan doktor dan yang sakitlah yang dulu kembali kepada

Allah S.W.T.

Tetapi dalam rancangan Allah S.W.T. Tun Ismail tidak menjadi Perdana Menteri, maka Tun Ismail pergi dahulu. Bila Tun Ismail kembali ke rahmatullah dahulu dari pada Tun Abdul Razak maka Tun Abdul Razak memilih Tun Hussein Onn sebagai Timbalannya.

### **TUN HUSSEIN ONN**

Tun Hussein Onn lebih tua daripada Tun Razak. Tun Hussein bernikah dengan kakak dan Tun Razak bernikah dengan adik. Mengikut peraturan alam, yang tua sepatutnya pergi dahulu tetapi dalam planning Allah S.W.T., Tun Hussein akan menjadi Perdana Menteri maka Tun Razak yang lebih muda diambil dahulu oleh Allah S.W.T. Maka naiklah Tun Hussein menjadi Perdana Menteri.

### **DR. MAHATHIR**

Bila naik Tun Hussein menjadi Perdana Menteri, beliau perlu memilih Timbalannya. Ada 3 Naib Presiden UMNO di waktu itu, iaitu Encik Ghaffar Baba, Tengku Razaleigh dan Dato' Seri Dr. Mahathir. Dia hendak pilih yang mana, dia tidak boleh pilih Encik Ghaffar sebab dia tahu Encik Ghaffar melawan bapanya dahulu – tahun 1951. Nasib Tengku Razaleigh kurang baik, barangkali Tun Hussein lebih suka orang yang berumahtangga, maka Dato' Seri Dr. Mahathir telah dilantik menjadi Timbalan. Allah S.W.T. maha mengetahui, Tun Hussein juga umur panjang, maka ditakdirkan Tuhan beliau sakit jantung.

### **SAKIT JANTUNG**

Orang sakit jantung tidak semestinya cepat mati.

Yang Berhormat Encik Ghaffar Baba sakit jantung, saya pun sakit jantung. Sekarang kata doktor saya 10 tahun lebih muda dari dahulu.

### **MUSA HITAM**

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerana takdir Tuhan, sakit jantung sebagai alasan, Tun Hussein membuat keputusan untuk berhenti. Naiklah Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Ada 3 Naib Presiden di waktu itu, iaitu Encik Ghaffar Baba, Tengku Razaleigh dan Dato' Musa. Pada waktu itu Encik Ghaffar tidak terfikir beliau ada peluang menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana beliau dan Dato' Seri Dr. Mahathir sama "muda". Dato' Seri Dr. Mahathir juga tidak terfikir hendak melantik Encik Ghaffar menjadi Timbalannya kerana beliau juga tahu Encik Ghaffar sama muda dengannya. Maka tinggallah Dato' Musa itu antara dua orang yang bersaing ini Tengku Razaleigh kelihatan lebih popular tetapi, akhirnya seorang saja yang menang iaitu Dato' Musa.

Biar terus terang saya katakan bahawa Dato' Musa menang sebenarnya kerana sokongan yang tidak langsung yang diberi oleh Dr. Mahathir melalui penyokongnya seperti saya ini kepada Dato' Musa Hitam di waktu itu.

### **SEBAB MUSA LETAK JAWATAN?**

Ahli-ahli Yang Berhormat

Bila Dato' Musa menang beliau pun dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Kemudian Dato' Musa letak jawatan. Kenapakah Dato' Musa letak jawatan? **Kerana mencari sebab kenapa Dato' Musa letak jawatanlah maka semuanya jadi kelam kabut sekarang ini.**

### REZEKI GHAFFAR BABA

Sebenarnya Dato' Musa letak jawatan kerana rezeki Encik Ghaffar Baba.

Sekarang apa yang menjadi perkiraan ialah umur dua orang tokoh di hadapan saya ini yang kelihatan sama muda. Sekarang semua orang tertanya yang mana akan mati dahulu. Bila Encik Ghaffar sakit ada yang menangis, ada yang buat kenduri. Apabila Dato' Seri Dr. mahathir batuk, ada orang yang naik bimbang ada yang meningkat harapan. Ada kemungkinan dua orang hamba Allah yang sama muda ini akan hidup sampai semua yang ketagih hendak jadi Perdana Menteri mati dahulu.

### NASIB BANGSA MELAYU

Ahli-ahli Yang Berhormat

Sebagaimana saya minta pada awal-awal tadi, saya ingin secara ringkas meletakkan nasib bangsa Melayu ini dalam "framework" yang lebih luas. Apa yang akan saya ceritakan ini bukanlah satu "law", bukan satu "theory", bukan satu "hypothesis". Ianya hanya satu garis panduan yang mempunya 1–2 tahun "error".

### SEJARAH PENTING

Saya mulakan dengan tahun 1897.

Pada tahun 1897 Thailand telah bermesyuarat dengan British. Pada mesyuarat Thailand dengan British itu-lah satu keputusan telah dibuat, 4 buah negeri Melayu telah diserahkan kepada Thailand dan 4 buah negeri Melayu masuk ke Malaya. Ke Thailand Weng, Narathiwat, Pattani dan Yala. Ke Semenanjung – Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Apabila ini berlaku, tahu sahajalah bagaimana nasib orang Melayu yang beragama Islam di Selatan Thailand, jika dibandingkan dengan yang di sebelah kita.

Kita sudah menjadi satu golongan yang jumlahnya berkurangan kerana kita mengetahui jumlah Melayu yang ada di Semenanjung hampir sama dengan jumlah Melayu yang berada di Selatan Thailand.

Sehingga satu waktu negeri-negeri Melayu di Semenanjung telah berpecah kepada 4 kumpulan iaitu; negeri yang dahulunya di bawah jajahan Siam – Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu; negeri Straits Settlements – Pulau Pinang dan Melaka; negeri Federated Malay States – Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan dan Negeri Johor daripada kumpulan Johor – Riau dahulu.

## PENASIHAT BRITISH

Daripada tahun 1897 Orang Putih telah memperkenalkan British Advisor. Satu demi satu kerajaan negeri telah menerima British Advisor dan setiap negeri yang menerima British Advisor telah membuat "state national anthem" sendiri, menyanyi lagu negeri sendiri, menghormati bendera negeri sendiri.

**Bilakah selesai proses mengadakan British Advisor untuk negeri-negeri Melayu. Selesai dalam masa 1&tahun.**

## SEMANGAT NEGERI

1897 + 18 kita dapat 1915. 1914 ialah tahun bila-mana negeri Johor, negeri terakhir, menerima British Advisor. **Daripada tahun 1915 negeri-negeri Melayu diajar berfikir bukan dari segi Melayu, tetapi dari segi negeri.** Tidak wujud lagi orang Melayu pada waktu itu. Yang ada ialah orang Perlis, orang Kedah, orang Pulau Pinang, Seberang Perai, orang Perak, orang Kelantan, Terengganu, Pahang dan lain-lain.

Pendek kata, proses mewujudkan semangat kene-gerian sudah mula berlaku sejak tahun 1915 dan jiwa ke-melayuan telah dihakiskan. **Pendek kata, mulai tahun 1915 bermulalah semangat kenegerian.**

## CINA/INDIA

18 tahun kemudian. (1915 + 18 = 1933) iaitu pada tahun 1933, apabila ekonomi dunia pulih semula, setelah melalui krisis dari tahun 1929 ke 1932, orang-orang keturunan Cina dan India datang balik ke Malaysia – mereka telah balik ke negeri masing-masing di waktu harga bijih dan harga getah turun semasa ekonomi dunia meleset.

## SEMANGAT PERKAUMAN

Mulai tahun 1933 inilah orang-orang keturunan Cina dan India yang datang balik beramai-ramai atas dorongan Orang Putih telah dibahagi-bahagikan mengikut kerja. Melayu dipisahkan daripada orang Cina dan daripada orang India. India di ladang, Melayu di kampung, Cina di lombong dan bermiaga kecil-kecilan. **Semangat perkauman telah diasaskan mulai tahun 1933.**

Pada tahun 1946, selepas British menang Perang Dunia Kedua, apabila semangat perkauman sudah menukar di dalam negara, apabila semangat kenegerian sudah menjadi-jadi sampai orang Melayu sudah tidak ada panggilan bangsa lagi, pada waktu itulah Orang Putih mahu tubuhkan Malayan Union.

Pada waktu itulah Dato' Onn telah bangun menentang Malayan Union dan menyarankan slogan "Hidup Melayu" bagi UMNO kerana Melayu pada waktu itu sudah mati. "Hidup Melayu", "Hapuskan Semangat Kenegerian" sehingga Melayu yang bersatu, dengan Cina yang bersatu dan India yang bersatu melalui parti masing-masing mula berjuang untuk kemerdekaan negara.

### PAS

**1933 + 18 = 1951.** Pada tahun 1951 Melayu berpecah lagi kerana Pengurus Dewan Ulama UMNO telah keluar daripada UMNO, untuk tubuh PAS. Yang anihnya, orang yang keluar daripada UMNO untuk tubuh PAS, ini tidak pernah memimpin PAS, malahan British menghadiahkan kepada beliau jawatan Ahli Dewan Perundangan Pulau Pinang. Pendek kata, memecahkan Melayu kepada UMNO dan PAS boleh dapat hadiah daripada pihak penjajah.

Tahun 1951 tahun celaka apabila bangsa Melayu berpecah melalui parti yang berlaku sampai hari ini.

### JANJI MERDEKA

Tahun 1957 Malaya merdeka. Bila kita merdeka, kita telah membuat perjanjian keselamatan dengan British. Jika dalam masa 10 tahun Melayu, Cina dan India berke-

lahi sehingga berlaku pertumpahan darah, maka, British akan balik memerintah. Bermaknalah jika kita bergaduh antara kaum pada tahun 1967 ataupun sebelumnya, maka kita akan dijajah semula.

### PUNCA 13 MEI

Kita berasib baik, kita tidak berkelahi sebelum tahun 1967, tetapi kita berkelahi pada tahun 1969.

Di manakah letaknya punca perkelahian ini? **Punca perkelahian ini kerana keruntuhan kuasa politik Melayu.**

Apabila kuasa politik Melayu terjejas, saya difahamkan, ahli-ahli DAP di waktu itu, dengan penuh semangat dan cita-cita telah pergi ke rumah Menteri Besar Selangor dan kencing di tiang bendera rumah Menteri Besar. Itulah sebabnya semangat Melayu meluap sehingga tercetus Peristiwa berdarah 13 Mei.

### PAS KAFIR UMNO

**Kemerosotan kuasa politik Melayu bermula dengan PAS mengkafirkan UMNO. Ini berlaku pada tahun 1962.** Apabila UMNO dikafirkan oleh PAS pada tahun 1962, orang Melayu mula berpecah. Nasib baik pada pilihanraya tahun 1964 perpecahan itu belum membawa kesan buruk. Tetapi pada pilihanraya tahun 1969, setelah tujuh tahun kempen kafir-mengkafir menular sampai merata-rata, banyaklah kerusi UMNO yang kalah dalam pilihanraya tahun itu, termasuk di kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang.

**1951 + 18 = 1969.**

## RATA-RATA CERITA EKONOMI

Lepas tahun 1969, Melayu sebagai Bumiputera sibuk dengan Dasar Ekonomi Baru. Rata-rata kita bercerita fasal ekonomi, kita berhenti cerita fasal politik. "No more political courses", dengan izin. Semua kursus-kursus politik sudah tidak ada lagi. Yang ada pada kita hanya kursus ekonomi. Di masjid, khutbah ekonomi. Radio cerita fasal ekonomi. TV cerita fasal ekonomi. Suratkhabar cerita fasal ekonomi. Segalanya fasal ekonomi. **Memang boleh kita bercerita fasal ekonomi, tetapi jikalau kita bercerita fasal ekonomi dengan cara yang terpisah daripada kesedaran politik, kita mewujudkan satu masyarakat yang materialistik dan meterialismenya itu tidak disampingi oleh semangat perjuangan.**

## BERKORBAN

Pada waktu itu bangsa Melayu yang tadinya berjiwa politik lebih daripada berjiwa ekonomi dan sanggup berlumba-lumba untuk berkurban, sudah jadi satu bangsa yang berlumba-lumba hanya untuk jadi kaya. Daripada bangsa yang mahu berkurban, sudah jadi bangsa yang mahu kaya. **Yang kita mahu ialah sambil kaya sambil berkurban.**

## ISU EKONOMI

1969 + 18 = 1987.

**Perhimpunan Agung UMNO sebelum ini, sejak tahun 1946, apabila mahu memilih pemimpin, soalan yang pertama ditanya ialah sama ada pemimpin itu boleh diharapkan untuk memperjuangkan kepentingan politik Melayu dan kepentingan negara Malaysia.**

Pada tahun 1987, malangnya isu dalam pemilihan UMNO ialah isu ekonomi, sampai orang kampung pun mula bercerita mengenai harga bijih timah naik turun; orang kampung turut bercerita harga getah, naik turun; orang kampung cerita mengenai harga minyak kelapa sawit naik turun; orang yang tidak pernah ada kereta, yang naik gerek ke sana sini pun mulai cerita fasal harga minyak petrol naik turun.

### SALAH SIAPA

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat

Kempen ekonomi yang telah kita buat waktu pertandingan 1987 telah merosakkan pemikiran Melayu mengenai ekonomi (economic thinking of the Malays). Harga minyak turun di Indonesia, orang tidak salahkan **Presiden Suharto**; harga minyak turun di Arab Saudi, orang tidak salahkan **Raja Fahd**; harga minyak turun di Britain orang tidak salahkan **Ratu Elizabeth** ataupun **Margaret Thatcher**; harga bijih timah turun di Thailand, orang tidak salahkan **Prem Tinasulanon**; harga kelapa sawit turun di Indonesia, orang tidak salahkan Presiden Suharto; harga apa pun turun, orang tidak salahkan pemimpin, tetapi harga bijih, kelapa sawit, getah, harga apa sahaja yang turun, di Malaysia orang cuba salahkan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

**Sekarang ini bila harga barang-barang ini sudah naik orang mengatakan ini tidak ada sangkut-paut dengan Dr. Mahathir. Jadi, kerja Dr. Mahathir ini perturun sahaja, tidak boleh naik.**

### MINAT MELAYU – BERMUSIM

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian

**Setelah saya katakan semua ini, soalan yang ketinggalan ialah, "bilakah masalah ini akan selesai?"**

**Saya rasa tidak lama lagi selesai, kerana minat Melayu dalam menghadapi masalah adalah bermusim-musim.**

### KOMUNIS

Pada satu masa dahulu orang Melayu sibuk dengan hal komunis. Apabila orang Melayu sibuk dengan hal komunis, maka pada waktu itu semua orang bercerita fasal komunis, sampailah 2 orang Timbalan Menteri kena tangkap. Setelah itu orang Melayu tidak mahu cerita fasal komunis kerana **sudah ada Melayu yang terkorban**.

### FREEMASON

Kita cerita pula fasal Freemason; semua 'hot' fasal Freemason. Bilakah tamat fasal Freemason? Bila Ibu Pejabat Freemason depan Muzium Negara ditolak oleh bulldozer, Melayu merasa puas. Walhal Ibu Pejabat itu pindah ke tempat lain. Yang penting bagi kita bukanlah perpindahan ibu pejabat tetapi Ibu Pejabat yang ada sudah kena tolak dan kita rasa puas seolah-olah **Ibu Pejabat sudah terkubur atau Freemason sudah terkorban**.

### RASUAH

Lepas itu kita dengar cerita rasuah; rata-rata kita dengar fasal rasuah. Bila tamat kes rasuah? Bila seorang Menteri Besar masuk jel fasal rasuah, lepas itu, kita rasa sudah cukup kerana sudah ada yang terkorban.

## PENYAKIT SAMAN

Pernah saya ramalkan di dalam perjumpaan-perjumpaan di luar dewan ini dulu, apabila UMNO sudah mula terkena penyakit saman menyaman, saya beritahu di dalam perjumpaan di mana-mana, kes saman menyaman ini hampir tamat kerana sekarang ini Ketua Hakim Negara sedang menghadapi panel. Bila dia kena sahaja, dia yang biasa terima saman kena saman, dan jika dia pula diberhentikan, waktu itu tamatlah kes saman menyaman. Ramalan itu adalah tepat kerana sekarang ini sudah tamat kes saman menyaman kerana **sudah ada korban**.

Apakah isu seterusnya tahun ini? Waktu kita mahu merayakan Hari Kemerdekaan, saya katakan isu masa depan ialah bersatu.

## BERSATU

Itulah sebabnya Jawatankuasa Hari Kemerdekaan mencadangkan, tema BERSATU – marilah kita berkelahi fasal bersatu (let us quarrel about unity). Sekarang kita sedang berkelahi fasal ini – fasal perpaduan. Kita berkelahi fasal perpaduan dan kita akan terus berkelahi fasal perpaduan **sehingga ada korban**.

**Bilakah kita akan terkorban kerana tiada perpaduan?**

## TAHUN 2005

$$1987 + 18 = 2005$$

Apabila negara tidak aman lagi dan apabila sistem Raja berperlembagaan sudah terancam begitu hebat, apa-

bila sistem demokrasi berparlimen menjadi punca berbagai masalah, pada waktu itu apakah akan ada lagi keharmonian dalam negara seperti sekarang?

## BANGSA SASARAN

Telitilah cara kita berpolitik. Apabila bangsa Melayu berpecah belah akhirnya Cina dan India jadi sasaran; apabila Cina berpecah belah akhirnya Melayu dan India jadi sasaran; apabila India berpecah belah, akhirnya Melayu dan Cina jadi sasaran, tetapi terlebih dahulu mereka sama-sama sendiri menjadi sasaran.

## MELAYU BERSILAT

Tuan Yang di-Pertua,

**Adat Melayu berkelahi macam orang bersilat, mula-mula seorang tumbuk dulu; lepas tumbuk dia tunggu, sehingga orang lain tumbuk balik; kalau sudah terasa sakit; dua-dua berhenti, lalu bersalam; kalau masing-masing tidak sakit, seorang akan sepak dan setelah menyepak, dia tunggu penyepak lawan; akhirnya kawannya menyepak setelah sama-sama sakit, mereka pun bersalam.**

Apa yang menjadi masalah dalam Dewan ini ialah semua yang bercakap merasa dirinya betul, yang membangkang merasakan diri betul, yang mencadang juga merasakan betul. Belum ada yang sakit tenat.

## SIAPA SAKIT

Baguslah macam itu, daripada semua kata dirinya salah. Oleh kerana kita semua betul, akhirnya siapakah

**yang akan sakit, yang akan terkorban.**

Siapakah di antara kita yang akan sakit? Apakah kita semua akan sakit? Kita atau bangsa kita?

### **PERPADUAN KAUM - VISION KITA**

**Saya percaya akhirnya semua akan sakit.**

Apabila bangsa sudah jadi sakit, apabila Melayu sudah menjadi seperti pendatang haram Vietnam, seperti pelarian Palestine, pada waktunya sakit Melayu sakit tenat. Tenat Melayu tenat Malaysia.

Kejayaan kita di masa depan bergantung kepada kebolehan kita untuk menyatupadukan bangsa kita kembali dan menyatupadukan antara kaum di dalam negara.

Kemampuan kita untuk menyatupadukan bangsa dan antara kaum atau antara bangsa bergantung kepada kemampuan kita untuk meninjau "the vision of the future". (wawasan masa depan).

Sekian, wassalam.

# DUNIA PERTANIAN SUDAH BERUBAH

Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 19hb. November, 1989.

*Bismillahirahmanirrahim  
Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus Majlis  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden  
Naib-Naib Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

LPN

**S**ebagaimana hadirin dan hadirat sedia maklum, sejak Langkawi menjadi pulau bebas cukai, saya sebagai Ketua Bahagian menghadapi sedikit masalah kerana wakil Langkawi bercakap secara bebas tidak ada 'censorship' langsung.

Wakil dari Langkawi atau Wakil dari Kedah telah menyentuh mengenai LPN, Akta Perikanan dan harga padi.

Mengenai LPN, beliau menasihatkan saya supaya memberi penerangan sejelas-jelasnya sebelum LPN dikorporatkan.

Sebenarnya, apa yang perlu dilakukan terhadap LPN hanyalah menjadikan ia sebuah syarikat. Tetapi bukan syarikat milik swasta atau untuk dijual kepada sesiapa. *LPN perlu dijadikan syarikat supaya pentadbirannya dapat diatur secara lebih komersial daripada menjalankan peranan sebagai sebuah agensi Kerajaan semata-mata.*

Dari masa ke semasa LPN memerlukan wang untuk membiayai aktivitinya. Nilai kesemua kilang LPN sekitar RM 100 juta lebih, kerana ia bukan syarikat, hartanya tidak boleh digadai dengan mudah untuk mendapatkan pembiayaan yang diperlukan.

Bagaimanapun, apabila ia menjadi sebuah syarikat dengan tenaga pekerja dan syarat yang sama, ia tidak lagi perlu mengharapkan pada Kerajaan. Ia boleh berurusan dengan bank swasta seperti syarikat-syarikat lain. *Dengan cara ini galakkan untuk kakitangan LPN juga bertambah baik.*

## AKTA PERIKANAN

Mengenai Akta Perikanan, sememangnya Kerajaan mempunyai hasrat untuk memindanya.

Bagaimanapun, pindaan kepada akta itu patut dianggap sebagai satu cara mengurangkan denda bagi mereka yang mencerobohi perairan, melanggar undang-undang dan tidak berdisiplin.

Kebanyakan desakan meminta meminda Akta Perikanan ialah daripada kalangan yang melakukan kesalahan. Tetapi yang membuat kesalahan hanya tiga peratus daripada semua nelayan berbanding **97 peratus yang berbangga dengan pelaksanaan akta ini.**

Wakil Kedah juga membangkitkan soal harga padi. Saya kira harga padi akan saya sebutkan di bawah topik membasmi kemiskinan.

Sejak negara ini Merdeka kita berusaha meningkatkan harga padi dari masa ke semasa. Bagaimanapun, kemiskinan masih belum dapat diatasi walaupun harga padi berkali-kali telah naik. Oleh itu masalah yang berkait dengan padi seperti ditimbulkan oleh Wakil Kedah sama dengan masalah yang dibangkitkan oleh Wakil Pemuda, Wakil Pahang dan Wakil Melaka semasa membahaskan Usul Ekonomi.

Malah, apabila Wakil Pahang menyebut skim SPKP yang kurang pembiayaan, dan meminta supaya skim itu dipindahkan ke LPP dan

tidak ke Bank Pertanian, ia bagaikan satu keluhan berlandaskan masalah yang dihadapi nelayan.

## KEMISKINAN

Kementerian Pertanian mempunyai beberapa pendekatan untuk mengurangkan kadar kemiskinan.

Sebenarnya tiada negara di dunia yang berjaya menyelesaikan kemiskinan. Di Jepun yang serba maju juga tidak kurang golongan miskin. Begitu juga di Norway dan Sweden. Bagaimanapun, jumlah kemiskinan di ketiga-tiga negara ini tidaklah tinggi.

Tetapi, sebaliknya kita mendapati di negara di mana golongan miskin begitu rendah, peratusan yang membunuh diri pula cukup tinggi. *Ini bererti ada keseimbangan perbezaan di kalangan orang miskin dan orang mewah tetapi tidak senang di hati.*

Oleh itu Kementerian Pertanian menggariskan tiga pendekatan untuk:

- i) ***Meningkatkan pendapatan.***
- ii) ***Mengikis pandangan karut yang memberi kesan negatif ke atas ekonomi.***
- iii) ***Meningkatkan tahap kebahagiaan.***

## BEKALAN DAN PERMINTAAN

Mengenai usaha meningkatkan pendapatan, kita berpegang kepada teori ekonomi atau pun undang-undang ekonomi yang mudah, iaitu teori '*supply and demand*' atau '*bekalan dan permintaan*'.

Dalam usaha kita menambahkan pendapatan masyarakat miskin, kita cuba menjual apa saja yang mempunyai nilai komersil hasil usaha golongan miskin.

Kalau kita mendapati banyak sayur-sayuran, kita berkempen supaya orang ramai lebih memakan sayur.

Kalau kita mendapati banyak pokok buah-buahan, kita berkempen supaya orang ramai banyak memakan buah-buahan.

Kalau kita lihat di hutan banyak ulam, kita berkempen supaya orang memakan ulam.

Kalau kita melihat banyak kelapa, kita berkempen, supaya orang ramai meminum air kelapa muda.

Bagi meningkatkan pendapatan, kita juga *mengadakan apa saja yang boleh dijual*. Kita kaji barang-barang yang laris, dan sekiranya barang yang laris itu kita dapati tiada di kalangan masyarakat, kita perlu adakan. Kita perlu adakan *ikan salai, keropok* yang begitu popular dan kita perlu adakan bermacam-macam lagi.

## FAHAMAN KARUT

Seperkara yang jelas bagi kita ialah kewujudan kepercayaan karut di kalangan masyarakat.

Umpamanya,kita maklum di masa dulu air kelapa *dianggap sesuatu yang boleh melemahkan tenaga*. Berikutan kepercayaan itu, dengan sendirinya masyarakat kita menjauhkan diri daripada meminum air kelapa muda.

Apabila ini berlaku, beratus-ratus ribu orang yang bergantung kepada kebun kelapa kecil menghadapi masalah.

Kita berkempen untuk mengubah pandangan ini.

## TONGKAT ALI

Saya teringat bagaimana Kak Esah, dalam ucapannya, mencelah mengenai *Tongkat Ali* yang begitu terkenal.

Sebenarnya *bukan begitu cerita Tongkat Ali*. Tidak benar cerita yang mengatakan Tongkat Ali ada kaitan dengan tenaga manusia dan sebagainya.

Universiti membuat kajian ke atas tikus (bukan ke atas manusia) dan mendapati Tongkat Ali boleh membantu mengubati penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis dan beberapa lagi penyakit.

Bagaimanapun, secara seloroh, pelajar universiti menyebutkan perkara ini kepada orang ramai..*kepada pemberita*. Pemberita kemudian menonjolkan perkara itu sehingga Tongkat Ali menjadi sebutan Kak Esah di dewan ini.

Saya juga difahamkan di bawah sana ada gerai dari Jerlun, Langkawi, yang mengiklankan saya membeli sebatang Tongkat Ali yang panjang. Itu semua tidak betul. Bagaimanapun, kerana Langkawi bertaraf Pelabuhan Bebas, Wakilnya bebas untuk melakukan apa mereka suka.

Tetapi bagi Kak Esah, saya berpendapat tidak perlu mengambil kisah sangat soal tenaga dan sebagainya. Kita tidak perlu malu dan berasa hairan apabila orang memberi petua supaya kita memakan sayur ataupun bahan berubat dalam apa jua bentuk yang membolehkan kita menjadi sihat.

## SYURGA

Kalau kita lihat pada isi Al-Quran, jelas tertonjol di Syurga banyak manisan dan madu lebah.

Kalau di Syurga ditonjolkan pelbagai pandangan indah, saya percaya orang buta di dunia ini tidak mampu menggambarkannya dan mereka mungkin tidak berhasrat untuk pergi ke Syurga.

Kalau di Syurga Tuhan menonjolkan banyak barang masin, mereka yang mengidap penyakit

tekanan darah tinggi mungkin tidak berminat ke sana.

Kalau di Syurga Tuhan menceritakan adanya pelbagai jenis lagu dan irama yang sedap didengar, orang yang pekak mungkin tidak berminat untuk ke Syurga.

Sebaliknya di Syurga dikatakan ada ramai *Bidadari*, oleh itu yang pekak, yang tuli, yang buta, yang sakit, yang berpenyakit kencing manis, dan yang capik semua ingin ke Syurga.

## MOTIVASI

Kerana apa? Kerana motivasi dunia ini dikesan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadikan alam, seluruh isinya dan Yang Maha Mengetahui. *Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui kelemahan manusia.*

Kita tidak dapat mengelak daripada mempelajari sifat manusia. Sekiranya kita berkempen untuk mempopularkan air kelapa sebagai sesuatu yang boleh melemahkan tenaga, dengan sendirinya air kelapa muda tidak akan laris. Kalau prejedis terhadap air kelapa kita buangkan, maka seperti sekarang, harga kelapa naik daripada lima sen sehingga 50 sen sebiji dan banyak kilang minyak kelapa terpaksa ditutup kerana tidak lagi menguntungkan.

Begitu juga dengan kambing dan bebiri. Kita maklum bahawa kambing bebiri namanya

sama dengan kambing biasa. Kita beranggapan asalkan kambing, semuanya serupa.

Oleh kerana kambing memakan kulit pokok getah, dengan sendirinya kita menganggap kambing bebiri juga memakan kulit pokok getah. Sebenarnya kambing bebiri dan kambing adalah dua jenis haiwan yang berbeza perangainya.

Kita perlu menerima keadaan di mana ada kalanya nama haiwan atau manusia serupa, tetapi perangai mereka berbeza. Ada kalanya perangai serupa tetapi nama lain-lain.

Umpamanya nama Junid. Yang ada nama Junid lima orang.

Ada Megat Junid, seseorang yang menjaga keselamatan negara.

Ada juga Pak Ya Junid. Pak Ya Junid pemilik sebuah sekolah agama yang terbakar di Padang Lumat. Dia berbeza daripada Junid yang lain kerana dia bekas Pengurus Dewan Ulamak PAS, Kedah.

Kita ada Fazidah Junid, seorang penyanyi terkenal. Dia pun Junid juga.

Kita juga maklum bahawa Tarik Junid mempunyai satu sejarah yang cukup menarik.

Saya Sanusi Junid. walaupun nama kami sama...ada Junid dihujungnya, tetapi sebagaimana

kambing bebiri dan kambing, perangai kami berbeza.

Yang penting sekali ialah kambing bebiri walaupun masih dipanggil kambing, ia tidak memakan kulit pokok getah.

### IKAN

Kita juga dinoda dengan cerita bahawa memakan ikan menyebabkan kanak-kanak banyak cacing.

Kepercayaan ini menular hingga Yang Amat Berhormat Presiden kita pun tidak makan ikan kerana *ibu beliau juga mempercayai ikan boleh membiakkan cacing.*

Oleh kerana ibu beliau tidak mengatakan ikan masin membiakkan cacing, maka beliaupun makan ikan masin.

Oleh kerana ibu beliau tidak mengatakan ikan mentah boleh membiakkan cacing, maka beliaupun makan ikan mentah.

Bagaimanapun, beliau tidak makan ikan biasa kerana dipengaruhi sejak dari kecil dengan kepercayaan ini.

### NASI

Sekarang tiba masanya *kita mengubah pandangan masyarakat.*

Daripada makan nasi banyak, kita kini menumpukan kepada makan lebih banyak ikan.

Kita semua maklum bahawa nelayan di tepi pantai menangkap banyak ikan, tetapi mereka hanya makan sedikit sahaja dan sebaliknya makan lebih nasi.

Ini berbeza dengan sesetengah negara maju yang begitu popular masakan '*fish and chips*' atau ikan dengan kentang goreng.

Kita di sini patut mengadakan '*fish and rice*' dan bukan '*rice and fish*'. '*Fish*' perlu didahulukan

Kalau kita berjaya mengubah masyarakat daripada amalan 'makan nasi berlaukkan ikan' kepada '*makan ikan berlaukkan nasi*', saya percaya masalah masyarakat nelayan boleh dikurangkan.

## KEBAHAGIAAN

Bagi meningkatkan tahap kebahagiaan, kita seringkali disogok dengan sangkaan kita perlu banyak duit, sehingga kita lupa orang yang tak banyak duit pun boleh hidup bahagia dan gembira.

Seorang pelancong dari Frankfurt, Jerman, menaiki pesawat *Lufthansa* ke Kuala Lumpur. Dia, kemudian, menyambung penerbangan dengan menaiki pesawat Penerbangan Malaysia untuk ke Langkawi. Di Langkawi dia tidur atas pasir di tepi pantai.

Semasa di tepi pantai dia tidak memakai baju dan seluar. Yang melekat di tubuh hanya seluar dalam. Dia turun ke laut untuk berenang. Inilah kerjanya setiap hari di Langkawi.

Dia makan 'seafood', menginap di chalet dan terpaksa membelanjakan beribu-ribu ringgit untuk tambang dan kemudahan menikmati pengalaman begini.

Nelayan kita di pantai hairan melihat gelagat pelancong ini sedangkan dia boleh terjun ke laut tanpa berbaju, tanpa berseluar, tanpa membelanja sesen pun ...bersahaja terjun ke dalam laut, lantaran meningkatkan tahap kebahagiaan.

### PESTA NELAYAN

Kini kita ada *Pesta Nelayan*. Kita ada *Sukan Nelayan* di tujuh negeri. Saya juga melihat ada nelayan yang berenang lebih pantas daripada perenang Sukan SEA, tapi ikut 'jam' nelayanlah.

Apabila saya tanya kepada nelayan itu mengapa dia tidak masuk bertanding dalam SUKAN SEA, dia menjawab, '*demo tok jempuk*.' Nelayan biasanya tiada dalam '*main stream programmes*' yang dianjurkan oleh Kerajaan.

### TANGGUNG-JAWAB BERSAMA

Saya banyak menghuraikan mengenai kemiskinan dalam masa yang singkat ini, seolah-olah kemiskinan itu tanggung-jawab Kementerian

Pertanian sahaja.

Sebenarnya banyak cara menyelesaikan masalah kemiskinan.

Kementerian Perdagangan pun mewujudkan industri yang boleh menyediakan pekerjaan kepada anak daripada keluarga miskin, sehingga keluarga mereka juga turut dibantu.

Melalui pendidikan juga masalah kemiskinan boleh diselesaikan.

Melalui Kementerian Pertahanan, anak orang miskin boleh menjadi askar, di bawah Kementerian Dalam Negeri, mereka boleh menjadi polis atau pelbagai jawatan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Dengan cara ini masalah kemiskinan dapat diselesaikan secara bersama.

Bagaimanapun, apabila disebut kemiskinan, ada empat golongan disebut secara ketara:

- i) ***Penanam padi;***
- ii) ***Pekebun Kecil Getah,***
- iii) ***Pekebun Kecil Kelapa, dan***
- iv) ***Nelayan.***

## **NELAYAN**

Kita kini menemui cara menyelesaikan kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan. Kita perlu menggalakkan nelayan, bukan untuk menyertai rancangan FELDA, tetapi untuk pergi ke laut dalam.

Kita perlu mewujudkan industri *mengetin ikan*. Kita perlu terus menyalaikan ikan untuk dieksport. Kita perlu menambahkan pengeluaran keropok dan kita juga perlu permodenkan kelengkapan perikanan.

Kita juga mahu ikan kita dieksport dalam tin selain daripada dieksport basah. Kita sedang menuju menjadi '*nett exporter*' ikan. Kita juga perlu berusaha menggunakan kemudahan yang ada pada industri pelancongan dan kita *ingin melihat semua kampung nelayan - kesemuanya 777 kampung-kampung nelayan menjadi taman indah*.

Kita ingin mewujudkan di kampung nelayan, tandas bertaraf '*lima bintang*'. Kini kita telah menyediakan 3,500 tong sampah di merata kampung nelayan. Kitā ingin melihat *kampung nelayan dijadikan destinasi bagi pelancong* menikmati persekitaran yang nyaman...orang boleh mandi di sana, ada sukan, ada pertunjukan kebudayaan masyarakat setempat, malahan pendekatan kepada pelancongan seperti ini akan secara amnya, menguntungkan golongan nelayan.

## TAKRIF KEBERSIHAN

Dalam usaha membersihkan kampung nelayan, saya mempunyai satu takrif atau definisi mengenai kebersihan.

Saya ingin bertanya , apakah yang dikatakan *bersih*?

Saya pernah meminta seorang pekedai runcit membersihkan kedainya. Dia kata, 'baik, Encik.'

Keesokan hari saya ke kedai runcit itu dan saya lihat keadaannya masih kotor. Saya katakan lagi, 'bersihkanlah, Shafie, kedai ini'.

'Baik, Encik. katanya sekali lagi.'

Esoknya saya datang lagi ke kedai dan saya dapati masih lagi kotor, saya berkata, 'bersih itu maknanya tak dak tali atas lantai, tak dak kayu, tak dak kertas, tak dak tepung, tak dak minyak tumpah.'

Saya datang pula sebelah petang. Keadaan waktu itu bersih tetapi ada ketul batu atas lantai...kenapa?...kerana saya tidak menyebut batu.

Jadi, apakah erti bersih? Bagi kampung nelayan kita perlu kemukakan pengertian bersih dengan sejelas-jelasnya.

Apabila kita nak sembahyang kita perlu bersih tak? Kita perlu bersih.

Dalam perut ada najis tak? Ada.

Mestikah kita keluarkan najis dalam perut sebelum bersembahyang? Tak wajib...tak perlu...tak mesti...tak sunat.

Bagaimanapun, jika selepas kita bersembahyang najis keluar daripada perut dan kita letakkan najis itu di atas kepala, bolehkah kita bersembahyang? Tak boleh.

Kenapa tak boleh sedangkan najis yang sama juga?

Baik. Kita melihat kari di dalam mangkuk bersih tak kari tu? Bersih. Nasi dalam pinggan bersihkah nasi itu? Bersih.

Tetapi bila kita ambil kari dan metelakkannya atas nasi, bersihkah nasi itu? Bersih, malahan kita boleh memakannya.

Bagaimanapun, sekiranya kari itu kita simpannya ke baju, baju kita dikatakan kotor. Kenapa kotor sedangkan kari bersih dan baju pun bersih juga. Sama juga apabila kita melihat padang bua, atau kita ke Dataran Merdeka, kita melihat rumput hijau, kita akan mengatakan 'bersihnya Dataran Merdeka.'

Apabila kita ambil rumput hijau dan letakkan dalam pinggan bersih, kita akan mengatakan pinggan sudah kotor.

Mengapa barang yang bersih ini apabila dipindahkan tempatnya, menjadi kotor? Kerana salah tempat.

Sekiranya kita kekalkan najis di dalam perut, maka mungkin tempat najis kepala bukannya

tempat untuk meletakkan najis. Begitu juga rumput... memang patut berada di padang. Dalam pinggan bukannya tempat rumput.

Begitu juga kuah, tempatnya di atas nasi dan bukan di baju. Begitu juga kalau orang bermain bola di padang, memang padang tempat bermain bola.

Tetapi jika seseorang itu bermain bola di atas katil, orang akan mengatakan dia gila... sama gilanya jika dia melakukan apa yang biasanya dilakukan di atas katil di lakukan di atas padang bola!

Nelayan sekelian dididik memahami hakikat ini. Jika seseorang ke jamban, dia boleh buang najis. Kalau dia duduk di Madrasah, dia boleh membaca kitab. Jika dia membaca kitab dalam jamban dan apabila dia membuang najis di Madrasah, maka dia dikatakan tidak siumam kerana definisi bersih ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya.

## PEKEBUN KECIL KELAPA

Antara kalangan yang masih miskin ialah pekebun kecil kelapa.

Pekebun kecil kelapa dinasihatkan supaya menjadi lebih bergairah daripada keadaan sekarang.

Mendulu salah peribahasa kerana "Wan Sia hahan yial geramni sia wahan regh seua"

Peribahasa ini bermaksud apabila kamu banyak belajar, kamu akan menjadi kaya.

***Ada dua cara untuk menjadi senang.***

Pertama, di kampung kita belajar sampai pandai supaya kita lebih pintar daripada orang lain. Jika orang tanam pokok, kita jual buah. Orang susah, kita senang. Jika orang tangkap ikan, kita jual ikan. Orang susah, kita senang. Ini kerana kita lebih pandai daripada orang kampung yang lain.

Bagaimana caranya menjadi kaya? Senang saja. Cari kampung yang ramai orang lebih bodoh daripada kita.

Ini bererti cuma ada beberapa kerat sahaja orang yang boleh senang dalam masyarakat kampung itu. Tetapi, jika kita ingin melihat ramai orang senang dalam masyarakat, kita perlu mendidik masyarakat kita supaya menjadi lebih pintar daripada keadaan sekeliling.

**POKOK KELAPA**

Lihat saja pokok kelapa - kalau pokok kelapa lebih cerdik daripada kita, bila kita berehat dibawahnya dan pokok pun naik geram, buah akan jatuh ke atas kepala kita, dan mungkin kita akan mati!

Bagaimanapun, jika kita lebih pintar daripada pokok kelapa, kita boleh buat perkara yang tak mampu ditandinginya. Umbut kelapa

boleh dibuat kari, nira kelapa kita boleh minum dan yang lebihnya kita boleh peram...kita jualkan kepada rakan-rakan dalam Barisan Nasional. Kita peram lagi sehingga tuak menjadi cuka...kita boleh makan.

Lidi pula kita gunakan untuk cucuk satay. Tak mahu buat satay kita boleh buat penyapu. Tak mahu buat penyapu, sekiranya kita pintar, kita boleh buat lekaran dan lain kraftangan. Pokok kelapa boleh buat perabut, boleh buat tiang, boleh buat papan jadi lantai, sabut boleh buat tali...boleh buat tikar.

Tempurung boleh dijadikan kraftangan. Minyak kelapa kita boleh gunakan untuk memasak...boleh dijadikan minyak rambut - Amla!

Kita boleh buat minyak pengasih, kita boleh buat minyak urut - segala-galanya.

Malahan akar pokok kelapa pun kita boleh potong-potong. Kita jualkan kepada ahli Al-Arqam untuk dijadikan berus gigi. Pendek kata, pokok kelapa adalah segalanya...

## PEKEBUN KECIL GETAH

Di negara ini kita mempunyai banyak kebun getah. Oleh kerana kita maklum bahawa kambing bebiri dan kambing biasa adalah dua haiwan yang berbeza perangainya, kita perlu menggunakan kebun getah untuk menternak kambing bebiri.

Di Makkah pada hari *Qurban Raya Haji*, sekurang-kurangnya 3 juta kambing bebiri disembelih pada hari pertama *Qurban*.

Semua kambing yang disembelih di hari *Qurban* didatangkan dari Australia, New Zealand dan Chile, dari negara bukan Islam. Kecuali negara Turki, yang membekalkan sekitar 50.000 ekor sahaja, negara Islam lain tidak membekalkan bebiri.

Kita boleh pelihara sembilan juta ekor bebiri dalam kebun getah kita.

Bila saya berucap mengenai perkara ini di Amman, Jordan, di hadapan Menteri Negara Islam, selepas saja berpeluk-peluk mesra kelslamam dengan mereka, saya bertanya samada mereka boleh membeli kambing bebiri dari Malaysia

Wakil Kuwait bangun mengatakan '*Next year we want 300,000 sheep from Malaysia*' (tahun depan kami mahu 300,000 kambing bebiri dari Malaysia). Mana nak cari sebanyak itu?...tetap tidak cukup walaupun dimasukkan bebiri subsidi.

Makanya kita perlu terus berkempen untuk menambah bilangan kambing bebiri yang dibiakan di dalam negara.

Kisah kambing jantan Australia tidak berminat dengan kambing betina Malaysia tidak benar dan karut. Kambing jantan dari Australia sekali pun, lambat laun akan mendekati kambing betina Malaysia.

Apabila kita sudah menternak kambing, kita boleh gunakan bulu kambing bebiri untuk membuat baju. Kita boleh gunakan kulit kambing untuk membuat beg. Daging kambing boleh dimakan.

Selepas kambing bebiri, kita perkenalkan pula arnab. Iisi arnab sedap walaupun saya belum mampu memakannya. Kita perlu memperkenalkan daging arnab di sekolah supaya pelajar-pelajar biasa memakannya.

Generasi akan datang pasti menyukai daging arnab. Ini nikmat daripada Allah. Kulit arnab boleh dibuat beg, bulu dua ekor arnab Anggora boleh dibuat baju berharga AS\$1,000.

### PADI

Kita tak boleh meluaskan kawasan padi. Kita terpaksa kurangkan petani yang bergantung kepada tanah yang sedikit. Kita perlu permodenkan penanaman padi. Kita perlu gunakan jentera.

Untuk menggunakan jentera, kita perlu perbesarkan ladang. Di kampung kita mempunyai banyak industri kecil. Kita mempunyai usaha kraftangan.

Tempurung yang di buat di *Infokraf* dan di *Karyaneka* pun boleh dijual sampai 10,000 tempurung berukir setiap bulan.

Sekarang ini sudah ada saingan di antara kelapa tua dan kelapa muda. Kalau mahukan tempurung, kita kena tunggu sampai kelapa menjadi tua di pokok. Kalau hendakkan harga kelapa yang mahal kita perlu petik kelapa di waktu muda.

### TAMAN

Dengan adanya pendekatan seperti ini kita dapat menyelesaikan banyak masalah. Saya yakin jika di kampung di tanam pokok bunga, pokok buah-buahan, kampung mungkin bertukar menjadi taman.

Kampung nelayan akan menjadi indah. Lautan bertukar menjadi tempat permainan. Pendek kata pendapatan yang sedikit semakin bertambah, masyarakat akan lebih bahagia.

### MUZIK

Saya sudah membenci untuk mengetahui bilangan Pak Tani dan nelayan yang berbakat bermain alat muzik. Sehingga sekarang, tidak kurang 374 orang petani dan nelayan boleh menggesek biola. Apabila sampai 1,000 orang nanti, mungkin kita boleh adakan '*Farmer's Symphony Orchestra*' atau '*Orkes Simfoni Petani*'.

### SUKAN TANI

Selain itu saya juga ingin melihat Pak Tani dan nelayan terbabit dalam sukan. Kita ingin

menjadikan masyarakat tani masyarakat yang mulia, masyarakat yang taqwa, bahagia dan lebih penting, mereka menyokong Barisan Nasional semasa pilihanraya.

Terima kasih.

# **BUANGLAH YANG KERUH AMBILLAH YANG JERNIH**

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 2hb. Disember, 1990.**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus Majlis  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan dan Pemerhati Sekelian  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

## **TERIMA KASIH**

**S**aya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan kerana turut mengundi saya bagi Jawatan Naib Presiden. Amanah tuan-tuan tidak akan saya sia-siakan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Pengurus Tetap, Timbalan Pengurus Tetap, YAB Presiden, YAB Timbalan Presiden dan kawan-kawan yang turut memenangi jawatan Naib Presiden dan yang berjaya menduduki tempat di dalam Majlis Tertinggi.

### 1984

Pada tahun 1984 saya mendapat pencalonan yang terbanyak untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden, tetapi saya kalah.

YAB Encik Ghafar Baba mengalahkan saya dengan 20 undi.

Setelah saya kalah, saya juga telah bersalam, seperti Senator Azman Attar, dengan hampir dua ribu orang yang mengatakan mereka telah mengundi saya, termasuk para pemerhati.

Syukur, *alhamdullilah*, kerana jika YAB Encik Ghafar kalah pada 1984, maka pada hari ini, negara tidak ada Timbalan Perdana Menteri.

### 1987

Pada tahun 1987 saya telah menarik diri daripada bertanding untuk jawatan Naib Presiden walaupun peluang untuk menang cukup kuat kerana pihak yang sekarang berada dalam Parti Semangat 46 juga memujuk saya bertanding dan berjanji akan menyokong saya untuk menumpulkan kempen saya menyokong YAB Dato' Seri Dr. Mahathir dan YAB Encik Ghafar Baba.

Sebenarnya saya tidak bertanding untuk tidak berkempen kepada semua perwakilan dari semua kelompok kerjaya.

1990

Oleh itu, apabila saya mendapat pencalonan yang ketiga tinggi pada tahun 1990, saya masih belum yakin boleh mendapat kemenangan.

Walau bagaimanapun, saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada semua para perwakilan.

### SEDIH

Jika ada perasaan lain daripada *syukur* dan *terima kasih*, perkataan itu ialah *sedih*, kerana saya ditakdirkan Allah menggantikan tempat seorang ulama.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa dari segi ugama saya tidak sepadan untuk menggantikan tempat YAB Tan Sri Wan Mokhtar.

Antara sebab kemenangan saya termasuklah kerana mendapat undi daripada penyokong-penyokong Tan Sri Wan Mokhtar dari Terengganu. Tan Sri Wan Mokhtar dalam doanya tahun ini menyebut, "*kita bersyukur kerana ekonomi negara bertambah mantap hasil perladangan dan kilang perusahaan.*"

Tan Sri menyebut '*perladangan*' ... ini bererti Tan Sri menyebut saya. Itu juga bererti saya menang bagi pihak YAB Tan Sri Wan Mokhtar.

*Tan Sri gagal dalam kemenangan.*

### **TOHMAH DAN FITNAH**

Apabila selesai sesuatu pertandingan sengit, pemimpin-pemimpin atasan dan bawahan, malah pemimpin di semua peringkat, sering memberikan nasihat -- 'LUPAKANLAH SEGALA TOHMAH DAN FITNAH -- BUANGLAH YANG KERUH DAN AMBILAH YANG JERNIH.'

Saya bersetuju dengan nasihat ini.

### **LEMAN DAN MALIM**

Saya kemudiannya teringat kisah perkelahian antara dua beradik yang bernama SiLeman dan SiMalim.

Setelah bermain di taman selama satu jam, SiMalim terpijak kaki SiLeman. Dengan pantas SiLeman menempeleng SiMalim.

Tidak sempat SiMalim membala, kakak mereka, Cik Merah, menghampiri dan menahan SiMalim daripada bertindakbalas. Mereka disuruh bersalam.

Mereka pun bersalam.

Lepas itu Cik Merah memberikan ais kerim kepada SiLeman dan disuruhnya SiLeman menyerahkan ais kerim itu kepada SiMalim.

Kemudiannya Cik Merah menyerahkan ais kerim lain pada SiMalim dan SiMalim memberikannya kepada SiLeman.

SiLeman dan SiMalim merasai nikmat ais kerim yang enak dan manis.

## KERUH DAN JERNIH

Ini adalah pengalaman yang manis.

Sebelum meninggalkan tempat itu, Cik Merah berpesan kepada SiLeman dan SiMalim supaya berbaik-baik dan '*melupakan yang keruh dan ambil yang jernih.*'

Pada keesokan hari SiLeman dan SiMalim bermain lagi. Setelah sepuluh minit, SiMalim pun melempang SiLeman. SiLeman sepak balik.

Kedua-dua mereka terus bertumbuk sehingga Cik Merah sampai. SiLeman yang lebih tua mengadu bahawa SiMalim yang memulakan dengan menempelengnya dulu.

Cik Merah menempelak, "Malim, kenapa Malim tempeleng SiLeman? Kan kelmarin kakak sudah nasihatkan lepas kita makan ais kerim, supaya Leman dan Malim buangkan yang keruh dan ambil yang jernih?"

Jawab SiMalim, "Memang betul kata kakak, tapi yang jernih dalam ingatan saya ialah tempeleng SiLeman kelmarin. Sedangkan ais kerim yang manis saya pernah makan selalu" di tempat dan masa yang lain.

## MEDIA

Saya berterima-kasih kepada semua *media-massa* yang bertalu-talu menulis mengenai kejayaan-kejayaan Kementerian Pertanian sebelum Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Malangnya waktu antara Pilihanraya Umum dan sebelum Perhimpunan Agong UMNO tidak ada lagi cerita-cerita baik mengenai Kementerian saya.

- *Nelayan mati di laut menjadi kesalahan saya*
- *Kobis berulat pun saya yang bersalah*
- *Seorang peniaga arnab, yang kerana salah perhitungan menjadi muflis, menjadi berita besar sedangkan beribu-ribu penternak arnab yang mendapat keuntungan tidak menjadi penting lagi.*
- *Saya dikatakan kejam kerana menahan subsidi baja di Kelantan, kerana kuasa penghulu-penghulu untuk mengesahkan kupon mengeluar subsidi dibatalkan oleh Kerajaan PAS semata-mata kerana penghulu-penghulu ini orang UMNO.*

PAS lupa subsidi adalah projek Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat masih dipimpin oleh UMNO. Apakah saya boleh dikatakan zalim kerana turut bersimpati dengan rakan-rakan di Kelantan yang dizalimi PAS?

Saya tidak berpeluang menjelaskan semua ini kerana saya tidak berkempen di luar Kuala Lumpur, kecuali ketika menghadiri jamuan meraikan kemenangan BN anjuran BN Johor dan berjumpa Tan Sri Ramli Ngah Talib untuk membincangkan projek SUPERI -- Sungai Perak Indah.

Saya menahan diri daripada bertindak menentang fitnah dan tohmah kerana jika saya mula bertindak balas, saya tahu hutan belantara akan jadi padang tekukur.

## DUA ORANG BEKAS GURU

Saya hairan dengan peranan dua orang bekas guru saya yang sekarang bukan guru lagi. Seorang daripadanya pernah mengajar saya di Sekolah rendah di awal tahun 1950an dan seorang lagi pernah mengajar saya di Sekolah Menengah pada tahun 1960an.

Sementara semua guru-guru saya yang berjiwa mulia ingin melihat saya maju, dua orang ini bersikap agak aneh.

## DEFINASI SAMA

Oleh itu, untuk memastikan kita mematuhi nasi-hat YAB Perdana Menteri supaya kita dapat melupakan yang keruh dan mengingati yang jernih, definasi yang keruh dan yang jernih bagi tiap seorang daripada kita hendaklah sama dengan yang dimaksudkan oleh Presiden Parti.

## ALAM FIKIRAN BANGSA

Isi alam fikiran sesuatu bangsa, termasuk Bangsa Melayu, pada satu-satu ketika, dapat dibandingkan dengan isi darah yang mengalir dalam jantung dan urat tubuh badan.

Untuk memastikan kuman tidak menyerang badan di hari muka, maka suntikan kuman-kuman tertentu perlu dibuat ke dalam darah.

Apabila darah kita dibekali *antibodies* untuk mengatasi serangan kuman suntikan waktu ianya sedikit, apabila serangan sebenar menimpa, maka badan kita dapat mempertahankan diri.

Jika satu-satu kuman berbahaya masuk ke dalam badan kita, kerana tiada *antibodies* maka jika kita berpakaian dan kelihatan elok sekalipun, lambat laun kuman tersebut akan memberi pukulan maut kepada diri kita.

Salah seorang daripada bekas guru itu memberitahu dalam kursus-kursus yang dianjurkan bahawa YAB Dato' Seri Dr. Mahathir tidak mahu saya menjadi Naib Presiden. Kedudukan beliau membuat orang boleh mempercayai cakap bohongnya.

Seorang lagi bekas guru saya, apabila ditanya dalam majlis-majlis ceramah mengenai pandangan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir terhadap diri saya, memberitahu bahawa, "gambarannya jelas kerana Dr. Mahathir telah memecat Sanusi daripada menjadi Setiausaha Agong UMNO."

Jika ada kesalahan sewaktu saya budak-budak dan masih nakal, saya berharap mereka tidak terus mendendam dan dapat memaafkan murid mereka yang kerdil ini yang menawarkan diri menjadi Naib Presiden dalam parti ini.

### **SETIAUSAHA AGUNG**

Biarlah saya jelaskan di sini kejadian sebenar sekitar perlantikan Setiausaha Agung UMNO Baru.

Sewaktu UMNO diharamkan saya sedang diserang sakit jantung. Dato' Seri Dr. Mahathir dan Datuk Sri Dr. Siti Hasmah menziarahi saya di hospital.

**Dalam satu perbualan, Dato' Seri Dr. Mahathir mencadangkan saya melantik Penolong Setiausaha Agung untuk membantu saya semasa saya dirawat.**

Bagaimanapun, oleh kerana pada waktu itu saya lebih memikirkan isteri yang mungkin menjadi janda dan anak-anak yang mungkin menjadi yatim, **saya sendiri meminta untuk mengundur diri.**

Cuma saya ada mengatakan jika YAB Dato' Seri Dr. Mahathir hendak menggantikan saya, biarlah dengan seorang yang setia.

Itulah sebabnya Dr. Mahathir memilih Dato' Mat Setia.

### **USUL RAJA BERPERLEMBAGAAN**

Ada pula yang mengatakan usul mengenai Raja pun saya ketengahikan untuk melegakan hubungan

Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan Raja-Raja.

Saya difahamkan saudara Zaharin dari Tanjung adalah anak Encik Zainuddin dan Encik Zainuddin pula anak kepada C.M. Hashim, bapa Razman, kawan saya yang bekerja di Chartered Bank.

Encik Zainuddin, bapa kepada Zaharin, ialah rakan sepersekolahan Tengku Ahmad Rithaudeen di Penang Free School dari 1946 hingga 1950.

Apabila Tengku Ahmad Rithaudeen jatuh 'syahid' dalam pilihanraya di Kelantan baru-baru ini, tidak hairanlah hati Zaharin tergunis dan kerana mengetahui melalui rakannya Rahim, Setiausaha Kanan Tengku Ahmad Rithaudeen, mengenai pembabitan Raja sehingga Kelantan jatuh, mungkin beliau terfikir usul ini.

Saya kagum dengan inspirasi Zaharin.

Saya percaya datuknya yang saya kenal baik sebagai penggerak dalam Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang akan berbangga dengannya jika beliau masih hidup.

Saya berharap isi perdebatan usul ini dijadikan buku yang pasti dapat memperkayakan alam ilmu dan sastera Melayu.

## MIMPI DAN REALITI

Fitnah atau kuman terakhir ialah mengenai buku Anwar -- 'Mimpi dan Realiti.'

Biarlah saya katakan di sini, di hadapan semua perwakilan, "Jika saya membayar atau saya tahu ada orang yang membayar walaupun sesen sebagai upah untuk menulis buku ini dan jika saya membelanjakan atau membenarkan perbelanjaan atau mengetahui adanya orang yang membelanja wang bagi pihak saya untuk membeli walaupun sebuah buku tersebut, maka demi Allah, sia-sialah hidup saya dan batallah aqidah saya.'

Saya difahamkan dalam buku yang terdahulu oleh pengarang yang sama, saya juga dimaki-hamun.

Satu salinan buku '*Mimpi dan Realiti*' yang ada pada saya pun diberikan oleh orang lain tanpa diminta.

Saya difahamkan oleh YB Dato' Muhammad Jamrah dan YAB Tan Sri Rahim Tamby Chik bahawa buku itu juga diedarkan dengan kad nama saya dikepikan sekali.

Malahan kad nama yang ada sedikit pada saya pun, isteri saya yang cetak dan isteri saya pun tidak mengeposkan buku itu.

## UCAPAN PRESIDEN

Apabila YAB Dato' Seri Dr. Mahathir mengecam buku dan pengedar buku ini dalam ucapannya kepada pemimpin-pemimpin UMNO Bahagian semasa perjumpaan sebelum Perhimpunan Agong, tafsiran dibuat oleh sesetengah tukang fitnah bahawa YAB Presiden mengecam saya sehingga saya dianggap berada dalam kem Encik Ghafar. Saya tahu itu sebenarnya

anggapan salah. (*Tidak ada kem YAB Encik Ghafar sebagaimana dinyatakannya dalam ucapan penangguhannya.*)

Dalam ucapan Perasmian Persidangan pula, YAB Presiden sekali lagi mengecam edaran buku ini. Di waktu sembahyang Jumaat tersebar lagi fitnah menyatakan YAB Presiden tidak mahu saya menjadi Naib Presiden.

### REKOD PERKHIDMATAN

Mereka lupa bahawa *penekanan atas pengalaman dan rekod khidmat dalam parti, Kerajaan dan negara* mungkin dibuat oleh YAB Presiden kerana YAB Presiden sebenarnya ingin berkempen untuk saya.

Tetapi, seperti kata Mark Twain, '*Lies would have travelled half way around the world before truth puts its boot on.*'

*'Pembohongan mungkin sudah menjelajah ke setengah dunia sebelum kebenaran itu mulai bertapak.'*

Antara rekod saya yang tidak harus diperlakukan ialah kesetiaan saya kepada pemimpin.

Kadang-kadang saya tidak tahu pun apa yang saya sokong, tetapi saya tetap menyokong YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana saya mengenali peribadi beliau dan yakin dengan kepemimpinannya.

Tidak wujud dalam rekod keturunan saya sejak 1873 soal mengkhianati pemimpin bangsa, negara atau sahabat.

### INILAH YANG KERUH

Kita perlu melupakan yang keruh ini dan ambil yang jernih. Isi-isi fitnah yang saya sebutkan di atas inilah yang keruh dan wajib dilupakan.

Mulai saat ini saya akan melupakan segala-gala dan marilah kita bersatu untuk mengamankan

- *Kekeliruan PAS di Kelantan*
- *Perkauman DAP di Pulau Pinang, dan*
- *Semangat Kenegerian PBS di Sabah.*
- *Musuh kita ialah kekeliruan perkauman dan kenegerian.*

Saya berjanji berkerjasama dan membantu semua Barisan Pemimpin. Saya boleh bekerja sama dengan semua orang, saya tidak memilih teman.

Saya berharap dengan huraian ini, tahulah kita definasi *keruh* yang perlu dilupakan. Segala syak wasangka pada kita semasa berkempen untuk jawatan Naib Presiden kini selesai.

Marilah kita sama-sama bekerja untuk agama, bangsa dan negara.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemimpin dan kakitangan Ibu Pejabat UMNO yang menjayakan persidangan ini dengan gigih.

Terima kasih.

# **MAKANAN ITU IALAH PERTANIAN**

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 10hb. November, 1991.**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden  
Naib-Naib Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
Perwakilan Dan Pemerhati Sekelian  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

**D**alam tahun 1991 ini, tiga program penting yang diketengahkan oleh Kementerian Pertanian, iaitu:

- *Rancangan Malaysia Keenam*
- *Dasar Pembangunan Nasional, dan*
- *Wawasan 2020*

Secara ringkas, saya akan menerangkan peranan pertanian dalam era industri. Saya mulakan dengan teguran berikut:-

Dalam Perhimpunan Pergerakan Wanita pada 7hb November, ada teguran terhadap Bank Pertanian berikutan dengan syarat ketat untuk mendapatkan pinjaman. Kita perlu menggenakan syarat ketat kerana *syarat yang ringan sewaktu meminjam boleh menjadi berat semasa membayar.*

### ANTARA BIAWAK DAN BUAYA

Wakil Johor, semasa membahas ucapan dasar Presiden, mengingatkan saya supaya menolak biawak sebagai haiwan yang tidak patut diketengahkan dalam program pertanian.

Saya hairan mengapa Wakil Johor menolak biawak dan tidak pula memilih buaya, iaitu haiwan yang lebih besar dan lebih bahaya kepada masyarakat Melayu. Lebih-lebih lagi kerana adanya buaya yang boleh hidup di darat dan di air dan ada pula yang hanya boleh hidup di darat dan hadir di dalam mesyuarat, walaupun tiada di dewan ini.

Sebenarnya biawak tidak berdosa kepada bahasa. Kita perlu mengenang sumbangan biawak. Umpamanya ada peribahasa *lidah biawak*. Kita juga lupa kulit biawak dan kulit buaya boleh dijadikan beg tangan. Selain itu biawak juga, menurut sesetengah orang, makanan lazat di kalangan orang India yang bukan Islam.

Disebabkan biawak boleh menguatkan tenaga batin, Melayu pun mungkin memakan biawak...cuma ditukarkan namanya menjadi *Dhab* atau *Biawak Pasir*.

Pendek kata, kita perlu melihat yang baik pada seseekor binatang walaupun jijik pada mata kasar kita. Kita perlu melihat kebaikan pada seseorang walaupun orang yang kita benci atau tidak dikenali dan kita juga patut dapat mengesan keburukan pada orang yang kita sayang.

## KURSUS NELAYAN

Wakil Kedah, sewaktu membahaskan usul yang sama menyebut tentang adanya agensi yang memberi ceramah kepada nelayan seperti memberi kuliah kepada mahasiswa.

Sebenarnya kursus seperti ini bukan dianjurkan oleh agensi atau jabatan di bawah Kementerian Pertanian. Semua kursus untuk petani, penternak dan nelayan anjuran Kementerian Pertanian mudah, relevan dan lebih banyak *mengajar* bekerja daripada mengajar bercakap.

## KEHIBAAN KAUM NELAYAN DAN PETANI

Akhir-akhir ini ramai yang keliru mengenai peranan pertanian dalam era industri.

Apabila Perdana Menteri berkata pertanian tidak penting, disambut pula oleh Menteri Perdagangan, maka banyaklah pakar pertanian,

penternak dan perikanan berasa sayu kerana mereka tidak lagi penting.

Petani, penternak dan nelayan juga berasa jauh hati kerana mereka dikatakan tidak penting.

*Saya lagi teruk, kerana menjadi Menteri di Kementerian yang tak penting.*

## KEMISKINAN DAN PENGANGGURAN

Sebenarnya bukan saja pertanian tidak penting. Industri juga tidak mampu menyelesaikan masalah pengangguran dalam negara.

*Walaupun kita pengeluar getah utama di dunia, pengeluar minyak kelapa sawit dan koko yang paling besar di dunia, tetapi, penoreh getah, pengait kelapa sawit, penanam koko dan nelayan berada di lembah kemiskinan, sesuatu perlu dilakukan oleh Kerajaan.*

## MENINGKAT HASIL PERTANIAN

Kita sedang berusaha meningkatkan pengeluaran, memaksimum cara menoreh, mempertahankan harga getah dunia, menambah permintaan kelapa sawit dan mempelbagaikan penggunaan koko.

Oleh kerana pertumbuhan bilangan penduduk yang pesat...yang memerlukan pekerjaan, maka atas tanah yang sama luas, adalah lebih sesuai, supaya lebih ramai rakyat dapat bekerja jika

didirikan industri, daripada dikekalkan sebagai pertanian. Di sini dimaksudkan pentingnya industri daripada pertanian.

*Walau bagaimana pun*, kita perlu dapat membezakan pertanian untuk industri dan pertanian untuk makanan.

## INDUSTRI PERTANIAN

Bahan pertanian untuk industri, seperti getah untuk tayar dan kelapa sawit untuk minyak masak, sabun dan lain-lain bergantung kepada kepentingan pengguna komoditi tersebut.

## PERTANIAN UNTUK HIDUP

Peranan pertanian untuk membekalkan makanan akan terus penting selagi manusia perlukan makanan untuk hidup.

Pakar berkata:

- Jika kita tidak dapat oksigen lebih daripada tiga minit, kita akan mati kerana sesak nafas.
- Jika tidak dapat minum air lebih daripada tiga hari, kita akan mati kering.
- Jika kita tidak dapat tidur lebih daripada tujuh hari, kita akan mati akal.

dan

- Jika kita tidak dapat makanan untuk dimakan lebih daripada 30 hari, kita akan mati kelaparan.

Semua ini bererti hanya seseorang yang tidak mahu hidup lebih daripada 30 hari akan mengatakan makanan tidak penting.

Dan makanan itu ialah pertanian.

## **BELANJAWAN KEMENTERIAN**

Presiden Semangat 46 mengkritik Kerajaan kerana peruntukan belanjawan pertanian yang relatif, kecil. Sebenarnya beliau cuba mempolitikan ekonomi bagi mengelirukan rakyat dan mela-ga-lagakan pemimpin.

Untuk menjawab kekeliruan bekas Menteri Kewangan itu sebenarnya ada tiga belanjawan untuk pertanian, iaitu,

*Pertama, Belanjawan Kerajaan*

*Kedua, Belanjawan Swasta*

*Ketiga, Belanjawan Rakyat.*

Sebagai contoh, belanjawan swasta lebih besar daripada belanjawan Kerajaan. Kita bandingkan pinjaman yang diberikan oleh Bank Pertanian dengan pinjaman yang diberikan oleh bank swasta untuk sektor pertanian. Bank swasta memberikan pinjaman untuk pertanian 10 kali

ganda lebih tinggi daripada jumlah yang diberikan oleh Bank Pertanian.

Pendek kata, kejayaan Malaysia dapat diukur apabila swasta mengambilalih satu-satu bidang kegiatan kerana inisiatif swasta itu inisiatif rakyat.

*Jika dibandingkan* antara belanjawan Kerajaan dan swasta, belanjawan rakyat paling penting dalam usaha membantu pertumbuhan pertanian makanan.

Apakah perbelanjaan atau *budget* rakyat untuk pertanian?

## BUDGET RAKYAT

Lapan belas juta rakyat Malaysia dan pelancong yang datang membelanjakan sekitar RM20 ribu juta setahun.

Peruntukan rakyat sejumlah RM20 ribu juta lebih daripada mencukupi bagi membiayai sektor pertanian makanan. Malahan belanjawan rakyat negara lain untuk makanan juga menyebabkan pertumbuhan industri makanan dalam negara kita membolehkan kita mengeksport RM7 ribu juta setahun.

Bagi membolehkan rakyat membelanjakan sejumlah RM20 ribu juta untuk makanan, mereka perlu mempunyai pekerjaan. Pekerjaan itu pula boleh diperolehi di sektor industri dan perkhidmatan.

Oleh itu strategi Kementerian ialah memastikan sebahagian besar daripada pasaran rakyat menguntungkan petani, penternak dan nelayan.

Kita menggunakan media massa dan kempen bagi memperkenalkan bidang yang *non-confrontational* (tidak bermusuhan) dengan kegiatan kaum lain.

*Kalau kaum Cina gigih memelihara ayam,  
kita perkenalkan arnab.*

*Kalau kaum India gigih memelihara lembu,  
kita perkenalkan bebiri.*

*Kalau orang lain sibuk dengan kobis, kita  
berikan perhatian kepada ulam.*

## BIASANYA

Untuk menarik perhatian orang Melayu supaya memakan sesuatu, kita perlu mengatakan yang ia menguatkan *tenaga batin*. Minat kita terhadap bidang ini semata-mata dari segi *genetic*. Agama Islam juga menonjolkan *Bidadari* sebagai tarikan ke Syurga.

Bagi orang keturunan Cina, yang penting ialah sesuatu makanan yang memanjangkan umur mereka -- untuk mendapatkan harta.

Masyarakat India pula menggemari jenis makanan yang diminati oleh Maharaja, Raja dan Sultan mereka.

Untuk masa depan pertanian dan untuk menjayakan Wawasan 2020 kita perkenalkan *Hidrofonik*, *Aerofonik*, *Bio-engineering*, teknologi nuklear dan molekular dan seterusnya.

### 1,000 GENIUS

Wakil Pahang menyentuh MARA di bawah pengawasan saya dulu. Beliau menyarankan saya supaya gerakkan MARA dengan lebih hebat bagi menyediakan masyarakat Melayu di sektor korporat.

Rancangan yang saya laksanakan pada waktu itu lebih daripada yang disarankan.

Saya tidak percaya 'genius' itu semula jadi, kerana 'genius' boleh juga dibentuk dan diwujudkan, maka saya perkenalkan rancangan mewujudkan 1,000 'genius' dalam 10 tahun mulai 1982. Cendiakawan Melayu dibawa berunding.

Jenis kursus pun dipilih. Malangnya pentadbiran MARA menyatakan tiada wang, bukan saja untuk pelajar tetapi juga untuk membantu peniaga Melayu yang layak meminjam sehingga kita terpaksa menunggu peniaga yang berhutang membayar semua hutang mereka sebelum hutang baru boleh diberikan.

Bagaimanapun, bila saya dipindahkan ke Kementerian lain, pentadbiran MARA meminta supaya MARA dipindahkan ke Kementerian lain pula. Langkah itu dipinta bagi menjamin wang

MARA sekitar RM500 juta daripada diseleweng-kan.

Sebenarnya wang itu disimpan dalam simpanan tetap. Cara menyembunyikan wang itu ialah dengan melambatkan kira-kira odit sampai 2 atau 3 tahun.

Apabila juruodit bertanya kenapa begitu banyak wang yang terhimpun, jawapnya, '*itu baki dulu yang sudah habis sekarang ini.*' Apabila ditanya kenapa akaun lambat diudit, jawapnya kerana Melayu tak bayar hutang dan pinjaman mereka tidak dapat disahkan.

Jumlah ini bertimbun terus sehingga sekarang.

Saya bersetuju dengan YAB Presiden supaya pimpinan politik yang bertanggung-jawap ke atas MARA bekerjasama dengan pentadbiran.

Saya juga berharap pentadbiran juga menghormati pimpinan politik.

Jika pihak pentadbiran tidak mahu campur tangan politik dalam pentadbiran mereka, mereka juga tidak perlu mencampuri hal politik. Pentadbiran hendaklah berhenti melaga-lagakan tokoh politik.

## MAKAN NASI

Wakil Perak, sewaktu membahaskan usul ekonomi, menyentuh mengenai Orang Asli hanya makan nasi sebulan sekali.

Walaupun kita akui taraf hidup Orang Asli lebih rendah dari penduduk lain, tetapi makan nasi sebulan sekali tidak boleh dianggap miskin dan menderita.

Orang *Masai* di Tanzania tidak pernah makan sayur, maupun tumbuh-tumbuhan. Mereka hidup dengan meminum darah lembu, susu lembu dan memakan daging lembu.

Walau apa sekalipun amalan pemakanan, bangsa *Masai* mempunyai tubuh badan yang tinggi- lebih dari enam kaki. Orang *Masai* juga berani, mereka berpoligami, Sebagai mas kahwin mereka perlu membunuh seekor singa dengan sebilah tombak dan pisau.

## KESAN MAKANAN

Kementerian bukan sahaja menumpukan perhatian kepada mutu makanan daripada segi zat dan keenakan - MARDI juga sedang mempelajari kesan makanan atas pemikiran dan emosi.

Wakil Perak menyentuh penjualan buah-buahan dari negara asing, di kawasan pilihanraya saya, Langkawi. Ia tidak perlu ditafsirkan sebagai kegagalan penyelarasan agensi Kementerian Pertanian.

Kerajaan membenarkan import makanan dari luar negeri supaya rakyat dapat membelinya dengan lebih murah.

Semua penduduk Langkawi yang mahu kerja, ada kerja.

### JUTAWAN

Ada juga yang sudah jadi jutawan tanpa bekerja kuat. Ada yang sudah mampu mengambil peguam melawan Kerajaan kerana mengambil tanah mereka.

Tanah terbiar yang disebut juga tidak boleh dijadikan tanda kurang penyelarasan antara agensi Kementerian, kerana orang yang tidak mengusaha-hakan tanah, bukanlah dari golongan orang miskin yang perlu dibela.

Saya percaya apabila industri bertambah maju akan bertambah tanah terbiar...kerana kejayaan.

Contoh penyelarasan yang baik antara agensi terbukti dengan kewujudan Taman Pertanian, di peringkat negeri dan daerah.

Hanya orang yang terbabit secara langsung dalam bidang pertanian, sahaja yang mengetahui adanya penyelerasan.

Wakil Terengganu menyentuh permohonan dari anak Raja untuk permit laut dalam. Bukan se-

takat itu saja. Kementerian pernah menghukum syarikat milik Raja yang melanggar undang-undang.

Peranan pertanian dalam era baru kini berubah *dari rakyat untuk pertanian kepada pertanian untuk rakyat*.

Terima kasih.

# **MENABUR BUNGA DI TAHUN FITNAH**

**Perhimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur. Pada 8hb. November, 1992.**

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus Majlis*

*Yang Amat Berhormat Dato' Seri Presiden*

*Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden*

*Naib-Naib Presiden*

*Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO*

*Perwakilan dan Pemerhati Sekelian.*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

---

**S**aya berasa hairan mendengar ucapan Dato' Mohamad apabila beliau menyatakan pihak wanita hendak bawa beliau ke Syurga. Ini kerana saya memikirkan banyak benda yang lebih seronok di Syurga, yang boleh dilakukan oleh wanita, daripada melayani Dato' Mohamad bila berada di sana.

Dunia pertanian sudah banyak melalui perubahan. Sekarang kita berada di satu zaman, di mana harga sebatang pokok *bonsai* lebih mahal daripada harga sebuah kereta *Proton Saga* dan harga ikan lebih mahal daripada sebuah perahu.

Kita juga berada di satu zaman di mana kucing lebih mahal nilainya daripada lembu sehingga pada satu hari Setiausaha Politik saya melahirkan rasa hairan isterinya mengambil cuti kerana kucingnya sakit di rumah.

Dia berasa lebih takjub mengenangkan sewaktu dia sakit pun, isterinya tidak pernah bersusah payah mengambil cuti.

Ini bermakna dunia sudah berubah. Begitu juga alam pertanian - sudah berubah. Selain perubahan, yang kekal hanya Allah SWT.

## DASAR PERTANIAN

Dalam melaksanakan Dasar Pertanian, kita mempuh pelbagai perubahan sejak pucuk pimpinan Kerajaan diambilalih oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kita tidak hanya memberi perhatian kepada getah dan melupakan penanam getah. Kita juga tidak menumpukan perhatian kepada ikan dan melupakan nelayan yang menangkapnya. Kita lebih *berorientasikan manusia*.

Berpandukan ini, pada setiap perbincangan berhubung pertanian, kita tidak berasa jauh hati, jika ne-

gara lain menghasilkan pengeluaran lebih tinggi daripada kita. Ini kerana yang penting pada kita bukan hasil pertanian, tetapi nasib petani, penternak dan nelayan.

## NILAI BANGSA

Dalam konteks inilah, saya selalu mencadangkan *Bushido* dan *Hwarang* yang disebut oleh Wakil Kedah. Apabila kita menyebut semangat *Bushido* yang ada pada masyarakat Jepun, semangat *Hwarang* pada orang Korea, semangat *Jinsheng* dalam masyarakat Taiwan dan semangat *Das Will* pada orang Jerman, kita menyebutnya kerana nilai-nilai itu menyebabkan bangsa mereka lebih maju daripada Melayu.

Kita juga menyebutnya bukan kerana dalam Islam 'tidak ada' nilai yang boleh diketengahkan, Islam mempunyai nilai yang baik belaka.

Masalahnya, yang mengamalkan nilai baik ini terdiri daripada bangsa bukan Islam. Jika Jepun mengamalkan semangat berani, berdisiplin, rajin, setia dan amanah, mengapa tidak sifat ini wujud dalam diri setiap orang Islam? Mengapa ia sebaliknya begitu ketara pada masyarakat Jepun?

Dalam keadaan ini semestinya kita melihat kepada Jepun, supaya kita sedar nilai baik itu sebenarnya memang wujud pada agama dan bangsa kita.

## NELAYAN

Wakil Pahang menimbulkan masalah nelayan. Pihak Kementerian akan meminda Akta Perikanan 1985 pada sidang Parlimen kali ini.

Akta Perikanan, apabila dipinda, bukan saja memberi jaminan pertumbuhan industri perikanan yang menguntungkan masyarakat nelayan, tetapi juga membesarakan industri itu hingga memungkinkan kita mengetin dan mengeksport ikan dengan lebih pesat.

Memang benar sekarang ini ramai nelayan asing di perairan kita. Ini kerana ikan tidak menunggu kemampuan Melayu untuk menangkapnya sebelum ia mati. Oleh itu ikan yang hidup sekarang ini perlulah dikaut walaupun oleh nelayan asing.

## KEMAMPUAN

Jika kita ingin menggunakan bot yang lebih besar, sedangkan nelayan kita tidak mampu mengeluarkan belanja begitu tinggi, Kementerian tidak mempunyai pilihan, melainkan memberi bot kepada Persatuan Nelayan dan kepada mereka yang bermodal serta mampu membeli bot-bot besar.

Sekiranya nelayan kita tidak mempunyai modal, sudah tentu yang turun ke laut golongan yang kita sebutkan 'buaya.' Kita perlu berterima kasih dengan adanya 'buaya-buaya darat' yang sanggup meredah di lautan dalam.

Dengan adanya golongan 'buaya' ini industri perikanan dapat berkembang.

Jika kita berikan permit kepada nelayan yang tidak mempunyai modal, kemungkinan besar hasilnya sama juga. Si nelayan mungkin akhirnya mencari 'buaya' juga.

### LAUT DALAM

Dengan itu, saya berharap janganlah sampai kita tidak berterima kasih kepada mereka yang ingin membantu membeli bot-bot besar bagi membolehkan kita menjayakan rancangan perikanan laut dalam.

YAB Presiden telah bermurah hati mengarahkan pembelian sebuah bot latihan seberat 800 tan. Bot ini lengkap untuk digunakan bagi melatih rakyat Malaysia yang sanggup meninggalkan rumah tangga, lebih daripada tiga hari, untuk menerokai laut dalam.

### SEMPADAN

Bagi saya, tidak mungkin kita dapat mengadakan sempadan di tengah laut. Sebagaimana juga kapal terbang di angkasa yang kita tidak memerlukan sempadan untuk mengetahui ketinggiannya. Bot di lautan - tidak menghadapi masalah, cuma apabila nelayan ditangkap, mereka akan menyalahkan sempadan.

Ini tidak bererti kita tidak bersimpati dengan nelayan. Insya Allah, sistem kita akan diperbaiki dengan mengadakan pelampong di permukaan laut dan di dasar lautan pula, diadakan tukun tiruan yang diperbuat daripada tayar.

Wakil Sabah menyebut mengenai perlunya Pertanian dipermoden dan dikomersilkan. Alhamdullilah, usaha ini sedang dipopularkan oleh Kementerian.

### PETANI DAN NELAYAN SABAH

Untuk membantu masyarakat tani dan nelayan di Sabah, pihak LKIM dan LPP akan mengembangkan sayapnya ke Sabah dalam masa yang singkat. Ini bukan bertujuan untuk saya berkempen di Sabah kerana saya tahu semua perwakilan Sabah memang menyokong saya. Sebenarnya orang Sabah yang berkempen untuk saya mewujudkan perwakilan LKIM dan LPP di Sabah.

### LPP DI KELANTAN

Saya juga akan memperbaharui pendekatan LPP di Kelantan dan melantik seorang anak Kelantan sebagai Ketua Eksekutifnya. Ini membolehkan beliau mengetahui selera dan keperluan di Kelantan supaya rakyat negeri Kelantan dapat kita bantu.

### JUTAWAN MELAYU

Wakil dari Pulau Pinang menyebut kemungkinan LPN akan mewujudkan jutawan di kalangan orang Melayu. Pada pendapat saya, LPN yang bertanggungjawab dalam usaha membantu masyarakat peladang perlu dibebaskan daripada usaha mewujudkan jutawan.

Biarlah di bidang yang lain kita mencari peluang untuk menjayakan tujuan itu. Ini kerana, LPN terpaksa

mendapat keuntungan untuk diberikan kepada Pak Tani, yang memerlukan subsidi tambahan, selain dari pada yang telahpun diperuntukkan.

Menjadi jutawan sahaja tidak mungkin menyelesaikan masalah LPN dalam usaha membantu Pak Tani dan kilang Bumiputera yang dibelenggu dengan kredit dan hutang yang bertimbun.

Saya juga merasakan tidak patut memandang rendah terhadap mereka yang membuat '*kuih bahulu*', '*sangkar burung*' ataupun yang membuat '*bubu*' di kampung.

## HASIL KERJA TANGAN

Kita perlu faham sekiranya tiada yang membuat '*kuih bahulu*', yang membuat '*bubu*', yang membuat '*sangkar burung*', kita tidak akan dapat menyelamatkan wang negara daripada mengimport hasil kraftangan seperti ini. Saya yakin masyarakat tani perlu membuat '*kuih bahulu*' yang dibungkus dengan elok sehingga boleh dieksport.

Kita juga perlu mampu membuat '*sangkar burung*' yang tidak semestinya digunakan untuk burung, kerana ia juga boleh digunakan sebagai tempat lampu di hotel antarabangsa.

Bukan setakat itu saja, sebuah hotel besar di Kuala Lumpur menggunakan sangkar ikan sebagai '*tamp shade*' atau penutup lampu di sekitar restorannya.

Saya rasa, sebagai Menteri yang bertanggung-jawab kepada Pak Tani yang sibuk dengan usaha membuat bubu, 'kuih bahulu' dan juga sangkar burung, golongan ini juga perlu mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

Saya ingin menasihati golongan kaya, jika kita menjadi jutawan, itu bukan bermakna kita pandai sangat. Jangan pula kita sampai hati memarah orang lain yang juga tidak pandai dan terus kekal dalam kemiskinannya.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai apa yang disebut oleh Wakil dari Wilayah Persekutuan. Tahun lalu saya mendengar *fitnah* yang mengatakan saya mengeluarkan buku. Tahun ini saya dikaitkan dengan fitnah berhubung surat layang. Bagi saya ini perkara biasa.

### 1993

Tahun 1993, akan timbul lebih banyak fitnah yang bakal dilemparkan. Sekiranya saya hendak buat surat terbang, tidak mungkin saya bertindak sehingga dapat dituduh orang. Saya seharusnya menerbitkan beberapa surat yang menghentam diri saya sendiri, supaya orang tidak mudah menuduh saya melakukannya. Bukan jenis saya yang sanggup membuat pekerjaan sebodoh itu.

### AIRPORT DAN NAGASAKI SPIRIT

Saya berasib baik. Tahun ini *airport* terbakar. Kalau *airport* terbakar tahun hadapan, saya percaya

mungkin ada orang yang menuduh saya membakarnya.

Saya juga berasib baik kerana kapal *Nagasaki Spirit* mengalami kebocoran di Selat Melaka pada tahun ini. Sekiranya *Nagasaki Spirit* bocor pada tahun hadapan, pun orang akan mengatakan saya melakukannya.

Saya masih ingat apabila seorang ahli UMNO dalam pergelutan politik membunuh seorang ahli UMNO lain. Apabila akhbar menerbitkan berita itu, ada juga pihak yang menyangkakan Sanusi Junid yang melakukannya.

Pasal apa?

Kerana mereka mengagak kerja macam itu memang dalam bidang kemampuan saya untuk melaksanakannya. Sebenarnya orang yang melakukannya bersifat lemah-lembut dan saya, yang bersifat keras ini pun,tidak sanggup melakukan kerja-kerja sehina itu.

## TAHUN FITNAH

Oleh itu, tahun hadapan bolehlah dianggap sebagai *tahun fitnah* yang boleh kita gunakan hendaklah kita gunakan sehingga kita berpecah-belah.

Saya rasa hasrat orang yang mengeluarkan surat terbang sudah berhasil hinggakan dalam Perhimpunan Agung ini pun banyak waktu digunakan untuk membincangkan kerja mereka.

Oleh itu kalaupun ada orang lain yang boleh merumuskan satu *strategi* bagi memecahkan UMNO lagi, saya rasa contoh paling baik ialah SiPengeluar surat terbang. Ini kerana surat terbang hasil tangan mereka berjaya membuat kita saling menuduh antara satu dengan lain.

## BUNGA

Bagi saya di Kementerian Pertanian, saya lebih suka sekiranya kita menggunakan 1993 untuk berusaha *memperindahkan* negara.

Selain itu juga kita gunakan masa untuk menanam pokok berwarna-warni, yang mengeluarkan hasil pelbagai bunga harum beranika warna.

Saya mengesyorkan ini memandangkan masyarakat kita mempunyai tanggapan agak mengelirukan mengenai hakikat Syurga.

Apabila ditanya kepada kaum lelaki apa yang akan diperolehinya di Syurga. Umumnya, mereka memikirkan *Bidadari* yang sedang menunggu mereka. Begitu juga wanita. Mereka membayangkan kanak-kanak yang comel di Syurga.

## BIDADARI

Apabila lelaki bercerita mengenai *Bidadari* di Syurga, dia bercerita dengan penghayatan dan nada yang menjadikan dia terlupa kepada isterinya di sisi.

Gambaran indah scenario Syurga seolah-olah

menenggelamkan kesemua nilai murni yang ada pada si isteri, berbanding imbuhan yang menanti.

## SEKTOR PERTANIAN

Jika kita membaca Al-Quran, jelas di Syurga ada sungai...ada pohon buah-buahan dan makanan yang lazat-lazat belaka. Sektor pertanian begitu gemilang di Syurga.

Maafkan saya, Dato' Seri, di Syurga tidak ada cerita pasal TV, pasal kereta.

Yang lengkap ada di Syurga ialah sektor pertanian.

## LANSKAP

Dengan dorongan YAB Dato' Seri, satu peruntukan diberikan oleh Kementerian Kewangan untuk kita melancarkan Program Pertandingan Lanskap, Kebangsaan.

Bukan hanya Kuala Lumpur patut menjadi kota indah, kita ingin melihat semua kampung dan pekan kecil menjadi indah.

Ini perlu dilakukan semoga kepala kita yang bercelaru dengan pelbagai akal yang tidak senonoh dapat dibetulkan menerusi usaha menjadikan kawasan rumah, kawasan kampung, kawasan taman kita seperti bayangan Syurga di dunia.

## **MINAT KEPADA YANG CANTIK**

Kini saya rasa, tiba masanya, kita menggalakan diri supaya suka kepada benda cantik.

Menurut agama kita, bagi setiap yang cantik di dunia, di akhirat 100 kali lebih cantik. Kalau di dunia kita melihat bunga cantik yang kita berkenan, kita juga ingin mengetahui bagaimana rupanya di Syurga.

Kalau Taman Pertanian kita tengok cantik, kita ingin tahu sejauh mana cantiknya taman-taman di Syurga nanti.

Sekiranya kita melihat wanita cantik, kita juga ingin tahu bagaimana paras wanita yang dikatakan 100 kali lebih cantik yang ada di Syurga. Selain bidadari, banyak benda di Syurga yang dapat kita idamkan.

## **PERANAN BUNGA**

Itulah sebabnya nilai bunga dalam masyarakat kita perlu dipertingkatkan. Kita perlu menaikkan maruah bunga, pertingkatkan martabat bunga kita.

Sekarang bunga dikirim hanya untuk orang mati.

Bila seseorang meninggal dunia, orang hantar bunga.

Bila ada orang yang sakit dan tidak lagi berupaya menikmati kecantikan bunga, waktu itulah kita hantar bunga.

Sama seperti kita menziarah orang sakit dan kita bawa buah-buahan. Yang sakit rengkong pun kita bawa buah...lepas itu, kita duduk di sisi pesakit dan kita pun makan buah yang kita bawa!

Kita perlu betulkan sikap. Nilai bunga dalam majlis adat-istiadat perlu dikekalkan.

## BUNGA PENGHUBUNG KASIH

Bunga sudah mempunyai nilai komersil. Malah syarikat pengeksport bunga yang paling besar di dunia sekarang ialah syarikat minyak *shell*. Syarikat minyak pun dah mula mengeksport bunga. Bererti bunga mendapat perhatian.

Bunga juga memainkan peranan di segi makanan dan minuman. Bunga betik kita boleh makan. Kita juga boleh menghasilkan jus daripada Bunga Raya. Selain daripada itu, bunga juga boleh meningkatkan tahap kasih sayang antara suami isteri.

Kalau dulu kita tidak teringat hendak membeli bunga untuk isteri kita, sekarang dalam perjalanan pulang ke rumah,bayangkan keadaan, apabila kita tiba di rumah kita memberi sekuntum bunga kepada isteri kita.

Mungkin mula-mula dia ingat kita menggatal, tetapi lama kelamaan dia akan bertanya,'*mana bunga chek?*'(Mana bunga saya?). Pada waktu itu akan timbul suasana '*supply and demand*'. Ekonomi akan naik. Tetapi jangan pula orang yang membeli empat kuntum bunga, ternampak tiga kuntum lagi oleh isteri tua.

## BUNGA UNTUK TAQWA

Peranan bunga yang terakhir ialah "bunga untuk taqwa." Bunga boleh menjadi pengetuk pintu taqwa. Apabila melihat bunga kita patut bayangkan bagaimana indahnya bunga di Syurga hinggakan kita turut ingin hendak ke Syurga.

Di zaman fikiran kita sedang kelam kabut dengan fitnah, di waktu manusia sedang bergerak cergas untuk membusukkan nama satu dengan lain, wujudkanlah taman-taman yang indah dan mulalah berikan perhatian kepada yang berbau wangi dan yang berwarna-warni.

*Taburlah bunga di tahun fitnah!*

Terima kasih.

# PERPADUAN MELAYU

Di Dewan Pameran Tun Abdul Razak  
Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur.  
Pada 14hb.Ogos, 1993.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Y.Bhg Saudara Ismail Yaacob selaku Pengurus Majlis  
Datuk Abdullah Badawi, Datuk Adnan,  
Exco Kerajaan Negeri Pahang, Saudara Saidon Kadis,  
wakil YAB Tun Datu Mustaffa, Datuk-Datuk,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat,  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian*

---

## KAYA – MISKIN

Saya adalah seorang Menteri yang tak kaya. Saya adalah menteri orang-orang miskin di dalam negara. Apabila saya lihat ada satu-satu masalah di dalam negara, maka saya panggil orang-orang yang tak kaya untuk berbicara.

Ada orang sindir saya bila saya menggalakkan

orang ramai makan ulam kerana ulam kononnya bukan santapan orang kaya. Bila saya cerita pasal kelapa pula ada orang sindir kerana kelapa muda bukan komoditi yang boleh buat orang jadi kaya.

Tetapi, mengikut kata seorang pemimpin di dunia kemajuan itu bukan hanya bermakna menambahkan kekayaan pada orang yang sudah kaya tetapi kemajuan itu juga ialah memberi sedikit tambahan rezeki kepada orang yang memerlukan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

### **SEMUT**

Di zaman Nabi Allah Sulaiman berlaku satu peristiwa, apabila Nabi Allah Sulaiman nampak seekor semut melata di atas batu; lantas Nabi Allah Sulaiman merasa hairan macam mana semut ini nak hidup di atas batu yang kering di tengah-tengah padang pasir yang tandus.

Nabi Allah Sulaiman tanya pada semut, "Wahai semut apakah engkau yakin ada makanan cukup untuk kamu?".

Jawab semut, "rezeki di tangan Allah, aku percaya rezeki di tangan Allah, aku yakin di atas batu kering di padang pasir yang tandus ini ada rezeki untukku".

Lantas Nabi Allah Sulaiman bertanya, "wahai semut, berapa banyakkah engkau makan, apakah yang engkau gemar makan, dan banyak mana engkau makan dalam sebulan?

Jawab semut, "aku makan hanya sekadar sebiji

gandum sebulan".

Nabi Allah Sulaiman pun mencadang, "kalau kamu makan hanya sebiji gandum sebulan tak payah kamu me-lata di atas batu, aku boleh tolong".

Nabi Allah Sulaiman pun ambil satu bekas, dia angkat semut itu dan dimasukkan ke dalam bekas; kemudian Nabi, ambil gandum sebiji, dibubuh dalam bekas, dan tutup bekas itu. Kemudian Nabi tinggal semut di dalam bekas dengan sebiji gandum selama satu bulan.

Bila cukup satu bulan Nabi Allah Sulaiman buka bekas tadi. Nabi lihat semut begitu gembira dan melambai-lambai pada Nabi Allah Sulaiman. Tapi Nabi Allah Sulaiman lihat gandum sebiji tadi hanya dimakan setengah sahaja oleh semut, lantas Nabi Allah Sulaiman menempelak semut, "kamu rupanya berbohong pada aku. Bulan lalu kamu kata kamu makan sebiji gandum sebulan, ini sudah sebulan tapi kamu makan hanya setengah."

Jawab semut "aku tidak berbohong, aku tidak berbohong, kalau aku ada di luar batu aku pasti makan apa pun sehingga banyaknya sama seperti sebiji gandum sebulan, kerana makanan itu aku cari sendiri dan rezeki itu datangnya daripada Allah dan Allah tak pernah lupa padaku.

Tapi bila kamu masukkan aku dalam bekas yang tertutup, rezeki aku bergantung pada kamu dan aku tak percaya kepada kamu, sebab itulah aku makan setengah sahaja supaya tahan dua bulan. Aku takut kamu lupa"

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**Itulah iman semut.**

## **IMAM MANUSIA**

### **Iman manusia?**

Di zaman Imam Sufian, ada seorang hamba Allah, kerja dia korek kubur orang mati. Kerja korek kubur orang mati bukan kerja orang ganjil. Bila ada orang mati, mayat terpaksa ditanam, oleh itu kubur perlu digali dulu.

Tetapi yang ganjil mengenai hamba Allah ini ialah dia tidak gali kubur untuk tanam mayat sebaliknya bila orang mati sudah ditanam, waris sudah lama balik ke rumah dan Munkar Nakir sudah menyoal, barulah penggali ini datang ke kubur untuk korek balik dia nak tengok macam mana rupa mayat setelah di interview atau disoal jawab oleh Munkar Nakir. Dia korek 1 kubur, 2 kubur, 3 kubur, 10 kubur, 50 kubur, sampai 100 kubur.

Lepas itu penggali pergi kepada Imam Sufian dan dia bertanya kepada Imam Sufian "Ya Imam, kenapakah daripada 100 kubur orang Islam yang aku gali 2 sahaja mayat di dalamnya masih berhadap ke kiblat. 98 lagi sudah beralih ke belakang."

Jawab Imam Sufian, "Di akhir zaman hanya 2 dari 100 ummat Islam yang percaya rezeki itu di tangan Tuhan. 98 lagi tidak percaya bahawa rezeki di tangan Tuhan".

Itulah sebabnya apabila umat Islam tertekan dengan sogukan duit yang banyak, biasanya, iman dia akan beralih.

**Nyatalah iman semut lebih kuat dari iman**

**manusia.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Duit atau wang inilah yang akan menukar budaya bangsa dan memecahbelahkan bangsa Melayu yang beragama Islam di negara ini.

## **PERPADUAN**

Bangsa Melayu perlu bersatu. Itulah sebabnya tema kita pada malam ini ialah 'Ke arah perpaduan Melayu'. Kenapa kita perlu bersatu, kerana kita akan berhadapan dengan musuh yang akan merosakkan Melayu.

Apakah perlunya kita bersatu untuk menentang musuh? Tuhan memberi kita pada satu tangan 5 jari. Apabila sahaja kita nampak musuh datang kepada kita, jari-jari kita akan menggenggam.

Kalau musuh itu negara asing mungkin kita kena hantar kapal terbang perang, kita tembak roket; kalau yang bermusuh dengan kita itu jauh mungkin kita boleh tembak dengan meriam tetapi kalau musuh ada sebelah kita macam mana kita nak guna kapal terbang untuk mengebom musuh, kalau kita duduk dalam satu bilik dengan musuh takkanlah kita nak cari meriam nak tembak musuh; senjata yang diberi oleh Allah apabila musuh sudah dekat ialah penumbuk.

Penumbuk ialah simbol perpaduan.

## **PENUMBUK SIMBOL PERPADUAN**

Ini dia penumbuk yang apabila musuh datang de-

kat, tak payah suruh, lima-lima jari ini akan jadi bulat, tak payah suruh, secara spontan.

Kita tak payah arah, ibu jari tolong bengkok, kelingking tolong bengkok, jari manis tolong bengkok, jari hantu tolong bengkok, jari telunjuk tolong bengkok, jari ibu tolong bengkok.

Jika ini caranya, jika perlu arahan sebelum selesai kita bagi arahan muka kita sudah lebam atau pecah; tetapi penumbuk ini tidak tunggu arahan, bila dia lihat bangsanya tergugat maka penumbuk ini akan mula membulat.

Kerana apa?

Kerana penumbuk adalah simbol perpaduan.

### **JARI JADI SIMBOL**

Ibu jari laksana pegawai atau kakitangan kerajaan kerana dalam banyak-banyak jari, yang kerajaan iktiraf hanya ibu jari saja. Buat passpot guna ibu jari, buat I.C. guna ibu jari, buat surat nikah guna ibu jari. Kita tak boleh cop dokumen-dokumen dengan ini pakai jari kelingking. Bapa mertua pasti tak setuju jika surat nikah dicop dengan jari kelingking.

Jari telunjuk laksana alim ulama kerana dalam banyak-banyak jari yang Allah Taala iktiraf telunjuk saja, itu sebab bila kita duduk baca tahlil, bila kita ucapkan Asyhadualla ila haillAllah jari ini yang tunjuk Qiblat; kita tak pernah kata Asyhadualla ila haillAllah dan jari hantu yang diangkat.

Maka jari telunjuk kita bandingkan dengan alim ulama.

Yang ini jari hantu, kiri kanan ada orang jaga dia duduk di tengah-tengah, tak banyak kerja. Ia diibaratkan sebagai kerabat Di Raja.

Jari manis pula punya fungsi paling istimewa kerana kalau tak ada jari manis tak ada kita, sebab sebelum kita jadi bapa dan emak menikah dulu. Sebelum mereka menikah cincin disarung di jari manis.

Orang dulu-dulu tak pilih ibu jari tempat bubuh cincin sebab takut cincin terlalu besar dan mahal. Mereka tak pilih jari kelingking kerana takut orang fikir menantu pilih jari kecil kerana tak sayang bakal isteri. Pilih jari nombor 2 yang terkecil dan beri nama jari ini, jari manis.

Jari kelingking simbol rakyat jelata, termasuk peladang, penternak, nelayan, belia dan pekerja. Semua ini jari kelingking.

Apakah tugas jari kelingking?

Penyelesa kegelisahan.

Di mana gatal jari kelingking yang masuk garu. Kalau tak ada jari kelingking hidup kita tidak selesa. Yang penting di sini ialah, semua rakyat jelata, yang bekerja dengan kerajaan, yang berpendidikan agama, dari golongan kerabat Di Raja, dari kalangan swasta dan profesional, rakyat jelata yang kerdil-kerdil, yang tidak kaya, semuanya perlu bersatu dan perpaduan ini harus merangkumi segala lapisan tua ataupun muda.

Yang tua dan yang muda perlu bersatu.

## TUA DAN MUDA

Sekarang ini sudah sampai musim isu tua dan muda diketengahkan. Kalau saya bagaimana?

Hendak dipanggil apa?

Mahu dipanggil tuakah atau dipanggil muda?

Tua muda sebenarnya bergantung kepada bila kita mati. Kalau kita mati umur 100 tahun umur 50 tahun baru setengah umur, 30 tahun masih muda sangat. Kalau kita mati pada umur 30 tahun maka bila sampai 29 tahun kita dah tua pasal tinggal 1 tahun lagi hendak hidup.

Oleh kerana kita tak tahu bila kita akan mati maka kita tak tahu bila kita sudah tua.

## KEMAS

Waktu saya menjadi Menteri yang bertanggung-jawab jaga hal ehwal KEMAS, saya perhatikan bila ada Penyelia dan Pemaju jumpa saya nak ucap selamat tinggal, kerana hendak bersara, mereka kata "saya sudah tua". Saya lihat badan mereka masih "ganas". Macam mana dikatakan dah tua. Saya pun buat kursus untuk kakitangan Kemas.

Saya suruh kakitangan KEMAS naik turun bukit bukau, jalan ke sana sini, kalau ada yang rebah saya kira sudah tua. Yang kuat saya tak kira tua. Yang masih kuat, walaupun digulungkan sebagai orang tua, saya teruskan perkhidmatan.

## BELIA

Dulu ada seorang pemimpin belia. Dia lawan dengan tokoh lebih tua daripadanya. Dia pun buat undang-undang menghadkan umur pemimpin utama Belia kepada 40. Ke bawah 40 tahun boleh dianggap belia yang 40 ke atas bukan belia.

Dia pun kempen 40 ke atas tua 40 ke bawah muda. Lepas itu umur dia pun sampai 40. Bila umur dia sampai 40 dia pun tukar perlembagaan naikkan had kepada 45. Lepas itu dia pun kempen 45 ke atas tua, 45 ke bawah muda.

Lepas itu dia pun sampai 45, bila dia sampai 45 dia pun pinda perlembagaan kepada 50. 50 ke atas tua, 50 ke bawah muda sampailah umur dia 50 dia kata tak payah ada had umur. Semua kira muda.

**Muda dan tua ikut tafsiran kita.**

## KEBOLEHAN DAN KEMAMPUAN

Waktu saya mula-mula jadi wakil rakyat di Parlimen dulu umur saya 31 tahun. Saya tak pernah mengata orang tua sebagai tua saya tak pernah kata saya muda, saya tak pernah mengata orang tua sebagai tua saya tak pernah kata saya muda, saya tidak bergantung kepada umur tua muda kerana saya hormat kepada kebolehan dan kemampuan seseorang.

Adakah salah jadi tua?

Orang jadi tua bukan kehendak sendiri. Itu rezeki emak dan ayah dia. Apakah salah kalau seseorang itu telah berkhidmat dalam UMNO sampai tiga atau empat

puluhan tahun.

Salahkah?

**Apakah salah bagi seseorang kalau dia berkhidmat dalam UMNO sampai 42 tahun?**

**Apakah salah apabila orang itu lama berbudi kepada bangsa dan parti? Kalau tidak salah kenapa budi mahu dibalas dengan tuba?**

## **HIJRAH**

Dalam bercerita mengenai Maal Hijrah ada tokoh yang menyatakan sekarang ini kita mahu peralihan, mahu perubahan, supaya ada pemimpin muda ambil alih kepimpinan. Lepas itu pembawa cerita memberi beberapa contoh. Contoh pemimpin muda pertama John Major.

John Major di Britain. John Major beragama Kristian.

Di Amerika Syarikat ada Bill Clinton. Seorang Kristian Catholic.

John Major yang beragama Kristian Protestan dan Bill Clinton yang beragama kristian katholik jadi contoh dalam cerita Maal Hijrah.

Ambillah contoh Islam.

Ayatollah Rahullah Khomeini. Dia lebih tua daripada Shah waktu dia guling Shah. Dalam kita bercerita mengenai Maal Hijrah ambillah contoh Nabi Besar Muhammad S.A.W. Bila Nabi wafat yang ganti Nabi ialah Saidina Abu

Bakar yang lebih tua daripada Nabi.

Jangan takut ambil contoh Islam walaupun contoh tidak menguntungkan mereka. Tapi mereka ambil tajuk Islam, tapi contohnya, contoh kafir.

Baru-baru ini bertukar pemimpin di Jepun, Miyazawa diganti dengan seorang pemimpin baru. Yang baru berumur 55 tahun.

Surat khabar nak tulis macam mana kerana umur P.M. Jepun yang baru ialah 55 tahun sekitar umur dengan Dato' Abdullah Badawi. Jadi surat khabar yang terkong-kong jadi kelam kabut.

Mereka pun dedahkan Perdana Menteri Jepun biasanya berumur lebih 60 tahun. Yang ini berumur 55 tahun. Berertilah muda dari biasa. Jadilah. Fahamlah. Dahsyatnya puak-puak ini semua!!

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

### **SENANG JADI MENTERI**

Jadi Menteri bukanlah payah sangat. Saudara ingat susahkah menjadi Menteri? Kadang-kadang sedang kita beristirahat tiba-tiba ada panggilan telefon dari Perdana Menteri mengatakan "saya nak lantik awak jadi Timbalan Menteri".

Kita terkejut, kita hairan macam mana Perdana Menteri percaya pada kita sedangkan isteri kita pun kadang-kadang tak percaya pada kita. Jadi Menteri ini bukan payah.

Saya jadi Menteri Pertanian, saya tahu apa mengenai pertanian? Mengenai pokok-pokok Ketua Pengarah Pertanian, Saudara Jamil Ali dan Ketua Pengarah Mardi Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Yusof lebih tahu dari saya. Saya tahukah pasal binatang?

Kerbau? Lembu? Tan Sri Dato' Mustaffa Babjee lagi tahu.

Saya tahukah pasal ikan? Dato' Shahrom lagi tahu.

Saya tak tahu. Pasal saya tak tahulah saya jadi Menteri. Saya orang politik. Seorang ahli politik berbeza dengan seorang teknokrat. Teknokrat banyak tahu tapi sikit cakap. Dalam Politik kita tahu sikit tapi cakap banyak. Itu sebab jadi Menteri tak payah. Itulah sebabnya seseorang itu tak boleh sompong dan bongkak bila jadi Menteri.

Jadi Menteri ni senang. Bukan susah jadi Menteri.

### TAK SUSAH JADI RAJA

Jadi Raja pun tak susah. Kalau orang ramai nak tabal saya jadi Raja saya pun boleh jadi Raja.

Susah sangatkah?

Tuan-tuan tak percaya saya boleh? Percaya tak saya boleh? Kata boleh! Boleh!

Kalau tak percaya saya nak tunjuk contoh. Cuba tengok dalam gambar Melayu ada pelakon, Ahmad Nesfu, jadi Raja. Dia naik atas takhta dan di kerah dayang-dayang, "wahai dayang-dayang menarilah depan beta". Melonglah dayang-dayang menari.

Jadi Menteri pun tak payah sangat. Setakat nak pakai kot dan nak bergaya sahaja "no problem". Bila Perdana Menteri telefon saya, saya nak dilantik jadi Menteri, saya pun beritahu pada isteri saya, "abang akan jadi Menteri". Dia tak percaya.

Bila jadi Menteri kenalah pakai baik sikit. Pergi kedai jahit ukur baju baru. Jalan bergaya sikit, jangan berjalan lentang pukang. Apabila orang tanya jangan layan sangat. Bila tak layan orang tak tahu kita tak tahu. Senang.

### SUSAH JADI MENTERI

Apakah yang payah untuk jadi Menteri? Yang payah untuk jadi Menteri kalau Perdana Menteri tak mahu lantik kita. Ingatlah seseorang itu jadi Menteri bukan kerana pandai tetapi kerana Perdana Menteri pilih. Kalau kita sedar, kita jadi Menteri kerana Perdana Menteri pilih kita, kita mesti pasti terima nasihat Perdana Menteri.

Kerana pada orang Melayu dan orang Timur budi adalah sesuatu yang cukup dihargai. Budi juga adalah sesuatu yang paling penting bagi bangsa kita.

### BUDI ANTARA SUAMI ISTERI

Tuan-tuan yang ada di sini malam ini, yang sudah berumur, dan sudah kerepot wajah, kalau isteri tuan-tuan jumpa tuan-tuan, di waktu mudanya dulu, kalau rupa tuan-tuan sudah macam sekarang ini sudah pasti dia enggan mendirikan rumah tangga dengan tuan-tuan.

Tuan-tuan sendiri pun saya yakin, kalau berjumpa waktu muda dulu, dengan isteri tuan-tuan, dengan wajah-

nya seperti sekarang, taubat tuan-tuan mahu kahwin denganannya.

Tapi, jika waktu kita jumpa dulu ada lesung pipit, badan langsing dan sihat, kita hidup dengannya sepanjang lima tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun sampai tua, walaupun di wajahnya sudah tidak ada lesung pipit lagi tapi kita masih nampak bayangnya.

Walaupun isteri kita sudah letih dan lesu tetapi dia tetap kenang masa muda kita. Budilah yang menambat kasih antara suami dengan isteri sehingga ke hari tua.

**Begitu halus budi bangsa Asia.**

### **BUDI ANTARA ANAK DAN IBU BAPA**

Bangsa Asia tidak hantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua. Walaupun anak kita lebih banyak menerima bantuan kerajaan sumbangkan daripada bantuan kita, tetapi anak kita tetap mengenang budi kita.

Anak kita sayang ibu bapa lebih daripada kerajaan. Biasa terdapat duit kerajaan anak ambil tapi dia tak pangkah kerajaan dalam pilihanraya.

Budi ibu dan bapa anak kenang, tetapi kerajaan bagi duit kepada mereka itu dianggap bukan budi. Biasanya bila ada orang mati, sebelum hendak diturunkan jenazah dari rumah, ada waris mengingatkan.

"Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kalau ada sifat berhutang pada tuan-tuan beritahu saya insya-Allah keluarga akan membayarnya". Bukankah begitu?

Mungkin peringatan ini hanya untuk sedap pendengaran si mati. Tetapi kalau hutang duit ini boleh dianggap budi, dan kalau duit itu sukatan budi maka hutang tak payah dibayar, bila orang mati waris bangun "kita ucapkan terima kasih atas budi tuan-tuan".

Jika itu caranya barulah di dunia ini kita nak berhutang orang tak bagi pasal kita anggap hutang itu tak payah bayar kerana ia merupakan budi.

Pantun Melayu mengingatkan

**hutang emas boleh dibayar  
hutang budi dibawa mati**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Ikatan budi juga wujud antara guru dan murid, antara jiran tetangga,

Antara organisasi dengan rakyat melalui persatuan peladang, persatuan nelayan, persatuan belia KEMAS, dan semua pihak semuanya ada ikatan budi.

Kita kenang budi.

Begitu juga hubungan pemimpin dengan rakyat, ikatan hubungannya ialah hubungan budi dan hubungan bahasa.

**Orang Asia, orang Melayu, dia tidak campak dan tidak hina orang tua.**

Orang tua tidak dibuang, tidak ditolak, tidak diketepikan lebih-lebih lagi jika orang tua masih terdaya.

## KETUA DAN TIMBALAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dalam kepimpinan apa juar organisasi termasuk negara adalah penting bagi kita mengingati bahawa krisis boleh berlaku di dalam kepimpinan kalau ketua dengan timbalan tidak secocok.

Begitu juga dalam negara. kalau Perdana Menteri dengan Timbalan Menteri tidak secocok, tak serasi, tak ngam.

Dato' Onn adalah pemimpin UMNO yang pertama, Dato' Onn adalah seorang yang dinamik. Pembantu-pembantu Dato' Onn, seperti Tun Razak juga dinamik. Itu sebab jadi krisis, bergaduh akhirnya Dato' Onn berhenti.

Dato' Onn diganti oleh Tunku Abdul Rahmah. Tunku Abdul Rahman adalah seorang pemimpin yang tenang dan sabar. Tun Razak timbalannya bersikap dinamik dan agresif. Mereka boleh kerjasama. Seorang tenang dan sabar, seorang dinamik dan agresif.

Bila Tunku Abdul Rahman berhenti Tun Razak naik. Tun seorang pemimpin yang dinamik dan agresif timbalannya putu. Tun Ismail sekejap, lepas itu Tun Hussin, bersikap tenang dan sabar.

Tun Razak agresif dan dinamik Tun Hussin tenang dan sabar. Lepas itu Tun Razak meninggal dunia maka naiklah Tun Husain yang tenang dan sabar dengan timbalannya Dr. Mahathir yang dinamik dan agresif.

Bila Dato' Seri Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri, dia bersikap dinamik dan agresif, Dato' Musa dan Tengku Razaleigh Jawan. Dato' Musa menang dan jadi Timbalan

Perdana Menteri. Dato' Musa pun dinamik dan agresif.

Mengikut pepatah Cina tak boleh ada dua ekor harimau atas satu puncak gunung.

Maka seorang kena pergi, maka Dato' Musa pergi. Kalau Tengku Razaleigh ganti Musa pun pasti kecoh kerana dia juga ingin jadi dinamik.

Tiba-tiba datang Encik Ghaffar Baba, Encik Ghaffar Baba yang tenang dan sabar berganding dengan Dr. Mahathir yang dinamik dan agresif. Kalau Dato' Seri Dr. Mahathir ada Timbalan yang nak lawan dari segi dinamik dan agresif, kalau sama-sama dinamik dan agresif, kalau sama-sama dinamik dan agresif salah seorang kena pergi dulu. Perlu pilih sama ada cara Dato' Onn pergi atau cara Dato' Musa pergi.

Waktu Tengku Razaleigh lawan dengan Dato' Musa Dr. Mahathir panggil saya dia beritahu pada saya, kalau Musa menang dia senang sikit kerja, dia boleh lena tidur malam tapi kalau Tengku Razaleigh menang dia tidak sabar nak ambil jawatan Perdana Menteri, dia tak boleh rehat.

Itu sebab saya mati-matian berkempen untuk Dato' Musa. Bermakna jika kita mahu Dato' Seri Dr. Mahathir terus memimpin dengan selesa untuk menyelesaikan banyak lagi program yang belum selesai, maka kita kena bantu beliau dengan memberi seorang pembantu yang tenang dan sabar seperti Encik Ghaffar Baba.

## KITA SOKONG YANG TUA

Kita juga kena tengok waktu Tun Hussein ditentang

oleh Sulaiman Palestin kita sokong Tun Hussin: kita sokong Tun Hussin walaupun Tun Hussin lebih tua daripada Sulaiman Palestin. Kita tak sokong yang muda. Kita tak sokong Sulaiman Palestin kita sokong Tun Hussin yang lebih tua dan berjasa.

Bila Dato' Seri Dr. Mahathir ditentang oleh Tengku Razaleigh, kita sokong Dr. Mahathir; Dr. Mahathir lebih tua daripada Tengku Razaleigh.

Kita tak sokong yang muda kita sokong yang tua.

Bila Encik Ghaffar Baba berlawan dengan Dato' Musa kita sokong Encik Ghaffar.

Encik Ghaffar lebih tua daripada Dato' Musa. Kita tak sokong orang muda. Kita tahu Dato' Musa belajar di dua buah universiti di dalam dan di luar negeri.

Kita tahu Dato' Musa terkenal di peringkat antarabangsa. Kita tahu Dato' Musa sudah ada pengalaman jadi Tmbalan Perdana Menteri.

Kita tahu Dato' Musa lebih segak dan lebih comel daripada Encik Ghaffar Baba. Kita tahu Dato' Musa lebih bergaya daripada Encik Ghaffar Baba.

Kita pangkah Encik Ghaffar Baba yang tua dan kita tolak yang muda. Bermakna tidak ada dalam tradisi UMNO orang tua diketepikan.

## **GHAFFAR BABA**

### **Apa salah Encik Ghaffar Baba?**

Apakah Encik Ghaffar Baba hanya perlu dalam UMNO waktu UMNO dalam krisis?

Apakah Encik Ghaffar Baba hanya perlu dalam UMNO waktu UMNO berdepan dengan pilihanraya? Apakah Encik Ghaffar Baba hanya perlu dalam UMNO waktu ada krisis dalam MCA?

Apakah Encik Ghaffar hanya perlu dalam UMNO waktu krisis dengan Raja-Raja?

Apakah Encik Ghaffar Baba hanya perlu dalam UMNO di waktu UMNO masuk ke Sabah kerana PBS keluar dari Barisan Nasional?

Apakah apabila negara sudah kaya raya dan kita boleh bahagi-bahagi wang di merata-rata dengan kontrak dan saham yang melimpah ruah maka pada waktu itu Encik Ghaffar Baba tak guna lagi?

Kita tidak kenal lagi Encik Ghaffar Baba, budi Encik Ghaffar dilupakan.

Ghaffar sudah tidak boleh dipakai, Ghaffar laksana hampas yang santannya sudah habis. Ghaffar wajib pergi sekarang, perlu ditentang, perlu dihina dan perlu dihantar ke perkuburan tanpa keranda.

Tanpa penghormatan.

Kami akan tentang kamu. Kami tidak akan biar. Kamu sakit. Kamu tak terdaya lagi. Kamu sudah tidak dikehendaki lagi.

Kami mahu tolak kamu. Kamu perlu turun cepat-

cepat. Kerana kami orang segak. Kerana kami orang lawa. Kerana kami orang kaya.

Kami orang bijak. Kami tidak perlukan kebijaksanan kamu bila parti dalam krisis. Kami tidak perlu kepandian kamu lagi apabila negara sudah maju.

Kami cinta perpaduan. Perpaduan perlu demokrasi. Demokrasi perlu perlawanan. Untuk perpaduan perlu perlawanan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

### LEFTENAN

Yang salah bukan pemimpin. Pemimpin beri signal kepada leftenan. Yang salah leftenan. Dan leftenan pula terpaksa hitung banyak mana hutang yang perlu diselesaikan. Leftenan takut salah dirinya boleh diambil tindakan.

Bagaimana hendak menyelamat imejnya. Maka dalam keadaan demikian kita menjadi manusia takut.

Jika tuan-tuan dan puan-puan melihat seorang pemimpin pada satu masa berprinsip, berpendirian dan mempunyai pegangan yang tegas, tiba-tiba beralih, tanyalah kenapa?

Dia melelong dan beralih kiblat kerana dia sudah ada penyakit. Dia sudah senang dan dia takut terancam kesenangannya.

Dia sudah ada satu masalah. Bererti ada ancaman terhadap orang yang ada masalah. Saya jemput tuan-puan ke sini kerana kita tak ada cara hendak berhubung dengan

tuan-puan.

Tak ada cara.

Pada 1 Februari 1993 di dalam dewan ini pada waktu itu kita ada masalah Perlembagaan berkaitan dengan raja-raja Melayu, kita berpeluang mendengar nasihat Perdana Menteri waktu melancar Dasar Pertanian Negara.

Hari ini kita jemput saudara-saudara ke sini untuk meminta supaya tuan-puan mendengar pendirian Perdana Menteri dalam perkara yang tidak jelas melalui media massa.

Mengenai Raja, tuan-tuan dah dengar. Cuma kita nak tengok "raja-raja baru" samaada mereka dengar ataupun mereka tidak dengar nasihat Perdana Menteri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebenarnya kita tidak ada jalan lain untuk berhubung dan bercakap dengan tuan-puan. Dulu kalau kita nak bercakap maka kita guna radio, TV dan juga surat-surat khabar.

Kita juga ada majalah. Sekarang ini keadaan berlainan. Saya ada kawan yang bekerja untuk satu majalah di satu agensi kerajaan sebagai Pengarang. Ketua Pengarang agensi itu panggil dia. Kata tuannya, "saya dapat tahu awak ini kawan sedarjah dengan Sanusi Junid dulu di MCKK, saya beri amaran kepada awak jangan tulis yang baik mengenai pertanian atau mengenai Sanusi Junid".

Kawan saya itu dari Pahang. Apabila dia berjumpa

dengan saya dia tidak pernah bercakap pasal politik.

Dia jumpa di rumah saya hanya untuk berbuka puasa setahun sekali. Bermaknalah kawan saya pun kena hukum tanpa kesalahan.

Ada satu surat khabar milik parti pembangkang yang menulis beberapa karangan baik-baik mengenai pertanian dan pengarangnya datang ke rumah saya pada Hari Raya. Dengan tersiamya dalam surat khabar parti pembangkang yang menguntungkan saya, pengarang akhbar itu diberhentikan.

Ada lagi satu surat khabar milik orang UMNO. Dia ada tulis sedikit mengenai Dr. Mahathir menyokong Encik Ghaffar Baba, hari ini editor itu sudah tukar ke jawatan lain. Ada satu surat khabar orang putih, bila ada berita baik dan betul mengenai Dr. Mahathir sokong Ghaffar, pengarang itu kena berhenti.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kenapa jadi macam ini?

### BELIA MEDIA MASSA

Kerana ada empat orang Melayu yang tiada duit tetapi dengan dokongan pihak berpengaruh telah dapat pinjaman RM800 juta dari beberapa buah bank untuk membeli surat khabar dan televisyen. Beli surat khabar New Straits Times, Berita Harian dan TV3.

Lepas itu ada pengarang-pengarang, pemberita dalam TV yang buat cerita baik sikit pasal kita, dia kena tukar.

Ada pemberita daripada surat khabar New Straits Times atau Berita Harian, saya sudah lupa namanya, yang tulis baik sikit pasal saya, kena buang, dan ditukar.

Kesian saya pada pemberita-pemberita yang dok dengar semua ini. Tuan-puan tunggu satu hari nanti pantai akan berubah dan keadilan akan berlaku.

Saya tahu di Langkawi ada seorang pemberita, sambilan.

Dia minta berita daripada saya. Saya beritahu pada dia. Kalau berita baik dari saya dia tulis tak akan keluar. Katanya, asalkan saya beri berita tak keluar pun beliau dapat juga elaun.

Pemberita lain kalau beritanya keluar barulah dia dapat elaun.

Tapi kalau mengenai berita saya tak keluar pun, elaun dapat juga. Begitu hebat saya?

Ada orang-orang yang nak berhutang tetapi tak mampu untuk berhutang, ada pula satu syarikat yang mendukung satu kumpulan besar sanggup menjamin asalkan dapat permit-permit bank. Syarikat ini mendukung dan menjamin beberapa orang Melayu yang tak layak pinjam beratus juta.

Untuk dapat pinjam sampai RM800 juta ini sudah pasti si peminjam terpaksa patuh kepada orang-orang di sebelahnya.

Bila dah jadi macam itu macam mana pemimpin nasional boleh toleran.

## MEI 1993

Pada bulan Mei 1993 dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO Dato' Seri Dr. Mahathir mengucapkan rasa leganya kerana Encik Ghaffar Baba tidak ditandingi. Tetapi bila dia bercakap dengan surat khabar kemudian, Dato' Seri tidak cerita pasal ini. Pengurus-pengurus perhubungan semua UMNO negeri, beritahu pada pemimpin-pemimpin UMNO, bahawa Encik Ghaffar tidak ditentang.

Dato' Seri Dr. Mahathir rasa senang hati, tapi Dato' Seri Dr. Mahathir juga kata kalau orang nak tentang dia ataupun Encik Ghaffar Baba, dia tak boleh tahan. Kalau dia tahan, bermakna dia tidak demokratik.

Tiba-tiba ada tukang karut pergi berjalan rata berita-hu Dr. Mahathir bercakap dalam Majlis Tertinggi sahaja menyatakan dia seronok Encik Ghaffar tak ditentang, sebenarnya Dr. Mahathir mahu Encik Ghaffar ditentang.

### Ini fitnah.

Majlis Tertinggi bersidang lagi pada bulan Jun 1993. Dr. Mahathir menyatakan rasa kecewanya kerana hasratnya supaya Ghaffar Baba tidak ditentang telah disalah tafsir dan diputar belitkan oleh tukang-tukang karut.

## JUN 1993

Lepas Mesyuarat Majlis Tertinggi pada bulan Jun Dato' Seri Dr. Mahathir bercakap pada surat khabar. Pertama beliau tekankan memang tak elok dua jawatan di atas dipertandingkan kerana kalau ada pertandingan UMNO boleh berpecah.

Beliau mengingatkan yang beliau telah mengucapkan terima kasih kerana Encik Ghaffar tidak ditentang.

Beliau mengharapkan agar jawatan Timbalan tidak dipertandingkan. Habis kenyataan itu, beliau menyambung yang beliau tak boleh halang kalau ada orang yang nak menentang beliau atau Timbalan Presiden.

Surat khabar-surat khabar, yang dibeli oleh budak-budak Melayu yang tak layak pinjam beratus juta tadi, menekankan bahawa Dr. Mahathir mengalu-alukan tiada pertandingan, tetapi, Dr. Mahathir tak dapat halang pertandingan.

Lepas itu ramai tukang karut berjalan ke sana sini mengatakan Dr. Mahathir memang katakan tak ada pertandingan kerana dia harap Encik Ghaffar Baba akan tarik diri. Dato' Seri Dr. Mahathir pun jadi marah.

## IPOH

Pada 23 Julai 1993 di Tapah, lepas mesyuarat dengan perhubungan UMNO negeri, di Ipoh, beliau menyatakan sokongannya kepada Encik Ghaffar Baba.

Surat khabar The Star, The Sun, kalau tak salah Watan juga keluar berita Dr. Mahathir kata dia sokong Encik Ghaffar Baba. Tetapi surat khabar yang ditadbirkan oleh orang-orang yang tak layak dapat hutang, tapi dapat hutang banyak, tidak tulis mengenai sokongan ini, cuma yang dia tuliskan Dr. Mahathir kata dia tak dapat halang pertandingan.

Dr. Mahathir sokong Encik Ghaffar Baba mereka takut hendak tulis. Tapi surat khabar The Star, The Sun,

Surat khabar Bintang dan Matahari, yang Melayu tak baca ada berita Dr. Mahathir sokong Ghaffar.

Lepas itu Dr. Mahathir pergi ke luar negeri. Bila Dato' Seri Dr. Mahathir balik daripada luar negeri, Dr. Mahathir mengulangi lagi sokongan kepada Encik Ghaffar Baba.

### Rakyat berasa lega.

Tetapi apabila Dato' Seri Dr. Mahathir balik dari luar negeri ada orang pergi lapur pada dia bahawa Encik Ghaffar Baba tak popular dan kalah kerana orang yang akan menentang Encik Ghaffar Baba sudah dapat pencalonan 104 bahagian.

Mesyuarat bahagian belum pun mula lagi.

Pada waktu itu Dr. Mahathir masih menekankan bahawa dia tidak suka kepada pertandingan, tetapi jika ada pertandingan dia terpaksa neutral kerana dia tengok di bawah sudah berlaga. Nasihat beliau kepada pemimpin-pemimpin parti tidak dihiraukan lagi.

### MIC

Baru-baru ini di majlis Mesyuarat Agung MIC, sekali lagi dia memperingatkan kepada MIC mengenai kestabilan politik national hanya wujud apabila tidak ada perebutan kuasa.

Dan sekali lagi selepas acara MIC, Dato' Seri Dr. Mahathir mengatakan kepada pemberita bahawa dia mahukan Encik Ghaffar Baba tidak ditandingi.

Berita ini keluar hanya dalam surat khabar The Sun dan hari ini editor The Sun saya difahamkan, sudah dipecat, dan terkorban kerana menyatakan kebenaran.

Kalau begini perangai media massa bagaimanakah kami nak berhubung dengan orang ramai, dengan tuan puhan; bagaimana cara, cara mana kami nak berhubung dengan tuan-puan.

Kita tidak ada cara lain, kecuali dengan berarak ke seluruh negara, berjumpa dalam apa jua cara untuk memberi penjelasan.

Pastikan bahawa apabila pertarungan berlaku, kerana mewujudkan demokrasi untuk perpaduan, hutan belantara jadi padang tekukur.

## GILA

**Mengapa semua ini berlaku?**

**Semua ini berlaku pasal duit.**

**Semua ini berlaku pasal duit. Bila orang tak pernah jumpa duit, jumpa duit dia boleh jadi gila.**

Di Langkawi sekarang ini ada orang yang sudah jadi gila. Dua atau tiga orang dilaporkan dah gila. Bila kerajaan ambil tanah dia, tiba-tiba dia dapat tiga ratus ribu ringgit dia tak tahu nak buat apa, dia pakai kain, dia pakai baju, dia tunggu dekat airport.

Bila orang minta lalu dia bagi salam. Assalamualaikum. Dia kaya tapi dah gila.

Ada seorang lagi dapat dekat-dekat setengah juta, dia dulu menyangkul di kebun tiba-tiba kerajaan ambil tanah dia, dia dapat setengah juta.

Hari ini dia boleh kira setakat enam. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, satu, dua, tiga, empat, lima, enam dia tak boleh sampai tujuh. Ada yang duduk termenung di depan hotel, dulu waktu dia ada duit dia sompong, minum Cappuccino, makan Sirloin Steak dia pergi ke hotel besar-besar dia minta Sirloin Steak dan Cappuccino.

Dia dah mula speaking lepas itu anak dia hendak Mercedez, dia beli Mercedez, anak satu lagi hendak motosikal dia beli motosikal. Lama-lama tinggal 30 ribu, lepas itu isteri dia juga hendak loket dia juga beli. Dia mula belajar pergi Haadyai, Songkhla dan Phuket.

Lama kelamaan tinggal 20 ringgit, bila tinggal 20 ringgit dia duduk di luar hotel tempat dia dulu tidur dengan kenangan manis.

## LOTERI

Itulah sebabnya ada seorang orang putih Presiden Syarikat AT&T dalam majalah OMNI dia menceritakan bagaimana tiap-tiap bulan dia beli 100 loteri, dia kirim setiap satu helai kepada musuh-musuh dia, dia kirim satu sebulan dan dia kirim kepada seratus orang musuh.

Ini bererti dia kirim setahun 1200 loteri. Dalam masa sepuluh tahun dia bekerja, dia kirim 12 000 tiket loteri kepada musuh-musuh dia. Yang nyata berlaku 98 peratus dari-pada yang menang loteri yang dia kirim akhirnya bangkrap belaka.

Kerana bila orang terima duit cara mengejut, dia pergi minum kopi o pun dia bayar dengan wang kertas seratus ringgit.

### KEJUTAN DUIT

Baru-baru ini saya balik ke kampung, ada seorang tua di kampung saya ada masalah kerana anaknya kirim sekeping wang kertas bernilai RM1000.00.

Satu pekan Teroi tak ada wang kecil, ada China tua pekan tu pun tak pernah tengok wang kertas RM1000.00. Budaya sudah berubah itulah sebabnya kita perlu, kalau kita dapat duit beribu ringgit, kita patut simpan.

Kita bersyukur banyak-banyak, kita beristighfar supaya duit yang kita dapat dengan senang tidak akan menyebabkan kita hilang pedoman.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

### IKAN VIETNAM

Saya dah pernah cerita kepada peladang, penternak dan nelayan satu kisah di Vietnam. Saya ulang sekali lagi kisah ikan di Vietnam. Semasa saya pergi ke Vietnam dulu, saya dibawa ke satu kolam ikan di depan rumah Ho Chi Minh, bapa kemerdekaan Vietnam.

Saya disuruh oleh pemandu pelancong untuk tepuk tangan. Saya tepuk dan ikan dalam kolam pun lompat. Pemandu pelancong suruh saya tepuk lebih kuat, dan ikan pun lompat lebih kuat.

Mula-mula ikan di depan yang lompat kemudian

ikan di belakang turut lompat sama. Saya hairan, saya fikir macam mana ikan boleh tahu saya Menteri Pertanian Malaysia.

Lepas itu dia suruh bodyguard saya tepuk. Bodyguard pun tepuk, pemandu turut tepuk, tepuk dan ikan lompat terus. Memanglah, kadang-kadang pemandu dan bodyguard pun berlagak macam Menteri. Memanglah kadang-kadang Menteri pun berlagak macam Perdana Menteri. Itu biasa.

Tetapi soalnya ialah kenapa ikan lompat. Kenapa bila kita tepuk ikan lompat. Jawabnya kerana arahan Ho Chi Minh.

Waktu Ho Chi Minh masih hidup dia selalu pergi ke tepi kolam, sebelum dia bagi makan dia tepuk dulu. Lepas dia tepuk baru dia tabur makanan ke dalam kolam. Dia tepuk dia tabur makanan. Lama-lama ikan tahu.

Bila ikan dengar tepukan ikan tahu makanan nak datang. Bila ikan tahu makanan nak datang ikan mesti lompat. Kemudian emak dan bapak ikan bagi tahu kepada anak-anak ikan, "bila kau dengar tepukan kau mesti lompat, dia tak cerita mengenai bab makanan.

Lama-kelamaan emak ikan dan bapak ikan mati dan tinggallah anak ikan dengan tabiat bila terdengar tepukan dia pasti akan lompat, soal makanan tidak timbul. Saya pergi ke Vietnam dalam tahun 1989. Ho Chi Minh mati pada tahun 1969, berertilah 20 tahun telah berlalu. Walaupun ikan yang Ho Chi Minh latih sudah mati, tetapi cucu cicit piut ikan semuanya sudah diajar budaya lompat, kalau orang tepuk.

**Kalau orang tepuk.**

**Kita mesti lompat.**

Sekarang ini jika pelancong pergi ke Vietnam, orang nak tangkap ikan tak payah ada umpan. Tepuk saja ikan pasti lompat, kita tunggu dengan sauk dan kita tangkap ikan itu, kita siangkan, dan lepas itu masukkan dalam kuali.

Itu ikan.

Melayu pun boleh dilatih macam itu. Kita umpan, kita tepuk, kita tepuk, kita umpan, lama-lama orang tepuk Melayu lompat, bila kita sudah lompat leher kita dipotong.

Kita mesti jaga supaya kita tidak lompat bila orang tepuk, kita mesti jaga maruah bangsa kita.

Tuan-tuan sekalian,

### **BABI**

Ada orang kata payah nak tolak duit tetapi kalau orang-orang nak bagi kat tuan-tuan RM100 ribu suruh makan sekati daging babi, tuan-tuan takkan makan. Makan tak? Kalau orang bagi setengah juta ringgit, makan tak daging babi? Setahil macam mana?

Tak makan. Kenapa?

**Kerana iman.**

## ROGOL

Bagaimana pula kalau ada orang hendak rogol anak kita? Berapa duit wang untuk dapat izin?

Tidak, kita takkan terima walau RM100 juta kalau maruah kita akan diperkosa.

Maruah anak,

Maruah isteri,

Maruah kita.

Dan jangan pula bangsa kita ini hilang maruah kerana politik wang. Saya dah jadi menteri 15 tahun. Mula-mula jadi Timbalan Menteri kemudian jadi Menteri selama 15 tahun.

Dah jadi ahli parlimen sepanjang 19 tahun. Dan tahun ini tahun yang paling berkat. Pasal 19 tahun kerana angka 19 dimuliakan dalam Quran.

Ada ayat 'Alaiha tisata asyar' yang bermakna "Atas segala 19" inilah tahunnya. Saya genap jadi ahli UMNO 30 tahun pada bulan Oktober ini.

Saya jadi ahli UMNO pada 13 Oktober 1963 di Seremban. Yang bawa saya masuk dalam UMNO Allahyarham Majid Baba dan Allahyarham Dato' Haji Redha. Majid Baba peon saya di Bank.

Dalam UMNO dia ketua pemuda cawangan, saya jadi setiausaha. Dalam bank saya pegawai dia peon. Majid lebih tahu dari saya mengenai politik dia jadi ketua saya

dalam UMNO.

Saya lebih tahu dari Majid mengenai bank oleh itu saya jadi ketua dia dalam bank. Bukan bermakna bila kita jadi ketua di satu tempat kita mesti jadi ketua di semua tempat. Setakat ini, pertandingan sebenarnya belum berlaku.

### **ANTARA RASUAH DAN MARUAH**

Yang sudah menyatakan hasrat untuk bertanding hari ini, hanya Encik Ghaffar Baba.

Untuk mempertahankan jawatannya. Tetapi di bawah sudah ada gerakan untuk ada pertandingan.

Pertandingan kali ini adalah pertandingan antara **rasuah dan maruah**.

Pertandingan kali ini adalah pertandingan antara **duit dan nilai**.

Pertandingan kali ini adalah pertandingan antara **kepentingan peribadi dengan kepentingan bangsa**.

Ada yang kata kita mahu perubahan? Perubahan apa? Perubahan negara atau perubahan kedudukan diri sendiri?

Hari ini jika seseorang tokoh ingin bawa perubahan patut dibuat dalam kementeriannya sendiri. Apakah yang jadi? Apa negara ini belum berubah? Dato' Seri Dr. Mahathir, waktu dia ambil alih kepimpinan negara, umur dia 55 tahun.

Dia ubah negara ini. Hari ini negara Malaysia sudah berubah.

Di umur 68 tahun Dato' Seri Dr. Mahathir masih mampu membawa perubahan. Dan Encik Ghaffar Baba masih mampu membantu beliau.

Lainlah. Kementerian Pertanian sudah berubah. Sanusi Junid masih belum berubah. Apa salah kalau Sanusi Junid tidak berubah asal Kementerian Pertanian dan nasib petani, penternak dan nelayan berubah.

**Apa perlu kita ubah pemimpin waktu kepimpinan itu sedang memerintah dengan baik.**

Oh takut!! Takut Dr. Mahathir meninggal dunia. Takut Encik Ghaffar Baba meninggal dunia.

Takut pasal apa?

Apakah kita tidak percaya kepada Tuhan. Oh kita percaya kepada Tuhan?

Tetapi kita kena usaha. Apakah kita usaha dengan cara melaga-lagakan seluruh bangsa kita. Ini bukan usaha namanya. Ini adalah satu kemungkaran.

Ini adalah satu kemunafikan. Apakah matlamat menghalalkan cara.

Ini adalah satu kerakusan. Pada malam ini kita kena buat ikrar bahawa kita akan berjuang untuk membasi kemunafikan, kita akan berusaha untuk membasi kemungkaran, dan kita akan berusaha membasi kerakusan.

kita akan berusaha untuk membasmi kepura-puraan, kemunafikan kemungkar dan kerakusan.

Berjalanlah tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke seluruh negara. Berjalanlah..... Mungkin kita tidak berjumpa lagi.

Pertarungan ini adalah pertarungan menyelamatkan bangsa. Tetapi biasa di dalam pertarungan menyelamatkan bangsa, bangsa itu selamat tetapi pedang penyelamat akan patah.

Bagi saya, saya tidak berdiri di sini untuk menagihkan jawatan Naib Presiden. Saya juga tidak berdiri di sini untuk menyatakan cita-cita besar. Saya sanggup terkorban untuk memastikan bangsa kita selamat.

Itu sebab saya katakan, ini mungkin perjumpaan terakhir. Seandainya pedang patah dalam pertarungan, seandainya kita tidak berjumpa lagi, maka terimalah ucapan ini sebagai pesanan.

Kalau kita tidak berjumpa lagi kerana saya pergi mendahului tuan-puan terimalah ucapan ini sebagai wasiat. Berjalanlah ke seluruh negara.

Berjalanlah, isikanlah ke dalam sudut-sudut yang terluang di hati setiap anak bangsa perasaan cinta kepada agama, bangsa dan tanahair.

Selama sudut yang terluang di hati setiap anak bangsa belum terisi, maka anak bangsa tadi laksana puntung-puntung yang basi basah, lembab dan tak bermaya.

Apabila sudut-sudut yang terluang itu terisi sudah,

maka puntung-puntung yang basi basah tadi akan membara semula, dan puntung yang membara itulah kita satukan, dan kita hembus sehingga bernyala-nyala, di situlah letaknya harapan bangsa.

Terima kasih.



# **MATLAMAT MENGHALALKAN CARA**

**Pehimpunan Agong UMNO  
Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur pada 6hb. November, 1993**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus Majlis  
Yang Amat Berhormat Datuk Seri Presiden  
Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden  
Yang Berhormat Naib-Naib Presiden  
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO  
dan para Perwakilan yang saya hormati sekalian  
Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh*

---

## **TAHNIAH**

**T**erlebih dahulu saya mengambil kesempatan dalam majlis ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua yang telah menang untuk semua jawatan di dalam pertandingan Majlis Tertinggi pada tahun ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada mereka di semua peringkat yang telah menangguk kemenangan.

Banyak orang yang terfikir bahawa saya akan menjadi begitu susah, resah, gundah dan gelisah apabila mendapat kekalahan di dalam pertandingan pada tahun ini.

## PENGALAMAN SUKA DUKA

Sebenarnya saya adalah seorang yang sudah berpengalaman dalam melalui kekalahan dan kemenangan. Saya pernah menjadi Ketua Cawangan, saya pernah menjadi Setiausaha Pemuda Cawangan pada tahun 1963, Setiausaha UMNO Cawangan pada tahun 1964, Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian pada tahun 1965, Setiausaha UMNO Bahagian pada tahun 1966, Setiausaha Penerangan Kelab Perikatan London.

Saya juga pernah menjadi Naib Ketua Bahagian, Timbalan Ketua, pernah dijatuhkan oleh orang dan pemah turut menjatuhkan orang.

Ianya bagi saya, masalah menang kalah ini tak timbul berat sangat, cuma memanglah mula-mula kalah itu kita tersentak sedikit. Tapi apabila saya lihat Pak Lah pun kalah, jadi penawar bagi saya. Ada kawan-kawan yang mengatakan saya kalah fasal saya ni kasar sangat. Tapi bila Pak Lah Badawi seorang yang lemah lembut, yang pijak semut pun tak mati pun kalah, jadi rasa lega bagi saya.

## **DEMOKRASI SUSHI**

Pada 26hb. April, 1987, saya telah berbincang mengenai demokrasi di dalam dewan ini setelah selesai satu pertandingan. Dan saya katakan **jika kita ingin mengamalkan demokrasi, kita perlu memiliki sifat yang demokratik.**

Dalam bahasa Jepun sekiranya kita "Look East" sifat demokratik ini dikatakan *Sushi*. *Sushi* ialah satu keyakinan di mana keputusan majoriti dianggap betul.

**Oleh itu apabila kita memenangi apa-apa juar jawatan dalam pertandingan UMNO di peringkat Cawangan, walaupun dengan hanya satu undi, ini namanya menang. Dan setelah kita menang kita hendaklah menganggap seolah-olah semuanya menyokong kita.**

Bertolak daripada titik ini, maka semua perlu menyokong pihak yang memperolehi kemenangan. Di dalam demokrasi tidak boleh ada pihak yang menghadiri mesyuarat yang menghendaki ide nya sahaja yang mesti diikut.

Dalam demokrasi tidak boleh ada jika sembilan belas orang bersetuju dan seorang tidak setuju; yang seorang itu keluar untuk terus menyatakan saya tidak setuju.

Kalau begitu jadinya, tak payahlah kita mengamalkan demokrasi. Bawa saja pistol ke dalam mesyuarat dan siapa saja yang tidak bersetuju kita tem-

2000-2001 National Institute of Health Extramural  
Public Health Service Research Project (NIHSPR)

DEAN OF BASIC SURGERY

Dari sifat-sifat demokrasi, seorang itu perlu memiliki juga sikap yang dapat melihat kelebihan dan kekurangan pada orang yang dia benci.

Makanya Surya m. sih punya banyak orang yang  
tau. Tapi sebenarnya ada benda baik yang saya buat,  
digigit tau Surya "Sarus, aku benci pada kau, tapi  
aku punya 'seseorang'". Adaiah jalan yang dapat  
menyempitkan kesempatan, ianya dinamakan "Sunau"  
atau batang jepit.

Sunau akan satu sifat di mana kita dapat melihat kebaikan pada orang yang kita tidak suka, dan juga dapat melihat keburukan pada orang yang menjadi senadaan baik kita.

RAMALAN ASTROLOGY

"Saya kalah dalam pertandingan, dia menang bersama Hindu telefon saya. Dia Presiden Penduduk-Penduduk Bangsar.

*This class series says "I am fanatic towards as-  
pects"*

“Jadi Pak, tanggal lahirmu sebenarnya berapa? Tanggal lahir dan dia  
merupakan putri keturunan pertama yang dilahirkan pada tanggal 16 Juli di  
Kota Bogor pada tahun 1920. Pak, kau tahu bahwa Pak Harto adalah orang yang  
dikenal sebagai orang tua yang selalu memberikan pengertian dan bantuan

Istilah berikutnya yang menggunakan bahasa ini termasuk istilah istilah, istilah politik dan istilah sosialisme. Istilah istilah berikutnya juga merupakan istilah istilah yang tidak terdapat dalam kamus kamus biasa.

Banyak hal yang membuat kita merasa tidak nyaman karena menggunakan istilah istilah seperti ini.

## POLITIK DAN WILAYAH

Mengenai politik walaupun saya tahu ada banyak usah rasakan seolah oleh politik walaupun dalam bentuk yang cukup berat.

Orang yang complain mengenai politik walaupun ialah orang yang tak ada wang. Kalau orang itu ada wang mungkin dia juga akan buat politik walaupun.

Tetapi yang menjadi masalah bukan politik walaupun wang, kalau orang ada wang dan dia masih kemandangan, dia mesti belanjah wang.

Kalau dia tak ada wang seandainya dia aman di rumah orang. Walau bagaimanapun, yang menjadi masalah ialah bukan politik walaupun. Sebaliknya yang menjadi masalah ialah dari mana dia dapat wang itu.

Dan selain daripada hal-hal yang mereka katakan, juga cara kita mempergunakan wang itu.

## MUAWIYAH

Politik walaupun antara kita dengan Muawiyah Muawiyah adalah khalifah pertama yang dilantik oleh

mempertahan kekuasaannya dengan duit. Beliau beri duit kepada semua khatib yang baca khutbah di waktu Jumaat untuk memaki hamun Saidina Ali.

Selama 30 tahun tabiat memaki hamun Saidina Ali berlaku di dalam masjid sehingga ke-pada pemerintahan Umar Abdul Aziz.

Setelah 30 tahun, bila Umar Abdul Aziz mengambil alih, apabila dia baca khutbah, bila sampai pada peringkat yang memaki hamun Saidina Ali, pada waktu itu perkataan dia tak terkeluar dan dia terketar-ketar.

Anak dia tanya pada dia: "**Wahai bapa, kena-pakah bapa tidak maki Saidina Ali?**"

Jawab bapa: "**Aku boleh bohong manusia tetapi aku tidak dapat bohong Allah swt.**"

Dalam pemerintahan Umar Abdul Aziz inilah kecaman itu dilarang oleh Khalifah Umar dan diganti dengan ayat *Innallah* sampai habis.

## **NILAI WANG**

Kita juga tak perlu begitu gundah mengenai politik wang. Saya ada beberapa not di sini. Ada seorang kawan Ibu Samad, dia tunjuk saya pada not seringgit, belah belakang ada Tugu Peringatan. Bermakna memperingati orang yang mati dalam perang nilai dia seringgit.

Sini ada not lima ringgit pada saya. Not lima ringgit ni Istana Negara. Jadi harga Raja kira-kira lima ringgit.

Ni ada not sepuluh ringgit, setesen keretapi, infrastruktur, nilai dia sepuluh ringgit.

Not dua puluh, belakangnya gambar Bank Negara. Bermakna ekonomi tu nilai dia dua puluh ringgit.

Not lima puluh, gambar Muzium Negara. Bermakna harga sejarah semua ni lima puluh ringgit.

Not seratus, gambar masjid, ugama harga dia seratus ringgit.

Not lima ratus ringgit, gambar Mahkamah Tinggi. Keadilan lima ratus. Itu sebabnya *lawyer* dapat banyak duit.

**Not seribu, di belakangnya gambar Parlimen. Memang Parlimen, politik ini harganya cukup mahal.**

## **NASIB MENTERI PERTANIAN**

Pada 20 September 1986, saya pernah berbicara di dalam dewan ini mengenai nasib Menteri Pertanian. Bila YAB Datuk Seri Presiden memanggil saya untuk memberitahu saya akan dipindahkan ke Kementerian Pertanian, saya terus terdiam.

Saya pun ucapkan terima kasih. Dan bila saya masuk ke bilik gerakan Kementerian Pertanian, saya tengok gambar-gambar bekas Menteri Pertanian:

1957 hingga 1962 Datuk Aziz Ishak, terpecat daripada UMNO.

Hanya Menteri Pertanian yang bekerja kurang daripada dua tahun di Kementerian Pertanian selamat.

Kalau lebih dari dua tahun mesti punah dalam politik.

1963 hingga 1965 YB Encik Mohd Khir Johari hanya sembilan bulan, dia selamat. Dia terus menjadi Menteri Pelajaran.

1966 hingga 1973 Tan Sri Ghazali Jawi. Dia tunggak dalam Kementerian ini.

1974 hingga 1975 YB Encik Ghafar Baba. *Round* satu dia punah, *round* dua pun dia juga menghadapi masalah.

1976 hingga 1977 Datuk Ali Hj. Ahmad. Sialnya terbawa sehingga dia meninggal dalam naas kapal terbang. **Sial kedudukan, bukan sial Menteri.**

Tahun 1978 hingga 1980 YB Datuk Shariff Ahmad. Dia sendiri kena penyakit kuku dan mulut.

1980 hingga 1984 YB Datuk Manan Othman. Dia akhirnya terkeluar daripada UMNO. **Dia keluar**

**bukan terkeluar, dia keluar.**

Tahun 1984 hingga 1986 Saudara Anwar Ibrahim. Dia tak sampai dua tahun, dia selamat.

### **MENTERI PERTANIAN PALING LAMA**

Selepas itu giliran saya, dan untuk makluman YAB Perdana Menteri, saya adalah Menteri Pertanian yang paling *senior* di dunia. Dan saya akan berangkat ke Rome hari ini, dan saya seorang saja bercakap di Rome tempat Julius Caesar sampai tiga empat kali.

### **KEANEHAN PERTANDINGAN**

Saudara sekalian, sudah tentu dalam ucapan saya ini, saya sebagai orang yang kalah, saya harap Penggerusi akan memberi peluang kepada saya sedikit di sini. Mungkin peluang macam ini tak datang dah.

Saya lihat ada beberapa keganjilan di dalam pertarungan tahun ini. Pertama-tamanya keganjilan yang bersekitar diri saya.

Bila saya pergi ke Johor, orang-orang tanyakan saya bila YB balik daripada Bangkok? Ada surat khabar tulis saya ada di Bangkok dengan Encik Ghafar Baba. Saya pergi ke Johor, lepas itu saya pergi ke Pahang. Orang Pahang tanya bila balik dari-pada Beijing?

Lepas tu, bila saya jumpa Dato' Seri Dr Mahathir di London, dia orang tanya. Dia orang tanya saya dah sampaikan surat letakan jawatan kepada Perdana Menteri?

### LETAK JAWATAN

Saya bukan pergi jumpa Perdana Menteri untuk letak jawatan. Saya pergi jumpa Perdana Menteri untuk tengok-tengok kalau-kalau bila orang dah tak dengar nasihat dia, dia nak letak jawatan. Kalau dia nak letak jawatan, saya nasihat jangan.

### ANTARA BERITA DAN TAPE

Ucapan saya dalam dewan pada 14 Ogos, pada waktu itu tidak ada pertandingan dalam UMNO, dan saya cakap lain, tiba-tiba keluar dalam *paper* lain. Sampai terpaksa kawan-kawan saya mengeluarkan *tape*.

*Tape-tape* itu digunakan oleh pembangkang, tapi saya juga boleh bercakap lagi dan pembangkang boleh guna. Saya juga boleh bercakap dan juga kita boleh guna untuk lawan pembangkang, ini *no problem*.

### PADANG JARAK PADANG TERKUKUR

Cuma soalnya ialah kenapa begitu diputarbelitkan berita-berita sehingga boleh menyebabkan keroh? Dari mula saya yakin kalau tidak ada pertandingan semuanya beres.

Sekarang tidak ada pertandingan, cuma yang menjadi kelam kabut, masa tidak ada pertandingan berlaku, kalau awal tidak ada pertandingan tidak buruk. Kalau sekarang tidak tak ada pertandingan buruk sikit, tetapi tidak seburuk kalau ada pertandingan. Kalau ada pertandingan sudah tentu padang jarak padang terkukur kerana dalam pertandingan tidak akan ada orang yang mau kalah.

**Makanya tidak ada pertandingan itu, sama ada awal atau pun kemudian, dianya adalah sesuatu yang cukup baik mengikut pandangan Perdana Menteri, yang saya juga setuju.**

### **MENYOKONG TOKOH**

Pendirian saya dalam soal tidak ada pertandingan adalah di peringkat awal oleh kerana pada waktu itu Encik Ghafar Baba tidak akan ditandingi.

**Maka saya terus menyokong dia. Kerana saya lihat dia tidak buat apa-apa salah kepada UMNO, maka saya terus sokong dia.**

Adakah satu kesalahan bagi kita untuk menyokong seseorang?

Tidak ada kesalahan.

Saya juga tidak marah orang-orang yang menyokong orang lain, tetapi orang juga jangan marah kalau saya menyokong orang lain, kecuali kalau orang dapat menyatakan kepada saya keburukan orang itu sehingga saya yakin.

## **SEORANG DIRI**

Pada tahun '87 saya berjumpa dengan Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah. Dia bagi tau pada saya waktu itu YAB Dato' Seri Dr Mahathir ditentang oleh Tengku Razaleigh. Barangkali Datin Seri sudah lupa, tapi saya payah lupa pasal saya ingat lima enam bahasa.

Datin Seri Dr Siti Hasmah memberitahu pada saya: "Sanusi, sudah lima enam hari dah tak ada orang pergi melawat Dato' Seri Dr Mahathir di ofis ataupun di rumah."

**Maka saya pergi. Pada waktu itu ramai Menteri yang dah tinggal beliau.**

Ada Timbalan Menteri yang dah tinggal beliau tapi sikap Sanusi Junid tetap, walaupun Datuk Seri tinggal seorang, kerana saya adalah seorang manusia yang berpegang kepada beberapa prinsip yang penting

## **YATIM PIATU**

Saya teringat satu kes dalam Mahkamah di zaman Abraham Lincoln. Ada seorang hamba Allah dia ada pistol, dia bunuh mak dia, dan dia bunuh pak dia. Dia tembak mak dia, dia tembak pak dia.

Lepas dia dah bunuh, dia peronyok mayat, dia buat macam Si Mona buat. Lepas dia bunuh, dia dibawa ke mahkamah. Bila dia dibawa ke Mahkamah, dia kena hukum bunuh. Bila dia kena hukum bunuh,

pada waktu itu, dia diberi izin untuk merayu dan meratap. Dia pun duduk di depan hakim, dia kata: "Tuan Hakim, ampunkanlah aku kerana aku adalah anak yatim piatu,"-- walhal yang dia jadi yatim tu pasal dia sendiri bunuh, bukan?

### KEKAL KESETIAAN

Jadi bagi saya, saya tetap menjaga bapa-bapa di dalam kepimpinan dan jika saya mempunyai kesetiaan kepada seseorang itu, maka saya kekal dengan kesetiaan dan kesetiaan saya tidak dapat dibelah bagi walaupun orang yang saya setia padanya itu tidak mengenang budi saya.

### BUDI

Kerana soal berbudi bahasa bukan soal bisnes.

Bila kita tolong orang bukan bermakna kita harap orang tu tolong kita. Banyak yang saya tolong, dia tak tolong saya. Saya tak jauh hati.

Kenapa?

Makin-makin dia tidak tolong saya, makin-makin usaha saya itu menjadi pahala, lebih-lebih lagi kalau orang maki jika kita tak salah. Bila orang maki kita tak salah, semua bahan maki itu jadi pahala bagi kita.

## NIAT DAN CARA

Tuan-tuan sekalian,

Pada 20hb September tahun 1985, saya pernah berkata mengenai niat dan cara di dalam dewan ini. Jika seseorang berniat untuk berbuat sesuatu ibadat tetapi jika cara beribadat tidak betul, maka pahala niat dapat tetapi kerja ibadat tak jadi:

*Niat baik cara tak reti  
pahala dapat kerja tak jadi*

Ada orang yang mempunyai niat jahat, tetapi cara mentadbir kejahatannya itu tersusun elok maka dia akan mendapat dosa kerana niat jahatnya.

Tetapi perbuatannya tetap akan berjaya kerana perlaksanaan rancangannya teratur.

Itulah sebab ada orang berniat buruk terhadap negara, pecah amanah yang diberikan kepadanya tetapi menjadi kaya raya kerana pandai dengan cara jenayahnya:

*Niat jahat  
cara pandai  
dosa dapat  
bangsa tergadai*

Ada orang berniat jahat untuk mengerjakan kejahatan tetapi caranya tidak berkesan. Beliau akan berdosa dan kerja pun tidak akan menjadi. Pendek kata:

**Niat jahat  
cara tak reti  
dosa dapat  
kerja tak jadi**

Yang kita mahu ialah satu-satu rancangan itu disampingi dengan niat baik dan dikerjakan dengan cara perlaksanaan yang baik juga supaya yang mengerjakan mendapat pahala yang berhasil. Pendek kata:

**Niat tepat  
cara pandai  
pahala dapat  
kerja selesai**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dalam hal sokongan saya kepada Encik Ghafar, saya berkeinginan supaya diizinkan saya mendampingi beliau di waktu pengkbumian jenazah politiknya.

**Saya tidak rela melihat beliau secara bogel, tanpa mandi, tanpa kapan, tanpa sembahyang, ditaruhkan ke dalam kubur.**

Tetapi oleh kerana saya juga adalah penyokong kuat Dato' Seri Dr Mahathir, maka dengan sendirinya adanya di samping beliau di saat-saat akhir ini mungkin menjadi kelegaan kepadanya.

## MAKAM NABI ALLAH IBRAHIM

Saudara sekalian,

Di waktu akhbar meramalkan saya berada di Korea Selatan, di China, di Thailand, di Singapore dan di Indonesia, saya sebenarnya ada di Mekah.

Sewaktu di Mekah saya pun pergi ke Masjidil Haram pukul empat, sebelum masuk Subuh. Saya tak pernah tidur di Masjidil Haram, kali tu saya terlena. Bila saya terlena saya jaga-jaga saya tengok langit, saya tengok Kaabah.

Saya berada di tepi Makam Ibrahim, saya berdoa kepada Allah: "Ya Allah berikanlah petunjuk kepada ku". Pada waktu itu saya berpeluh-peluh. Saya ingat dah jantung kena serang. Saya terpegang Al Quran dan saya buka Al Quran itu. Saya terbaca ayat "*Alam Nashroh La Kasot Roh*".

Apabila dosa-dosa pada seseorang itu sudah diangkat diketepikan oleh Tuhan, maka secara ringkas orang itu akan berasa satu kelegaan baginya. Dan saya berharap jika saya telah berdosa di dalam UMNO, maka dengan ini dosa itu sudah diampun. Dengan kekalahan ini saya berharap saudara akan memaafkan saya atas apa saja kesilapan yang pernah saya lakukan selama saya menjadi Naib Presiden dan selama saya menjadi Setiausaha Agong dan menjadi Ahli Majlis Tertinggi.

## KE ROME

Saya terpaksa meninggalkan majlis ini lebih awal kerana saya perlu membuat persiapan pergi ke Rome. Saya berharap ini juga tidak ditafsirkan bahawa saya sudah merajuk kerana saya akan baca mengenai apa yang Presiden cakap dan Timbalan Presiden cakap dalam **surat-surat khabar Bahasa Cina dan India** pada besok hari, dengan harapan ianya akan mendapat maklumat yang betul-betul.

## UMNO ERA PERUBAHAN

Mungkin ada orang yang akan bertanya kepada saya, apakah ada satu perubahan di dalam UMNO sekarang ini?

Sebagai seorang yang sudah 30 tahun dalam UMNO pada tahun ini, sebenarnya hanya ada satu perubahan dalam UMNO sekarang ini, iaitu **matlamat menghalalkan cara**.

## PANJANG UMUR

Bagi saya, saya tidak berasa gundah. Tidak berasa gundah kerana umur masih panjang.

Belah bapa saya, belah Junid, bapanya meninggal umur 88. Maknya meninggal umur 100.

Belah mak saya Juriah, bapanya meninggal umur 80. Maknya 90 masih hidup.

Pukul rata umur saya, mengikut genetic, boleh tahan sampai 85.

## **PERALIHAN ERA PERTANIAN**

Tetapi perginya saya sebagai Naib Presiden harus dipandang sebagai satu tanda kejayaan bagi negara kita, kerana kalahnya saya dalam pertandingan ini merupakan satu peralihan dari Era Pertanian kepada Era Industri dan Era Komersil.

Tidak perlu berasa sedih kerana saya sendiri tidak sedih.

Pendek kata saya ingin mengingati peristiwa ini sebagai peristiwa peralihan daripada Era Pertanian kepada Era Komersil, Era Industri dan Era Koporat.

**Kerana jika 25 tahun dulu dengan kehadiran petani, penternak dan nelayan di dalam Dewan ini begitu ramai, saya yakin saya akan mendapat undi yang terbanyak di dalam pertandingan.**

Tetapi kerana musimnya sudah berubah maka saya menganggap kegagalan saya adalah satu kejayaan bagi Negara.

Sekian,

Terima kasih.